Analisis terhadap mod tahap penguasaan (TP) yang diperoleh dalam kemahiran mendengar dan bertutur turut dilaksanakan. Mod merujuk kepada TP yang mempunyai kekerapan paling tinggi. Hasil analisis (Jadual 1.7) menunjukkan bahawa majoriti murid-murid dari Sekolah C, Sekolah E dan sekolah G mencapai TP2 dalam kemahiran mendengar, bertutur dan berkomunikasi. ~~iaitu~~ Ini bermakna pencapaian murid-murid tersebut dalam kemahiran mendengar, bertutur dan berkomunikasi adalah berada pada tahap yang ~~tidak~~ kurang memuaskan walaupun murid-murid tersebut telah diberikan peluang, dibimbing dan latihan pengukuhan dalam kemahiran mendengar dan bertutur oleh guru.

Walaupun dapatan analisis dalam Jadual 1.7 menunjukkan bahawa pencapaian murid dalam kemahiran mendengar, bertutur dan berkomunikasi dari Sekolah A merupakan antara pencapaian yang paling memuaskan, iaitu kebanyakkan murid mencapai TP3, tetapi masih belum mencapai tahap penguasaan yang cemerlang~~,~~ keputusan ini telah mencerminkan kebanyakan murid ~~lemah~~ tidak dapat menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.7

Keputusan Mod Tahap Penguasaan PBD BCSK Tahun 4

Negeri	Sekolah	N	Mod		
			Mendengar	Bertutur	Berkomukasi
Kedah	Sekolah A	15	TP3	TP3	TP3
	Sekolah B	8	TP3	TP2	TP2
	Sekolah C	34	TP2	TP2	TP2
	Sekolah D	16	TP3	TP2	TP2
Pulau	Sekolah E	12	TP2	TP2	TP2
Pinang	Sekolah F	28	TP3	TP2	TP2
Perak	Sekolah G	4	TP2	TP2	TP2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendek kata, keputusan pelaporan PBD BCSK daripada sekolah-sekolah yang dipilih telah menunjukkan kebanyakan murid menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran mendengar dan bertutur. Hal ini disebabkan oleh kekurangan penekanan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur dalam proses PdP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, buku teks juga merupakan bahan sokongan PdP yang utama. Murid akan menggunakan buku teks BCSK (Lim & Woon, 2020) dengan sepenuhnya semasa PdP dijalankan. Buku teks disediakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran ~~yang~~ adalah berkesan, menarik dan dapat memotivasikan murid dalam pembelajaran mengikut keperluan dan perkembangan murid-murid. Kandungan buku teks perlu merangkumi skop dan kemahiran yang ditetapkan dalam DSKP Semakan 2017. Dalam konteks buku teks mata pelajaran BCSK, kemahiran-kemahiran tersebut merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Namun, tinjauan ~~awal~~ terhadap buku teks BCSK Tahun 4 mendapati taburan pembahagian kemahiran-kemahiran dalam buku teks BCSK Tahun 4 adalah tidak serata.

Jadual 1.8 menunjukkan dapatan analisis pertaburan kandungan Standard Pembelajaran dalam buku teks BCSK Tahun 4 bagi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Berdasarkan Jadual 1.8, didapati nisbah kemahiran mendengar dan bertutur : kemahiran membaca : kemahiran menulis adalah 27 item: 56 item: 26 item (atau ~~ł~~ nisbah 1: 2: 1). Taburan ini menunjukkan bahawa buku teks BCSK Tahun mementingkan kemahiran membaca daripada kemahiran mendengar dan bertutur dan kemahiran menulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Standard Pembelajaran 1.1.1 (yang berkaitan dengan kemahiran mendengar) langsung tidak dijumpai dalam buku teks BCSK walaupun bilangan kemahiran menulis (26 item) dalam buku teks Tahun 4 adalah lebih kurang sama seperti kemahiran mendengar dan bertutur (27 item).

Kemahiran mendengar merupakan sesuatu kemahiran yang penting untuk dikuasai. Kekurangan penekanan terhadap kemahiran mendengar dalam buku teks BCSK Tahun 4 akan menimbulkan masalah terhadap murid kerana kemahiran mendengar adalah langkah pertama dalam pembelajaran bahasa, sama ada bahasa ibunda atau bahasa tambahan sebelum seseorang kanak-kanak berupaya untuk bercakap, membaca atau menulis (Kannan, 2019).

Kecenderungan terhadap kemahiran membaca dan kemahiran menulis dalam PdP akan mengurangkan peluang untuk memupuk kemahiran mendengar dan bertutur yang memainkan peranan penting dalam kemahiran berkomunikasi. Ini seterusnya akan memberikan kesan terhadap tahap penguasaan kemahiran mendengar murid semasa PBD dijalankan dalam kelas. Pentaksiran TP kemahiran ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam DSKP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.8

Perbandingan Standard Pembelajaran Kemahiran-kemahiran dalam Buku Teks BCSK Tahun 4

Tajuk	Kemahiran Mendengar dan Bertutur			Kemahiran Membaca		Kemahiran Menulis	
	SP 1.1.1	SP 1.2.1	SP 1.3.1	SP 2.1.1	SP 2.2.1	SP 3.1.1	SP 3.2.1
Bab 1 单元一 Saya Suka Sekolah 我爱我的学校	-	√ (1) √ (8)	-	√ (2) √ (4)	√ (3)	√ (7)	√ (8)
Bab 2 单元二 Tempat Tinggal Saya 我住的地方	-	√ (9) √ (16)	-	√ (10) √ (11) √ (12)	√ (10)	√ (15)	√ (16)
Bab 3 单元三 Makan Malam 吃晚饭	-	-	√ (17) √ (24)	√ (18) √ (19) √ (20)	√ (18) √ (19) √ (21)	√ (23)	√ (24)
Bab 4 单元四 Adik Sakit Gigi 弟弟牙痛	-	√ (25) √ (32)	-	√ (26) √ (28) √ (30)	√ (26)	√ (31)	√ (32)
Bab 5 单元五 Beli Barang 买东西	-	√ (40)	√ (33) √ (39)	√ (34) √ (36) √ (37)	√ (34)	√ (39)	√ (40)

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.8 *(sambungan)*

Tajuk	Kemahiran Mendengar dan Bertutur			Kemahiran Membaca		Kemahiran Menulis	
	SP 1.1.1	SP 1.2.1	SP 1.3.1	SP 2.1.1	SP 2.2.1	SP 3.1.1	SP 3.2.1
Bab 6 单元六 Hari Sukan 运动会	-	-	√ (41) √ (48)	√ (42) √ (44) √ (45)	√ (42)	√ (47)	√ (48)
Bab 7 单元七 Tidur Awal, Bangun Pagi 早睡早起	-	√ (49) √ (55) √ (56)	-	√ (50) √ (52) √ (53)	√ (50)	√ (55)	√ (56)
Bab 8 单元八 Hari Malaysia 马来西亚日	-	√ (64)	√ (57)	√ (58) √ (59) √ (60)	√ (58) √ (59)	√ (63)	√ (64)
Bab 9 单元九 Perayaan Kuih Bulan 今天是中秋节	-	√ (65) √ (72)	-	√ (66) √ (67) √ (68)	√ (66) √ (67)	√ (71)	√ (70) √ (72)
Bab 10 单元十 Pakcik Ialah Pekebun 舅舅是园丁	-	√ (80)	√ (73)	√ (74) √ (75) √ (76) √ (77)	√ (74)	√ (79)	√ (80)

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.8 *(sambungan)*

Tajuk	Kemahiran Mendengar dan Bertutur			Kemahiran Membaca		Kemahiran Menulis	
	SP 1.1.1	SP 1.2.1	SP 1.3.1	SP 2.1.1	SP 2.2.1	SP 3.1.1	SP 3.2.1
Bab 11 单元十一 Emel Ayah 爸爸的电邮	-	√ (81) √ (87)	-	√ (82) √ (83) √ (84) √ (87)	√ (82) √ (83)	√ (87)	√ (88)
Bab 12 单元十二 Hari Jadi Saya 我的生日	-	-	√ (89) √ (96) √ (97)	√ (90) √ (91) √ (92) √ (93)	√ (90) √ (91)	√ (95)	√ (95) √ (97)
JUMLAH	**0 item**	**16 item**	**11 item**	**38 item**	**18 item**	**12 item**	**14 item**

Sumber: Buku Teks Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahun 4, Dewan Bahasa dan Pustaka

Petunjuk:
() mewakili muka surat dalam buku teks BCSK Tahun 4
√ mewakili item-item yang terdapat dalam buku teks BCSK Tahun 4;
- mewakili tiada item dalam buku teks BCSK Tahun 4
SP mewakili Standard Pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan salah satu aspek pembelajaran yang paling sukar dikuasai oleh murid yang mempelajari BC (Anggrarini & Istiqomah, 2019; K. P. Chuah, Ngoi, & Foo, 2022; He, Xiong, & Min, 2022; Morovat, 2014; Z. J. Wu, 1993; M. Xu, Wang, Chen, Sun, & Ma, 2022). Penekanan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur amat penting, terutamanya melibatkan penutur bukan asli. Semasa PdP bahasa kedua atau bahasa tambahan, bahasa 'loghat asing' sering disebut oleh murid apabila mereka bertutur dengan sebutan yang tidak tepat (Alzamil, 2021; Benquan, 2021; K. P. Chuah, Ngoi, & Foo, 2022; C. M. Huang, 2020; Y. Liu, 1998; G. P. Wang, 2004; W. J. Zhang & Pho, 2004). Penguasaan mendengar akan terganggu sekiranya sebutan yang disebut dalam pertuturan yang tidak jelas. Sebagai contoh, kesilapan sebutan dalam pertuturan dalam ayat */wǒ yào mǎi **huà/*** (Saya ingin membeli **gambar**) dan */wǒ yào mǎi **huā/*** (Saya ingin membeli **bunga)** akan memberi kesan terhadap komunikasi. Berdasarkan contoh yang dikemukakan, walaupun kedua-dua ayat ini dari segi pendengaran adalah lebih kurang sama, ia akan menjadi satu jenaka kepada orang lain sekiranya tidak berupaya menyebut */măi huà/* dan */măi huā/* dengan betul semasa berkomunikasi atau berinteraksi. Sebutan */măi huà/* bermaksud membeli gambar, manakala sebutan /*măi huā/* pula membawa maksud membeli bunga Oleh itu, kemahiran mendengar dan bertutur adalah saling bersandaran. Tambahan, pertuturan dalam BC dengan tepat agak sukar dicapai sekiranya terdapat halangan dalam menguasai mendengar dan bertutur dengan baik (Ma, 2014) dalam pembelajaran bahasa kedua. Kemampuan mendengar dan bertutur dengan baik akan membantu kedua-dua pihak berinteraksi dengan berkesan. Kesilapan dalam penghasilan sebutan akan mendatangkan banyak kesan negetif semasa berkomunikasi dan berinteraksi dengan kawan-kawan (Zhou, 2006). Sebaliknya, sebutan yang betul akan membentuk suasana komunikasi yang harmoni dan meningkatkan kualiti pembelajaran murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Alzamil, 2021; Anggrarini & Istiqomah, 2019; K. P. Chuah et al., 2020; Ding et al., 2018; He et al., 2022; Ma, 2014; Sandip, 2013; J. Yu & Wang, 2005).


Maka, penguasaan kemahiran berkomunikasi dengan baik adalah sangat penting untuk murid (Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin, 2009; Nishanthi, 2018; Norimah Mohamad Yunus & Singh, 2014; Nushi & Orouji, 2020) yang mengikuti bahasa kedua (Liu, 1998). Sehubungan itu, penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur adalah sangat penting dan merupakan perkara utama (Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali, & Awatif Abdul Rahman, 2014; Nushi & Orouji, 2020) dalam pembelajaran BCSK supaya murid berupaya untuk berkomunikasi dalam BC dengan berkesan dengan individu lain sebelum mempelajari kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran membaca dan menulis (Ku Fatahiyah Ku Azizan et al., 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penekanan terhadap kemahiran membaca dan kemahiran menulis dalam PdP memberi implikasi kepada peruntukan masa pembelajaran bagi memupuk kemahiran mendengar dan bertutur. Masa pembelajaran merupakan jumlah masa murid terlibat dalam aktiviti pembelajaran secara optimum. Walaupun terdapat kajian (Karweit, 1985) menunjukkan bahawa tiada hubungan yang konsisten antara peruntukan jumlah masa untuk pengajaran dan jumlah masa yang digunakan oleh murid terlibat dalam aktiviti pembelajaran, namun semaksimum masa dalam pembelajaran merupakan pemangkin untuk berjaya dalam pembelajaran. Masa pembelajaran dan pencapaian mempunyai hubungan yang kuat dalam pendidikan. Lebih banyak atau lebih lama dalam pembelajaran, maka murid akan belajar dengan lebih banyak (Aronson, Zimmerman, & Carlos, 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Gambaran masa pengajaran dan pembelajaran yang sebenar. Sumber daripada Aronson et al., 1999

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Rajah 1.1, peruntukan masa yang panjang dapat meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran. Oleh demikian, peruntukan masa dalam pembelajaran juga berkait rapat dengan pencapaian prestasi yang cemerlang dalam pembelajaran.

Kajian telah membuktikan bahawa masa pengajaran bahasa yang singkat akan menyebabkan murid tidak dapat menguasai sesuatu kemahiran dalam bahasa dengan baik (Chuah, 2016; Fa'izah Abd. Manan, Mohamed Amin Embi, & Zamri Mahamod, 2010; Norlida Razali, 2018; Sandip, 2013 dan Shin, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan kemahiran mendengar dan bertutur amat penting kepada murid, namun bahan sokongan utama PdP yang digunakan dalam pembelajaran BCSK Tahun 4 kurang mengutamakan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur murid. Maka, kajian perlu dijalankan bagi membangunkan modul PdP alternatif yang dapat menyokong pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan murid yang mengikuti mata pelajaran BCSK.

Modul yang dibangunkan perlu berdasarkan bukti penyelidikan supaya pembelajaran bahasa adalah ditumpukan kepada kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (Gong, Guo, Li, Lai, & Wang, 2021; Nishanthi, 2018; Nushi & Orouji, 2020). Menurut Gong, Gao, & Lyu (2020), penyelidikan BC sebagai bahasa kedua (atau bahasa tambahan) ~~B2~~ di China mahunpun di pentas antarabangsa adalah amat kurang walaupun lebih daripada 1.1 juta pelajar di 126 negara yang mempelajari BC di seluruh dunia.

Sejak tahun 2012, jumlah pelajar Malaysia yang belajar BC di negara China adalah antara 15 buah negara yang terbanyak (Zhang, 2015), termasuklah pelajar bukan penutur jati.–Namun demikian penyelidikan ke atas pelajar bukan penutur jati yang mempelajari BC di China masih jarang dijumpai (Liu, 2019; Zhang, 2015), terutamanya dalam bidang mendengar, bertutur dan komunikasi. Selain itu, penyelidikan yang dilaksanakan didapati lebih menumpu ke atas pelajar yang berasal dari Thailand, Indonesia, Jepun, Korea dan sebagainya yang mengikuti kursus BC sebagai bahasa kedua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia, walaupun terdapat kajian menunjukkan bahawa guru-guru yang mengajar bahasa selalu mengabaikan kemahiran mendengar (Kannan, 2019; Ku Fatahiyah Ku Azizan et al., 2014; Noor Azmira Mohamed, 2015) dan bertutur (Ku Fatahiyah Ku Azizan et al., 2014) di sekolah, namun tidak banyak penyelidikan dijalankan ke atas murid yang mempelajari BCSK, khususnya dari aspek mendengar, bertutur, berkomunikasi. Penyelidik-penyelidik tempatan lebih ~~gemar~~ menumpukan kajian terhadap bidang lain seperti analisis kesilapan tatabahasa, kesilapan sintaksis, kesilapan morfologi dan lain-lain lagi dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Sebagai contoh, Goh (2011) mengkaji tentang kesalahan imbuhan dalam terjemahan teks kesusasteraan Bahasa Cina-Bahasa Melayu. Ngeh (1995) dan Saw (1997) masing-masing mengkaji tentang kesilapan sintaksis dalam pembelajaran BC oleh pelajar INTAN dan pelajar UiTM, Yeoh (2005) menjalankan kajian tentang analisis kesilapan tatabahasa dalam BC, Tan (2009) yang mengkaji penggunaan kata partikel penegas BC dalam kalangan murid-murid Melayu: satu analisis kesilapan dan sebagainya. Tambahan pula, kebanyakan penyelidik juga gemar menjalankan kajian ke atas murid sekolah menengah dan pelajar peringkat universiti.

Kemahiran mendengar (Alzamil, 2021; Nur Ashikin Kamaruddin, Che Radiah Mezah, & Nik Farhan Mustapha, 2013; Nushi & Orouji, 2020; Prasetyo, Vianty, & Jaya, 2014) dan kemahiran bertutur (Leong & Ahmadi, 2017; Sherine, Sastry, & Seshagiri, 2020; Ur, 2005; Zainurrahman & Sangaji, 2019) merupakan komponen asas yang penting di semua peringkat pengajian, termasuk mata pelajaran BCSK di peringkat sekolah rendah. Kurangan penyelidikan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur murid bukan penutur jati di peringkat sekolah rendah akan menyebabkan pelbagai masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh murid-murid atau guru-guru semasa PdP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak dapat diselesaikan dengan segera (Wu & Miller, 2007). Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk membantu murid BCSK mengatasi kesukaran yang dihadapi dalam pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur.

Dalam usaha kita meningkatkan pencapaian murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur, motivasi murid dalam pembelajaran BCSK tidak harus dipinggirkan. Murid harus bermotivasi tinggi dalam agar dapat mempelajari ilmu dengan lebih efisien (Deci, Vallerand, Pelletier & Ryan, 1991). Pelbagai kajian (Chen, Lake, & Padilla, 2021; Lily Hanefarezan Asbulah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin, & Musab Sahrim, 2018; Oga-Baldwin & Fryer, 2020; Oh, 2019; Tan, Hairul Nizam Ismail, Hoe, & Ho, 2016; Tan, 2010; Wei, 2013) telah menjelaskan bahawa pencapaian dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis adalah berkait rapat dengan tahap motivasi seseorang individu dalam pembelajaran bahasa. Namun, terdapat kajian mendedahkan bahawa motivasi murid yang mempelajar bahasa kedua kurang memberangsangkan (Tan, 2010; Tan, Hairul Nizam Ismail, Hoe & Ho, 2016).

Di Malaysia, kajian berkaitan motivasi dalam pembelajaran BC banyak dilaksanakan ke atas pelajar universiti atau dewasa. Misalnya, Tan (2010) telah menjalankan kajian bertajuk *Motivasi Pembelajaran Bahasa di kalangan Pelajar Melayu yang Belajar Bahasa Mandarin sebagai Bahasa Asing* dan melibatkan 860 orang pelajar universiti. Walaupun kajian ini melibatkan bilangan subjek kajian yang agak besar, akan tetapi dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada murid yang belajar BCSK di sekolah kebangsaan kerana kajian beliau melibatkan pelajar dewasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian (Siti Faridah Kamaruddin, Ting, & Aisyah Nazamud-din, 2020) menunjukkan bahawa pelajar universiti Malaysia mempunyai tahap yang tinggi dalam motivasi pembelajaran Bahasa Inggeris dan Mandarin. Namun, kajian ini hanya melibatkan pelajar peringkat universiti dan tidak dapat digeneralisasikan ke semua peringkat pelajar dalam konteks Malaysia.

Tinjauan literatur yang dijalankan menunjukkan bahawa penyelidikan tentang motivasi murid-murid sekolah rendah dalam pembelajaran BC atau BCSK adalah tidak mencukupi. Walaupun kajian motivasi dalam bidang BC adalah jarang dijumpai, namun dapat dilihat penyelidik tempatan aktif mengkaji motivasi murid dalam mata pelajaran lain seperti Bahasa Arab, Bahasa Melayu dan sebagainya. Misalnya, Lily Hanefarezan Asbulah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin, dan Musab Sahrim (2018) menjalankan kajian yang berjudul *Tahap Motivasi Holistik, Intrinsik dan Ekstrinsik terhadap Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab dalam kalangan Graduan Universiti Awam* ke atas pencapaian motivasi 344 orang pelajar universiti terhadap pembelajaran kosa kata Bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi graduan untuk mempelajari kosa kata bagi komponen motivasi holistik berada pada tahap yang tinggi manakala komponen motivasi ekstrinsik dan intrinsik pada tahap sederhana. Selain itu, Zuraini Jusoh, Fadzilah Abd Rahman, Norazlina Mohd Kiram, dan Samsilah Roslan (2016) mengkaji tahap motivasi belajar dan keterlibatan dalam pembelajaran kemahiran mengarang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid rendah pencapaian mempunyai motivasi belajar (min = 3.03, SD = 0.38) dan keterlibatan dalam pembelajaran (min = 3.09, SD = 0.39) kemahiran mengarang yang tinggi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian-kajian tersebut tidak dapat menggambarkan motivasi pembelajaran murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap BC. Oleh demikian, kajian terhadap motivasi untuk murid sekolah rendah dalam pembelajaran BC sebagai bahasa kedua/tambahan adalah diperlukan.

Keadaan penyelidikan di luar negara pula berbeza dengan penyelidikan tempatan. Penyelidik luar negara giat mengkaji motivasi murid-murid sekolah rendah atau sekolah menengah. Misalnya, kajian Zandera, Montaga, Wetzelb, dan Bertel (2020) yang melibatkan murid sekolah menengah menunjukkan bahawa motivasi intrinsik murid perempuan jauh lebih rendah berbanding murid lelaki. Manakala, kajian Gomes, Monteiro, Mata, Peixoto, Santos dan Sanches (2019) melibatkan murid sekolah rendah.

Selain itu, kajian Zhou, Ntoumanis, dan Thøgersen-Ntoumani (2019) yang melibatkan 614 orang murid negara China di sekolah rendah menunjukkan kepentingan tiga-tiga unsur sosial, iaitu guru, ibu bapa dan rakan-rakan dalam pelbagai intervensi untuk mengoptimumkan motivasi murid dan keterlibatan pihak sekolah. Di samping itu, kajian Ruksah Nur Kholisiyah, Rukayah dan Mintasih Indriayu (2018) juga memfokus murid sekolah rendah. Oleh sebab kebanyakan penyelidikan tempatan berkaitan motivasi dijalankan ke atas pembelajaran pelajar universiti atau orang dewasa dalam bahasa selain daripada BC, penyelidikan motivasi murid dalam pembelajaran BCSK adalah amat diperlukan bagi meneroka mekanisme pembelajaran B2 yang masih belum diterokai sepenuhnya (Han, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul sering digunakan dalam PdP (Muhammad Azhar Khan bin Ashfar Ahmad & Melor Md Yunus, 2019; Nisa, 2019) sebagai alat untuk memudahkan proses PdP dan menjadikan PdP lebih berkesan (Singh, Singh, Ong, & Bee Abdullah, 2019). Modul yang berfungsi dengan baik dan mencapai objektifnya perlu mengandungi komponen tertentu (seperti arahan menggunakan modul, pernyataan tujuan dan matlamat, senarai kemahiran pra-syarat, senarai objektif pembelajaran yang dinyatakan dalam bentuk pencapaian atau tingkah laku, ujian pra, peralatan atau bahan bantu mengajar, aktiviti pengajaran mengikut urutan dan ujian pos) (Meyer, 1988 dalam Tee, Jailani Md Yunos, et al., 2012). Modul yang membantu murid dalam pembelajaran BCSK juga jarang dijumpai dalam pasaran tempatan, terutamanya untuk kemahiran mendengar dan bertutur.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Dalam kajian ini, Modul *DialogKopitiam* dibangunkan bagi meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur serta motivasi dalam BCSK dalam kalangan murid sekolah kebangsaan. Kesimpulannya, kajian perlu dijalankan untuk menambahbaikkan kualiti PdP BCSK sedia ada dengan membangunkan Modul *DialogKopitiam* yang mengintegrasikan pendekatan pembelajaran yang sesuai, serta motivasi untuk pembelajaran bahasa kedua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membina Modul *DialogKopitiam* yang mengandungi kemahiran mendengar dan bertutur untuk murid BCSK tahun empat di sekolah kebangsaan. Diharapkan Modul *DialogKopitiam* dapat dijadikan panduan oleh guru dalam bilik darjah seterusnya membantu murid menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dengan lebih cekap dan berkesan serta bersesuaian dengan keadaan PdP sebenar. Sementelahannya, Modul *DialogKopitiam* yang dibangunkan ini diharapkan dapat meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran BCSK. Justeru, fasa pembangunan dan penilaian keberkesanan Modul *DialogKopitiam* adalah penting agar dapat meningkatkan pencapaian dalam kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi dalam kalangan murid Tahun 4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian dinyatakan mengikut fasa-fasa dalam kajian pembangunan dan keberkesanan Modul *DialogKopitiam* murid tahun empat di sekolah kebangsaan. Secara khususnya, objektif kajian bagi kajian ini ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* ke atas pencapaian murid dalam kemahiran mendengar;

ii. menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* ke atas pencapaian murid dalam kemahiran bertutur;

iii. menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* ke atas motivasi murid dalam pembelajaran BCSK.

1.6 Persoalan Kajian

Soalan-soalan kajian juga dikemukakan berdasarkan objektif-objektif kajian dalam kajian pembangunan dan keberkesanan Modul *DialogKopitiam* bagi meningkatkan kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi murid tahun empat dalam pembelajaran BCSK di sekolah kebangsaan. Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

i. Apakah tahap keberkesanan Modul DialogKopitiam berkesan dalam meningkatan tahap pencapaian kemahiran mendengar murid dalam BCSK?

ii. Apakah perbezaan tahap pencapaian dalam kemahiran mendengar murid dalam BCSK?

iii. Apakah tahap keberkesanan Modul DialogKopitiam dalam meningkatan tahap pencapaian kemahiran bertutur murid dalam BCSK?

iv. Apakah perbezaan tahap pencapaian dalam kemahiran bertutur murid dalam BCSK?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Apakah tahap keberkesanan Modul DialogKopitiam dalam meningkatan tahap motivasi IL2S dalam BCSK?

vi. Apakah tahap keberkesanan Modul DialogKopitiam dalam meningkatan tahap motivasi OL2S dalam BCSK?

vii. Apakah tahap keberkesanan Modul DialogKopitiam dalam meningkatan tahap motivasi L2LE dalam BCSK?

1.7 Hipotesis Kajian

Terdapat tiga hipotesis yang dibentuk dalam kajian ini. Hipotesis nul berikut dibentuk untuk menjawab soalan kajian:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$H_0$1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian pencapaian kemahiran mendengar pasca pada tahap signifikan $P \leq 0.05$.

$H_0$2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian pencapaian kemahiran bertutur pasca pada tahap signifikan $P \leq 0.05$.

$H_0$3: Tiada kesan interaksi masa pengukuran dan kumpulan terhadap tahap motivasi dalam BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Sejak sedekad yang lalu, China semakin berhubung rapat dengan global dalam pelbagai sektor seperti ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya (You & Dörnyei, 2016). Susulan daripada itu, mata pelajaran BC diajar sebagai mata pelajaran teras kurikulum kebangsaan di sekolah rendah jenis kebangsaan dan BCSK diajar sebagai mata pelajaran tambahan kurikulum kebangsaan di sekolah kebangsaan (terpilih) di seluruh negara agar melahirkan murid yang celik berbahasa dan bermotivasi tinggi dalam kepesatan pembangunan ekonomi negara ini.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menambah baik PdP yang sedia ada di sekolah kebangsaan dengan membangunkan Modul *DialogKopitiam* supaya dapat mengintegrasikan teori dan pendekatan untuk meningkatkan kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi dalam pembelajaran BCSK dalam kalangan murid. Pembolehubah bebas dalam kajian ini merupakan kumpulan rawatan dari empat buah sekolah yang menawarkan kelas BCSK iaitu peserta kajian dari empat buah sekolah menggunakan Modul *DialogKopitiam*. Manakala pembolehubah bersandar merupakan pencapaian peserta kajian dari kumpulan rawatan terhadap instrumen Soal Selidik L2MSS. Demi mencipta pengalaman pembelajaran yang menggalakkan peningkatan murid dalam penguasaan kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi BCSK, teori-teori pembelajaran iaitu Teori Perkembangan Bahasa (Chomsky), Teori Pembelajaran Kontruktivisme dan Teori Kontekstual, pendekatan Jumlah Respons Fizikal (*Total Physical Response,* TPR), Model Pemerolehan Bahasa Kedua dan Model Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK) akan diaplikasikan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pembelajaran Konstruktivisme dan Teori Kontekstual. Memandangkan kajian ini melibatkan peserta kajian dalam pembelajaran BCSK, maka Teori Pembelajaran Konstruktivisme dan Teori Kontekstual ini adalah sesuai untuk melihat keberkesanan murid dalam pembelajaran BCSK, terutamanya dalam konteks menilai keberksanan Modul *DialogKopitiam* untuk peserta kajian dari kumpulan rawatan. Selain itu, Sistem Motivasi Kendiri Bahasa Kedua (*Second Language Motivational Self-System*, L2MSS) juga dilaksanakan dalam kajian ini untuk menganalisis keberkesanan penggunaan Modul *DialogKopitiam* terhadap peserta kajian dari kumpulan rawatan yang mempelajari BCSK dengan kaedah konvensional yang menggunakan buku teks bekalan oleh KPM dari kumpulan kawalan. Motivasi lain seperti Motivasi Pembelajaran Bahasa *(Language Learning Motivational*, LLM), motivasi intrinsik dan ekstrinsik tidak akan digunakan untuk menganalisis keberkesanan penggunaan Modul *DialogKopitiam.* Jadi, teori-teori yang digunakan dalam kajian hanya dihadkan kepada Teori Pembelajaran Konstruktivisme, Teori Kontekstual dan L2MSS.

Secara ringkasnya, Teori Pembelajaran Kontruktivisme dan Teori Kontekstual akan diterapkan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Modul *DialogKopitiam* mengintegrasikan pendekatan pembelajaran aktif (iaitu Pendekatan Jumlah Respons Fizikal, TPR). Selain itu, penerapan pendekatan yang diaplikasikan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* dapat mewujudkan persekitaran yang menyokong terhadap pembelajaran BCSK, khususnya penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur serta mempertingkatkan motivasi L2MSS. Tambahan pula, Model Pemerolehan Bahasa Kedua dan model reka bentuk instruksi (Morrison, Ross,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kalman, & Kemp, 2013) masing-masing diterapkan ke dalam fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam* juga.

Dalam merancang Modul *DialogKopitiam* dengan mengikuti teori atau model reka bentuk, modul tersebut akan memudah dan mempercepatkan proses pengembangan bahan, kemahiran berkomunikasi dalam semua fasa reka bentuk (Nooraihan Ali, Mohd. Hilmi Abdullah, & Asyraf Hj. Ab. Rahman, 2020). Proses penyediaan pengajaran yang berkesan akan memudahkan murid untuk belajar melalui bahan instruksional yang dirancang (K. P. Chuah, Lin, & Ngoi, 2021; C. B. Huang, 2018; Mohd Afifi Bahurudin Setambah, 2017; Muhamad Azhar Bin Stapa @ Mustapa, 2018). Ini sejajar dengan falsafah asas instruksional (Koderi & Zulfiati Syahrial, 2018) yang menunjukkan seseorang guru akan menghasilkan modul pembelajaran yang berkesan untuk membantu murid menguasai sesuatu kemahiran. Oleh itu, diharapkan kandungan modul pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur secara berkesan dan bermotivasi mampu meningkatkan kemahiran murid dalam BCSK setelah mempelajari Modul *DialogKopitiam*. Kelak, diharapkan juga pembangunan dan implementasi Modul *DialogKopitiam* dapat memanfaatkan semua murid BCSK di sekolah kebangsaan agar berupaya menguasai kemahiran mendengar dan bertutur serta mempertingkatkan motivasi dalam pembelajaran BCSK. Ringkasan tentang huraian kerangka konseptual kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2 Kerangka konseptual kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini melibatkan dua fasa, iaitu pembangunan Modul *DialogKopitiam* dan kajian penilaian keberkesanan Modul *DialogKopitiam*. Kajian ini tertakluk kepada batasan-batasan berikut:

a. Kemahiran Mendengar dan Bertutur dalam Modul *DialogKopitiam*

Skop kajian ini adalah kecil dan hanya memberi tumpuan kepada sekumpulan murid yang belajar BCSK di sekolah kebangsaan sahaja Modul *DialogKopitiam* ini hanya merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur dalam BCSK bagi murid tahun empat di sekolah kebangsaan. Kemahiran-kemahiran lain seperti membaca, menulis, seni bahasa dan tatabahasa tidak akan diterap dan dinilai dalam Modul *DialogKopitiam* ini walaupun kemahiran-kemahiran itu mempunyai kepentingan yang setara dalam pembelajaran BCSK.

b. Peserta Kajian

Peserta kajian ini hanya dibataskan kepada murid Tahun 4 daripada beberapa buah sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. Lokasi kajian terhad kepada beberapa sekolah kebangsaan yang menawarkan BCSK di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada murid-murid yang mempunyai latar belakang yang lebih kurang sama dengan peserta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian. Maka segala dapatan kajian yang diperoleh mungkin tidak dapat digeneralisasikan terhadap semua murid yang mengikuti kelas BCSK di seluruh Malaysia.

c. Perawakan Peserta Kajian

Perawakan ialah kaedah terbaik untuk mengawal pemboleh ubah luaran (Gay & Airasian, 2003). Walau bagaimanapun, pengagihan peserta kajian ke kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan secara rawak tidak dapat dilaksanakan dalam kajian ini. Ini adalah kerana pihak sekolah telah menetapkan kelas yang diikuti oleh murid. Murid perlu dikekalkan dalam kelas sedia ada dan kelas-kelas yang sedia ada dipilihkan secara rawak sebagai kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadi, pengagihan sekolah dalam kajian sebenar dan kajian rintis dijalankan secara rawak untuk pensampelan kluster dalam kedua-dua kumpulan yang terlibat (Ary., Jacobs, & Sorensen, 2010; Creswell, 2015; L. R. Gay & Airasian, 2003). Justeru, penyelidik akan mengenal pasti semua ancaman kesahan luaran dan ancaman kesahan dalaman dan mengawalnya satu demi satu. Walaupun begitu, pemboleh ubah luaran yang di luar pengetahuan penyelidik mungkin memberi kesan ke atas hasil kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Kesuntukan Masa

Memandangkan kumpulan rawatan (merangkumi lapan tajuk dalam Modul *DialogKopitiam*) dijalankan dalam masa lapan minggu. Peruntukan waktu pembelajaran dalam kurikulum BCSK Tahun 4 ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2021) dan faktor kesuntukan masa masih berlaku disebabkan peruntukan PdP hanya 90 minit seminggu sahaja, namun perkara ini tidak dapat dielakkan kerana waktu pembelajaran telah disusun mengikut rancangan pengajaran tahunan. Oleh itu, penyelidik akan menyediakan rancangan pengajaran harian selama lapan tajuk dan lapan minggu berdasarkan rancangan pengajaran tahunan dan DSKP BCSK Tahun 4 supaya lebih melicinkan proses PdP bersemuka dijalankan dalam sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun pendemik Covid-19 merebak secara berleluasa di negara kita menambah lagi isu kesuntukan masa oleh penyelidik. Penyelidik juga menghadapi kesuntukan masa dalam pengendalian kajian dan data disebabkan negara kita mengalami pandemik Covid-19 yang berleluasa mulai tahun 2020. Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai Mac 2020 sehingga Mei 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai Mei 2020 sehingga Jun 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai Jun 2020 sehingga Disember 2020 supaya membendung penularan jangkitan Covid-19. Namun begitu, penyelidik berupaya menjalankan kajian sebenar dan kajian rintis sebelum pandemik Covid-19. Selain itu, penyelidik selalu berhubung dengan guru agar memastikan kajian ini dapat berjalan dengan lancar. Penyelidik juga akan menggunakan masa dengan bijaksana agar dapat memastikan kajian yang dianalisis dapat dilaksanakan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sempurna bawah pandemik Covid-19 ini. Jadi, dapatlah dilihat bahawa masalah kesuntukan masa akan terjadi sekiranya kajian ini tidak diurus dan ditadbir dengan lancar dan betul oleh penyelidik.

Sebagai kesimpulannya, keberkesanan Modul *DialogKopitiam* adalah terbatas kepada pemboleh ubah bersandar pencapaian dalam mendengar, bertutur dan motivasi dalam pembelajaran BCSK. Aspek yang lain (seperti kemahiran menulis, kemahiran membaca, kemahiran kesenian bahasa, kemahiran tatabahasa) tidak akan dinilai dalam kajian ini.

1.10 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap etnik di Malaysia mempunyai bahasa ibunda masing-masing. Maka, kerajaan telah menawarkan pelbagai bahasa tambahan di sekolah kebangsaan seperti BCSK, BTSK, Bahasa Arab dan sebagainya di sekolah kebangsaan. Tanpa kemampuan dan kemahiran bertutur dalam pelbagai bahasa, agak sukar seseorang untuk berkomunikasi khususnya dengan individu yang berlainan bangsa. Banyak kelebihan akan diperolehi oleh seseorang dengan menguasai pelbagai bahasa lain selain bahasa ibunda. Oleh itu, lima pihak seperti teori, motivasi, murid, guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan dibincangkan dalam kepentingan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Motivasi

Motivasi adalah faktor yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa, terutamanya amat penting untuk seseorang dalam menguasai kemahiran dalam bahasa kedua (Chen et al., 2021; Csizér & Kormos, 2009; Dörnyei & Chan, 2013; Henry, 2010, 2011, 2015; Huang, Hsu, & Chen, 2015; Lily Hanefarezan Asbulah et al., 2018; Oga-Baldwin & Fryer, 2020; Oh, 2019; Palmer, 2005; Siridetkoon & Dewaele, 2018; Tan et al., 2016; Tan, 2010; Wei, 2013). Maka, pembangunan Modul *DialogKopitiam* dapat menjadikan satu alternatif inovasi baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan perpindahan ilmu kemahiran dari guru kepada murid, ianya bukan sahaja teori tetapi juga melibatkan latihan dan aktiviti yang menarik terhadap kemahiran mendengar dan bertutur. Justeru, motivasi bahasa kedua yang berterusan dapat disemaikan kepada murid melalui penggunaan Modul *DialogKopitiam* disebabkan Modul *DialogKopitiam* ini dilengkapi dengan sumber dan bahan rujukan pembelajaran yang seiring dengan teknologi yang sedia ada. Justeru, diharapkan kajian ini dapat menarik minat murid dan meningkatkan motivasi untuk belajar BCSK dalam kemahiran mendengar dan bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Murid

Pengalaman murid dalam pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur yang merupakan salah satu kemahiran yang penting dalam pembelajaran bahasa tambahan di Malaysia. Kemahiran ini merupakan salah satu kemahiran yang diketengahkan dalam kurikulum BCSK di Malaysia. Oleh demikian, kajian ini dijalankan untuk menganalisis pencapaian kemahiran mendengar dan bertutur murid terhadap penggunaan Modul *DialogKopitiam* BCSK Tahun 4. Kerangka konseptual kajian menunjukkan teori, pendekatan dan model digunakan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Murid akan menjalankan aktiviti-aktiviti yang menarik seperti simulasi, berdialog, soal-jawab, dengar dan ulang dan sebagainya yang terdapat dalam modul ini. Contohnya, aktiviti simulasi dapat melibatkan murid dengan aktif dalam pembelajaran dan memberikan autonomi kepada murid supaya mereka bertanggungjawab kepada pembelajaran mereka (Tan, 2010). Akhirnya, diharapkan terdapat peningkatan yang signifikan oleh murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur dengan menggunakan Modul *DialogKopitiam* ini.

Selain itu, bahan instruksi pengajaran dan pembelajaran konvensional telah mendedahkan banyak kekurangan dan tidak lagi dapat memenuhi mengikut perkembangan pendidikan pada keadaan semasa (J. Li, 2020). Ini menyebabkan pembelajaran BC menjadi lebih sukar oleh murid. Oleh itu, guru BC perlu menerokai kaedah pengajaran baharu yang menarik untuk merangsang dan menggantikan pengajaran konvensional. Aktiviti-aktiviti yang menarik dalam Modul *DialogKopitiam* seperti simulasi, berdialog, soal-jawab, dengar dan ulang dan sebagainya adalah berdasarkan pengalaman dan pengetahuan hidup murid yang sedia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ada. Dalam pengajaran di kelas, murid akan mentafsir semua jenis maklumat dalam konteksnya sehingga murid menerokai pengetahuan baharu agar dapat membentuk situasi yang meriah dan menarik. Jadi, nilai murni dalam kalangan murid dapat dipupuk melalui pembelajaran simulasi.

Akhirnya, penyelidik berhasrat agar dapatan kajian ini dapat menyedarkan para murid tentang penguasaan kemahiran mendengar, bertutur dan berkomunikasi yang akan menjejaskan pencapaian mereka melalui pembelajaran Modul *DialogKopitiam* dan tindakan susulan yang boleh diambil oleh murid untuk mengatasi masalah tersebut. Oleh itu, diharapkan kajian ini akan membantu para murid meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur dalam BCSK. Aktiviti-aktiviti yang direka dalam Modul *DialogKopitiam* ini diharapkan dapat menarik minat, membangkitkan keinginan muid untuk meneroka dan merangsang maklumat pembelajaran murid serta meningkatkan motivasi mereka dalam pembelajaran BCSK, khususnya kemahiran mendengar dan bertutur.

c. Guru

Matlamat PPPM (2013-2025) adalah untuk melahirkan murid yang celik dwibahasa, TMK, berkemahiran abad ke-21 serta berupaya mengaplikasikan TMK secara berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan alaf ke-21 ini. Oleh itu, Modul *DialogKopitiam* yang dibangunkan harap dapat memberikan panduan kepada guru BCSK. Guru mengintegrasikan teori pendidikan dengan amalan pengajaran untuk membentuk pemahaman (Wang, 2021) mengenai Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DialogKopitiam berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam profesional guru dalam konteks PdP dalam bilik darjah. Modul *DialogKopitiam* juga sesuai dengan kehendak pengukuran dalam PBD oleh guru. Hasil kajian ini berguna kepada pihak guru kerana ia memberi gambaran yang jelas dan memerhati murid semasa pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang menarik dalam Modul *DialogKopitiam* seperti simulasi, berdialog, soal-jawab, dengar dan ulang dan sebagainya dan mengukur kompetensi murid dalam motivasi L2MSS (Ideal B2 Kendiri, Keperluan B2 Kendiri dan Pengalaman Pembelajaran B2). Pembelajaran simulasi, berdialog, soal-jawab, dengar dan ulang dan sebagainya dalam Modul *DialogKopitiam* bukan sahaja memberikan maklumat berguna kepada guru tentang pengetahuan (kemahiran mendengar dan bertutur) yang telah dikuasai oleh murid, malah juga dapat membantu murid untuk memindahkan pengetahuan itu ke situasi lain secara kontekstual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, Modul *DialogKopitiam* yang dibangunkan dapat memberikan idea kepada guru tentang pendekatan Jumlah Respons Fizikal, pengintegrasian unsur TMK, strategi pengajaran, teknik pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya dalam PdP bagi memberikan peluang kepada murid terhadap penguasaan mendengar dan bertutur di samping meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran BCSK. Memandangkan sehingga kini didapati masih tidak terdapat modul yang mengintegrasikan pemerolehan pengetahuan penguasaan mendengar dan bertutur dalam BCSK di Malaysia. Modul *DialogKopitiam* dan dapatan kajian ini dilihat sebagai bahan instruksi yang penting untuk menarik minat pembelajaran BC dalam penguasaan mendengar dan bertutur serta motivasi L2MSS. Oleh itu, penyelidik berharap agar kajian ini dapat membantu tenaga pengajar BC sebagai bahasa elektif dalam merangka atau merancang strategi pengajaran BC dengan lebih berkesan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seterusnya dapat melahirkan murid yang berkompeten untuk mendengar, bertutur dan berkomunikasi dalam BC dengan betul. Diharapkan Modul *DialogKopitiam* dapat menjadi satu panduan kepada semua pihak berkenaan seperti guru BCSK, tutor, pensyarah guru BC dan sebagainya supaya dapat merealisasikan matlamat PPPM (2013-2025) bagi melahirkan murid yang celik dwibahasa, TMK dan berkemahiran abad ke-21.

d. Kementerian Pendidikan Malaysia

Perkembangan pendidikan di negara merupakan keperluan semasa dan permintaan dunia global masa kini. Perkembangan pendidikan berhubung kait dengan kualiti guru di sekolah rendah dan menengah dan merupakan faktor utama dalam menentukan kejayaan dalam pendidikan (Wang, 2021). Perubahan kurikulum juga memainkan peranan yang penting dalam kejayaan perkembangan pendidikan. Aspek-aspek isi kandungan dan strategi PdP dapat dilihat dalam DSKP Kementerian Pendidikan Malaysia (2016, 2017, 2018, 2019, 2020b). Aspek-aspek ini mendorong tumpuan diberikan kepada penguasaan pengetahuan (kemahiran mendengar dan bertutur) dan motivasi dalam pembelajaran BCSK. Ini disebabkan BCSK merupakan bahasa kedua untuk murid bukan penutur jati. Oleh itu, hasil pembelajaran penguasaan mendengar, bertutur dan berkomunikasi dalam Modul *DialogKopitiam* akan dinyatakan. Jadi, hasil pembelajaran mendengar dan bertutur adalah untuk membolehkan murid mendengar dan memahami makna perkataan dan kandungan yang berkaitan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019) dan motivasi boleh dipupuk agar mencapai kejayaan dalam kurikulum BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi salah satu bahan rujukan kepada para penyelidik dari Kementerian Pendidikan Malaysia yang menggubal kurikulum bahasa, sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab atau bahasa tambahan di semua peringkat. Kajian yang dijalankan turut memperincikan pengaplikasian Model Pemerolehan Bahasa Kedua (*Second Language Acquisition Model*, SLA) dan Model Reka Bentuk Instruksi Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK) (2013) dalam pembinaan Modul *DialogKopitiam* melalui mereka bentuk merupakan sebagai suatu strategi PdP BCSK yang mampu melahirkan generasi muda yang kreatif dan inovatif. Maka, penyelidik berharap bahawa dapatan kajian boleh dijadikan input baharu dan berguna kepada pihak-pihak yang terbabit dalam penggubalan dasar pendidikan negara dan kurikulum BCSK serta bahan pembelajaran sokongan seperti buku teks dalam penguasaan kemahiran mendengar, bertutur dan berkomunikasi secara berkeyakinan.

1.11 Definisi Operasional

Menerusi kajian ini, beberapa definisi secara operasional dijelaskan mengikut konteks kajian. Berikut merupakan definisi bagi beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Bahasa Cina

BC mempunyai banyak panggilan di dunia. Menurut Zhang (1985), negara China dan Hong Kong, bahasa ini dikenali sebagai *Putong Hua* （普通话）, iaitu bahasa umum. Di Taiwan pula, BC dikenali sebagai *Guo Yu* （国语）, iaitu bahasa nasional. Manakala, bahasa ini dinamakan sebagai *Hua Yu*（华语）di Singapura dan Malaysia, iaitu dikenali sebagai BC atau Bahasa Mandarin. T. G. Tan, Hoe, & Ho (2019) berpandangan bahawa meskipun istilah-istilah dalam BC atau Bahasa Mandarin yang berbeza, namun pada hakikatnya, bahasa ini merujuk kepada bahasa yang sama iaitu satu bahasa standard yang digunakan oleh bangsa Cina di seluruh dunia. Menurut Lau & Su'ad Awab (2019), BC Malaysia berasal dari Putonghua di China (bahasa induk), tetapi disebabkan bahasa ini telah dipisahkan daripada bahasa induk dalam tempoh masa yang panjang, maka BC Malaysia mempunyai sedikit perbezaan dengan Putonghua. Dalam kajian ini, Bahasa Cina merujuk kepada mata pelajaran bahasa tambahan, iaitu Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) yang diajar di sekolah kebangsaan.

b. Kemahiran Mendengar

Mendengar adalah cara komunikasi manusia yang paling kerap digunakan dalam kehidupan seharian. 'Lebih daripada empat puluh lima peratus daripada masa komunikasi kita dihabiskan untuk mendengar' (Feyten, 1991). Bromley (1992) menjelaskan mendengar merupakan sesuatu proses kognitif yang beraktif. Pendengar mesti berkemahiran untuk berinteraksi dengan mesej yang diterima secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendiskriminasikan bunyi ujaran yang didengar, mendengar dan terus memahami makna tersebut.

Tompkins & Hoskisson (1995) pula mendefinisikan 'mendengar' hanya satu proses dan sebahagian daripada 'mendengar'. Paling penting ialah memikirkan mesej yang didengar dan memahami kandungan mesej, kemudian 'mendengarkan' mesej yang disampaikan. Kannan (2019) berpandangan bahawa mendengar adalah langkah pertama dalam pembelajaran bahasa, sama ada bahasa ibunda kanak-kanak atau bahasa tambahan sebelum kanak-kanak berupaya untuk bercakap, membaca atau menulis. Justeru, dalam kajian ini akan lebih meneliti mendengar terhadap pembelajaran BCSK untuk murid bukan penutur jati.

Manakala, Rost (2002) mendefinisikan terdapat empat komponen dalam kemahiran mendengar, iaitu menerima *(receptive)*, membina *(constructive)*, kolaboratif *(collaborative)* dan transformatif *(transformative)*. Komponen menerima ialah menerima maklumat yang disebut oleh penutur, komponen membina ialah membina dan memahami maklumat yang disampaikan oleh penutur, komponen kolaboratif ialah pendengar dapat memahami maklumat dengan menjalankan tindak balas. Akhirnya komponen transformatif ialah bertindak balas melalui berfikir dan menafsir untuk memahami mesej yang disampaikan oleh penutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan serta dapat memberikan respons (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Menurut Nur Ashikin Kamaruddin, Che Radiah Mezah, & Nik Farhan Mustapha (2013), kemahiran mendengar merupakan suatu kemahiran bahasa yang paling penting dan wajib dikuasai oleh murid pada peringkat permulaan pembelajaran bahasa.

Tan (2013) pula mendefinisikan bahawa kemahiran mendengar merupakan seseorang menerima mesej melalui pendengaran dan penglihatan, kemudian mentransformasikan psikologi dalaman pemilihan, pemahaman, kritikan dan tafsiran untuk membina mesej yang bermakna dan kemudian bertindak balas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Tan, Hoe, & Ho (2019), kemahiran mendengar merupakan suatu kemahiran yang paling biasa digunakan dalam aktiviti komunikasi seharian. Pendengar harus berusaha untuk meningkatkan kemahiran mendengar semasa berkomunikasi terutamanya dalam masa pengajaran yang singkat. Kannan (2019) merumuskan bahawa kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang terpenting semasa berkomunikasi. Seorang pendengar tidak boleh menganggap bahawa dia telah memahami apa yang dikatakan semua. Kemungkinan ini akan membawa kepada separuh pemahaman, atau kadang-kadang salah faham. Sebaliknya, pendengar boleh meminta penutur untuk mengulangi apa yang pendengar tidak didengar semasa berkomunikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, definisi kemahiran mendengar merujuk kepada kemahiran mendengar, memahami dan memberikan respons semasa berkomunikasi. Kemahiran ini akan diuji dengan menggunakan Ujian Pencapaian Mendengar (UPD).

c. Kemahiran Bertutur

Bertutur adalah keupayaan seseorang individu untuk menyampaikan idea, pengetahuan, pendapat, perasaan, dan pemikiran mereka tentang sesuatu secara lisan di mana ia biasanya melibatkan beberapa pihak seperti penceramah dan penceramah atau penceramah dan pendengar supaya terdapat interaksi antara mereka (Sahardin, Hendra Heriansyah, & Mutia Dara Authari, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, bertutur merupakan satu cara berkomunikasi yang kompleks dan melibatkan proses mental yang menggerakkan alat pertuturan untuk mengeluarkan bunyi bahasa yang bermakna (Nisa, 2019). Bertutur boleh diperihal sebagai kemahiran produktif komunikasi lisan yang melibatkan orang lain dalam menyampaikan maklumat melalui sebutan perkataan (Nisa, 2019). Selain bertutur diajar di peringkat akademik, bertutur juga digunakan untuk menyampaikan idea yang bertujuan untuk menimba ilmu. Bertutur juga merupakan sesuatu perbuatan untuk menghasilkan suara vokal melalui mulut. Seseorang individu akan menyatakan perasaan dan fikiran melalui bertutur. Bunyi dihasilkan untuk bertutur melalui bahagian tubuh, termasuk paru-paru, saluran suara, akord suara, lidah, gigi dan bibir (Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd Rahman, 2018). Mereka turut berpandangan bahawa faktor-faktor seperti usia, gender,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran dan keadaan fizikal akan mempengaruhi pertuturan dalam berbahasa Melayu atau bahasa-bahasa lain, termasuklah bertutur dalam bahasa kedua.

Bertutur dianggap sebagai kemahiran bahasa utama yang mesti dikuasai (Zainurrahman & Sangaji, 2019). Bertutur adalah lebih daripada aktiviti biologi menghasilkan suara dengan menggunakan ciri artikulasi dan pernafasan tetapi juga proses mental bahasa yang dihasilkan dari mulut dahulunya diproses di dalam otak atau minda. Ini menunjukkan bahawa bertutur sebenarnya merupakan proses berfikir dalam diri seseorang. Ini juga menunjukkan bahawa perkembangan kemahiran bertutur bukan sahaja berdasarkan kematangan sistem artikulasi yang dimiliki individu tetapi juga kematangan pemikiran dalam minda individu.

Manakala, Shihabuddin (2009) berpendapat bahawa bertutur sebagai salah satu aspek kemahiran berbahasa yang produktif, kemahiran mengubah bentuk fikiran atau perasaan menjadi bentuk bunyi bahasa yang bermakna. Shihabuddin juga menjelaskan bahawa kemahiran bertutur seseorang sekurang-kurangnya harus menitik berat tentang enam perkara, iaitu a) sebutan, b) tatabahasa, struktur linguistik sesuai dengan ragam bahasa yang digunakan, c) kosa kata, pilihan kata yang sesuai dengan maksud maklumat yang disampaikan, d) kelancaran, kemudahan, dan kepantasan ucapan, e) isi perbualan, topik perbincangan, idea yang disampaikan, idea yang dikemukakan, dan aliran perbualan, f) pemahaman, mengenai tahap kejayaan komunikasi, dan komunikatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Mohd Ala-Uddin Othman (2011), kemahiran bertutur merupakan sesuatu komponen yang terpenting dalam kurikulum bahasa dan perlu dibentuk semasa murid di peringkat sekolah rendah. Kemahiran bertutur adalah menekankan kepada interaksi antara individu dalam media komunikasi. Media komunikasi ini telah menyebabkan kemahiran bertutur berlaku dalam kehidupan seharian sama ada secara lisan atau komunikasi. Ini juga disokong oleh Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat, & Mat Taib Pa (2012) bahawa pembelajaran murid bagi kemahiran bertutur boleh ditingkatkan melalui beberapa kaedah, iaitu demonstrasi, bercerita, memberi penerangan, syarahan dan lakonan. Guru-guru dapat mengenal pasti kesukaran yang dihadapi oleh murid dalam kemahiran bertutur melalui kaedah-kaedah tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Ismail Mustari, Saliha Sackkani dan Fauziah Ali (2012) mengetengahkan kemahiran bertutur merupakan seseorang berupaya untuk berkomunikasi dengan mendengar apa sahaja maklumat atau mesej yang diterima, seterusnya mula mencerita apa yang telah didengar sejajar dengan perkembangan atau kemampuan daya ingatan mereka. Dalam kajian ini, kemahiran bertutur merujuk kepada kemahiran menyampaikan sesuatu maklumat dan keperluan yang asas secara jelas dan lancar yang diuji dengan Ujian Pencapaian Bertutur (UPB).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Kemahiran Komunikasi

Komunikasi merujuk kepada kemahiran interpersonal yang mengandungi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran bertanya, kemahiran memberi maklum balas, unsur bahasa, mengubah sikap dan tingkah laku, penampilan dan komunikasi bukan lisan (Abdullah & Ainon, 2002). Komunikasi merupakan proses penyampaian atau pemindahan mesej dari individu kepada individu yang lain yang berupaya mewujudkan kefahaman individu lain mengenai mesej yang disampaikan serta kedua-duanya mempunyai kefahaman yang dikongsi bersama (Natashadora Binti Muridan, 2013).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Manakala, Abdul Aziz Yusuf (2003) berpandangan bahawa komunikasi adalah melibatkan penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain. Tanpa berkomunikasi, maklumat tidak dapat disampaikan daripada satu pihak kepada pihak yang lain. Oleh itu, definisi komunikasi akan digunakan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* berpandukan penyelidik-penyelidik lepas. Kemahiran komunikasi juga merupakan kemahiran interpersonal yang paling penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat kepada seseorang dengan tepat dan berkesan (Natashadora Binti Muridan, 2013). Menurut Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang (2014), kemahiran komunikasi merupakan suatu elemen penting yang perlu ada dan perlu dikuasai oleh setiap murid, sama ada bagi memenuhi keperluan mereka ketika proses pelajaran, persiapan untuk menempuh alam pekerjaan ataupun dalam interaksi sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, kemahiran komunikasi dalam kajian ini adalah merujuk kepada murid Tahun 4 yang mempelajari Modul *DialogKopitiam* dan berkomunikasi dengan orang lain secara bersopan santun dalam kehidupan seharian.

e. Modul Pengajaran dan Pembelajaran

Modul merupakan suatu bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, menarik dan memotivasikan murid dalam pembelajaran mengikut keperluan dan perkembangan murid-murid (Morrison, 2011). Menurut Robinson & Crittenden (1972), modul ialah satu bahan pengajaran yang terdiri daripada objektif-objektif tingkah laku, satu turutan aktiviti pembelajaran dan peruntukan penilaian. Manakala, Rusell (1974) juga mendefinisikan modul sebagai salah satu unit pengajaran yang lengkap yang digunakan untuk mencapai hasil pembelajaran yang dinyatakan.

Kaviza (2019) pula menjelaskan bahawa pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran merupakan sesuatu penambahbaikan dan memfokuskan aspek-aspek penting dalam kandungan pelajaran. Misalnya, dalam proses pembangunan modul untuk mata pelajaran Sejarah yang berkesan adalah berdasarkan data kajian-kajian empirikal dan penggunaan sumber-sumber Sejarah bagi memastikan PdP yang berkesan dapat dilaksanakan melalui penggunaan modul di dalam kelas. Oleh itu, modul pengajaran dan pembelajaran merupakan sesuatu bahan yang berupaya untuk membolehkan murid lebih menguasai unit kandungan pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad (2005) mentakrifkan modul pengajaran dan pembelajaran sebagai suatu pakej instruksi yang merangkumi beberapa unit konsep daripada sesuatu subjek, yang membawa objektif ke arah pembelajaran kendiri untuk murid. Selain itu, modul pengajaran dan pembelajaran juga membawa maksud bahawa ia merupakan tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan untuk murid yang lemah dalam sesuatu kemahiran demi meningkatkan pencapaian dalam kemahiran tersebut (Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2016).

Di samping itu, modul pengajaran dan pembelajaran merupakan alat atau kemudahan pembelajaran yang mengandungi bahan, kaedah, batasan, dan kaedah penilaian yang dirancang secara sistematik dan menarik untuk dicapai dan mempertingkatan pembelajaran murid terhadap sesuatu kemahiran mengikut tahap penguasaan murid (Nisa, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, Modul *DialogKopitiam* akan dibangunkan dan bertujuan untuk mencapai pencapaian dalam kemahiran bertutur dan mendengar. Modul yang dibangunkan untuk meningkatkan kemahiran dan merangkumi pengetahuan pembelajaran dan kemahiran lengkap untuk membantu murid dalam pembelajaran (Nisa, 2019). Jadi, Modul *DialogKopitiam* ini merupakan satu modul pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan berasaskan Model Reka Bentuk Instruksi MRKK direka oleh Morrison, Ross, Kalman, & Kemp (2013) yang mengintegrasikan empat komponen asas reka bentuk instruksi, iaitu murid, objektif, metod dan penilaian dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul *DialogKopitiam* membolehkan murid menunjukkan keupayaan pembelajaran dan memudahkan guru untuk mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Kandungan yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran BCSK Tahun 4 dalam kajian ini.

f. Motivasi

Menurut Guay et al. (2010), motivasi merupakan tingkah laku seseorang berfikir dan berkelakuan seperti yang dilakukan olehnya. Dalam konteks pendidikan, motivasi merujuk kepada murid yang melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti di sekolah. Menurut Chilingaryan & Gorbatenko (2015), motivasi adalah keinginan seseorang bergabung dengan tenaga untuk mengejar ke arah matlamat itu. Motivasi telah menjadikan kita untuk memikirkan matlamat, usaha, keinginan, tenaga, penglibatan aktif, ketekunan seseorang. Seorang guru mesti tahu sumber motivasi untuk dapat membantu keinginan murid untuk berjaya.

Manakala, motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua didefinisikan sebagai kejayaan atau kegagalan sesuatu tugas yang kompleks dan bersifat global, situasional atau berorientasikan serta paling kerap digunakan (Li, 2018). Seseorang murid akan berjaya dalam pembelajaran bahasa kedua dengan mempunyai motivasi yang tinggi. Banyak kajian dan eksperimen dalam pembelajaran telah menunjukkan bahawa motivasi adalah kunci pembelajaran. Motivasi bermaksud pendorong seseorang murid untuk mencapai sesuatu pencapaian akademik selepas hasil pembelajaran (Cheong, Zanariah Jano, & Hanipah Hussin, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara konsepnya, motivasi merupakan kesedaran seseorang untuk meningkatkan usaha ke arah mencapai sesuatu matlamat dengan syarat usaha tersebut dapat memnuhi keperluan individu itu sendiri (Muhamad Azhar Bin Stapa @ Mustapa, 2018). Menurut Tan, Ismail, Hoe & Ho (2016), motivasi ditakrifkan sebagai orientasi murid dengan matlamat pembelajaran bahasa kedua atau asing. Para sarjana dan penyelidik percaya bahawa pelajar bahasa kedua atau asing akan menumpukan usaha yang secukupnya untuk mencapai matlamat mereka sehingga berjaya. Oleh itu, matlamat pembelajaran adalah penting dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Ini selari dengan Bambirra (2017) bahawa motivasi dikonseptualisasikan sebagai suatu tingkah laku atau aktiviti yang dapat dilihat. Dalam erti kata lain, sikap murid terhadap bahasa dan tahap keterlibatan murid dalam aktiviti pembelajaran yang dijalankan akan menjadi tingkah laku yang dapat dilihat untuk diambil kira dalam motivasi. Motivasi juga biasanya dikaji dari segi orientasi intrinsik dan ekstrinsik yang merangsang, membantu dan menggalakkan murid bukan penutur jati untuk menumpukan lebih banyak usaha dalam pelajaran untuk mencapai matlamat dalam pembelajaran mereka. Dalam kajian ini, motivasi merujuk kepada Sistem Motivasi Kendiri B2 yang terdapat komponen Ideal Bahasa Kedua Kendiri *(Ideal L2 Self*, IL2S*)*, Keperluan Bahasa Kedua Kendiri *(Ought to L2 Self,* OL2S*)* dan Pengalaman Pembelajaran Bahasa Kedua *(L2 Learning Experience,* L2LE*)* yang diuji dengan Soal Selidik Sistem Motivasi Kendiri Bahasa Kedua yang diadaptasi dari (Mostafa Papi, 2010) berdasarkan kesan selepas menggunakan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Rumusan

Setiap etnik di Malaysia mempunyai bahasa ibunda masing-masing, maka PPPM 2013-2025 dilancarkan untuk melahirkan murid yang celik dwibahasa dan bermotivasi tinggi untuk memajukan pendidikan negara. Kajian PBD telah menunjukkan prestasi murid dalam penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur adalah kurang memuaskan. Tambahan pula, murid juga menunjukkan persepsi negetif terhadap mata pelajaran BCSK dan menganggap BCSK merupakan mata pelajaran yang abstrak dan sukar dikuasai. Sifat abstrak terhadap mata pelajaran BCSK menyebabkan motivasi untuk belajar menurun.

Ini sejajar dengan kajian yang melaporkan bahawa tahap motivasi dalam BC bagi murid bukan penutur jati adalah tidak memberangsangkan. Jadi, modul pengajaran dan pembelajaran yang dikenali sebagai Modul *DialogKopitiam* dibangunkan sebagai suatu mekanisme untuk mencapai hasrat dwibahasa oleh murid. Kemudian kajian ini akan diteruskan untuk menilai keberkesanannya dalam meningkatkan pencapaian dalam kemahiran-kemahiran (khasnya menguasai kemahiran mendengar dan bertutur) dan motivasi dalam pembelajaran BCSK dalam kalangan murid Tahun 4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kajian dan teori yang mendasari kajian ini. Perbincangan dibahagikan kepada enam bahagian utama. Bahagian pertama bertumpu kepada pengajaran dan kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan di Malaysia dan bahagian kedua akan membincangkan tentang teori, pendekatan dan model digunakan dalam kajian ini, iaitu Teori Perkembangan Bahasa (Chomsky), Teori Pembelajaran Konstruktivisme, Teori Pembelajaran Kontekstual, Pendekatan Jumlah Respons Fizikal (TPR) serta Model Pemerolehan Bahasa Kedua dan Model Reka Bentuk dan Pembangunan. Dalam bahagian keempat, dibincangkan kajian-kajian tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran mendengar dan bertutur termasuklah proses pengajaran dan pembelajaran dan strategi terhadap kemahiran ini. Perkara ini diikuti dengan bahagian kelima yang membincangkan lebih mendalam tentang motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua dan akhirnya membincangkan tentang kajian-kajian lepas terhadap kemahiran mendengar dan bertutur serta motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua.

2.2 Pengajaran dan Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan

Semasa mempelajari bahasa-bahasa yang wujud di dunia ini, seseorang tidak akan terlepas dari melakukan kesilapan (Chai, 2007; S. P. Corder, 1981; Dulay & Burt, 1974; Fesol, Salam, Osman, Bakar, & Salim, 2016; Mehta, Al-Mahrooqi, Denman, & Al-Aghbari, 2018; Mohd Nasir Mohamed Hasbullah, 2001; T. G. Tan et al., 2019). Murid sering menghadapi pelbagai masalah semasa pembelajaran dalam BC. Pengajaran bahasa dibahagikan kepada empat kemahiran utama, kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kebiasaannya murid menghadapi masalah seperti tatabahasa, kesilapan kata nama dan kata kerja (Feng, Gong, Shuai, & Wu, 2019), membaca (Hsu, 2017), menulis (X. X. Li & Chu, 2018), bertutur (Chang & Liu, 2016; Jiang & Cohen, 2018; Su, Naigles, & Su, 2018; Wang, Guo, Chen, & Song, 2018), mendengar dan sebagainya dalam kelas pengajaran dan pembelajaran BC sebagai bahasa tambahan/asing. Oleh demikian, bab ni akan membincang kemahiran mendengar dan bertutur dengan lebih terperinci dalam kelas pengajaran dan pembelajaran BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelas Bahasa Cina ditawarkan kepada murid-murid tanpa mengira kaum (Zheng, 2008; Yeap, 2012) mulai tahun 1996 dan ditetapkan sebagai kelas bahasa tambahan (Zheng, 2008). Pada tahun 2003, selaras dengan matlamat pelaksanaan kelas Bahasa Cina yang ditawarkan kepada semua kaum, buku teks Bahasa Cina yang digunakan di sekolah kebangsaan ini telah digantikan dengan Bahasa Cina Komunikasi (BCK). BCK mula diberi perhatian dan penekanan dengan dijalankan dua waktu seminggu dalam waktu pengajaran dan pembelajaran secara formal. Kemudian, BCK digantikan pula dengan BCSK. Matlamat utama BCSK dilancarkan di sekolah adalah untuk membolehkan murid mempelajari kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis, dan kemudian menggunakan BC yang standard untuk belajar, mengekspresikan ekspresi, dan berkomunikasi dengan orang lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019) agar sejajar dengan teras dalam PPPM (2013-2025). Sementara itu, ini juga dapat meningkatkan kualiti ideologi murid, memupuk patriotisme, menggalakkan pertukaran budaya, dan mencapai perpaduan antara rakyat melalui pengajaran bahasa. Kebolehan murid mendengar dan bertutur dalam pelbagai bahasa pada abad ke-21 akan mencetuskan banyak perubahan dalam bidang pendidikan, pelancongan, ekonomi, sosial, politik, perindustrian dan sebagainya (Gong et al., 2020). Oleh itu, keupayaan murid bertutur atau berkomunikasi dalam BC memang membawa manfaat yang besar kepada masyarakat, negara dan sehingga antarabangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasrat ini adalah sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsan yang telah dijadikan panduan bagi menentukan hala tuju pendidikan di negara kita. Intipati yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsan adalah seperti berikut:

> *Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.*
>
> (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1996)

Seperti mana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsan, kajian ini penting sebagai suatu bahagian untuk membimbing murid berdepan dengan keperluan transformasi pendidikan bagi mencapai keseimbangan pembangunan individu dan cabaran masa hadapan demi mencapai keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mata pelajaran BCSK telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maka, tidak hairanlah sekiranya dikatakan bahawa usaha untuk menawarkan mata pelajaran BCSK ke dalam kurikulum mulai sekolah rendah oleh KPM merupakan suatu usaha yang perlu dilancarkan sehingga ke seluruh negara agar dapat melahirkan murid yang berupaya untuk berkomunikasi dalam pelbagai bahasa dan seterusnya akan menyumbang kepada kemakmuran negara pada masa yang akan datang agar sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsan dan PPPM 2013-2025.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Teori, Pendekatan dan Model


Proses pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah bergantung kepada teori, pendekatan dan model yang digunakan. Maka, dalam bahagian ini akan menjelaskan dengan lebih lanjut berkenaan dengan teori pembelajaran konstruktivisme, teori kontekstual, pendekatan Jumlah Respons Fizikal (TPR) dan Model Pemerolehan Bahasa Kedua yang digunakan dalam pembangunan modul ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Teori Perkembangan Bahasa (Chomsky)

Menurut Naom Chomsky (1957), setiap individu telah diprogramkan secara genetik untuk belajar bahasa. Chomsky (1957) turut menyatakan bahawa kanak-kanak telah dilahirkan dengan alat penguasaan bahasa atau LAD (Language Acquisition Device) iaitu satu mekanisme yang membolehkan kanak-kanak mengesan ciri-ciri dan peraturan dalam menggunakan bahasa yang digunakan di persekitaran mereka (Setiadi, 2012).



Rajah 2.1. Teori Chomsky yang menekankan kemahiran mendengar dan bertutur. Sumber daripada Pengantar Psikolinguistik Moden, 1987

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah di atas menunjukkan komunikasi lisan melibatkan dua proses, iaitu penghasilan dan penerimaan mesej. Proses pertama terlaksana melalui pertuturan sementara proses yang kedua berlaku melalui pendengaran. Terdapat pernyataan bahawa dalam pengajaran bahasa, aspek pendengaran amat kurang diberi perhatian oleh guru. Proses mendengar biasanya berlaku secara berperingkat. Empat peringkat proses mendengar iaitu mendengar deretan bunyi-bunyi bahasa, memahami bunyi-bunyi bahasa tersebut, menilai bunyi-bunyi yang diperdengarkan dan bertindak balas terhadap bunyi-bunyi tersebut.

Teori Chomsky yang berfokuskan kepada kemahiran mendengar dan bertutur akan digunapakai dalam pembangunan modul. Oleh sebab teori ini menekankan kepada kanak-kanak mula bertutur dalam bahasa pertama mereka ketika mereka berumur lapan belas bulan. Penguasaan sebutan (struktur luaran) adakala tidak sama dengan penguasaan rumus tatabahasa dan makna (struktur dalaman) walaupun penguasaan bahasa luaran bergantung kepada keupayaan bahasa dalaman (Mohd Nor Azan Abdullah, Stephen, & Mohd Yusof Abdullah, 2019). Di dalam pengajaran dan pembelajaran, setiap murid seharusnya berupaya menguasai bahasa dengan sempurna kerana mereka mempunyai LAD. Guru perlu mengajar bahasa secara deduktif. Manakala tatabahasa pula diajar secara langsung dan berstruktur. Pada masa yang sama, mereka perlu menguasai rumus tatabahasa agar mereka dapat menggunakannya secara kreatif. Maksudnya di sini, murid dapat menghasilkan ayat-ayat baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, guru digalakkan memberi peluang kepada murid untuk berfikir ketika pengajaran dan pembelajaran bahasa. Hal ini kerana mereka dapat membina konsep dan makna. Ketika pengajaran dan pembelajaran berlangsung, murid perlu didedahkan dengan bahan-bahan sebenar (authentik) bukan bahan yang diada-adakan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa juga mementingkan kemahiran membaca dan menulis dan tidak mengabaikan kemahiran mendengar dan bertutur. Dari aspek memberi latihan pula, guru perlulah memberi latihan-latihan yang membina kecekapan dengan menggunakan rumus bahasa secara kreatif. Selain itu, guru digalak menyedarkan kesilapan murid dan menggalakkan murid membaiki kesilapan yang dilakukan berdasarkan pengetahuan rumus yang telah dipelajarinya. Sekiranya mereka tidak mengetahui sesuatu perkataan, guru membantu mereka untuk memahami perkataan tersebut. Hal ini bagi membantu mereka supaya menggunakan banyak perkataan bagi membantu memperkembang kemahiran berbahasa mereka. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan strategi bercerita semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Semasa bercerita, guru boleh menyoal kembali cerita yang telah disampaikan tadi. Mereka akan cuba memberitahu kembali perkataan yang mereka dengar dari cerita tersebut. Dalam hal ini, guru perlu bijak mengesan kesalahan mereka dalam berbahasa dan seterusnya membetulkan pemahaman mereka mengenai perkataan-perkataan yang mereka gunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran lisan merupakan kemahiran menerima menaakul dan memproses maklumat dalam komunikasi. Di sekolah, murid-murid perlu mendengar untuk menerima dan memahami idea yang disampaikan dalam perbualan, perbincangan, dialog, mesyuarat dan penjelasan dalam proses pengajaran guru. Manakala dalam kehidupan harian pula, aktiviti mendengar sentiasa wujud dalam interaksi sosial (perbualan, perbincangan dan mesyuarat); untuk mendapat hiburan (radio, televisyen, filem), memperoleh maklumat (pengajaran guru, berita di radio dan televisyen) serta pernyataan perasaan dan apresiasi seni (drama, lakonan, dialog dan kesusasteraan). Oleh demikian, aktiviti-aktiviti yang dinyatakan akan diterap ke dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Teori Pembelajaran Konstruktivisme

Secara umumnya, pembelajaran merupakan suatu proses perolehan ilmu dan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku, serta pembentukan sikap dan kepercayaan kepada murid (Muhamad Azhar Bin Stapa @ Mustapa, 2018). Pembinaan pengetahuan dalam pembelajaran dapat ditingkatkan melalui interaksi sosial dan penemuan. Vygotsky (1978) mempercayai bahawa pembelajaran adalah dipengaruhi oleh persekitaran sosial dan memberikan penekanan kepada peranan interaksi sosial dalam pembelajaran dan perkembangan kognitif. Teori Pembelajaran Konstruktivisme dipelopori oleh ahli psikologi, Lev Vygotsky (1896-1934) dan Jean Piaget (1896-1980).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, teori pembelajaran konstruktivisme menekankan murid berupaya membina pengetahuan sendiri berdasarkan pengetahuan sedia ada. Teori ini menganggap bahawa murid bukan tin kosong dan mereka mempunyai pengetahuan sedia ada tentang sesuatu konsep berdasarkan pengalaman seharian dalam kehidupan (Vygotsky, 1978).

Teori pembelajaran konstruktivisme bukan satu konsep yang baharu dan telah lama diamalkan dalam pelbagai bidang falsafah, sosiologi dan antropologi, psikologi dan pendidikan. Secara objektif teori ini adalah berdasarkan satu set andaian bahawa pengetahuan wujud secara berasingan di luar persepsi manusia dan mesti dihantar melalui kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diarah berasaskan tingkah laku, kognitif tingkah laku dan teori-teori pemprosesan maklumat (Muhamad Azhar Bin Stapa @ Mustapa, 2018; Shanmugama, Peng, & Ramasamy, 2021; Sugrah, 2019)

Teori pembelajaran konstruktivisme memberikan fokus kepada proses murid membina struktur minda peribadi apabila berinteraksi dengan persekitaran (Suhendi & Purwarno, 2018; Szufang, 2021; Wenger, 2009). Teori pembelajaran konstruktivisme pula percaya bahawa pengetahuan yang dihasilkan oleh murid melalui aktiviti-aktiviti berasaskan pengalaman sendri dan bukannya diarahkan oleh guru (Roblyer & Doering, 2014; Shanmugama et al., 2021; Suhendi & Purwarno, 2018; Szufang, 2021). Teori pembelajaran konstruktivisme juga menekankan bahawa pembelajaran amat bergantung kepada murid sendiri. Ini bermakna pembelajaran memerlukan usaha individu murid. Maka, Modul *DialogKopitiam* yang dibina adalah subjektif kerana ia distrukturkan oleh pengalaman peribadi. Ini bermakna, pengetahuan dibina secara aktif dalam minda individu murid. Murid menginterpretasi maklumat yang diterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengikut pengetahuan sedia ada dan kemudian membina semula pengetahuan dalam bentuk yang dapat diterima olehnya dalam teori pembelajaran konstruktivisme (Longden & Solomon, 1986).

Teori ini menegaskan empat komponen utama seperti berikut (Kauchak & Eggen, 2012):

a. Murid membina pemahaman atau pengetahuan sendiri.
b. Pembelajaran baharu bergantung kepada pengetahuan atau pemahaman lepas.
c. Pembelajaran dipertingkatkan dengan interaksi sosial.
d. Tugasan pembelajaran autentik menggalakkan pembelajaran bermakna.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Teori pembelajaran konstruktivisme ini luas digunakan oleh penyelidik dalam pembangunan modul pembelajaran. Shanmugama et al. (2021) mengaplikasikan teori ini dalam pembangunan Modul Tatabahasa Bahasa Tamil untuk murid Tingkatan 4 dalam mata pelajaran Sejarah. Teori ini merupakan scaffolding utama di mana modul yang berpotensi dibangunkan dapat menyelesaikan masalah dihadapi oleh murid terhadap kata kerja dengan lebih berkemampuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran kata kerja bahasa Tamil yang menggunakan modul dapat meningkatkan pencapaian murid secara signifikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malah, pembelajaran bahasa telah menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran mengikut kepada kepelbagaian murid dan penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran. Secara tidak langsung aktiviti tersebut telah bercampur dengan pemikiran konstruktivisme. Ilmu mesti diterapkan kerana ia adalah tafsiran realiti. Menurut Suhendi & Purwarno (2018) bahawa teori pembelajaran konstruktivisme menyumbang impak positif kepada kemajuan pendidikan untuk meningkatkan keupayaan murid kerana teori ini merangsang sifat ingin tahu murid tentang sesuatu yang baharu. Murid juga boleh membina pengetahuan mereka untuk mencipta, dan mereka bentuk sesuatu yang berkaitan dengan keperluan mereka.

Sehubungan itu, teori pembelajaran konstruktivisme mengimplikasikan bahawa murid berperanan sebagai pembina pengetahuan, dan pembinaan pengetahuan dapat ditingkatkan melalui interaksi sosial dan penemuan. Berdasarkan teori pembelajaran konstruktivisme, pendekatan pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran penemuan akan diaplikasikan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*.

i. Model Konstruktivisme Lima Fasa

Lima fasa proses pembelajaran berdasarkan konstruktivisme dikenal pasti oleh penyelidik (Needham, 1987). Pembelajaran berteraskan Model Konstruktivisme Lima Fasa dapat memberi impak yang baik dan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Akpan & Beard, 2016; Lee, Siti Nursaadah Mat Yusof, & Tan, 2019; Needham, 1987; Subadrah Nair & Muthiah, 2005; Syed Lamsah Syed Chear &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muhamad Yusoff Mohd Nor, 2020; Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukur Shaari, 2012), khususnya murid yang berada pada tahap pencapaian akademik rendah. Lima fasa ini ialah termasuk orientasi, pencetusan idea, penstrukturan semula idea (termasuk penjelasan dan penukaran idea, pendedahan kepada situasi konflik, pembinaan idea baharu dan penilaian), aplikasi idea dan refleksi (Jadual 2.1).

Jadual 2.1

Fasa dalam PdP dengan pendekatan konstruktivisme

Fasa	Tujuan	Kaedah
Orientasi 导入阶段	Menyediakan gambaran dan menimbulkan minat.	Aktiviti praktikal, masalah sebenar untuk diselesaikan, demonstrasi guru, filem, video, keratan akhbar.
Pencetusan idea 创意产生阶段	Menyedarkan guru dan murid tentang idea sedia ada.	Aktiviti praktikal atau perbincangan kumpulan kecil diikuti maklum balas guru.
Penstrukturan semula idea 建构思想阶段 • Penjelasan dan penukaran idea	Menimbulkan kesedaran terhadap pandangan baharu yang bersifat saintifik untuk: • Mengubahsuai • Menambah	Perbincangan kumpulan kecil dan melapor balik hasil, demonstrasi guru, aktiviti praktikal, projek eksperimen, input guru

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1 *(sambungan)*

Fasa	Tujuan	Kaedah
• Pendedahan kepada situasi konflik • Pembinaan idea baharu • Penilaian	• Menggantikan idea lama dengan idea yang lebih saintifik	dan lain-lain lagi.
Aplikasi idea 应用思想阶段	Mengukuhkan idea baharu dalam keadaan yang lebih biasa.	Penulisan individu, aktiviti praktikal, penyelesaian masalah, projek.
Refleksi 反思阶段	Kesedaran tentang pertukaran idea dan membiasakannya dalam proses pembelajaran untuk membolehkan murid membuat ulasan tentang sejauh manakah idea mereka telah bertukar.	Penulisan individu, perbincangan kumpulan diari individu, mengulas poster dan lain-lain lagi.

Sumber: Diadaptasi daripada Needham, 1987

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan penerapan teori pembelajaran konstruktivisme dalam bilik darjah dapat melahirkan murid-murid yang produktif dan berpengetahuan luas (Shanmugama et al., 2021), maka kewujudan persekitaran pembelajaran konstruktivisme merupakan suatu usaha yang patut dilaksanakan dalam PdP (Lo, Ab Rahim Bakar, & Wong, 2008). Oleh itu, dalam pembangunan modul ini murid-murid akan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti penemuan secara berkumpulan. Pengaplikasian pendekatan pembelajaran kolaboratif dan penemuan berdasarkan teori konstruktivisme bukan sahaja dapat meningkatkan pembinaan pengetahuan, malah dapat mempertingkatkan penguasaan pelbagai kemahiran abad ke-21 (seperti kolaboratif, komunikasi, kemahiran interpersonal, penyelesaian masalah dan sebagainya) kerana murid berpeluang untuk mengamalkan kemahiran abad ke-21 ke dalam situasi sebenar. Maka, penerapan pendekatan dan strategi PdP berpusatkan murid ke dalam Modul *DialogKopitiam* akan menggalakkan penyertaan murid-murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan dapat membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan harmoni.

c. Teori Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual merupakan input bahasa dari persekitaran, termasuk secara kontekstual dan bukan linguistik, mudah difahami oleh murid bahasa kedua kerana ia berlaku dalam persekitaran (Ray, 2012). Menurut (Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir, 2011; Suryawati & Osman, 2018), pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, kehidupan masyarakat dan alam pekerjaan. Oleh itu, pembelajaran hanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan berlaku apabila murid dapat memproses maklumat atau pengetahuan baru dengan cara yang bermakna kepada mereka (Noor Chahaya Ngosman & Zamri Mahamod, 2017). Kontekstual merupakan satu pendekatan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang melibatkan aktiviti *hands-on* dan *minds-on* (Noor Chahaya Ngosman & Zamri Mahamod, 2017; Suryawati & Osman, 2018). Pendekatan ini merangsang minda seseorang untuk mencari makna dalam konteks dengan membuat hubungkait yang bermakna dan releven dengan persekitarannya. Pendekatan kontekstual memberikan tumpuan kepada pelbagai aspek persekitaran pembelajaran sama ada dalam bilik darjah, makmal, makmal komputer, tempat kerja atau kehidupan harian. Dengan ini, pembelajaran akan menjadi realistik dan signifikan.

Konsep pembelajaran kontekstual bukanlah sesuatu yang baharu. Sejak John Dewey mencadangkan konsep Pembelajaran Berasaskan Projek (*Project Based Learning*, PBL) dan pembelajaran pengalaman (Dewey, 1938) masing-masing telah menjadi pengajaran dan pembelajaran yang penting dalam pembelajaran bahasa kedua (Ellis, 1995), interaksi sosial (*social interactions*) yang bergantung-pada-konteks (*context-dependent*) yang bermakna dalam persekitaran yang sahih kekal sebagai salah satu unsur utama untuk pemerolehan bahasa kedua kerana murid bahasa kedua merupakan perancah penting (*essential scaffolding*) yang diperlukan untuk mengintegrasikan bahasa kedua (Eun & Lim, 2009; Lantolf & Thorne, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konteks boleh dilihat sebagai semua fenomena yang dilihat, termasuk persekitaran fizikal, di mana bahasa berlaku. Pendekatan pembelajaran kontekstual yang berkesan memerlukan kesepakatan murid dan guru, kerjasama semua pihak, dan interaksi antara kurikulum, kaedah pengajaran, situasi, dan masa (Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir, 2011). Sehubungan itu, guru adalah memainkan peranan yang penting untuk memilih dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang merangsangkan dan memotivasikan murid untuk belajar melalui pendekatan pembelajaran kontekstual. Penemuan oleh Suryawati & Osman (2018) terhadap pembelajaran kontekstual telah menyumbang implikasi yang signifikan untuk peningkatan kemahiran berfikir dalam kalangan pelbagai keupayaan murid dan kategori sekolah yang berbeza. Strategi pengajaran kontekstual didapati sesuai dalam mencapai dimensi di dalam sekolah. Persekitaran pembelajaran kontekstual yang digabungkan dengan pelbagai pengalaman meliputi konteks sosial, budaya, fizikal atau psikologi bertujuan untuk mencapai hasil pembelajaran yang dikehendaki. Yamirudeng (2018) menjelaskan penekanan terhadap empat perkara dalam konteks bahasa dalam teori pembelajaran kontekstual, iaitu:

i. Tugasan atau fungsi global *(global task or functions)*
ii. Konteks dan kandungan / kemahiran berbahasa *(context / content area)*
    - Konteks (situasi penggunaan bahasa, contoh: di sesebuah restoran)
    - Kandungan (memesan makanan dan minuman)
iii. Ketepatan *(accuracy)*
    - Ketepatan penggunaan tatabahasa, kosa kata dan sebutan
    - Ketepatan penggunaan sosiolinguistik dan wacana
iv. Penguasaan aspek ayat yang tepat *(the oral text type)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, teori ini adalah bersandar kepada lima prinsip, iaitu komunikasi, budaya, kebersamaan, perbandingan dan masyarakat (Shrum & Glisan, 2010).

i. Prinsip komunikasi melibatkan tiga aspek standard yang berikut:
   - Interpersonal: aspek perbualan, memperoleh maklumat, melahirkan perasaan, emosi, pendapat atau pandangan.
   - Interpretif: memahami dan mengintergrasi bahasa tulisan dan lisan dalam pelbagai topik.
   - Presentasi: mempersembahkan maklumat, konsep dan idea kepada pendengar atau pembaca dalam topik.

ii. Prinsip budaya melibatkan pemahaman murid terhadap budaya sendiri dan budaya orang lain.

iii. Prinsip kebersamaan melibatkan keupayaan murid mengaitkan pengetahuan bahasa kedua yang dipelajari dengan mata pelajaran lain.

iv. Prinsip perbandingan melibatkan murid membandingkan bahasa pertama dan bahasa kedua yang dipelajari.

v. Prinsip masyarakat melibatkan standard murid terhadap keupayaan mereka menggunakan bahasa kedua yang dipelajari dalam lingkungan sekolah dan luar sekolah.

Kesimpulannya, pemilihan teori kontekstual ke dalam pembangunan kerana ini sesuai dengan latar belakang murid yang mempelajari BCSK sebagai bahasa kedua di mana bukan dalam lingkungan penutur jati. Aspek dalam teori konstektual ini memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penekanan terhadap latih tubi dan latih sebagai asas bagi meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur dalam BCSK dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Pada masa yang sama, teori pembelajaran konstruktivisme tidak dapat diketepikan kerana pengintegrasian kedua-dua teori ini merupakan asas kepada pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Teori kontekstual yang diaplikasikan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* mengambil kira kelemahan murid terhadap kemahiran mendengar dan bertutur dalam BC. Setelah mengenal pasti kelemahan kemahiran kemahiran mendengar dan bertutur, maka pengintegrasian pendekatan-pendekatan seperti pendekatan Jumlah Respons Fizikal (*Total Physical Response*, TPR) dimasukkan ke dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Justeru, pendekatan Jumlah Respons Fizikal (*Total Physical Response*, TPR) akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian yang seterusnya. Secara keseluruhannya, pengaplikasian teori pembelajaran konstruktivisme dan teori pembelajaran kontekstual mempunyai potensi yang baik untuk meningkatkan pencapaian murid dalam mendengar, bertutur dan berkomunikasi dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*.

d. Pendekatan Jumlah Respons Fizikal (TPR)

Jumlah Respons Fizikal (*Total Physical Respons*, TPR) adalah suatu kaedah pengajaran yang dicadangkan oleh James Asher, seorang profesor psikologi Amerika dalam pemerolehan bahasa kedua berjudul *Learning Another Language Through Actions* pada abad ke-20. TPR ialah kaedah pengajaran bahasa berdasarkan pertuturan dan tingkah laku yang mengutamakan PdP bahasa melalui aktiviti fizikal. Ramai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidik telah mencadangkan mengajar bahasa kedua haruslah melalui aktiviti fizikal, iaitu pendekatan TPR (Richard & Rodgers, 2001; Rokhayani, 2017; Xie, 2021). Ini adalah disebabkan keberkesanan PdP melalui fizikal adalah menggunakan kaedah pembelajaran gaya yang tersusun dalam arahan, pertuturan dan gerakan dalam mengajar.

Oflaz (2019) mempercayai bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perkembangan murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur dalam pembelajaran B2. Kebimbangan murid merupakan salah satu penyebab utama. Pengaplikasian pendekatan TPR dapat mengurangkan kebimbangan murid semasa mempelajari B2. Ini dapat dilihat semasa Oflaz (2019) memilih 61 orang murid (terdiri daripada 50 murid perempuan dan 11 murid lelaki) yang mengikuti Bahasa Jerman sebagai bahasa kedua sebagai subjek kajian. Bahasa ibunda untuk 61 orang murid ialah Bahasa Inggeris. Eksperimen ini dijalankan selama enam minggu (dua jam seminggu dalam kelas Bahasa Jerman). Dapatan kajian telah membuktikan bahawa murid lebih bersedia untuk bercakap bahasa Jerman daripada bahasa Inggeris. Jelaslah melihat bahawa pendekatan TPR amatlah sesuai untuk murid-murid yang mengikuti B2.

Bukan sahaja itu, TPR merupakan suatu kaedah pengajaran yang paling sesuai untuk murid-murid apabila mempelajari B2 pada pada peringkat awal (Astutik, Megawati, & Aulina, 2019; K.-P. Chuah, Ngoi, Foo, & Wong, 2022; Copland, Garton, & Burns, 2014; Er, 2013; Pahri, 2021; Rokhayani, 2017; Xie, 2021). Manakala, Er (2013) dan Shao (2015) telah mencadangkan beberapa kaedah yang sesuai seperti nyanyian lagu, cerita, permainan dan lain-lain lagi untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian murid-murid mempelajari B2. Ini akan menarik perhatian mereka dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memupuk minat dalam pembelajaran B2.

Di samping itu, TPR tidak memerlukan guru memberi terlampau banyak arahan kepada murid. Guru boleh memberikan arahan terus kepada murid tanpa perlu menterjemahkannya ke bahasa pertama murid (Elliott & Yountchi, 2009; Er, 2013; Nuraeni, 2019). Oleh itu, ini adalah selaras dengan pengaplikasian TPR dalam modul *DialogKopitiam* sebagai bahan pembelajaran bahasa kedua. Manakala, Larsen-Freeman & Anderson (2011) telah menentukan 13 prinsip panduan dalam TPR (Jadual 2.2):

Jadual 2.2

13 Prinsip Panduan dalam TPR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prinsip	Penerangan
1.	Murid mula disebut dalam perkataan untuk bahasa sasaran, bukannya terus disebut dalam ayat.
2.	Pemahaman murid terhadap bahasa sasaran harus dikembangkan sebelum mula bertutur.
3.	Murid akan menggerakkan badannya dengan pantas apabila mula belajar satu bahagian bahasa.
4.	Keperluan adalah alat linguistik yang penting di mana guru dapat memerhatikan tingkah laku murid.
5.	Murid boleh belajar sendiri melalui pemerhatian serta melakukan tindakan sendiri.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2 *(sambungan)*

Prinsip	Penerangan
6.	Murid akan berasa berjaya dan merendahkan kebimbangan dalam pembelajaran.
7.	Murid tidak berupaya untuk membuat rutin yang tetap.
8.	Pembetulan harus dijalankan secara tidak sengaja.
9.	Murid boleh memahami gabungan novel dalam bahasa sasaran secara fleksibel. Murid perlu memahami lebih banyak daripada ayat yang digunakan dalam latihan.
10.	Pembelajaran bahasa adalah lebih berkesan apabila murid belajar dalam suasana yang seronok.
11.	Bahasa lisan harus ditekankan melalui bahasa bertulis.
12.	Murid akan mula bertutur apabila mereka bersedia.
13.	Murid dijangka membuat kesilapan apabila mula bertutur. Guru harus bertolak ansur dengan mereka.

(Sumber: Larsen-Freeman & Anderson, 2011)

Calcagni & Lago (2018); Martell (2017); Vanlommel, Van Gasse, Vanhoof, & Petegem (2018) masing-masing mencadangkan bahawa guru tidak memerlukan kaedah baharu dalam pengajaran, tetapi mereka memerlukan pendekatan pengajaran yang berkesan untuk mewujudkan keupayaan murid dalam suasana berkomunikasi. Jadi, nampaknya TPR diiktiraf oleh penyelidik-penyelidik B2 luar negara, namun ramai guru yang mengajar B2 masih teragak-agak untuk mengamalkan keseluruhan kaedah tersebut dalam kelas, terutamanya dalam kelas BCSK yang memerlukan arahan yang jelas dan senang difahami oleh murid bukan penutur jati. Ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disebabkan kekurangan garis panduan yang jelas dan pendedahan tentang TPR sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) kepada guru. Penyelidik-penyelidik (Astutik et al., 2019; Damanik, 2016; Er, 2013; Nuraeni, 2019; Rokhayani, 2017) telah membuktikan bahawa pendekatan TPR adalah sesuai dalam pembelajaran B2. Justeru, penerapan unsur-unsur pendekatan TPR ke dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran B2, terutamanya dalam kemahiran mendengar dan bertutur.

Menurut Rokhayani (2017), kelebihan menggunakan pendekatan TPR dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah (1) sangat menyeronokkan sehingga banyak murid senang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan TPR, (2) dapat membantu murid mengingat perkataan dan ungkapan dalam bahasa, (3) dapat diterapkan ke dalam kelas besar atau kecil, (4) bukan sahaja sesuai untuk murid peringkat sekolah rendah, tetapi juga sesuai untuk murid peringkat sekolah menengah dan (5) sesuai untuk murid aktif di kelas.

Dalam membangun Modul *DialogKopitiam*, guru berperanan membantu membina kefahaman murid melalui kaedah yang sesuai dan mengikut tabap kemampuan murid masing-masing. Jadi, aktiviti dalam Modul *DialogKopitiam* dibangunkan berdasarkan penerapan Jumlah Respons Fizikal (*Total Physical Respons*, TPR) khasnya direka untuk kegunaan murid-murid. Oleh itu, murid BCSK diharapkan supaya melibatkan diri secara aktif dalam PdP melalui pendekatan TPR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Model Pemerolehan Bahasa Kedua

Pemerolehan bahasa kedua merupakan proses yang kompleks dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor (Ellis, 2015; Gass & Mackey, 2013). Ini disokong oleh Ellis (2015) bahawa faktor jantina, sosial, persekitaran dan sebagainya boleh mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua murid selain daripada faktor perbezaan pembelajaran, pengalaman dan kepercayaan. Ini bermaksud faktor dalaman (sikap, motivasi, minat dan sebagainya) dan faktor luaran (persekitaran, gangguan bahasa ibunda, pembelajaran dalam kelas dan sebagainya) masing-masing mempengaruhi seseorang individu selain daripada faktor perbezaan pembelajaran, pengalaman dan kepercayaan dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua. Manakala, pengaruh bahasa pertama dan bahasa kedua merupakan satu aspek yang tidak dapat diketepikan dalam pemerolehan bahasa asing (K. P. Chuah, 2016). Justeru, gangguan bahasa ibunda merupakan masalah utama dalam proses pembelajaran bahasa sasaran.

Pengaruh bahasa ibunda mempunyai gangguan yang sangat kuat terhadap pembelajaran bahasa kedua (H. D. Brown, 2000; Gass & Selinker, 2008). Namun, pemerolehan bahasa kedua akan menjadi lebih mudah sekiranya struktur atau bentuk bahasa sasaran dengan bahasa ibunda adalah sama sifatnya (Yamirudeng, 2018). Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran secara formal berpandukan Modul *DialogKopitiam* akan dijalankan ke atas murid BCSK bagi membantu mereka untuk menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dalam BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, Krashen (1982) melaporkan pembelajaran adalah berpunca daripada suatu bentuk pengajaran yang secara formal. Proses pemerolehan bahasa kedua melibatkan proses pembelajaran bahasa secara formal di dalam kelas dengan bimbingan guru, bahan pengajaran dan bahan multimedia. Namun demikian, dalam kajian Richards (1971, 1974) menyatakan kesilapan bahasa berlaku semasa pemerolehan bahasa kedua. Kesilapan ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor *interlingual* (ganguan bahasa ibunda), faktor *intralingual* (yang disebabkan oleh bahasa sasaran sendiri) dan faktor *developmental* (kesilapan perkembangan).

i. Faktor interlingual

Kesilapan *interlingual* merupakan kesilapan yang berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda murid ke atas penghasilan bahasa. Faktor *interlingual* merujuk kepada kesilapan yang terhasil daripada pemindahan bahasa, disebabkan bahasa pertama murid (Chai, 2007). Hal ini merupakan tanda-tanda bahawa murid sedang menerokai dan mempelajari sistem bahasa baharu. Murid mempelajari bahasa kedua biasanya secara kurang sedar menggunakan pengalaman bahasa ibunda ke atas bahasa kedua. Cara dan strategi pembelajaran ini merupakan salah satu punca melakukan kesilapan sebutan nada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Faktor intralingual

Kesilapan *intralingual* adalah kesilapan yang datang daripada struktur bahasa pertama sendiri. Dalam konteks ini, murid akan membuat anggapan yang kurang tepat terhadap bahasa sasaran/kedua (L2) dan seterusnya melakukan kesilapan dalam penyebutan. Richards (1974) berpendapat kesilapan intralingual adalah disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu *over-generalization* (generalisasi melampau), *ignorance of rule restrictions* (kejahilan terhadap batasan peraturan bahasa), *incomplete application of rules* (penggunaan peraturan bahasa yang tidak sempurna), dan *false concepts hypothesized* (membuat andaian-andaian yang salah terhadap konsep bahasa).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Faktor kesilapan *developmental*

Kesilapan *developmental* merupakan pembinaan sistem dan konsep yang salah oleh pelajar semasa mempelajari bahasa sasaran. Kesilapan *developmental* ini mencerminkan kemampuan bahasa penutur pada sesuatu peringkat dan memaparkan bahasa penutur pada sesuatu peringkat serta menunjukkan sedikit ciri-ciri umum pembelajaran bahasa kedua. Kesilapan ini dapat dilihat daripada strategi yang digunakan oleh murid untuk menguasai bahasa sasaran. Murid akan membuat hipotesis-hipotesis yang salah mengenai bahasa sasaran akibat kurang pemahaman tentang sistem bahasa tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses pemerolehan bahasa kedua boleh berlaku melalui proses pembelajaran dan mempunyai tujuan yang tertentu (Yamirudeng, 2018) seperti pendidikan, peluang pekerjaan, berkomunikasi dan sebagainya. Proses pemerolehan bahasa kedua boleh berlaku dengan kadar lebih cepat sekiranya integrasi daripada tiga perkara (guru yang baik, bahan yang menarik dan sesuai serta kaedah yang tepat dan keinginan yang kuat daripada murid) (Ellis, 2015). Justeru, ini bermakna mereka bentuk bahan instruksi yang menarik dapat meningkatkan pemerolehan bahasa kedua dalam kalangan murid yang mempelajari BCSK.

Secara kesimpulannya, pereka bentuk instruksi harus mengaplikasikan teori pembelajaran konstruktivisme, teori konstektual, pendekatan Jumlah Respons Fizikal dan Model Pemerolehan Bahasa Kedua dalam mereka bentuk Modul *DialogKopitiam*. Gabungan teori pembelajaran konstruktivisme, teori konstektual, pendekatan Jumlah Respons Fizikal dan Model Pemerolehan Bahasa Kedua saling melengkapi antara satu sama lain dan dapat memenuhi keperluan murid pelbagai latar belakang dalam pembelajaran BCSK. Selain daripada teori, model, pendekatan dalam penyampaian isi kandungan, pereka bentuk instruksi juga memberi perhatian terhadap persembahan maklumat yang disampaikan dalam Modul *DialogKopitiam* agar dapat menarik minat dan perhatian murid dalam pembelajaran BCSK, khususnya meningkatkan penguasaan dalam kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Model Reka Bentuk dan Pembangunan

Model reka bentuk dan pembangunan merupakan sesuatu proses sistematik dalam pembangunan sumber teknologi yang merangkumi analisis pembelajaran dan pencapaian, reka bentuk aplikasi, pembangunan, perlaksanaan, penilaian (Reiser & Dempsey, 2018). Pemilihan model reka bentuk instruksi adalah sangat penting kerana ia merupakan satu kerangka kerja dapat membantu pembangun atau pereka bentuk dalam mereka bentuk dan membangunkan modul untuk pembelajaran BCSK secara bersistematik dan berkeberkesanan. Terdapat beberapa jenis model yang biasa digunakan dalam kajian reka bentuk dan pembangunan bagi menghasilkan modul pengajaran dan pembelajaran, seperti Model ADDIE, Model MRKK, Model Kirkpatrick, Model ASSURE, Model Dick dan Carey dan sebagainya. Seterusnya, penyelidik akan menerangkan tentang model-model tersebut dan akan menghubungkaitkan model yang bersesuaian dengan tajuk kajian.

i. Model ADDIE

Model ADDIE diasaskan oleh Rosset pada tahun 1987. ADDIE ialah akronim bagi Analyze (Analisis), Design (Reka bentuk), Development (Pembangunan), Implementation (Pelaksanaan) dan Evaluation (Penilaian). Model ADDIE merupakan antara model rekabentuk instruksi yang sering menjadi asas kepada model-model rekabentuk instruksi dalam bidang Pendidikan (Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Mohd Isa Hamzah, & Wan Norina Wan Hamat, 2014; Azizah Jaafar & Chan, 2009;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Juppri Bacotang, Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustafa, Mahzan Arshad, & Ainon Omar, 2016; Siti Nur Kamariah Binti Rubani, 2016).

Model ADDIE mengandungi lima fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian (Rajah 2.2). Modul yang dihasilkan akan memenuhi keperluan sebenar dan sesuai digunapakai oleh pengguna dengan memastikan setiap fasa mengikuti urutan model ADDIE (Gagne, Briggs, & Wager, 1992).

i. Fasa Analisis

Fasa ini merupakan fasa permulaan dan juga fasa yang terpenting kerana fasa analisis akan menentukan cara masalah sedia ada dapat diselesaikan. Peringkat fasa analisis melibatkan beberapa proses penentuan serta mengenalpasti masalah yang ingin diselesaikan. Setelah sesuatu masalah dapat dikenalpasti proses analisis akan dilaksanakan bagi mencari apakah punca atau faktor yang berkaitan atau yang menimbul masalah tersebut. Proses analisis ini melibatkan pelbagai aspek seperti analisis terhadap pengguna, analisis terhadap persekitaraan pembelajaran, dan kenal pasti matlamat pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa ini penting dalam pembangunan modul supaya keperluan pengguna dapat dikenal pasti dan modul yang dibangunkan dapat membantu pengguna menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Fasa ini melibatkan teknik kajian seperti analisis kehendak, analisis kerja dan analisis tugasan. Output bagi fasa ini termasuklah matlamat pengajaran dan senarai tugasan yang perlu diajar. Kesemua output ini akan menjadi input bagi fasa rekabentuk.

ii. Fasa Reka Bentuk

Kandungan modul akan ditentukan setelah mengenal pasti keadaan sebenar atau masalah sebenar yang dihadapi oleh pengguna. Fasa ini akan menentukan isi kandungan, objektif pembelajaran, kaedah pemudahcaraan, strategi pemudahcaraan dan aktiviti PdPc yang akan dijalankan sebelum bermulanya fasa pembangunan modul (Gagne et al., 2005).

iii. Fasa Pembangunan

Fasa pembangunan merupakan fasa penyediaan bahan instruksi atau modul berdasarkan ketetapan pada fasa reka bentuk manakala ketetapan pada fasa reka bentuk berasal daripada maklumat yang diperoleh daripada pengguna di fasa analisis. Modul berbentuk cetakan akan dihasilkan dan digunakan oleh pengguna untuk membantu mereka menyelesaikan masalah sebenar yang wujud semasa proses PdPc berlangsung(Gagne et al., 2005). Modul yang dibangunkan akan dihantar kepada pakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi tujuan melihat kebolehgunaan dan kesesuaian kandungan dan bahasa dari perspektif pakar dalam bidang tersebut sebelum beralih ke fasa seterusnya.

iv. Fasa Pelaksanaan

Modul yang dihasilkan akan digunapakai oleh pengguna di dalam bilik darjah untuk melihat kebolehgunaan dan kesesuaiannya. Sebelum pelaksanaan modul, pembangun modul iaitu penyelidik akan memberi pendedahan kepada pengguna iaitu guru supaya dapat mengaplikasikan kandungan modul dengan tepat dan berkesan. Pembangun modul akan membuat penambahbaikan terhadap modul setelah mendapat maklum balas daripada pengguna semasa proses pelaksanaan.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Fasa Penilaian

Proses penilaian dalam fasa ini melibatkan penilaian terhadap modul dan penilaian terhadap pengguna modul. Penilaian terhadap modul berbentuk formatif dan dilakukan oleh pakar dan pengguna modul. Ia bertujuan untuk menguji kebolehgunaan dan kesesuaiannya supaya menjadikan asas dalam proses pemurniaan. Penilaian berbentuk sumatif akan dilakukan setelah modul telahpun dibangunkan dan dimurnikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2. Model ADDIE. Sumber daripada Juppri Bacotang et al., 2016

ii. Model Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses reka bentuk instruksi yang dicadangkan oleh Model MRKK terdiri daripada sembilan elemen. Elemen-elemen ini adalah seperti berikut (Rajah 2.3):


1. Mengenal pasti masalah instruksi serta menentukan matlamat untuk mereka bentuk instruksi.
2. Meneliti ciri-ciri kumpulan sasaran yang akan mempengaruhi keputusan instruksi.
3. Mengenal pasti isi kandungan serta menganalisis komponen tugasan yang sesuai dengan matlamat yang ditentukan.
4. Menetapkan objektif instruksi.
5. Menyusun urutan isi kandungan dalam setiap unit instruksi untuk pembelajaran logik.
6. Mereka bentuk strategi instruksi supaya setiap pelajar dapat menguasai objektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7. Mereka bentuk mesej instruksi.
8. Membangunkan bahan instruksi.
9. Membangunkan instrumen untuk menilai pencapaian objektif.

Langkah-langkah lain seperti perancangan, semakan semula, pelaksana, pengurusan projek, khidmat sokongan, penilaian fomatif, penilaian sumatif dan penilaian pengesahan dilakukan selepas modul diuji semasa kajian rintis dan kajian sebenar (Ruhizan Mohammad Yasin, Latifah Amin, & Kok, 2018).



Rajah 2.3. Model Morrison, Ross, Kalman dan Kemp. Sumber daripada Morrison et al., 2013

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model MRKK adalah berbentuk bulat dan bukan merupakan bentuk carta alir linear. Ini bermakna tiada titik permulaan dan titik penamat untuk merealisasikan reka bentuk instruksi. Jadi, pereka bentuk boleh memulakan reka bentuk instruksi dari mana-mana elemen yang sesuai. Oleh kerana proses reka bentuk instruksi biasanya bermula dengan mengenal pasti masalah (Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (2013), maka penyelidik akan memulakan proses pembangunan modul dari elemen 'masalah instruksi' dan diakhiri dengan elemen 'instrumen penilaian' dengan pembangunan Modul *DialogKopitiam* dilaksanakan dalam tiga peringkat, iaitu analisis keperluan, pembangunan modul dan kajian rintis.

Model MRKK juga dikelaskan oleh Gustafson & Branch (2002) dalam kategori model reka bentuk instruksi yang berorientasikan bilik darjah. Morrison et al. (2013) dalam buku mereka yang berjudul *Designing Effective Instruction* turut menyatakan bahawa model ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai konteks, termasuk dalam pendidikan. Proses reka bentuk instruksi yang dicadangkan dalam Model MRKK terdiri daripada sembilan elemen yang saling berkaitan dan saling menyokong. Model MRKK juga menjelaskan lapan proses yang berterusan sepanjang projek reka bentuk instruksi, iaitu perancangan, pengurusan projek, perkhidmatan sokongan, penilaian formatif, semakan semula, implementasi, penilaian sumatif dan penilaian konfirmatif.

Model MRKK menekankan instruksi dari perspektif (Gustafson & Branch, 2002; Morrison et al., 2013). Ciri-ciri murid perlu diambil kira semasa pemilihan strategi instruksi (Morrison et al., 2013). Di samping itu, Model MRKK beranggapan bahawa reka bentuk instruksi merupakan satu kitaran berterusan (Gustafson & Branch, 2002). Menurut Morrison et al. (2013), tiada urutan atau tertib tertentu untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merealisasikan reka bentuk instruksi. Para pereka bentuk boleh memulakan reka bentuk instruksi dari mana-mana elemen yang sesuai mengikut keperluan masing-masing. Walau bagaimanapun, Model MRKK mencadangkan supaya pereka bentuk bermula dengan mengenal pasti masalah (Morrison et al., 2013).

iii. Model Kirkpatrick

Pada tahun 1996, Kirkpatrick memperkenalkan Model Empat Tahap iaitu tahap reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan keputusan dalam Model Kirkpatrick. Jadual 2.3 menunjukkan elemen dan maksud tahap penilaian dalam Model Kirkpatrick.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.3

Maksud elemen tahap penilaian dalam Model Kirkpatrick


Elemen	Maksud
Reaksi	Data dikumpul daripada kumpulan sasar terhadap latihan
Pembelajaran	Menilai apa yang dipelajari dan disimpan daripada pengalaman pembelajaran
Tingkah Laku	Penilaian ke atas perubahan melalui pengaplikasian tahap pencapaian kerja selepas tamat latihan
Keputusan	Menilai kesan seperti kos, kualiti dan kuantiti serta manfaat daripada latihan terhadap perubahan budaya kerja yang positif

Sumber: Diadaptasi daripada Syed Khalid Syed Idrus @ Sd Iskandar (2018)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Kirkpatrick mempunyai keupayaan untuk membantu proses penilaian sesebuah latihan, maka model ini kerap diguna dan diaplikasikan dalam bidang pendidikan (Kamaruzzaman Abdul Manan, Shuhaida Md Nor, & Bahiyah Omar, 2013). Model Kirkpatrick ini dilakukan semasa reka bentuk dan pembangunan semasa bahan instruksi sedang dilaksanakan. Kandungan Model Kirkpatrick ini mempunyai empat domain utama seperti dalam Rajah 2.4 di bawah.



Rajah 2.4. Empat domain utama dalam Model Kirkpatrick. Sumber daripada Kamaruzzaman Abdul Manan, Shuhaida Md Nor, & Bahiyah Omar, 2013

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Model ASSURE

Model ASSURE digubal oleh Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino (1982) dan ia merupakan model reka bentuk pengajaran yang boleh digunakan untuk merancang penggunaan media secara sistematik. Model ini bertujuan untuk menyediakan panduan merancang dan mengendalikan pengajaran yang menggunakan media. Model ASSURE terdiri daripada enam langkah iaitu bermula dengan langkah menganalisis pelajar, menyatakan objektif, memilih kaedah, media dan bahan, menggunakan media dan bahan, mendorong penglibatan murid dan langkah terakhir menilai dan menyemak (Rajah 2.5) (Heinich, Molenda, Russell & Smaldino, 2002).

Penggunaan model ASSURE dalam reka bentuk instruksi berupaya menghasilkan bahan yang baik dari aspek isi kandungan, penilaian, kemahiran bahasa, pengajaran dan pembelajaran serta pedagogi (Heinich, Molenda, Russell & Smaldino, 2002; Sahertian, Wajabula & Amtu, 2020). Akronim daripada Model ASSURE adalah seperti berikut (Jadual 2.4):


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.4

Akronim dan keterangan daripada Model ASSURE

Akronim	Keterangan
A	Analisis murid *(Analyse learners)*
S	Nyatakan objektif pembelajaran *(State learning objectives)*
S	Pilih kaedah, media dan bahan *(Select methods, media and materials)*
U	Gunakan media dan bahan *(Utilize media and materials)*
R	Penglibatan murid dalam pembelajaran *(Require learner participation)*
E	Penilaian / Semak semula *(Evaluate / Review)*



Rajah 2.5. Enam langkah dalam model ASSURE.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah Pertama: Analisis Murid

Analisis murid termasuk ciri-ciri umum murid seperti umur, tahun, latar belakang dan sebagainya. Langkah ini adalah untuk mengetahui pengetahuan dan kemahiran sedia ada murid tentang tajuk dan kandungan pelajaran. Maklumat boleh diperoleh daripada ujian kemasukan dan juga interaksi bersama mereka. Media yang digunakan perlu disesuaikan dengan ciri-ciri murid, kandungan pelajaran, kaedah, media dan bahan pembelajaran. Untuk menganalisis ciri murid, terdapat 3 perkara penting untuk dilihat iaitu penggunaan sesuatu media dalam proses PdPc perlu disesuaikan dengan ciri-ciri murid supaya penggunaannya berkesan dan bermakna kepada murid; perkembangan tahap kognitif dan fizikal murid yang akan diajar; perbezaan budaya dan bahasa setiap murid harus diberi pertimbangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah Kedua: Nyatakan Objektif

Objektif pembelajaran perlu dinyatakan dengan jelas supaya guru dapat lebih fokus kepada perkara yang sepatutnya dipelajari dan dikuasai oleh murid. Setiap aktiviti PdPC yang dirancang adalah untuk menyampaikan maklumat berdasarkan objektif pembelajaran. Penggunaan kaedah dan media yang bersesuaian dapat dipilih kerana guru telah fokus terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap baru yang perlu dikuasai oleh murid. Objektif pembelajaran berfokuskan kepada apakah pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baru untuk dipelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah Ketiga: Pilih Kaedah, Media dan Bahan

Dalam proses pemilihan, membaiki atau mengubah suai media, guru perlu berdasarkan kepada tingkat kebolehan murid dan objektif pembelajaran yang ingin dicapai. Terdapat 3 perkara yang perlu dilakukan dalam langkah ini iaitu memilih kaedah, memilih media dan memilih bahan.

Dalam suatu pengajaran, pelbagai kaedah akan diaplikasikan untuk disesuaikan dengan aktiviti PdP yang dipilih seperti set induksi, aktiviti kumpulan, latihan dan sebagainya. Guru harus memilih kaedah sesuai untuk menarik perhatian murid dengan set induksi dan diikuti dengan kaedah perbincangan, latihan dan latih tubi untuk mempelajari sesuatu pengetahuan yang baru. Seterusnya, guru harus memilih media yang sesuai seperti slaid, video, tayangan komputer multimedia dan sebagainya untuk proses PdP. Akhirnya, guru harus memilih bahan sumber PdP seperti buku teks, nota, buku latihan dan sebagainya untuk proses PdP.

Langkah Keempat: Gunakan Media dan Bahan

Penggunaan media dan bahan dalam pengajaran adalah penting kerana hal ini menjadi penentuan kepada keberkesanan proses PdP. Media dan bahan yang telah dipilih akan menyediakan persekitaran yang sesuai untuk pembelajaran murid. Selain itu, ia perlu bersesuaian dengan pengalaman atau pengetahuan sedia ada murid supaya memudahkan murid untuk memahami kandungan pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah Kelima: Penglibatan Murid Dalam Pembelajaran

Untuk memastikan proses pembelajaran berlaku, murid perlu terlibat dalam aktiviti pembelajaran seperti perbincangan, gerak kerja kumpulan, latihan pengukuhan dan sebagainya secara aktif supaya dapat mengukuhkan apa yang dipelajari oleh murid.

Langkah Keenam: Penilaian/Semak Semula

Penilaian ialah proses untuk mengukur keberkesanan proses PdP. Setelah tamat proses PdP, penilaian perlu dilakukan untuk melihat kekuatan dan kelemahan serta keberkesanan media secara menyeluruh agar penambahbaikan dapat dilakukan untuk mendapatkan kesan penggunaan media yang maksimum dalam pemudahcaraan. Penilaian boleh dibuat terhadap sesebuah program atau kursus, kesesuaian penggunaan media, pembinaan bahan pengajaran, dan pencapaian murid.

v. Model Dick & Carey

Model reka bentuk instruksional Dick dan Carey diperkenalkan oleh Walter Dick dan Lou Carey (1978). Model Dick dan Carey melibatkan komponen murid, pengajar, bahan pengajaran, sistem penyampaian dan persekitaran. Kelebihannya ialah ia merupakan sesuatu instruksi yang menyeluruh, memberi tumpuan kepada hubungkait antara konteks, kandungan pembelajaran dan pemudahcaraan. Berikut merupakan 9 langkah dalam Model Dick dan Carey (Jadual 2.5):

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.5

Sembilan langkah dalam Model Dick dan Carey

Bil	Fasa	Keterangan
1	Fasa Pertama	Menilai Keperluan Untuk Mengenalpasti Matlamat Pengajaran / *Assess Needs To Identify Instructional Goal*
2	Fasa Kedua	Melaksanakan Analisis Pengajaran / *Conduct Instructional Analysis*
3	Fasa Ketiga	Menganalisa Pengguna dan Konteks / *Analyze Learners and Context*
4	Fasa Keempat	Menulis Objektif Pelaksanaan / *Write Performance Objectives*
5	Fasa Kelima	Membangunkan Kaedah Penilaian / *Develop Assesement Instrument*
6	Fasa Keenam	Membangunkan Strategi Pengajaran / *Develop Instructional Strategy*
7	Fasa Ketujuh	Membangunkan dan Memilih Bahan Pengajaran / *Develop and Select Instructional Materials*
8	Fasa Kelapan	Merekabentuk dan Melaksanakan Penilaian Formatif Pengajaran / *Design and conduct formative Evaluation of Instruction*
9	Fasa Kesembilan	Merekabentuk dan Melaksanakan Penilaian Sumatif / *Design and Conduct Summative Evaluation*

Sumber: Noor Asma Ismail & Mohamed Yusoff Mohd Nor (2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Dick dan Carey (1996) menggunakan pendekatan sistem dan mempunyai sembilan langkah. Setiap langkah akan menerima input daripada langkah sebelumnya dan akan memberi output kepada langkah seterusnya. Mengikut Dick dan Carey, langkah penilaian sumatif tidak dimasukkan sebagai salah satu langkah dalam model ini.

Fasa 1

Fasa 1 merupakan fasa untuk menentukan matlamat instruksional. Matlamat instruksional boleh dikenalpasti daripada senarai matlamat instruksional, kajian atau taksiran keperluan, masalah atau pengalaman pembelajaran yang dilalui atau keperluan untuk merancang kurikulum dan pengajaran baru. Biasanya matlamat pengajaran adalah lebih umum dan luas. Daripada matlamat instruksional, boleh perkembangan matlamat ini kepada objektif atau hasil pembelajaran yang lebih spesifik.

Fasa 2

Fasa ini melibatkan analisis pengajaran untuk mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan sikap yang harus dicapai oleh murid. Dicadangkan agar menyediakan suatu peta analisis pengajaran untuk memaparkan secara visual langkah-langkah tertentu dalam perlaksanaan matlamat pengajaran dan mengenal pasti kemahiran dan tingkah laku. Kemudian, mengetahui dengan lebih mendalam tentang sasaran. Lebih banyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diketahui, lebih mudah untuk memulakan pengajaran. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan ialah:

- Peringkat masuk
- Pengetahuan asas berkaitan topik
- Sikap terhadap kandungan dan sistem penyampaian yang akan digunakan
- Motivasi akademik
- Tahap pendidikan dan kebolehan murid
- Pilihan cara belajar secara umum
- Sikap terhadap organisasi yang menyediakan instruksi
- Ciri-ciri kumpulan murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa 3

Fasa ini akan melihat kemahiran yang digunakan oleh murid. Pengetahuan, kemahiran dan sikap murid akan ditentukan dan disesuaikan dengan ciri atau keadaan latar atau menentukan kemahiran itu dilakukan. Perkara ini sangat penting terutama dalam menentukan strategi instruksional dalam langkah berikutnya.

Fasa 4

Objektif prestasi bersamaan dengan objektif atau hasil pembelajaran. Pernyataan objektif prestasi akan mengenal pasti kemahiran (tingkah laku) yang akan dipelajari, syarat kemahiran itu perlu dilakukan dan kriteria untuk menentukan pencapaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif prestasi adalah kenyataan penting tentang tingkah laku yang murid dapat lakukan untuk menunjukkan bahawa ia tahu dan berupaya melakukan. Tujuan menentukan objektif prestasi adalah untuk:

- Membangunkan item penilaian yang sah dan dipercayai
- Menjelaskan apa yang hendak diajar
- Meningkatkan komunikasi antara pengajar dan murid
- Kemahiran dalam analisis pengajaran diterjemahkan ke dalam penerangan lengkap apa yang murid akan dapat lakukan selepas menamatkan pengajaran.

Fasa 5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Membina instrumen penilaian berdasarkan kepada objektif prestasi untuk mengukur keupayaan atau prestasi yang dapat ditunjukkan oleh murid. Jenis-jenis ujian adalah seperti aneka pilihan, esei, soalan pendek, isi tempat kosong dan sebagainya. Soalan yang mengelirukan murid atau terkeluar dari skop pelajaran akan menganiayai murid dan tidak sah sebagai ujian yang sahih atau menepati peraturan ujian rujukan kriteria.

Fasa 6

Langkah enam ialah mengenal pasti strategi pengajaran untuk mencapai objektif pengajaran. Strategi pengajaran adalah pelan atau rancangan keseluruhan aktiviti pengajaran untuk mencapai matlamat pengajaran. Strategi melibatkan susunan objektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan aktiviti pembelajaran mengikut urutan untuk mencapai matlamat pengajaran. Lima komponen strategi pengajaran adalah seperti berikut:

Strategi ini harus merujuk kepada teori pembelajaran terkini dan dapatan kajian serta ciri media yang akan digunakan untuk menyampaikan instruksi, kandungan pengajaran yang akan diajar dan ciri-ciri murid yang terlibat dalam pengajaran. Ciri-ciri ini akan digunakan untuk memilih atau membina bahan pengajaran serta membina strategi instruksional.

Fasa 7

Bahan pengajaran bermaksud semua jenis bahan seperti panduan guru, buku teks, bahan *powerpoint*, modul, video, audio dan sebagainya. Keputusan untuk membina bahan asli bergantung kepada jenis dan kaedah pembelajaran, kemudahan, kepakaran dan bahan yang ada di sekolah.

Fasa 8

Selepas draf atau prototaip bahan dihasilkan, langkah seterusnya adalah melakukan penilaian formatif iaitu mengumpul data dan maklumat untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran. Penilaian formatif adalah ujian awal semasa sistem pengajaran dijalankan agar dapat membantu memudahkan pengajaran. Terdapat tiga jenis penilaian formatif iaitu penilaian satu sama satu, penilaian kumpulan kecil dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaian luar atau lapangan. Setiap penilaian akan memberi maklumat yang berbeza yang boleh digunakan untuk menambahbaik pengajaran. Reka bentuk pengajaran yang dihasilkan boleh dijadikan kerangka untuk menentukan bahagian yang memerlukan penambahbaikan. Apabila menilai pengajaran, tumpuan adalah kepada kejelasan, kesan dan kemungkinan.

Fasa 9

Data dan maklumat dari penilaian formatif dikaji dan diinterpretasi untuk mengenal pasti kesukaran atau masalah yang dialami oleh murid untuk mencapai objektif atau hasil pembelajaran. Adalah penting untuk melihat semula pernyataan objektif dan item ujian berasaskan kepada data dan maklumat yang diterima dalam penilaian formatif. Strategi instruksional akan dikaji semula dan kesemuanya akan digembling untuk menghasilkan bahan pengajaran yang berkesan. Walaupun penilaian sumatif adalah penting untuk menilai pengajaran pada akhir proses reka bentuk dan bina bahan, ia bukan sebahagian dari proses reka bentuk instruksional. Ia merupakan penilaian terakhir selepas penilaian formatif dijalankan untuk memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh pereka pengajaran.

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa model reka bentuk dan pembangunan yang sering digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian, iaitu model ADDIE, model Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK), model Kirpatrik, model ASSURE, model Dick & Carey dan sebagainya. Namun demikian, kajian ini akan memilih dan mengaplikasikan model Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK) ke dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Rasional untuk memilih model ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut pada bahagian Bab 4 nanti.

2.4 Kemahiran Lisan

Pengajaran bahasa komunikasi (*communicative language teaching*) ~~di Barat~~ lebih berpusat kepada murid berbanding dengan berpusat kepada guru. Peranan utama guru dalam bilik darjah adalah memudahkan proses komunikasi murid melalui tugasan pembelajaran yang berkesan (Hu, 2010). Kebanyakan murid beranggapan pembelajaran bahasa kedua adalah melalui menghafal kata-kata, membaca banyak buku dan menghadiri kelas sahaja. Hu (2010) dalam *Communicative language teaching in the Chinese environment* telah melaporkan bahawa ujian yang diskrit, peperiksaan berstruktur seperti Ujian Bahasa Matrikulasi Kebangsaan (NMET) dan Ujian Bahasa Inggeris Kolej (CET 1-4) tidak menguji kemahiran komunikasi murid dalam pembelajaran bahasa kedua di China.

Namun, kebolehan bertutur yang lemah, atau kesukaran memahami B2 kerana mereka tidak biasa bercakap. Faktor luaran termasuk guru B2 yang tidak mempunyai kaedah pengajaran pertuturan, kemudahan dan infrastruktur yang betul untuk belajar bercakap dengan kualiti atau gangguan rakan sekelas. Bertutur dalam B2 atau bahasa asing sering dilihat sebagai yang paling penting daripada empat kemahiran. Oleh itu, ini telah menjadi sebagai suatu halangan kepada murid sekiranya tidak dapat menguji tahap penguasaan murid terhahap kemahiran mendengar dan bertutur semasa mempelajari B2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Meninjau dari skop yang lebih luas, kemahiran mendengar (Nur Ashikin Kamaruddin et al., 2013) dan bertutur (Sreena & Ilankumaran, 2018) merupakan komponen asas yang penting untuk semua murid. Penguasaan kemahiran ini dengan baik untuk murid yang mempelajaran mata pelajaran BCSK sebagai bahasa tambahan adalah berkait rapat dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru.

2.4.1 Kemahiran Mendengar

Sejak tahun 50-an, banyak teori diperkenalkan oleh ahli-ahli linguistik, psikologi dan psikolinguistik. Antaranya seperti Chomsky (1976) percaya bahawa kanak-kanak menguasai sesuatu bahasa secara semula jadi dan tanpa perlu dilatih atau dipaksa. Manusia mempunyai alat pemerolehan bahasa (*Language Acquisition Device*) yang dilahirkan secara semula jadi (Chomsky, 1976). Mendengar merupakan suatu unsur komunikasi yang tertua, terpenting dan paling kerap digunakan semasa berkomunikasi (Azman Che Mat, Ahmad Zulfadhli Nokman, Nor Shaifura Musilehat, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, & Zalinawati Abdullah, 2022). Menurut Azman Che Mat, Ahmad Zulfadhli Nokman, Nor Shaifura Musilehat, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, & Zalinawati Abdullah (2022); Nur Ashikin Kamaruddin et al., (2013), kemahiran mendengar merupakan sesuatu kemahiran bahasa yang paling penting dan wajib dikuasai oleh murid pada peringkat permulaan pembelajaran. Ini selari dengan Vandergrift (2008) bahawa mendengar merupakan kemahiran terpenting untuk (B2) pembelajaran bahasa tambahan, terutama pada peringkat awal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, kemahiran mendengar haruslah dipupuk semasa waktu kecil. Didapati sebelum perkataan pertama keluar dari mulut bayi, bayi itu telah terdedah terlebih dahulu dengan bunyi bahasa secara langsung atau tidak langsung dalam proses pemerolehan bahasa kanak-kanak (Rost, 2002). Ini telah membawa makna bahawa mendengar merupakan asas dalam kemahiran berbahasa. Sehubungan itu, dianggarkan lebih kurang 60% daripada masa yang digunakan adalah untuk mendengar (Chomsky, 1976). Maka, pendengar perlu memiliki kemahiran mendengar yang berkesan supaya mesej yang diterima dapat dimanfaatkan dengan baik.

Namun demikian, kajian-kajian (Alzamil, 2021; H. T. D. Huang, Hung, & Plakans, 2018; Mazlan, 2000; R. Meyer, 1984; Mulyadi, 2018; Paul-Evanson, 1996; Porter & Roberts, 1981; Rui, 2022) terhadap mendengar menunjukkan kemahiran ini selalu diabaikan semasa pembelajaran bahasa sejak dahulu sehingga kini. Ini juga selari dengan Noor Azmira Mohamed (2015) bahawa penyelidik-penyelidik adalah lebih berfokus kepada teori pemerolehan bahasa, tahap-tahap pemerolehan serta penguasaan bahasa kanak-kanak dalam pelbagai aspek tatabahasa seperti fonetik, fonologi, morfologi, semantik serta sintaksis sahaja. Oleh itu, kemahiran mendengar adalah selalu diabaikan oleh kebanyakan penyelidik.

Kemahiran mendengar bukan sahaja merupakan elemen penting untuk membentuk komunikasi yang berkesan, ia juga membantu orang ramai memahami dunia (Rost, 2002). Apabila pendengar menerima bunyi secara audio dan isyarat secara visual, pendengar mengakses dan mentafsir setiap jenis maklumat ini untuk berkomunikasi (Cubilo & Winke, 2013; Ockey, 2007). Bejar, Douglas, Jamieson, Nissan, & Turner (2000) menentukan kemahiran mendengar mengandungi unsur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mendengar dan memberi respons. Rajah 2.6 menunjukkan tiga jenis peringkat mendengar dalam berkomunikasi iaitu pengetahuan situasional *(situational knowledge)*, pengetahuan linguistik *(linguistic knowledge)*, dan pengetahuan latar belakang *(background knowledge)* (Bejar et al., 2000). Pengetahuan linguistik *(linguistic knowledge)* berkaitan dengan maklumat berkaitan dengan bahasa yang disimpan dalam ingatan pendengar dan digunakan semasa proses pemahaman untuk membuat dan mentafsir wacana atau perbualan dalam penggunaan bahasa. Ia terdiri daripada fonologi, leksikal, sintaksis, semantik dan pengetahuan pragmatik (Rukthong & Brunfaut, 2020). Pengetahuan situasional *(situational knowledge)* berlaku semasa pendengar menerima isyarat audio dan visual yang diterima, mereka akan mengakses setiap jenis pengetahuan ini sementara memproses isyarat tersebut (Cubilo & Winke, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengetahuan latar belakang *(background knowledge)* pula merujuk kepada pengetahuan dunia atau budaya yang membantu pengguna bahasa dengan mentafsir makna perkataan dan ayate semasa mendengar (Rukthong & Brunfaut, 2020). Pendengar menggunakan pengetahuan jenis ini untuk membantu proses pemahaman mereka (Field, 2013). Secara khususnya, pengetahuan latar belakang ini memainkan peranan dalam konteks B2 di mana latar belakang budaya dan pengalaman seseorang individu berbeza dari konteks bahasa sasaran. Akhirnya, pendengar membuat fikiran dan memproses isyarat audio atau visual yang diterima dan kemudian beralih ke tahap respons. Kemudian, pendengar merumuskan dan membalas respons secara lisan atau respons secara esei bertulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.6. Tiga jenis peringkat mendengar dalam berkomunikasi. Sumber daripada Bejar et al., 2000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sehubungan itu, Gruba (1993, 2006); Vandergrift & Goh (2012) masing-masing mentafsirkan kemahiran mendengar dalam B2 sebagai ‘proses aktif di mana pendengar memilih dan menafsirkan maklumat yang berasal dari audio dan visual untuk menentukan apa yang sedang berlaku dan cuba memahami mesej yang disampaikan oleh penutur’. Oleh itu, penemuan ini selari dengan Ockey (2007) bahawa kemahiran mendengar mesti mengambil kira komponen mendengar dan audio lisan, terutamanya apabila sumber asalnya biasanya mengandungi maklumat daripada visual dan audio. Menurut murid yang mampu mendengar dengan baik akan membantu mereka menghasilkan pertuturan yang baik kerana mereka dapat memahami sesuatu yang didengar dengan jelas dan betul (Ku Fatahiyah Ku Azizan et al., 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, dapatan kajian Abdul Rashid Ali (1994) menunjukkan tahap kemahiran mendengar bahasa Malaysia oleh murid Cina dan India adalah berbeza berbanding dengan murid Melayu. Bahasa Malaysia merupakan bahasa pertama bagi murid Melayu manakala bagi murid India dan Cina, berkemungkinan bahasa tersebut menjadi bahasa kedua ataupun ketiga. Dengan itu, tahap pencapaian dalam kemahiran mendengar tidak boleh dibuat perbandingan. Ini adalah sama seperti keadaan pembelajaran Bahasa Cina di sekolah jenis kebangsaan (Cina) dan pembelajaran BCSK di sekolah kebangsaan adalah berbeza. Ini adalah disokong oleh Conrad (1981) bahawa proses komunikasi antara bahasa pertama dan bahasa kedua ataupun bahasa asing adalah berbeza. Conrad (1981) seterusnya telah meringkaskan proses komunikasi melalui model komunikasi seperti rajah yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.7. Perbezaan Model Komunikasi Mudah dalam bahasa pertama dan bahasa tambahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1.1 Proses Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Mendengar

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru sering kali menghadapi pelbagai masalah yang berbeza oleh setiap orang murid dalam sesebuah kelas. Perbezaan ini adalah terdiri daripada segi minat terhadap mata pelajaran, latar belakang, gaya belajar, nilai, motivasi dan lain-lain lagi yang menjadi persoalan yang tidak dapat diselesai oleh para pendidik sehingga kini.

Menurut Funk & Funk (1989), terdapat empat jenis faktor yang menjadi halangan guru untuk mengajar kemahiran mendengar dalam kelas. Pertama, ramai guru berpendapat kebolehan mendengar berkembang secara semula jadi pada murid dan tidak perlu mengajar kemahiran mendengar. Kedua, terdapat guru yang mengadu bahawa kemahiran mendengar tidak dapat diajar, sekiranya diajar pun tidak dapat dinilai dengan berkesan. Ketiga, kandungan kurikulum di sekolah terlalu ketat sehingga guru tidak mempunyai masa yang berlebihan untuk mengajar kemahiran mendengar. Faktor yang keempat merupakan guru tidak keinginan untuk mengajar kemahiran mendengar dalam kelas kerana mereka hanya menerima sedikit maklumat daripada pihak berkenaan untuk mengajar kemahiran mendengar. Jelasnya, ini telah membuktikan mendengar merupakan aktiviti harian yang memainkan peranan penting dalam menerima maklumat dalam kehidupan seharian sekiranya kemahiran mendengar diabaikan (Nushi & Orouji, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat penyelidik telah mendapati bahawa ramai murid sangat mahir dalam membaca dan menulis tetapi agak lemah dalam mendengar dan bertutur (Kannan, 2019; Rui, 2022; Suchona & Shorna, 2019; Y. Zhu & Zhang, 2022), terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran BC sebagai bahasa kedua. Beberapa masalah yang menyebabkan murid menghadapi kesukaran dalam pembelajaran Bahasa Cina. Misalnya, kesunyian dan pemalu dalam kelas, latihan bilik darjah yang tidak relevan, saiz kelas yang besar, ketakutan terhadap kritikan, dan kebimbangan dalam bertutur terhadap kadar pertuturan murid yang lebih rendah dan sebagainya (Suchona & Shorna, 2019).

Hal ini selari dengan dapatan kajian oleh pengkaji Rui (2022) bahawa pengajaran mendengar adalah lebih sukar untuk dilaksanakan berbanding dengan pengajaran membaca dan pengajaran menulis dalam kelas Bahasa Cina. Dapatan kajian mendapati kebiasaan murid berkomunikasi dengan ibu bapa dan rakan sekelas di luar kelas, kurang persekitaran komunikasi yang baik, kandungan pengajaran berpisah dengan kehidupan sebenar murid, sukar mengaplikasi dipelajari dalam kelas ke amalan hidup.

Masalah senang hilang tumpuan sering dihadapi oleh murid semasa guru menyampaikan isi pelajaran dalam kelas. Ini adalah disebabkan kebanyakan guru mengamalkan satu corak pengajaran tanpa mengira tahap penguasaan yang berbeza antara mereka (Muhanizah Ahmad Mokhtar, 2006). Lama-kelamaan, murid akan kehilangan minat terhadap mata pelajaran yang diajar oleh guru tersebut. Kehilangan minat oleh murid dalam kelas akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terputus. Hasil daripada sorotan literatur yang dilakukan, keupayaan mendengar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan asas yang penting dalam proses pembelajaran bahasa asing (Barona-Oñate, López-Pérez, López López, & Mocha-Bonilla, 2020). Oleh itu, murid tidak akan menumpukan perhatian dan mendengar isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dalam kelas.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi pendengar, sesetengah daripadanya mungkin tidak dapat dikawal seperti bunyi latar belakang yang boleh mengurangkan kefahaman mendengar (Rui, 2022; Sahlén, Brännström, Lyberg Åhlander, & Rudner, 2020). Selain itu, pendengar mungkin tidak berupaya untuk mempengaruhi kadar bercakap penyebut dan tidak dapat membuat mereka mengulangi perkataan atau frasa tertentu sekiranya saiz perbendaharaan kata yang menjadi bebanan semasa berkomunikasi (Alzamil, 2021). Memandangkan kepentingan kemahiran mendengar untuk menguasai Bahasa Cina sebagai B2, masalah yang berkaitan dengan penguasaan kemahiran mendengar harus diselesaikan dengan menggunakan pengajaran strategi yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar. Jadi, ini akan menyebabkan penguasaan murid terhadap kemahiran mendengar dalam kelas BCSK akan terganggu sekiranya masalah ini tidak diselesaikan dengan secepat mungkin. Oleh itu, Modul *DialogKopitiam* dapat menjadi satu kaedah dan pendekatan yang sesuai bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar dan selesa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, penyelidik mendapati bahawa kajian pengajaran dan pembelajaran BC sebagai bahasa tambahan di luar negara, khususnya China dengan kajian penyelidikan tempatan masih jauh beza. Walaupun terdapat sebilangan penyelidikan sarjana tempatan telah menjalankan penyelidikan ke atas bidang BC sebagai bahasa tambahan / asing, namun hasil kajian tempatan secara umumnya masih belum mencapai peringkat yang mantap jika berbanding dengan hasil kajian di China, terutamanya dalam bidang kemahiran mendengar dan bertutur.

2.4.1.2 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar amat penting dalam pengajaran bahasa (Alzamil, 2021; Kannan, 2019; Rui, 2022). Melalui kemahiran mendengar, murid dapat memahami sesuatu yang didengar dengan betul dan jelas. Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dalam proses mempelajari bahasa yang diwajibkan terhadap para pelajar (Ibtisam Abdullah & Zamri Ahmad, 2012). Kemampuan mendengar yang baik akan membantu mereka menghasilkan pertuturan yang baik (Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali & Awatif Abdul Rahman, 2014). Proses pengajaran dalam melatih kemahiran mendengar murid lazimnya melalui suara guru di dalam kelas. Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali & Awatif Abdul Rahman (2014) telah menunjukkan muird-murid memerlukan bimbingan langsung daripada guru untuk memahami tajuk yang diperdengarkan serta guru harus mempelbagaikan nada dan intonasi suara bagi memudahkan kefahaman murid semasa pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk mencapai pemahaman yang jelas dalam mendengar B2, murid sering terlibat dalam mekanisme yang disebut sebagai 'strategi', berikutan penggunaan istilah dalam psikologi kognitif *(cognitive psychology)* (Goh, 2002). Dalam psikologi kognitif, istilah strategi dikaitkan dengan ingatan manusia dan merujuk kepada langkah-langkah mental atau operasi yang dilakukan untuk menyelesaikan tugas kognitif seperti membaca peta, menghafal, memproses maklumat dan menyelesaikan masalah (Flavell, Miller, & Miller, 2002; Groome et al., 2014) dalam mendengar B2.

Tambahan pula, penyelidikan (Gao, 2011; Vandergrift, 2003, 2008; Vandergrift & Goh, 2012) menunjukkan batasan dalam pengetahuan linguistik dan bukan linguistik ketika mendengar berlaku dalam konteks B2 (Rukthong & Brunfaut, 2020). Ini bermaksud bahawa pendengar B2 juga sering menggunakan strategi untuk mempermudah proses pemahaman mereka. Justeru, strategi yang bersifat proses kognitif sering digunakan untuk memudahkan proses mendengar dan merapatkan jurang mendengar dalam konteks B2 (Vandergrift & Goh, 2012). Goh (2002) juga melaporkan penemuan tentang strategi kognitif B2. Strategi kognitif selalu digunakan semasa memproses teks atau konteks serta ketika pendengar menghadapi masalah pemahaman (Rukthong & Brunfaut, 2020). Strategi kognitif ditakrifkan sebagai suatu strategi belajar yang dimiliki oleh seseorang murid untuk mengawal proses dalamannya serta interaksinya dengan persekitaran dalam pemprosesan maklumat untuk mencapai objektif kognitif (Yong & Effandi Zakaria, 2011) terhadap kemahiran mendengar. Strategi kognitif dalam kemahiran mendengar telah dikemukakan dalam enam peringkat (Goh, 2002; Vandergrift, 2003; Vandergrift & Goh, 2012), iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Membuat kesimpulan *(inferencing)*: bergantung pada maklumat dari teks atau konteks untuk mengenal pasti makna yang tidak diketahui, mengisi jurang dalam mendengar seseorang, atau menghubungkaitkan antara bahagian maklumat untuk membolehkan tafsiran teks yang lebih koheren.

b. Penjelasan *(Elaboration)*: menggunakan pengetahuan dari luar teks atau konteks yang lebih luas untuk menafsirkan makna teks atau konteks. Penjelasan melibatkan menambah atau mengubah bahan yang dipelajari untuk menjadikannya lebih bermakna dan berkesan (Weinstein, Acee, & Jung, 2009).

c. Ramalan *(Prediction)*: membuat ramalan pada maklumat yang akan datang.

d. Terjemahan *(Translation)*: mencari perkataan, frasa atau ayat bahasa ibunda atau bahasa pertama yang setara sebelum pentafsiran.

e. Pembetulan *(Fixation)*: berhenti seketika untuk cuba memahami pecahan teks tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f. Pembinaan semula *(Reconstruction)*: bergantung pada kata / frasa dari teks atau konteks mendengar untuk mencipta semula bahagian teks yang hilang semasa mendengar agar pemahaman adalah lengkap.

Strategi kognitif ini adalah penting kerana strategi ini berupaya untuk mengawasi, mengatur atau mengarahkan proses pemahaman mendengar dengan mengatur tentang penyebaran strategi tersebut (Vandergrift, 2008). Di samping itu, pendengar menggunakan strategi kognitif untuk memanipulasi dan meringkaskan elemen dari teks mendengar atau menerapkan teknik khusus untuk tugas mendengar. Hal ini selari dengan dapatan kajian (Salehan & Hassan, 2017) yang menunjukkan pelajar memahami teks audio sebagai bahan penguasaan kemahiran mendengar dalam proses pembelajaran melalui beberapa jenis strategi kognitif dalam pembelajaran B2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, pendengaran B2 yang berkesan melibatkan susunan dan aturan yang teliti dari strategi kognitif melalui 6 peringkat, iaitu membuat kesimpulan, penjelasan, ramalan, terjemahan, pembetulan dan pembinaan semula agar murid berupaya menggunakan pemikiran secara langsung bagi membuat penaakulan terhadap maklumat yang diterima dan disimpan ke dalam memori.

Manakala, strategi metakognitif juga boleh digunakan untuk mengurus dan mengawasi dalam pengajaran dan pembelajaran proses mendengar. Penggunaan strategi metakognitif ini mengoptimumkan fungsi proses kognitif dan strategi kognitif (Rukthong & Brunfaut, 2020). Strategi metakognitif dikemukakan oleh Goh (2002); Vandergrift, (2003); Vandergrift & Goh (2012) merangkumi yang berikut:

a. Bersedia untuk mendengar *(Preparing for listening)*: merancang atau dan menganalisis tugas arahan.
b. Perhatian selektif *(Selective attention)*: memberi tumpuan secara selektif pada maklumat yang diharapkan didengar oleh pendengar.
c. Perhatian yang diarahkan *(Directed attention)*: menarik perhatian seseorang ke dalam teks apabila seseorang hilang tumpuan.
d. Pemantauan pemahaman *(Monitoring comprehension)*: memeriksa dan mengesahkan ketepatan tafsiran texual.
e. Penilaian masukan masa nyata (*Real-time assessment of input)*: maklumat latar depan dan latar belakang pada keperluan tugas.
f. Penilaian pemahaman (*Comprehension evaluation)*: menilai seseorang memahami pendengaran yang didengar untuk menyelesaikan tugasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam membangunkan strategi metakognitif, strategi kognitif dianggap sebagai strategi yang sesuai untuk disepadukan dengan strategi metakognitif untuk menjadikan murid mempunyai autonomi dengan merancang dan memutuskan strategi yang terbaik dalam menguasai kemahiran mendengar (Mulyadi, 2018) tetapi juga mengetahui penyelesaian masalah pendengaran dalam pembelajaran B2. Menurut Rukthong & Brunfaut (2020), empat strategi metakognitif seperti perhatian selektif, perhatian yang terarah, pemantauan pemahaman dan penilaian masukan masa nyata diaktifkan setelah pendengar bermula mendengar sesuatu. Strategi penilaian pemahaman pula dilaksanakan ketika proses mendengar hampir ditamatkan. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu seperti Barkaoui, Brooks, Swain, & Lapkin, (2013) mendapati tiada hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi dan prestasi tugasan yang diberikan kepada murid. Namun, penyelidikan empirikal (Field, 2013; C. C. M. Goh, 2002; Mulyadi, 2018; Rost, 2002; Vandergrift, 2003; Vandergrift & Goh, 2012) mendapati strategi-strategi yang digunakan adalah bergantung kepada penggunaan strategi dan proses untuk interaksi secara kognitif dalam kemahiran mendengar. Sebagai contoh, cikgu merancang untuk mendengar perkataan yang ditekankan dalam ujaran sebagai metakognitif, pelajar melakukannya sebagai strategi kognitif (Field, 2013). Oleh itu, strategi kognitif dan strategi metakognitif akan dijalankan serentak dalam kemahiran mendengar untuk pembelajaran B2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Kemahiran Bertutur

Bailey (2005) menyatakan bahawa ramai yang mempelajari sesuatu bahasa, kemahiran bertutur dalam bahasa yang dipelajari mereka lebih sukar berbanding kemahiran-kemahiran lain. Kemahiran bertutur diperolehi melalui bertutur dan mendengar sebelum seseorang belajar membaca dan menulis (Moradi & Talebi, 2014; Zainurrahman & Sangaji, 2019). Ini juga seperti yang dinyatakan oleh Brown & Yule (1983) bahawa banyak murid menganggap bertutur semasa komunikasi merupakan kriteria utama untuk mengetahui sesuatu bahasa secara mendalam. Oleh itu, adalah penting sekiranya seseorang guru ingin mengajar murid bertutur secara berkesan agar dapat mewujudkan suasana komunikasi B2 yang harmoni.

Apabila seseorang murid bertutur, penutur tidak boleh menyunting atau mengulang balik apa yang dituturkan. Ini adalah berbeza dengan penulisan yang boleh disunting dan dapat diulang kembali (Zawawi Ismail et al., 2011). Perbezaan yang ketara antara bahasa pertuturan dan bahasa tulisan boleh dilihat dalam Jadual 2.6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.6

Perbezaan antara bahasa pertuturan dan bahasa tulisan

Bahasa Pertuturan	Bahasa Tulisan
Audio	Visual
Tidak kekal (penerimaan terus)	Kekal (penerimaan tertunda)
Berentak (irama, tekanan intonasi)	Mempunyai tanda bacaan
Tindak balas terus	Tindak balas tertunda atau tiada tindak balas
Perancangan dan penyuntingan terhad	Perancangan dan penyuntingan tidak terhad

Sumber: Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Mohd Ala-Uddin Othman (2011), *Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA di Malaysia*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Biasanya, kemahiran bertutur kurang mendapat sambutan oleh murid di peringkat sekolah rendah hingga peringkat universiti. Kemahiran menulis dan kemahiran membaca lebih dipandang berat daripada kemahiran mendengar dan bertutur oleh guru. Ini dapat dibukti oleh kajian strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran berbahasa (SPKB) dalam Bahasa Inggeris mengikut susunan tertinggi ke rendah telah menunjukkan strategi membaca (M= 3.63) adalah paling biasa dijalankan di sekolah, diikuti dengan strategi menulis (M= 3.58), strategi mendengar (M= 3.49) dan akhirnya strategi bertutur (M= 3.43) (M. Kaur & Mohamed Amin Embi, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini juga disokong oleh Hassan Basri Awang Mat Dahan & Mohd Azhar Zailani (2005) bahawa guru lebih tertumpu pada kemahiran membaca dan menulis dalam kelas. Oleh itu, ini telah menunjukkan penggunaan strategi bertutur kurang mendapat sambutan dalam pembelajaran. Lama-kelamaan, seorang murid akan kurang, separuh atau tidak memahami apa yang dikatakan oleh guru disebabkan strategi mendengar dan strategi bertutur kurang tumpuan diberikan semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Maka, ini akan menjejaskan keupayaan bertutur secara betul oleh seorang murid.


Goh & Burns (2012) menjelaskan kitaran kerangka kerja kemahiran bertutur dalam bilik darjah merangkumi tujuh peringkat. Tujuh peringkat ini merangkumi langkah-langkah dalam setiap proses yang bersesuaian dalam kelas B2 secara fleksibel. Kemahiran bertutur yang berkesan adalah berkait rapat dengan sebutan yang betul dan jelas (Ahmad Fared Mohd Din & Mohammad Seman, 2019). Walaupun bukan semua murid dapat menguasai aspek fonetik dengan baik dan dalam waktu pembelajaran yang singkat. Namun demikian, penguasaan fonetik mampu memudahkan murid menguasai kemahiran bertutur dan mampu meningkatkan tahap keyakinan dan motivasi mereka dalam pembelajaran BCSK. Bahagian seterusnya akan membincangkan lebih terperinci mengenai fonetik dalam BC, masalah bertutur dalam BC dan PdP yang bersesuaian untuk kemahiran bertutur.

Seterusnya, kemahiran bertutur adalah kemahiran kompleks yang merangkumi aspek pengetahuan tentang bahasa dan pertuturan *(knowledge of language discourse)*, aspek kemahiran bertutur teras *(core speaking skills)* dan aspek strategi bertutur *(communication strategies)* (Burns, 2017). Ketiga-tiga aspek ini dalam kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertutur saling berkaitan untuk menghasilkan ujaran dan wacana yang lancar, tepat dan sesuai secara sosial dalam kekangan proses kognitif B2 (Goh & Burns, 2012) (Rajah 2.8).



Rajah 2.8. Aspek dalam kecekapan bertutur bahasa kedua. Sumber daripada Goh & Burns, 2012

Kemahiran bertutur merupakan kemahiran komunikasi yang paling berkesan kerana ia membolehkan pendengar memahami ekspresi, nada dan bahasa badan penutur (Sreena & Ilankumaran, 2018; Zainurrahman & Sangaji, 2019). Antara keempat-empat kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca, dan menulis), kemahiran bertutur dianggap paling penting kerana seseorang yang mengetahui sesuatu bahasa dikenali sebagai penutur terhadap bahasa tersebut (Sreena & Ilankumaran, 2018; Ur, 2005; Zainurrahman & Sangaji, 2019). Dalam konteks pembelajaran di dalam bilik darjah, kemahiran mendengar dan bertutur sentiasa kurang diberi penekanan yang sewajarnya oleh para penyelidik, terutamanya dalam pembelajaran melibatkan aktiviti bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran ini (Nur Ashikin Kamaruddin et al., 2013). Oleh itu, kemahiran mendengar dan bertutur menjadi kemahiran utama dalam interaksi antara manusia (Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Ala-Uddin Othman, 2011).

2.4.2.1 Fonetik dalam Kemahiran Bertutur

Fonetik ialah ilmu bahasa (linguistik) yang berkaitan dengan penyebutan kata dan lambang yang menunjukkan sebutannya. Pembelajaran bahasa asing dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu fonetik, perbendaharaan kata dan tatabahasa (Zao, 2003). Apabila seseorang mempelajari sesuatu bahasa, beliau mestilah bermula dengan sistem fonetik bahasa terlebih dahulu. Selain itu, fonetik merupakan suatu kajian tentang bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan oleh manusia iaitu bunyi yang digunakan sebagai alat komunikasi (Inderawati Zahid & Mardian Shah Omar, 2006).

Secara amnya, setiap suku kata dalam perkataan BC mengandungi fonem awal, fonem akhir dan juga nada. Nada dalam BC mempunyai nada yang tersendiri, iaitu pic tinggi, pic rendah, pic turun naik dan sebagainya telah menjadi keistimewaan semasa mempelajari BC (Zhang & Chen, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Fonem Awal

Fonem awal dalam sistem fonetik merupakan konsonan pada permulaan suku kata (Zhang, 2006). Terdapat 21 fonem awal dalam BC. Sebutan dan simbol-simbol pinyin adalah seperti dalam Jadual 2.7.

Jadual 2.7

Senarai Fonem Awal

Kumpulan Cara Penyebutan	Fonem Awal			
Bunyi Bibir	/b/	/p/	/m/	/f/
Bunyi Gigi	/d/	/t/	/n/	/l/
Bunyi Gutural	/g/	/k/	/h/	-
Bunyi Lelangir	/j/	/q/	/x/	-
Bunyi Sibilan	/z/	/c/	/s/	-
Bunyi Gelungan	/zh/	/ch/	/sh/	/r/

Sumber: Tan (2011)

b. Fonem Akhir

Manakala, fonem akhir ialah vokal yang terletak selepas fonem awal dalam sesuatu suku kata. Fonem ini boleh dalam bentuk tunggal, majmuk atau dalam bentuk konsonan nasal pada akhir. Terdapat 38 fonem akhir dalam BC. Sebutan dan simbol-simbol *Hanyu Pinyin* adalah seperti dalam Jadual 2.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.8

Senarai Fonem Akhir

Voka-vokal	Fonem Akhir						
Vokal Tunggal	/a/	/o/	/e/	/ê/	/i/	/-i/	/-i/
	/u/	/ü/					
Vokal Majmuk	/ai/	/ao/	/ei/	/ia/	/ie/	/iao/	/iou/
	/uo/	/uai/	/uei/	/üe/	/ou/	/ua/	
Vokal Sengau	/an/	/ang/	/en/	/eng/	/in/	/ing/	/ian/
	/iang/	/iong/	/uan/	/uang/	/uen/	/ueng/	/ün/
	/üan/	/ong/					
Vokal Gelungan	/er/						

Sumber: Tan (2011)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Nada

BC merupakan bahasa bernada. Nada merupakan sebahagian daripada suku kata (Lee, Lau & Mok, 2004) . Setiap suku kata BC bukan hanya terdiri daripada gabungan fonem awal dan fonem akhir sahaja, tetapi juga mengandungi sebutan nada. Nada yang berbeza membentuk suku kata dan makna yang berbeza (Zhou, 2006) (Rajah 2.3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.3. Sebutan nada yang berbeza. Sumber daripada Massachusetts Institute of Technology, 2015

d. Tanda Diakritik

Dalam satu suku kata yang mempunyai dua fonem, tanda diakritik ini akan ditandai di atas fonem akhir, iaitu di atas vokal seperti dalam Jadual 2.9. Contohnya: /tā/ (他 dia), /dá/ (答 menjawab), /nǎ/ (拿 ambil), /là/ (辣 pedas).

Jadual 2.9

Senarai Nada Pada Fonem Akhir

Nada	Fonem Akhir					
Nada pertama	**/ā/**	**/ō/**	**/ē/**	**/ī/**	**/ū/**	**/ǖ/**
Nada ke-2	**/á/**	**/ó/**	**/é/**	**/í/**	**/ú/**	**/ǘ/**
Nada ke-3	**/ǎ/**	**/ǒ/**	**/ě/**	**/ǐ/**	**/ǔ/**	**/ǚ/**
Nada ke-4	**/à/**	**/ò/**	**/è/**	**/ì/**	**/ù/**	**/ǜ/**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam suku kata yang mempunyai tiga ataupun empat fonem iaitu akhirnya merupakan diftong atau triftong, tanda diakritik ini akan ditandai pada fonem akhir yang paling ketara sebutan vokalnya. Tanda-tanda diakritik terletak pada vokal yang paling ketara sebutannya. Sebagai contoh, /hǎo/ (好 baik), /hēi/ (黑 hitam), /kǒu/ (口 mulut), dan /dài/ (带 bawa). Oleh kerana sebutan dalam BC adalah sangat rumit, maka tertimbul pelbagai masalah oleh pelajar semasa mempelajari BC.

Disebabkan fonetik merupakan perkara yang sukar untuk dikuasai oleh penutur bukan jati. Dalam *Analisis Awal Kesilapan Pembelajaran Fonetik Bahasa Cina dan Strategi Pengajaran di Pelajar Sekolah Menengah Rendah*, Liu (2014) telah menegaskan kesilapan sebutan dan mencadangkan kaedah pengajaran yang berkesan untuk perolehan B2, tetapi beliau tidak merancang pengajaran yang efektif tentang sebutan. Kesilapan sebutan dalam BC akan menjejaskan proses komunikasi (Wang, 2004). Menurut Chuah (2016) & Chuah et al. (2020), sebutan nada terdiri daripada satu jenis nada neutral dan empat jenis nada yang berbeza, iaitu nada pertama, nada kedua, nada ketiga, dan nada keempat. Selain daripada empat jenis nada yang berbeza, terdapat satu jenis nada yang disebut dengan lembut dan pendek yang dinamakan nada neutral (轻声). Nada ini tidak menggunakan tanda diakritik. Misalnya, sebutan akhir nada dalam /māma/ (妈妈 emak) ialah nada neutral (Jadual 2.5). Oleh itu, satu suku kata dalam BC mempunyai nada berbeza boleh membawa maksud yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keadaan kesilapan sebutan yang menjejaskan proses komunikasi antara murid ini juga dapat dilihat dalam penyelidikan Zao (2003). Zao (2003) telah membezakan beberapa kategori sebutan yang sering dilakukan kesilapan oleh murid Korea semasa mempelajari sebutan BC di China. Misalnya, murid Korea lebih cenderung melakukan kesilapan pada kedua-dua fonem awal ini. Dalam sistem Bahasa Korea tiada fonem awal /f/, jadi /f/ sering disebutkan sebagai /p/. Sebagai contoh, /fáng zi/ sentiasa /páng zi/. Oleh itu, murid Korea sering mengelirukan sebutan fonem awal /p/ dan /f/. Manakala, /ing/ ialah sebutan vokal dari hidung depan, /in/ adalah vokal akhir. murid Korea sering tidak dapat membezakan perbezaan antara kedua-dua fonem akhir. Sebagai contoh, mereka akan menyebut /běi jīng/ kepada /běi jīn/. Seterusnya, dalam proses pengajaran yang sebenar terdapat beberapa masalah dalam sebutan setiap nada murid Korea, terutamanya sebutan nada ketiga (pic nada 214) adalah amat sukar, diikuti dengan nada pertama (pic nada 55) dan seterusnya nada kedua (pic nada 35). Akhirnya tahap kesukaran barulah nada keempat (pic nada 51).

Nampaknya masalah pembelajaran murid Korea dalam BC juga lebih kurang sama seperti murid dalam pembelajaran BCSK. Kebiasaannya, murid tidak dapat membezakan sebutan /b/ dengan /p/. Ini adalah selari dengan kajian yang dibuat oleh Jiang (2014) ke atas pelajar Malayu yang mempelajari BC di Beijing. Jiang (2014) telah mendapati pelajar Malayu sering mengelirukan sebutan letupan /b/ dan /p/. Kekeliruan antara /b/ dan /p/ adalah sangat ketara untuk pelajar Melayu dan ia merupakan pengaruh terbesar dalam pembelajaran BC. Pelajar Melayu juga melakukan kesilapan semasa menyebut nada dua bibir (双唇音). Pelajar sentiasa mengelirukan sebutan fonem awal beraspirasi dan fonem awal tidak beraspirasi, misalnya menyebut fonem awal beraspirasi kepada fonem awal tidak beraspirasi atau sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam sistem sebutan BC mengadungi 21 jenis fonem awal dan 38 jenis fonem akhir (rujuk Jadual 2.2 dan Jadual 2.3). Gabungan fonem awal dan fonem akhir boleh terbentuk sebanyak lebih kurang 400 jenis suku kata. Sekiranya setiap suku kata ditambahkan dengan nada, maka terbentuklah sebanyak lebih kurang 1600 jenis suku kata dengan nada yang membawa maksud yang berlainan Jiang (2011). Jadi, kadar kekerapan kesilapan sebutan nada dalam suku kata adalah tinggi jika seseorang pelajar tidak berupaya menguasai kemahiran dalam sebutan nada dengan baik. Kesilapan tidak seharusnya berlaku sekiranya kita mencapai teknik pengajaran yang sempurna (S. P. Corder, 1982). Maka, kesilapan sebutan yang dilakukan oleh murid apabila mempelajari bahasa sasaran telah menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dalam teknik pengajaran. Teknik atau strategi pengajaran dan pembelajaran yang baik akan membantu murid menguasai kemahiran bertutur dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2.2 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bertutur

Seseorang murid mampu menguasai sesuatu bahasa secara berkesan demi mencapai matlamat pembelajaran melalui strategi dan gaya pembelajaran (Bojović, 2020). Ciri-ciri kognitif, afektif dan perlakuan seseorang individu merupakan pendekatan umum kepada pembelajaran sesuatu bahasa (Roshidah Hassan, 2017). Manakala, strategi pengajaran dan pembelajaran adalah dibahagikan kepada strategi memori, strategi kognitif, strategi metakognitif, strategi tampungan, strategi afektif dan strategi sosial (Oxford, 1990). Dapatan kajian Mohd Hilmi Mohd Hashim (2014) pula menunjukkan strategi bertutur secara langsung dengan strategi kognitif, strategi tampungan dan strategi memori. Ini adalah selari dengan Oxford (1990) yang membahagikan strategi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

langsung kepada strategi memori *(memory strategies)*, strategi kognitif *(cognitive strategies)* dan strategi tampungan *(compensation strategies)*. Manakala strategi tidak langsung pula dibahagikan kepada strategi metakognitif *(metacognitive strategies)*, strategi afektif *(affective strategies)* dan strategi sosial *(social strategies)* (Jadual 2.10). Untuk mahir dalam kemahiran mendengar B2, seseorang murid juga perlu mahir dalam kemahiran bertutur B2 juga (Masyitoh Yaacob, Firuz Akhtar Mohamad Bohari, & Kaseh Abu Bakari, 2018). Oleh itu, strategi yang berkesan akan membantu seseorang murid dalam proses pembelajaran bahasa kedua (Noorhidayah Abu Hasim, Nik Farhan Mustapha, & Pabiyah Hajimaming @ TokLubok, 2018), terutamanya strategi terhadap kemahiran bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.10

Ringkasan jenis strategi pembelajaran

Kategori	Sub-kategori	Contoh
Strategi langsung	Strategi memori *(memory strategies)*	a. Mengaitkan dengan aktiviti mental b. Menggunakan imej dan suara c. Mengulangkaji dan menggunakan tindakan
	Strategi kognitif *(cognitive strategies)*	a. Mempraktikkan bahasa dengan bertutur dengan penutur natif dan membuat latihan sebutan serta penulisan b. Mencipta struktur bahasa, menterjemah dan memindahkan bahasa c. Mengirim dan menerima mesej

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.10 *(sambungan)*

Kategori	Sub-kategori	Contoh
Strategi langsung	Strategi tampungan *(compensation strategies)*	a. Meneka dengan bijak makna sesuatu perkataan asing b. Cuba mengatasi batasan dalam pertuturan dan penulisan dengan cara: • Menggunakan bahasa ibunda • Menggunakan bahasa tubuh • Mengelak dari bercakap • Memilih topik perbualan • Mendapatkan bantuan orang lain • Mencipta perkataan sendiri c. Menggunakan perkataan sama makna
Strategi tidak langsung	Strategi metakognitif *(metacognitive strategies)*	a. Memberi fokus kepada proses pembelajaran b. Merancang dan menyusun proses pembelajaran c. Membuat penilaian kendiri
	Strategi afektif *(affective strategies)*	a. Mengawal keresahan b. Memberi galakan kepada diri sendiri c. Mengawal emosi diri
	Strategi sosial *(social strategies)*	a. Bertanya soalan untuk mendapatkan penjelasan dan membetulkan kesilapan b. Bekerjasama dengan orang lain d. Mempunyai perasaan empati

Sumber: Roshidah Hassan (2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selaras dengan perbincangan di atas, terdapat sejumlah penyelidik-penyelidik (Cohen, 2008; Jiang & Cohen, 2018; Lily Hanefarezan Asbulah, Ashinida Aladdin, Maimun Aqsha Lubis, & Mus'ab Sahrim, 2019; Masyitoh Yaacob et al., 2018; Mohd Hilmi Mohd Hashim, 2014; Oxford, 2003; Roshidah Hassan, 2017; Wen & Piao, 2020) telah membincangkan strategi dan gaya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua / bahasa asing.

Dapatan kajian Mohd Hilmi Mohd Hashim (2014) telah menunjukkan strategi tampungan merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh murid dalam kelas bertutur dalam keenam-enam jenis strategi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran B2. Ini selari dengan Roshidah Hassan (2017) bahawa strategi tampungan kerap digunakan oleh seseorang murid dalam menguasai kosa kata B2 dan strategi ini akan membantu murid kurang bergantung kepada penggunaan kamus.

Ini telah menunjukkan strategi ini lebih gemar diterima oleh murid semasa kelas bertutur B2. Namun demikian, dapatan kajian Roshidah Hassan (2017) menunjukkan strategi ingatan, metakognitif, afektif dan sosial paling digemari oleh murid dalam pembelajaran mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penguasaan kemahiran bertutur dengan baik berperanan penting dalam pengajaran B2. Kemahiran bertutur merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh seseorang murid sebelum mempelajari kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran membaca dan menulis (Ku Fatahiyah Ku Azizan et al., 2014; Moradi & Talebi, 2014). Kaedah-kaedah seperti galakan dan rangsangan pensyarah kepada murid-murid untuk bertutur, ruang dan peluang untuk meningkatkan kemahiran bertutur diberikan kepada pelajar. Kebiasaannya murid akan diminta untuk bercakap di hadapan kelas secara individu atau berkumpulan tanpa melihat buku atau teks. Maka, guru harus memberi peluang kepada murid-murid bertutur bahasa kedua serta sentiasa memastikan murid-murid memahami apa yang disebut atau dituturkan dalam bahasa kedua adalah penting semasa mempelajari kemahiran bertutur.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Menurut Lau, Ang, Soon, Law & Wong (2012), didapati bahawa murid-murid yang berlainan etnik jarang berinteraksi antara satu sama lain. Ini akan menyebabkan pertuturan antara satu sama lain akan terbatas sekiranya murid tidak berupaya menguasai kemahiran bertutur dengan baik. Lau, Ang, Soon, Law & Wong (2012) masing-masing mencadangkan aktiviti main peranan, permainan bahasa, tugasan kumpulan, sistem pembimbing-dibimbing dan juga aktiviti-aktivitidi luar kelas membolehkan pelajar bukan penutur jati bertutur antara satu sama lain dalam BC. Maka, kaedah pengajaran dan pembelajaran BC sebagai bahasa kedua yang berkesan membolehkan interaksi antara murid-murid yang berlainan etnik di pelbagai institusi pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, kajian Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali & Awatif Abdul Rahman, 2014) telah menyimpulkan bahawa (1) kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur terutama kaedah yang berasaskan penggunaan bahan bantu mengajar terkini yang bersifat audio perlu diberi penekanan oleh pengajar, (2) kaedah memperbetulkan kesalahan yang dilakukan oleh murid sewaktu berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Kesilapan pemilihan bahan pengajaran dalam PdP akan menjarakkan murid terlibat secara aktif dalam komunikasi lisan yang lebih efektif. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam kemahiran bertutur adalah amat penting dalam PdP bahasa kedua. Justeru, strategi-strategi PdP kemahiran bertutur dalam BC yang dicadangkan oleh penyelidik haruslah diberi penekanan. Keberkesanan murid terhadap kemahiran mendengar dan bertutur melalui modul demi meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa kedua.

Selain itu, Moradi & Talebi (2014) berpandangan bahawa bilik darjah harus menyokong penggunaan kemahiran bertutur dan menyediakan tempat di mana pertuturan strategik dihargai. Oleh memberikan tugas bertutur, guru dapat membantu murid menggunakan strategi kemahiran bertutur untuk mencapai komunikasi yang berkesan di dalam atau luar kelas B2. Menurut Moradi & Talebi (2014), strategi kemahiran bertutur terdapat tiga tahap, iaitu bersiap sedia untuk bertutur pada masa yang akan datang, memantau penerimaan dan pengeluaran bahasa *(language input and output)*, serta menilai dan merenung semula tugasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai kesimpulannya, kemahiran mendengar dan bertutur adalah merupakan unsur yang paling penting dalam pembelajaran bahasa kedua. Pelbagai masalah akan dihadapi semasa pembelajaran bahasa kedua terhadap kemahiran mendengar dan bertutur. Maka, guru perlulah bijaksana merancang, mengajar, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP untuk memastikan murid berjaya menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dengan baik. Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki iaitu tahap penguasaan sangat terhad, terhad, memuaskan, baik, sangat baik dan cemerlang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan. Guru perlu adil dalam membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid. Setiap murid seharusnya diberikan peluang, bimbingan dan pengukuhan agar mereka mampu dan berupaya menunjukkan penguasaan serta kebolehan yang terbaik dan cemerlang dalam kemahiran bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3 Modul Pengajaran Bahasa sebagai Bahasa Asing

Secara umum, modul membawa maksud unit-unit yang terkandung dalam satu keseluruhan (entiti) yang lebih besar (Mohd Shafie Zulkifli, Hairun Najuwah Jamali, Hasanah Hj Iksan, & Hj Ahmad Ismail, 2018). Dalam bidang pendidikan pula, modul diberi pengertian sebagai unit-unit media dalam satu rancangan mengajar. Modul biasanya dicipta untuk keperluan murid. Bahkan boleh dikatakan hampir semua modul yang sedia ada tertulis adalah untuk menyenangkan pembelajaran pelajar, iaitu agar pembelajaran pelajar akan lebih berkesan. Namun demikian modul juga dapat direka khas untuk guru membolehkan guru mengajar dengan lebih berkesan (Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2015, 2016). Modul pengajaran untuk guru ini ialah bahan pengajaran yang dilengkapkan dengan isi kandungan mata pelajaran serta strategi-strategi, tindakan-tindakan dan gerak kerja-gerak kerja yang boleh diselenggarakan oleh guru bersama-sama dengan eara penilaian isi kandungan matapelajaran tersebut.

Pengkaji Singh et al. (2019) dalam kajian berjudul *Developing a Cooperative Interactive Learning Module for Improving Speaking Skills of Graduate Students* telah mengenal pasti beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar yang lemah dalam pembelajaran bahasa asing. Pengkaji Singh et al. (2019) telah membangun Modul Pembelajaran Interaktif Koperatif untuk membantu pelajar ESL yang lemah untuk bertutur Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Tujuan kajian adalah untuk membangunkan modul pembelajaran interaktif koperatif sebagai pendekatan pengajaran yang boleh memberi manfaat kepada pelajar ESL di university. Reka bentuk kuasi eksperimen telah dijalankan untuk melihat keberkesanan Modul Pembelajaran Interaktif Koperatif terhadap kemahiran bertutur murid. Modul Latihan Pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Interaktif Koperatif (CIL) direka bentuk sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran untuk membantu pendidik membolehkan mereka menggunakan beberapa konsep asas (CIL) dalam pengajaran harian mereka untuk meningkatkan kemahiran bertutur pelajar ESL. Modul ini terdiri daripada tiga unit aktiviti hands on, amalan semasa (CIL) dan pengetahuan sedia ada, konsep CL, konsep pendekatan CIL struktur dan kompleks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Modul Pembelajaran Interaktif Koperatif berkesan untuk pelajar institut pengajian tinggi kerana ia meningkatkan kemahiran komunikasi graduan yang membolehkan mereka bertutur, berkomunikasi serta menyatakan idea dalam pelbagai situasi dalam bahasa asing. Maka, ini jelaslah menunjukkan modul sememangnya membantu murid dalam pembelajaran bahasa asing.

Hal ini juga selari dengan kajian Nisa (2019) yang bernama *Application of Mandarin Language Module for Improving Language Speaking Skills*. Pengkaji Nisa (2019) mendapati penulisan dan sebutan agak rumit kerana bahasa ini menggunakan skrip yang dipanggil hànzì dan sebutannya ialah dipanggil pīnyīn. Pīnyīn ialah suku kata latin yang mempunyai nada dalam suku kata mereka. Pengkaji mendapati tidak ada bahan pengajaran yang sesuai dengan kurikulum Bahasa Mandarin yang mementingkan kemahiran bertutur pelajar. Oleh itu, pengkaji membangunkan Modul Bahasa Cina untuk meningkatkan kemahiran bertutur murid. Modul Bahasa Mandarin telah mendatangkan kesan positif disebabkan keputusan sampel kajian agak memuaskan hati. Jadi, ini jelaslah membuktikan bahawa modul membantu murid dalam penguasaan kemahiran tertentu dalam pembelajaran bahasa asing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bukan sahaja itu, beberapa kajian mendedahkan bahawa modul pengajaran bahasa sebagai bahasa asing (Mushtaq, 2012) mempunyai kesan positif penguasaan murid (Pattanpichet, 2011) terhadap kemahiran mendengar dan bertutur. Kajian-kajian lepas juga mendapati amalan guru masih tertumpu kepada pengajaran secara langsung dan tidak mengutamakan kemahiran mendengar dan bertutur dalam pengajaran dan pembelajaran seperti yang dinyatakan di bahagian 2.4.1 dan 2.4.2. Aliza (2012) juga mengungkapkan isu guru tidak memfokuskan pendekatan kerana kurang pengetahuan dan kemahiran menyesuaikan pendekatan ini dengan pengajaran bahasa. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk membangun Modul DialogKopitiam yang memfokuskan kepada kemahiran mendengar dan bertutur dalam pembelajaran BCSK.

2.5 Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Kedua

Pemboleh ubah afektif (kepercayaan dan sikap, kebimbangan, minat, motivasi, dan sebagainya) telah diakui sebagai faktor yang digunakan untuk menjelaskan kejayaan dalam kalangan murid bahasa kedua / bahasa asing (Samimy, 1994). Kajian-kajian berdasarkan Teori Pemerolehan Bahasa Kedua (*second language acquisition, SLA*) (Funk, 2012; Ge, 2020; Krashen, 1981) gemar dijalankan oleh penyelidik tempatan atau luar negara, terutamanya dalam bidang motivasi juga. Kebanyakan penyelidik (Chen et al., 2021; Csizér & Kormos, 2009; Dörnyei & Chan, 2013; Henry, 2010, 2011, 2015; Huang, Hsu, & Chen, 2015; Lily Hanefarezan Asbulah et al., 2018; Oga-Baldwin & Fryer, 2020; Oh, 2019; Palmer, 2005; Rahman & Sahayu, 2020; Siridetkoon & Dewaele, 2018; Tan et al., 2016; Tan, 2010; Wei, 2013) bersetuju bahawa motivasi adalah faktor yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa, terutamanya amat penting untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang dalam menguasai kemahiran dalam bahasa kedua. Jelasnya, motivasi telah menjadi tumpuan oleh penyelidik empirik dalam mengkaji teori-teori dalam konteks pembelajaran bahasa kedua selain bahasa ibunda sejak kebelakangan ini (Boo, Dörnyei, & Ryan, 2015; Rahman & Sahayu, 2020). Maka, ini dapat dijelaskan bahawa seseorang tidak dapat mencapai matlamat dalam bahasa kedua sekiranya seseorang itu tidak bermotivasi dalam pembelajaran bahasa kedua.

Gardner (1985) dalam buku berjudul *Social psychology and second language learning the role of attitudes and motivation* mendefinisikan motivasi sebagai sejauh mana individu itu bekerja atau berusaha untuk belajar bahasa itu kerana keinginan untuk berbuat demikian dan kepuasan yang dialami dalam aktiviti ini. Takrifan ini termasuklah usaha yang diteruskan untuk mencapai matlamat, keinginan untuk belajar bahasa dan kepuasan dengan tugasan pembelajaran bahasa.

> *"a term which is often used with respect to second language learning as a simple explanation of achievement, as in the statement, 'If the students are motivated to learn the language, they will'. The extent to which the individual works or strives to learn the language because of a desire to do so and the satisfaction experienced in this activity."* (Gardner, 1985, p.10)

Penyelidikan tentang motivasi mula menjadi suatu isu yang sangat dipertikaikan mulai 50 tahun yang lalu. Sejak pengenalan motivasi oleh Gardner & Lambert (1959), penyelidikan motivasi terhadap B2 telah mengalami banyak perubahan. Perkembangan motivasi dalam pembelajaran B2 bermula dengan tempoh psikologi sosial (*social psychological period)* (Crookall, 1987; Gardner, 1979), penyelidikan seterusnya telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berubah kepada tempoh terletak-kognitif (*cognitive-situated period)* (Crookes & Schmidt, 1991), tempoh berorientasikan proses (*process-oriented period)* (Dörnyei & Otto, 1998; M. Williams & Burden, 1997) dan kepada tempoh sosio-dinamik (*socio-dynamic period)* (Z. Dörnyei, 2005, 2009). Teori motivasi terakhir yang dicadangkan oleh Dörnyei (2009) dalam bahasa kedua ialah Sistem Motivasi Kendiri Bahasa Kedua (*Second Language Motivational Self System,* L2MSS*)* sehingga kini. Sistem Motivasi Kendiri Bahasa Kedua (*Second Language Motivational Self-System*, L2MSS) adalah digunakan untuk mengkaji pembelajaran bahasa kedua. Teori ini berdasarkan teori-teori yang mungkin dan teori masa depan diri dalam bidang psikologi. Teori ini termasuk tiga komponen utama, iaitu Ideal B2 Sendiri (*Ideal L2-Self,* IL2S), Keperluan B2 Sendiri (*Ought L2-Self,* OL2S) dan B2 Pengalaman Pembelajaran (*L2 Learning Experience,* L2LE*)*. Bahagian seterusnya akan membincang dengan lebih teliti tentang perkembangan dalam motivasi pembelajaran B2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Tempoh Psikologi Sosial (*Social Psychological Period)*

Tempoh sosial-psikologi dipelopori oleh Gardner dan rakan sekerja di Kanada (Gardner, 1979, 1985) pada 1959-1990**.** Penyelidikan-penyelidikan ini adalah beranggap bahawa belajar B2 berbeza dengan mata pelajaran lain kerana konsep pembelajaran B2 memerlukan penerimaan yang terbuka kepada kumpulan B2 dan kesediaan untuk mengaplikasikan ciri-ciri darinya. Konsep ini kemudian dikenali sebagai motivasi integratif *(integrative motivation).* Berdasarkan kajian oleh penyelidik ini, Gardner (1979, 1985) melakukan penyelidikan yang lebih berfokus terhadap faktor-faktor afektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gardner (2010) mengklasifikasikan sejarah Tempoh Psikologi Sosial kepada tiga fasa. Fasa pertama dalam Tempoh Psikologi Sosial dikategori sebagai sejarah purba *(ancient history)*. Fasa ini bermula dari tahun 1945 hingga 1972, dan merangkumi penyelidik awal oleh Gardner & Lambert (1972). Fasa kedua atau dikenali sebagai sejarah awal *(early history)* merangkumi tahun 1970-an dan awal 1980-an. Gardner menyebut fasa terakhir sebagai sejarah moden *(modern history)* yang menggambarkan penyelidikan yang dilakukan pada tahun 1980-an.

Selama tiga fasa ini dalam Tempoh Psikologi Sosial, Gardner dan rakan sekerja yang sangat produktif terlibat dalam program penyelidikan lalu membawa perkembangan kepada model sosio pendidikan *(socioeducational model)* (Rajah 2.10). Model ini mengemukakan empat aspek yang berbeza dalam proses pembelajaran, iaitu lingkungan sosial *(social milieu)*, perbezaan individu *(individual differences)*, konteks pemerolehan *(acquisition contexts)* dan hasil *(outcomes)*. Lingkungan sosial adalah berfokus kepada budaya dan latar belakang pendidikan, perbezaan individu adalah berfokus kepada kecerdasan, kebolehan, motivasi dan kebimbangan. Konteks pemerolehan adalah berfokus kepada formal dan tidak formal serta hasil adalah berfokus kepada linguistik dan bukan linguistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.10. Model Sosio-Pendidikan yang dipelopori oleh Garner. Sumber daripada Z. Dörnyei & Ryan, 2015

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebilangan besar penyelidikan empirik difokuskan pada motif integratif *(integrative motive)* di mana pencapaian dalam bahasa kedua dipengaruhi secara positif oleh pemboleh ubah motivasi dan bakat. Manakala dipengaruhi secara negatif oleh pemboleh ubah kebimbangan dalam bahasa. Walaupun kerangka Gardner dapat dibilang merupakan paradigma dominan dalam Tempoh Psikologi Sosial, namun ada juga kerangka dirangka oleh penyelidik lain (Giles & Byrne, 1982; Schumann, 1986). Dörnyei & Ryan (2015) mengulas semua pendekatan ini adalah analisis tahap-makro *(macro-level analysis)* untuk mengkaji hubungan antara kumpulan sosial dan pemboleh ubah kontekstual. Seterusnya, penyelidikan terhadap pemboleh ubah minat dalam pembelajaran yang berorientasikan bilik darjah akan dilaksanakan oleh penyelidik pada tempoh yang seterusnya (Al-Hoorie, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Tempoh Terletak-kognitif (*Cognitive-situated Period)*

Selama beberapa dekad, Gardner dan rakan sekerja berulang kali menegaskan bahawa model sosio pendidikan *(socioeducational model)* yang dilancarkan pada Tempoh Psikologi Sosial adalah bersifat dinamik dan bukannya statik (Gardner, 2010; Gardner & Tremblay, 1994; MacIntyre, 2002) pada 1990's. Penyelidikan telah mengenal pasti bahawa Tempoh Psikologi Sosial "tidak menghubungkan pembolehubah-pembolehubah tetapi tempoh tersebut menggambarkan sesuatu proses" (Gardner, 2010). Namun begitu, Gardner juga telah mengakui bahawa:

> *Ini tidak bertujuan untuk memberi penjelasan kepada setiap guru mengenai mengapa sebilangan murid mereka kurang berjaya daripada murid yang lain, atau memberi nasihat kepada guru mengenai cara memotivasi muridnya, atau memberi alasan kepada murid untuk membantu mereka memahami kejayaan atau kekurangan mereka sendiri. Ini adalah model yang hanya boleh mengenal pasti hubungan mengenai struktur yang teliti dan dapat diuji sahaja.* (Gardner, 2010, p.26)

Selain model sosio pendidikan *(socio-educational model)* yang dilancarkan pada Tempoh Psikologi Sosial tidak mesra kelas, model tersebut juga dikritik dari perspektif lain. Dörnyei (1994, 2005) menjelaskan bahawa campuran intensiti motivasi (iaitu usaha) dengan fenomena motivasi mental yang abstrak akan menyebabkan kekaburan konseptual. Beberapa integratif dan orientasi instrumental *(instrumental orientations)* juga tidak dapat dibezakan pada tempoh yang sebelumnya (Lamb, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bermula dari tahun 1990-an, masalah yang ditemui ini menyebabkan penyelidikan motivasi dalam pembelajaran beralih ke fasa baharu, iaitu dinamakan Tempoh Terletak-kognitif *(Cognitive-situated Period)* (Dörnyei & Ryan, 2015; Dörnyei & Ushioda, 2011). Dörnyei (2010) mentafsirkan ideal dalam B2 dibina dengan asas kognitif sendiri. Justeru, Sistem Motivasi Kendiri B2 *(Second Language Motivational Self System,* L2MSS) terdapat dalam tempoh ini (Dörnyei, 2005; Dörnyei & Ushioda, 2009). L2MSS terdiri dari Ideal B2 Sendiri (*Ideal L2-Self,* IL2S), Keperluan B2 Sendiri (*Ought L2-Self,* OL2S) dan B2 Pengalaman Pembelajaran (*L2 Learning Experience,* L2LE*)*, serta memasukkan konsep motif integratif *(integrative motive)* ke dalam L2MSS pada tempoh ini.

Di samping itu, murid akan mula mengalami kegelisahan dan kebimbangan sekiranya tahap kecekapan mereka berbeza dengan tahap yang mereka ingin capai (pencapaian terhadap perbezaan sebenar-ideal) atau tahap kecekapan yang mereka anggap dapat dicapai (pencapaian terhadap perbezaan sebenarnya-seharusnya). Keresahan dan kebimbangan psikologi ini dapat berfungsi sebagai pendorong untuk mengurangkan perbezaan ini dengan meningkatkan kecekapan terhadap pembelajaran B2 (Al-Hoorie, 2017). Sebaliknya, seseorang individu mempunyai visi yang terperinci mengenai diri yang diinginkan dapat meningkatkan motivasi seseorang individu tersebut. Penutur asli B2 adalah selari dengan imej diri yang ideal ini (Al-Hoorie, 2017). Oleh itu, pengetahuan masa lalu penutur asli B2 dapat membantu mereka membayangkan masa depan sendiri yang diinginkan lalu akan memberi kesan motivasi pada masa sekarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut tinjauan penyelidikan motivasi bahasa oleh Boo, Dörnyei, & Ryan (2015) mendapati bahawa L2MSS pada masa ini merupakan kerangka yang paling dominan di lapangan. Dalam tinjauan McEown, Noels, & Chaffee (2014) telah didapati bahawa semakin banyak penyelidik telah menggunakan motivasi dalam Teori Penentuan Diri *(Self-determination Theory)* (Deci & Ryan, 1985) atau beberapa aspek dalam teori ini sebagai kerangka teori utama penyelidikan.

Sebagai tambahan kepada penyelidikan motivasi ini, beberapa penyelidik (Comanaru & Noels, 2009; Guay et al., 2010; Mills, Pajares, & Herron, 2007; Marion Williams, Burden, Poulet, & Maun, 2004) berusaha untuk menyesuaikan semula motivasi dalam pembelajaran bahasa dengan psikologi pendidikan dengan menggunakan teori-teori lain (teori kognitif sosial dan teori atribusi dan sebagainya) pada Tempoh Terletak-kognitif ini. Penyelidikan motivasi dalam proses bilik darjah yang lebih mesra kepada guru pada Tempoh Terletak-kognitif ini berbanding dengan fokus yang lebih besar pada tempoh yang sebelum ini, iaitu Tempoh Psikologi Sosial (Al-Hoorie, 2017; Boo et al., 2015).

Akhirnya, alat untuk mengukur motivasi dalam pembelajaran B2 yang diusulkan dan ditetapkan dengan cara yang lebih mudah oleh Dörnyei (1994a). Dengan ini, penyelidikan motivasi dapat dianalisis menjadi aspek yang lebih kecil dan mungkin dinyatakan dengan lebih jelas dalam proses pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Tempoh Berorientasikan Proses *(Process-oriented Period)*

Berikutan perubahan kognitif kepada Tempoh Berorientasikan Proses *(Process-oriented Period)* pada akhir tahun 90an dan 2000-an yang lebih mengkaji motivasi sebagai dinamik, berubah-ubah dalam satu semester, satu tahun, dan seumur hidup (Dörnyei, 2000). Tempoh ini terdiri daripada dua model yang berbeza, iaitu model proses *(process model)* dan sistem motivasi kendiri *(motivational self-system)*. Model proses merekodkan motivasi murid secara kronologi dari tahap pembelajaran awal, tahap pembelajaran menengah, sehingga ke tahap "refleksi". Pada setiap tahap ini, motivasi murid berkembang dan maklum balas didapati ketika murid dalam keadaan pembelajarannya berubah.

Manakala, sistem motivasi kendiri berfokus pada fenomena yang disebut sebagai Ideal B2 Sendiri (*Ideal L2-Self,* IL2S). Seseorang individu akan membayangkan diri sebagai penutur bahasa kedua (Dörnyei, 2000). Dörnyei (2000) berpendapat bahawa keinginan untuk mewujudkan diri yang dibayangkan ini merupakan sumber motivasi atau pembelajaran bahasa yang mendalam. Namun, Dörnyei (2000) masih belum jelas bahawa Ideal B2 Sendiri merupakan motivasi yang dominan atau ia hanya sebagai tambahan kepada konsep instrumen dan integratif *(instrumentation and integrativeness)* yang sedia ada semasa pembelajaran B2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tempoh ini mempunyai tiga perspektif penting mengenai motivasi dalam pembelajaran B2 (Dörnyei & Ushioda, 2011), iaitu:

i. mencadangkan motivasi untuk penglibatan (keinginan, niat, keputusan) dan motivasi semasa penglibatan: perasaan (tingkah laku semasa proses pembelajaran).

ii. memusatkan perhatian kepada murid semasa motivasi. Teori ini menekankan motivasi semasa pengalaman murid (pengalaman L2 positif pada masa yang lalu, pengalaman yang relevan dengan proses pembelajaran) dan motivasi yang ditujukan ke arah tujuan masa depan murid (tujuan peribadi, keutamaan, insentif).

iii. teori yang dicadangkan oleh Dörnyei & Otto (1998) adalah teori yang paling lengkap dalam tempoh ini. Pendekatan mereka dipertimbangkan dua peringkat, iaitu peringkat tindakan *(action stage)* dan peringkat motivasi *(motivational stage)*. Peringkat tindakan merupakan matlamat diterjemahkan menjadi hasrat dan pencapaian dalam pembelajaran. Manakala peringkat motivasi terbahagi kepada kekuatan motivasi pra-tindakan (menetapkan tujuan), tindakan (mendaftar untuk kelas bahasa), pasca-tindakan (luaran maklum balas atau kepercayaan peribadi).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tempoh Berorientasikan Proses ini jelas menunjukkan minat yang lebih khusus dan spesifik untuk keadaan murid dalam pembelajaran bahasa. Ini selari dengan Williams & Burden (1997) menganggap tempoh dalam proses ini melibatkan pembelajaran sebelum dan semasa pengalaman kelas. Tambahan pula, Dörnyei & Otto (1998) mencadangkan bahawa tahap motivasi murid diperlukan untuk diterokai dari perspektif lain pada peringkat peribadi murid.

Kemungkinan masalah yang tertimbul pada tempoh ini yang melibatkan seseorang murid kurang mengejar Ideal B2 Sendiri (*Ideal L2-Self,* IL2S) dengan murid yang lebih fasih dalam pembelajaran bahasa ataupun keinginan murid untuk mencapai kerjaya yang ideal atau dapat mengintergrasi dengan kumpulan yang mempunyai budaya yang lain. Nampaknya masalah-masalah ini adalah senario yang mungkin berlaku semasa pembelajaran bahasa, oleh itu kajian lebih lanjut tentang Ideal B2 Sendiri sebagai mekanisme motivasi adalah diperlukan. Akibatnya, tempoh ini berupaya meningkatkan kesedaran kepada murid dan konteks pembelajaran khususnya dalam penyelidikan motivasi B2 (Dörnyei & Ushioda, 2011). Akhirnya, ini akan menghasilkan permulaan fasa B2 yang baharu dalam penyelidikan motivasi pada tempoh yang seterusnya (Dörnyei & Ushioda, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Motivasi Pembelajaran Bahasa *(Language Learning Motivational*, *LLM*)

Gardner (1985) merupakan salah seorang penyelidik perintis di dalam bidang Motivasi Pembelajaran Bahasa (*Language Learning Motivational*, LLM). Gardner (1985) mentakrifkan LLM sebagai:

> *the extent to which the individual works or strives to learn the language because of a desire to do so and the satisfaction experienced in this activity.* (Gardner, 1985 p.10)

Gardner (1985) menegaskan bahawa murid akan "menumpukan usaha yang banyak" untuk mencapai matlamat tertentu, dan seterusnya mengalami kepuasan dalam aktiviti yang berkaitan dengan pencapaian matlamat ini (Gardner & McIntyre,1993). Manakala, Dörnyei dan rakan-rakannya (Dörnyei & Ryan, 2015; Dörnyei & Ushioda, 2011) memperkembangkan Teori LLM dan mengkategorikan penyelidikan ke dalam tiga fasa. Fasa pertama bermula dengan sosio-pendidikan model (Gardner & Lambert, 1959, 1972) yang memperkenalkan motivasi yang dikelaskan sebagai motivasi integratif-instrumental. Model sosio-pendidikan terus diperluas oleh Gardner (1985) model sosio-psikologi yang menekankan dengan kuatnya integrasi. Kemudian, teori Gardner & McIntyre (1993) tidak dapat membayangkan konsep yang baharu tentang identiti sosial, maka kemunculan kajian motivasi baharu dalam bidang bahasa kedua. Integratif-instrumental konsep klasifikasi dan integrasi menguasai penyelidikan LLM dari akhir 1950-an hingga 1990-an. Pada 90-an penyelidik dalam bahasa kedua menggunakan paradigma ini (Dörnyei, 2001b). Manakala, penyelidikan LLM juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermula diperkembangkan oleh penyelidik (Ryu Yang, 2003; Sung & Padilla, 1998; X. Wen, 1997) tentang motivasi terhadap pembelajaran BC sebagai bahasa kedua secara intrinsik. Motivasi intrinsik merujuk kepada kepuasan pembelajaran untuk kesenangan dan pemenuhan peribadi, sementara motivasi ekstrinsik berkaitan dengan peraturan luaran seperti ganjaran, peraturan yang dikenakan atau tingkah laku yang terpilih (Dörnyei, 2001b). Namun, penyelidik-penyelidik mendapati motivasi instrinsik seperti keyakinan diri *(self-confidence)* dalam pembelajaran bahasa kedua LLM masih tidak merangkumi motivasi ekstrinsik, seperti instrumental *(instrumentality)* (Noels, Pelletier, Clément, & Vallerand, 2000; Ryu Yang, 2003).

Teori-teori ini telah menekankan konsep ektrinsik dan motivasi intrinsik (Ghapanchi, Khajavy, & Asadpour, 2011; Tan, 2010). Kognitif konstruk telah terbukti penting dalam konteks pedagogi, jadi penyelidik menggunakan konteks pedagogi dalam pengajaran dan pengajaran bahasa kedua. Ini adalah bagaimana pandangan kognitif, penentuan nasib sendiri dan teori penyebab timbul. Penyelidikan motivasi LLM dalam B2 mengalami sesuatu perubahan dari masa ke masa. Kadar pembelajaran dan pengajaran BC sebagai B2 yang rendah merupakan suatu cabaran yang dihadapi di rantau antarabangsa (X. Wen, 2018). Perubahan motivasi dalam pembelajaran B2 juga merupakan faktor penyumbang kepada cabaran tersebut (X. Wen, 2018). Kekurangan penyelidikan terhadap perubahan motivasi menyebabkan ramai penyelidik menjalankan kajian ke atas Sistem Motivasi Kendiri B2 kemudian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Tempoh Dinamik-sosial (*Socio-dynamic Period)* (2000-sekarang)

Tempoh Dinamik-sosial *(Socio-dynamic Period)* diketahui merupakan tempoh yang terbaharu dalam penyelidikan motivasi B2 bermula 2000 sehingga sekarang. Seperti namanya, Tempoh Dinamik-sosial ini akan berfokus pada perubahan berterusan dan interaksi murid. Perubahan berterusan dan interaksi murid adalah memainkan peranan asas dalam fasa baharu ini.

Berdasarkan perubahan berterusan dan interaksi murid, tempoh baharu ini mempunyai tiga pendekatan:

i. Orang-dalam-konteks *(Person-in-konteks)* merupakan perbezaan yang jelas antara perspektif linear dan dinamik didapati dalam pendekatan ini. Murid tidak akan mementingkan sebab-akibat (cause-effect), sebaliknya dia akan menganggap diri sebagai individu yang unik dan dinamik. Menurut Dörnyei & Ushioda (2009), murid tidak hanya berfokus pada proses pembelajaran di dalam bilik darjah, tetapi harus juga berfokus pada aspek sosial dan peribadi murid.

ii. Diri motivasi B2 *(L2 motivational self)* dicadangkan oleh Dörnyei (2005). Ini adalah pendekatan yang menganggap murid berada pada tiga tahap yang berbeza, iaitu Ideal B2 Sendiri (*Ideal L2-Self,* IL2S), Keperluan B2 Sendiri (*Ought L2-Self,* OL2S) dan B2 Pengalaman Pembelajaran (*L2 Learning Experience,* L2LE*)* (Dörnyei & Ushioda, 2011).

iii. Pendekatan sistem dinamik yang kompleks *(Complex dynamic system)* ini dikaitkan dengan pergerakan dari bandul berganda *(double pendulum)*. Bandul berganda *(double pendulum)* membawa maksud dua atau lebih pemboleh ubah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diambil kira dalam kajian (Guerrero, 2015). Pemboleh ubah ini dalam motivasi B2 saling berkaitan dan sentiasa berubah dari masa ke masa dan tidak dapat meramalkan hasil tingkah laku seseorang individu. Dörnyei & Ushioda (2011) mencadangkan perbezaan individu *(individual differences,* ID*)* murid selalu menjadi cabaran untuk difahami dan terutama untuk membuat generalisasi kerana setiap individu mempunyai gabungan peribadi, ciri emosi, dan kognitif yang berbeza. ID ini didefinisikan sebagai atribut yang menjadikan setiap orang unik. Dörnyei (2009) dan Dörnyei & Ushioda (2011) berpendapat bahawa tingkah laku manusia adalah berkemungkinan untuk merenungkan motivasi, kognitif, dan mempengaruhi perspektif yang berbeza dalam pemahaman motivasi B2.

Ketiga-tiga perspektif ini tidak dapat dilihat secara berasingan atau statik (Guerrero, 2015). Dalam jangka masa ini, terjadi perubahan besar dari segi fokus penyelidikan di motivasi B2 berbanding dengan tempoh sebelumnya. Pertama sekali, pendekatannya tidak linear atau boleh diramalkan seperti sebelumnya. Murid adalah unik dan mempunyai peribadi dan sosial yang berbeza, ciri biasa, dan professional yang mungkin mempengaruhi motivasi mereka terhadap proses pembelajaran dalam B2 (Guerrero, 2015). Selain itu, terdapat kesedaran bahawa individu dan motivasi B2 melibatkan proses yang dinamik. Ini bermaksud bahawa murid mengalami perubahan yang berterusan dalam perasaan dan minat mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat global cenderung memberi peluang kepada seseorang individu untuk memiliki lebih banyak interaksi dengan individu lain dan akses kepada sumber pembelajaran dengan menggunakan bahasa kedua. Keadaan ini berpengaruh terhadap motivasi dalam B2. Individu mempunyai perbezaan sifat peribadi dan emosi yang tidak dapat diukur dengan mudah sekiranya hanya menggunakan satu pendekatan sahaja (Guerrero, 2015). Keperluan untuk memahami motivasi B2 adalah hasil daripada lebih daripada dua pemboleh ubah dan juga memainkan peranan penting dalam tempoh ini. Justeru, pemboleh ubaha motivasi seperti Ideal B2 Sendiri, Keperluan B2 Sendiri dan B2 Pengalaman Pembelajaran (Dörnyei & Ushioda, 2011) didapati dalam tempoh ini.

i. Sistem Motivasi Kendiri B2 (*Second Language Motivational Self System*, L2MSS)

Bahagian sebelum telah membincangkan Motivasi Pembelajaran Bahasa (*Language Learning Motivational*, LLM) dilancarkan pada 90-an semasa Tempoh Berorientasikan Proses *(Process-oriented Period)*. Kajian-kajian lepas (Chen et al., 2021; Csizér & Kormos, 2009; Dörnyei & Chan, 2013; Henry, 2010, 2011, 2015; Huang, Hsu, & Chen, 2015; Lily Hanefarezan Asbulah et al., 2018; Oga-Baldwin & Fryer, 2020; Oh, 2019; Siridetkoon & Dewaele, 2018; Subekti, 2018; Tan et al., 2016; Tan, 2010; Wei, 2013) telah mendapati motivasi berkait rapat dengan pembelajaran bahasa, terutamanya pembelajaran bahasa kedua. Oleh demikian, Sistem Motivasi Kendiri B2 *(Second Language Motivational Self System,* L2MSS) terhadap pembelajaran bahasa kedua / bahasa asing telah diperkenalkan oleh Dörnyei (2005, 2009) dan kemudian disokong

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara empirik oleh beberapa kajian penyelidikan (Csizér & Kormos, 2009; Kormos & Kiddle, 2013; T. Taguchi, Magid, & Papi, 2009) sehingga kini. Motivasi yang didefenisikan dalam L2MSS (Dörnyei, 2009) seperti berikut:

> Motivasi tidak dapat lagi dilihat sebagai pemboleh ubah faktor perbezaan individu yang stabil seperti dulu dalam perkembangan B2: ia dipengaruhi oleh prinsip berorientasi proses dan model, serta khususnya terhadap sistem fungsi dinamik kompleks yang semakin meningkat, penyelidikan juga berfokus kepada perubahan proses motivasi yang semakin meningkat. (Dörnyei, 2009)

Menurut Dörnyei (2009); Papi (2010), L2MSS terdiri daripada tiga komponen, iaitu Ideal B2 Kendiri *(Ideal L2 Self, IL2S),* Keperluan B2 Kendiri *(Ought to L2 Self, OL2S)* dan Pengalaman Pembelajaran B2 *(L2 Learning Experience, L2LE)* yang sangat dipengaruhi oleh konsep "diri" yang digunakan dalam psikologi (Higgins, 1987). Penekanan komponen IL2S dalam L2MSS merupakan aspek khusus B2 dari ideal kendiri seseorang. Aspek khusus IL2S ini dari 'ideal kendiri' seseorang. Sekiranya seseorang ingin bercakap dalam bahasa kedua, maka Ideal B2 Kendiri akan mengurangkan percanggahan antara diri yang sebenar dan yang ideal. Dörnyei & Ushioda, (2011) pula menegaskan bahawa orientasi integratif dan instrumental digabungkan dalam komponen ini. Oleh kerana komponen ini memberi tumpuan kepada promosi atau peningkatan seperti harapan dan pencapaian, murid yang belajar B2 dengan harapan mereka dapat menjadi sebahagian daripada komuniti B2 (orientasi integratif) dan mereka yang belajar B2 dengan harapan mereka dapat memperoleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

faedah pragmatik seperti sebagai gaji yang lebih baik, peluang pekerjaan, dan promosi pekerjaan (orientasi instrumental yang berfokus pada promosi) boleh dikatakan berpandu dengan IL2S (Dörnyei & Ushioda, 2011). Komponen IL2S adalah mewakili imej yang ideal yang ingin dicapai oleh murid pada masa akan datang. Lamb (2012) menyatakan bahawa komponen ini berfungsi sebagai kekuatan motivasi yang memberi inspirasi kepada tindakan ke arah masa depan yang diinginkan dan sebagai fasilitator pengaturan diri di sepanjang pembelajaran. Murid yang menganggap diri mereka sebagai pengguna bahasa yang fasih mungkin akan maju dalam pelajaran mereka melalui pelbagai jenis imaginasi ini (Murphey, Falout, Fukuda, & Fukada, 2014). Sebagai contoh, jika seseorang murid ingin fasih dan berinteraksi dengan rakan-rakan antarabangsa dalam B2, maka orang ini akan membuat imej sendiri supaya fasih dalam B2 dan kemungkinan bertindak sebagai seorang yang bermotivasi, kerana ia akan mengurangkan perbezaan antara sebenar dan yang ideal kendiri (Mostafa Papi, 2010).

Manakala, komponen OL2S adalah lebih berfokuskan kepada faktor motivasi ekstrinsik. Ini berkaitan dengan tanggungjawab yang dirasakan seseorang untuk mengelakkan hasil yang negatif. Oleh itu, seseorang percaya harus memiliki sikap bertanggungjawab, kewajipan, pelbagai tugas untuk mengelakkan kemungkinan berlaku hasil yang negatif. Komponen OL2S sepadan dengan Higgins (1987) dan Rajab, Far, & Etemadzadeh (2012) iaitu komponen ini lebih ekstrinsik dan kurang dalaman daripada komponen yang lain seperti IL2S atau L2LE. Justeru, penerapan orientasi instrumental dalam pandangan Gardner juga dimasukkan dalam komponen ini (Dörnyei & Ushioda, 2011). Ini adalah disebabkan murid lebih berharap diberi ganjaran atau dipuji oleh orang lain untuk mencapai pengetahuan bahasa yang lebih baik (Dörnyei, 2009). Terdapat juga sebilangan murid mungkin belajar secara keras untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lulus atau cemerlang dalam peperiksaan terutamanya untuk memenuhi harapan ibu bapa atau guru mereka (Murphey et al., 2014). Sebagai contoh, seseorang penutur ingin menyenangkan atau membanggakan ahli keluarga, guru atau pihak atasannya dengan menggunakan kebolehan mereka untuk berbahasa dalam B2 (Mostafa Papi, 2010).

Seterusnya, komponen L2LE dalam L2MSS tidak berkaitan dengan imej diri tetapi melibatkan keadaan sendiri dalam proses pembelajaran. L2LE Berkait rapat daripada faktor persekitaran dengan pengalaman pembelajaran (contohnya, guru, kurikulum, kumpulan rakan sebaya, pengalamannya) (Lamb, 2012). Murid yang bermotivasi untuk belajar B2 bukanlah mementingkan imej diri, tetapi adalah berasa keseronokan persekitaran pembelajaran. Ini dapat dilihat bahawa persekitaran dan pengalaman pembelajaran ini mempengaruhi motif dalam pembelajaran bahasa kedua (Murphey et al., 2014). Komponen terakhir ini berkaitan dengan intrinsik motivasi kerana persekitaran atau situasi yang selesa dapat membantu sikap murid dalam pembelajaran (Mostafa Papi, 2010).

L2MSS mempromosikan tiga komponen dalam tahap motivasi yang dikemukakan oleh Dörnyei (2009) dalam penyelidikan sebelumnya. Teori baharu ini dapat menjelaskan hubungan antara motivasi dan tingkah laku dengan lebih baik. Pada masa yang sama, L2MSS juga mencerminkan perhatian terhadap penyelidikan mengenai perubahan motivasi dengan masa dan umur. Kerangka teori baharu ini juga memfokuskan perspektif penyelidikan utama mengenai konsep dalaman pelajar, dan terutama menunjukkan inisiatif murid pembelajaran bahasa kedua (Z. Dörnyei, 2009). Kemudian, teori L2MSS telah disahkan dalam latar budaya yang berbeza dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran bahasa di Asia dan Eropah yang membuktikan kebolehpercayaan sepenuhnya terhadap teori baharu ini (Li, 2015). Oleh itu, teori L2MSS memainkan peranan penting dalam mempromosikan kajian motivasi pembelajaran bahasa kedua pada masa depan. Kekuatan penjelasan L2MSS (Z. Dörnyei, 2009) yang lebih kuat dalam memahami motivasi seseorang murid menyebabkan banyak kajian mengkaji dan menyelidik motivasi murid menggunakan L2MSS sebagai kerangka teori dalam pelbagai konteks pembelajaran (Henry, 2011; M. Li & Zhang, 2021; F. G. Liu, 2010; Yao Liu & Thompson, 2018; Moskovsky, Assulaimani, Racheva, & Harkins, 2016; T. Taguchi et al., 2009; Thompson, 2017).

Selain itu, demi mengejar pencapaian yang cemerlang dalam B2, terutamanya dalam kemahiran mendengar dan bertutur, guru harus menggalakkan murid menanam motivasi dalaman. Sebagai contoh, Rajah 2.2 telah menunjukkan hubungan ketiga-tiga komponen terhadap pembelajaran dalam bahasa kedua (Bahasa Inggeris), iaitu Ideal B2 Kendiri *(Ideal L2 Self),* Keperluan B2 Kendiri *(Ought to L2 Self)* dan Sikap terhadap Pembelajaran Bahasa Inggeris (*Attitudes towards learning English)* oleh Rosheen Khan (2015). Komponen Sikap terhadap Pembelajaran Bahasa Inggeris (*Attitudes towards learning English)* dan Ideal B2 Kendiri *(Ideal L2 Self)* telah masing-masing menunjukkan signifikan yang amat tinggi terhadap usaha belajar mata pelajaran bahasa kedua, iaitu Bahasa Inggeris dan signifikan terhadap markah yang diperoleh dalam peperiksaan. Manakala, komponen Keperluan B2 Kendiri *(Ought to L2 Self)* adalah signifikan terhadap usaha belajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan tidak signifikan terhadap markah yang diperoleh dalam peperiksaan. Maka, ini dapat dibuktikan bahawa murid-murid adalah kurang bermotivasi sekiranya terdapat peperiksaan dalam pembelajaran (Rajah 2.11).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.11. Hubungan antara komponen-komponen dengan Pencapaian dalam B2. Sumber daripada Rosheen Khan, 2015


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, beberapa kajian (Csizer & Dörnyei, 2005; Dörnyei & Chan, 2013; Mostafa Papi, 2010) telah mendapati motivasi yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa sasaran dalam komuniti yang sama. Penyelidik Yu, Zhou, Zheng, Zhang, Cao & Li (2019) mengkategorikan beberapa pembolehubah motivasi dengan keterlibatan pelajar dalam penulisan Bahasa Inggeris adalah berasal daripada kepercayaan diri (*self-belief),* menghargai *(valuing),* fokus pembelajaran *(learning focus),* perancangan *(planning),* pengurusan tugas *(task management),* kegigihan *(persistence),* kebimbangan *(anxiety),* mengelakkan kegagalan *(failure avoidance),* kawalan tidak pasti *(uncertain control),* sabotaj diri *(self-sabotage)* dan pelepasan *(disengagement)* (Rajah 2.12) yang membandingkan perbezaan subjek kajian daripada konteks umur, gred, lokasi, jantina dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian telah menunjukkan pelajar umumnya bermotivasi untuk menulis dalam bahasa Inggeris dan melibatkan diri secara aktif dalam kelas bahasa kedua.



Rajah 2.12. Faktor Utama dan Penglibatan Murid dalam Penulisan terhadap Motivasi. Sumber diadaptasi daripada Yu, Zhou, Zheng, Zhang, Cao & Li, 2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akan tetapi, Nakamura (2019) mengkritikkan bahawa *L2MSS* adalah lebih memfokuskan kepada murid dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dan teori *L2MSS* tidak peka terhadap pembelajaran bahasa selain Bahasa Inggeris (*languages other than English*, LOTE). Kajian Nakamura (2019) menunjukkan sikap positif dan sebab yang spesifik oleh murid semasa mempelajari bahasa berupaya meningkatkan motivasi *L2MSS* terhadap pembelajaran Bahasa Jepun sebagai bahasa asing. Murid sendiri akan memberi tumpuan kepada komponen B2 serta genre pertuturan akan membantu mereka menjelaskan pernyataan B2 yang mencukupi (atau berbilang bahasa) diri dan hubungan antara murid dengan komuniti dengan menggunakan B2. Untuk membantu murid meningkatkan L2MSS, lukisan pada L2MSS *(Drawing on L2MSS)* (Z. Dörnyei, 2005), komponen diri yang mungkin *(komponen of possible selves)* (Oyserman & Markus, 1990), prinsip pelengkap *(complementarity principle)* (Grosjean, 2010), dan genre pertuturan *(speech genres)* (Bakhtin, 1986) telah menyumbang kepada murid dalam memahami bahasa kedua secara mendalam melalui motivasi (Nakamura, 2019).

Nakamura (2019) telah menjelaskan L2MSS (Z. Dörnyei, 2005) merupakan teori motivasi L2 yang paling berpengaruh, amat sesuai untuk menjelaskan motivasi murid-murid untuk mempelajari bahasa lain dalam pelbagai konteks pembelajaran. Justeru, kajian ini akan lebih mengkaji tentang keberkesanan motivasi murid dalam pembelajaran BCSK setelah menggunakan modul ini sepanjang fasa kajian penilaian keberkesanan modul ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Kajian-kajian Lepas

Kepentingan bahasa asing dalam era globalisasi telah mendapat perhatian banyak penyelidik. Kajian-kajian tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa asing kini banyak memberi tumpuan kepada perkaitan budaya (Moore, 2006; Ketchum, 2006; Siskin, 2007 dan Bush, 2007) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Di samping itu, terdapat juga kajian yang dijalankan untuk memahami kejayaan atau kegagalan murid dalam pembelajaran bahasa asing (seperti Gascoigne & Robinson, 2001), strategi pembelajaran (Wharton, 2000) dan motivasi dalam pembelajaran (Du & Jackson (2018). Secara umumnya, BC merupakan antara salah satu bahasa yang terkenal di medan antarabangsa dan terdapat banyak kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik luar negara dan tempatan berkaitan dengan kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur mulai 90-an sehingga kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Kajian-kajian Lepas dalam Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kewujudan negara China sebagai salah sebuah negara yang kuasa ekonomi yang kedua besar di dunia selepas Amerika Syarikat, maka BC telah menjadi satu bahasa yang mempunyai nilai ekonomi pada abad ke-21 ini (Gong et al., 2020; Graddol, 1999). Ekoran daripada itu, semakin ramai murid menjelajah ke negara China untuk belajar BC. Oleh itu, terdapat banyak kajian telah dibuat terhadap murid asing yang mengikuti kursus dan pelajaran BC di rantau, terutamanya penyelidikan yang berkaitan dengan kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Kajian-kajian luar negara dan dalam negara mengenai kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Kajian-kajian Luar Negara

Penyelidik Shen (2002) menjalankan Ujian Pemahaman Lisan secara berterusan terhadap murid-murid Tahun 1 di sekolah rendah. Keputusan kajian telah menunjukkan penyediaan Ujian Pemahaman Lisan yang baik dapat meningkatkan prestasi kemahiran mendengar murid-murid di sekolah rendah. Penyelidikan ini juga selari dengan Yang (2003) yang meninjau 48 orang pelajar asing dari 12 buah negara di Universiti Bahasa dan Kebudayaan Beijing terhadap *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemahaman Mendengar*. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa lima faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam penguasaan kemahiran mendengar adalah perbendaharaan kata, kelajuan bertutur (terlalu cepat), tatabahasa tehad, keupayaan ingatan (tidak boleh diingat) dan keupayaan membuat ringkasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, perhubungan antara pemahaman mendengar dan pemerolehan bahasa kedua/asing dari perspektif kognitif mengenai 'aktif' dan 'pasif', 'mengulangi' dan 'menyusun semula', '*bottom-up*' dan '*top-down*' dalam pemahaman mendengar juga dikaji oleh Wu (2007). Wu (2007) membentuk mod baru yang menggabungkan strategi pembelajaran '*Bottom-up*' dan '*top-down*' untuk meningkatkan kemahiran mendengar pelajar.

Selain itu, terdapat penyelidik-penyelidik membangun bahan instrusksi untuk meningkatkan kemahiran mendengar murid. Hsiao, Chang, Lin, Chen, Wu & Lin (2016) membangunkan instruksi demi meningkatkan kefahaman pendengaran dan kecekapan bertutur murid. Instruksi Diagnosis dan Pemulihan Sistem Pendengaran dan Pertuturan BC (*Chinese Listening and Speaking Diagnosis and Remedial Instruction*, CLSDRI)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengintegrasikan ujian diagnostik berkomputer dan kesilapan yang dilakukan dalam mendengar dan bertutur oleh 65 orang pelajar yang mempelajari BC sebagai bahasa asing. Keputusan telah menunjukkan bahawa sistem CLSDRI memberi kesan positif yang lebih besar kepada kefahaman pendengaran dan kecekapan bertutur oleh kumpulan rawatan berbanding dengan kumpulan kawalan yang menggunakan bahan instruksi berasaskan kertas. Penemuan ini menyokong keberkesanan pembelajaran bahasa haruslah dibantu komputer.

Sementara itu, Yue (2014) juga menganalisis punca-punca dalam pemahaman mendengar, masalah-masalah dalam fonetik, menyediakan dan memilih bahan pendengaran yang sesuai dalam buku teks BC dan mengemukakan kaedah yang menumpukan kepada pembinaan kandungan mendengar dalam buku teks secara komprehensif agar pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dalam BC dengan lebih baik.

Kemahiran mendengar juga mementingkan pengintegrasian kemahiran bahasa lain semasa aktiviti mendengar. Pernyataan ini disokong oleh Sebina & Arua (2017) yang mengkaji pengetahuan guru dan persepsi positif terhadap pendengaran di sekolah menengah rendah di Botswana dengan menggunakan kaedah pemerhatian. Data dikutip dari empat buah sekolah yang berada di wilayah Gaborone, Botswana. Hasil kajian telah menunjukkan kebanyakan guru tidak melibatkan pelajar dalam aktiviti pra-pendengaran. Manakala, semua guru membenarkan pelajar mencuba soalan semasa pos-pendengaran. Semua guru juga akan mengintegrasikan kemahiran bahasa lain semasa aktiviti mendengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif kajian yang dijalankan oleh Barona-Oñate, López-Pérez, López López, Mocha-Bonilla (2020) untuk menerapkan kaedah audio-bahasa (*audio-lingual method*) E-learning dalam pembangunan kemahiran mendengar dalam pengajaran bahasa Inggeris. Kajian ini dilaksanakan dengan 58 orang pelajar di mana 29 orang pelajar dari dibahagikan untuk kumpulan rawatan dengan kaedah dan penggunaan E-learning dan 29 orang pelajar dari kumpulan kawalan dengan pengajaran tradisional. Analisis prestasi akademik diperoleh dalam ujian diagnostik, peperiksaan pertengahan dan peperiksaan akhir. Keputusan menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan dalam kumpulan rawatan, melebihi kumpulan kawalan sebanyak 1.6 mata dalam skor purata ujian akhir. Maka, kajian-kajian lepas dalam luar negara akan membantu penyelidik dalam mereka bentuk Modul *DialogKopitiam* supaya dapat membantu murid-murid dalam menguasai kemahiran mendengar. Seterunya, penyelidik akan menganalisis perkembangan penyelidik-penyelidik luar negara terhadap kemahiran bertutur.

Ng (2014) telah memilih 126 individu sebagai subjek kajian untuk mengkaji bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi setelah Kempen Bahasa Mandarin (*Speak Mandarin Campaign*, SMC) dilancarkan sejak 40 tahun kebelangkangan ini di Singapura. Pengumpulan data untuk kajian ini terdiri daripada tinjauan terhadap subjek kajian untuk mengetahui pandangan dan pendapat subjek kajian mengenai penggunaan Bahasa Mandarin dalam komunikasi seharian. Satu temu bual separa berstruktur juga dijalankan dalam kalangan 19 orang subjek kajian untuk mengkaji pandangan mereka terhadap SMC. Keputusan menunjukkan walaupun subjek kajian bersetuju untuk meneruskan SMC, tetapi masih menganggap Bahasa Mandarin kurang penting untuk berkomunikasi dalam seharian daripada Bahasa Inggeris di medan antarabangsa ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan Liu (2017) memilih 162 orang pelajar dari sebuah universiti China yang mempelajari BC sebagai bahasa kedua menjawab 5 bahagian dalam soal selidik, iaitu Kesediaan untuk Berkomunikasi dalam Skala Cina (*Willingness to Communicate in Chinese Scale*), Skala Sensitiviti Antarbudaya (*Intercultural Sensitivity Scale*), Skala Kebimbangan Bertutur Cina (*Chinese Speaking Anxiety Scale*), Skala Motivasi Belajar Cina (*Chinese Learning Motivation Scale*), Penggunaan Profil Cina (*Use of Chinese Profile*), serta Latar Belakang (*Background Questionnaire*). Hasil kajian utama yang didapati adalah seperti berikut: (1) Kesediaan untuk Berkomunikasi dalam Skala Cina bersignifikan dan berkait rapat dengan Skala Kebimbangan Bertutur Cina tetapi berkait rapat dengan tempoh tinggal di China dan (2) Skala Kebimbangan Bertutur Cina adalah peramal negatif yang kuat (*powerful negative predictor*) untuk kesediaan keseluruhan untuk berkomunikasi dalam BC dan Kesediaan untuk Berkomunikasi dalam Skala Cina, diikuti oleh tempoh tinggal di China, Skala Motivasi Belajar Cina, perhatian interaksi dan tahap kecekapan Cina.

Seterusnya, Alahmadi et al. (2019) mengkaji penilaian formatif mempunyai kesan yang signifikan terhadap prestasi pelajar dalam ujian sumatif. Selain itu, ia bertujuan untuk memantau pembelajaran pelajar dan memberikan maklum balas yang membina yang boleh digunakan oleh guru untuk meningkatkan pembelajaran pelajar dan membantu pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka dalam kemahiran bertutur. Kajian ini menyimpulkan bahawa penilaian formatif membantu pelajar-pelajar Arab Saudi untuk mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi semasa bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Kajian-kajian Tempatan

BC bukan sahaja mempunyai nilai ekonomi bahkan merupakan bahasa sosial dalam kalangan masyarakat Cina di negara kita, ini kerana 24 peratus daripada penduduk Malaysia ialah orang Cina (Nagaraj, Lee, Tey, Ng, & Pala, 2009) dan kebanyakannya pernah belajar di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina. Walaupun ini membuktikan bahawa negara Malaysia mementingkan pengajaran dan pembelajaran BC, namun tidak banyak penyelidik tempatan telah menjalankan kajian disertasi atau tesis yang berkaitan dengan kemahiran mendengar dan bertutur. Tinjauan awal menunjukkan kebanyakan penyelidik tempatan akan memfokuskan kepada kesilapan tatabahasa, kesilapan sintaksis, perbandingan antara analisis kontrastif dan analisis kesilapan dalam BC dan sebagainya. Kajian-kajian tempatan mengenai kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam tesis Roshidah Hassan (2010) peringkat Doktor Falsafah berjudul *Sistem fonetik dan fonologi Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis: satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan* telah menjalankan kajian perbandingan Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis dengan menganalisis kesilapan dan analisis kontrastif terhadap sistem fonetik dan fonologi. Beliau telah menjalankan tujuh ujian untuk menganalisis kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar dalam mempelajari bahasa asing. Ujian tersebut adalah mengandungi ujian membezakan rakaman bunyi-bunyi vokal, ujian membezakan rakaman bunyi-bunyi konsonan, ujian rencana *(dictation)*, ujian menyebut bunyi rangkap vokal, ujian menyebut bunyi rangkap vokal dalam bentuk ayat, ujian penyebutan bunyi-bunyi konsonan, dan ujian menguji pengeluaran bunyi-bunyi konsonan /n/ dan /j/. Beliau telah mencadangkan beberapa kaedah seperti kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

artikulasi *(methode articulatoire)*, kaedah perbandingan, kaedah pertentangan pasangan minimal dan kaedah *verbo-tonal* untuk memperbaiki cara sebutan bunyi-bunyi Bahasa Perancis. Metodologi yang dijalankan oleh Roshidah adalah lebih kurang sama dengan analisis kesilapan nada Bahasa Mandarin, iaitu ujian menyebut bunyi rangkap vokal dan ujian menyebut bunyi rangkap vokal.

Manakala, Lau, Ang, Soon, Law & Wong (2012) mengkaji kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran BC sebagai bahasa kedua yang membolehkan interaksi antara pelajar-pelajar yang berlainan etnik di universiti awam tempatan. Soal selidik diedarkan kepada pelajar-pelajar bukan Cina yang mempelajari BC di lima buah universiti awam Malaysia. Didapati bahawa kaedah penilaian kursus seperti meminta pelajar bukan Cina merakamkan perbualan mereka dengan pelajar Cina serta kaedah ujian lisan yang melibatkan pelajar yang berlainan etnik kerap digunakan untuk mewujudkan interaksi. Selain itu, aktiviti main peranan, permainan bahasa, tugasan kumpulan, sistem pembimbing-dibimbing dan juga aktiviti-aktivitidi luar kelas juga membolehkan pelbagai etnik berinteraksi antara satu sama lain.

Nadhilah Abdul Pisal & Kamarul Shukri Mat The (2019) pula mengkaji tahap kebolehpercayaan instrumen yang digunakan bagi mengenal pasti penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian berbentuk tinjauan deskriptif ini turut mengenal pasti tahap penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Seramai 30 orang pelajar daripada salah sebuah sekolah menengah agama di Kedah terlibat dalam kajian rintis ini. Data kajian pula diperoleh melalui soal selidik. Tahap kebolehpercayaan soal selidik ini adalah tinggi dengan nilai Alfa Cronbach 0.956. Dapatan kajian menunjukkan tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan strategi secara keseluruhan dan berdasarkan kategori dalam kalangan pelajar adalah rendah.

Kajian Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa (2012) dilakukan untuk melihat permasalahan bahasa dan sikap pelajar bahasa Arab menerusi aktiviti lakonan. Aktiviti lakonan merupakan strategi pengajaran yang berpusatkan pelajar dan memberi lebih ruang kepada pelajar untuk meneroka kemahiran bahasa. Bagi mendapatkan data kajian, teknik rakaman dan soal selidik digunakan. Responden kajian melibatkan 30 pelajar sekolah Menengah tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Melalui aktiviti ini dapat dikenal pasti kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa para pelajar bersikap positif terhadap aktiviti lakonan digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd Rahman (2018) mementingkan penguasaan berbahasa kebangsaan perlu untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan kompetensi seseorang murid. Kajian lepas mendapati murid bukan Melayu di Malaysia tidak cekap berbahasa Melayu. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap profesiensi kemahiran bertutur dalam kalangan murid bukan penutur natif. Seramai 414 orang sampel kajian daripada 5 buah sekolah SJKC dan SJKT di Daerah Kuantan telah dipilih. Analisis kajian menggunakan Ujian Bertutur UPBM_SR dan borang soal selidik. Data diproses menggunakan IBMSPSS Versi 23 dengan reka bentuk tinjauan hirisan rentas. Keputusan menunjukkan majoriti murid mendapat Tahap 4 dan sebanyak 55.7% masih tidak fasih dalam kemahiran bertutur. Secara keseluruhan analisis menunjukkan tahap kemahiran bertutur murid di SJK Daerah Kuantan adalah tahap sederhana. Usaha untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melahirkan murid yang profesien bertutur dalam bahasa Melayu perlu dipergiat. Murid bukan Melayu wajib mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan secara berterusan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berketrampilan dalam berbahasa.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian tempatan mengenai kemahiran bertutur masih berkurangan. Oleh itu, ini akan mendorong penyelidik teruskan usaha untuk mengkaji lebih mendalam mengenai kemahiran bertutur oleh murid yang mempelajari BCSK di sekolah kebangsaan.

b. Kajian-kajian Lepas dalam Motivasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014) telah menjalankan kajian sikap dan motivasi pelajar asing yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Mereka mendapati pelajar asing telah menunjukkan sikap dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari Bahasa Melayu melalui kaedah tinjauan. Dapatan kajian telah menunjukkan faktor peranan tenaga pengajar merupakan faktor utama dalam menyumbang kepada motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa ketiga ini.

Item yang boleh dipilih untuk sesuatu ujian hendaklah mempunyai ID melebihi 0.3. ID sederhana adalah dalam lingkungan 0.20 hingga 0.40. Item 2, 3, 4, 6, 8, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 17 daripada jumlah 18 item menunjukkan item yang sangat baik dan berupaya untuk mendriskriminasikan kumpulan atas dan bawah. Item yang mempunyai ID lebih dari 0.40 merupakan item yang baik (Brookhart & Nitko, 2019; Nitko & Brookhart, 2014) . Akan tetapi, item 5 mempunyai nilai indeks 0.18 atau kurang baik dalam ID. Item 5 yang kurang baik ini boleh dipermudahkan, diubah suai atau digugurkan supaya dapat membezakan antara murid yang berpencapaian tinggi dengan berpencapaian rendah. Oleh yang demikian, penyelidik mengubah suai item ini dengan merujuk kepada pandangan pakar-pakar untuk memudahkan item tersebut dalam UPD pra.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Analisis item dalam UPD pasca

Item	Kumpulan	Jumlah murid memilih jawapan berikut:				IK	ID
		A	B	C	D		
1	Atas	11*	0	0	0	**0.88**	0.36
	Sederhana	17*	1	0	0	**Item mudah**	Baik
	Rendah	7*	4	0	0		
2	Atas	0	11*	0	0	0.63	0.64
	Sederhana	8	10*	0	0	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	7	4*	0	0		
3	Atas	0	11*	0	0	0.63	0.54
	Sederhana	8	10*	0	0	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	7	4*	0	0		
4	Atas	0	11*	0	0	0.75	0.54
	Sederhana	4	14*	0	0	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	6	5*	0	0		
5	Atas	10*	1	0	0	0.80	0.27
	Sederhana	15*	3	0	0	Item mudah	Sederhana baik
	Rendah	7*	4	0	0		
6	Atas	2	8*	0	1	0.55	0.45
	Sederhana	2	11*	3	2	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	2	3*	2	4		

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10 *(sambungan)*

Item	Kumpulan	Jumlah murid memilih jawapan berikut:				IK	ID
		A	B	C	D		
7	Atas	2	6*	1	2	0.55	**0.18**
	Sederhana	3	12*	1	2	Item sederhana	**Kurang baik**
	Rendah	3	4*	2	2		
8	Atas	1	0	9*	1	0.75	0.27
	Sederhana	3	0	15*	0	Item sederhana	Sederhana baik
	Rendah	2	2	6*	1		
9	Atas	0	1	1	9*	0.68	0.36
	Sederhana	1	3	1	13*	Item sederhana	Baik
	Rendah	3	1	2	5*		
10	Atas	0	0	1	10*	0.60	0.54
	Sederhana	2	3	3	10*	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	1	3	3	4*		
11	Atas	1	0	9*	1	0.70	0.27
	Sederhana	2	2	13*	1	Item sederhana	Sederhana baik
	Rendah	2	1	6*	2		
12	Atas	1	0	10*	0	0.68	0.63
	Sederhana	2	2	14*	0	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	2	3	3*	3		
13	Atas	1	8*	1	1	0.58	0.45
	Sederhana	3	12*	1	2	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	3	3*	3	2		

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10 *(sambungan)*

Item	Kumpulan	Jumlah murid memilih jawapan berikut:				IK	ID
		A	B	C	D		
14	Atas	1	0	9*	1	0.65	0.54
	Sederhana	1	1	14*	2	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	4	4	3*	0		
15	Atas	1	0	10*	0	0.73	0.45
	Sederhana	2	1	14*	1	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	3	3	5*	0		
16	Atas	1	1	9*	0	0.65	0.45
	Sederhana	3	0	13*	1	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	4	0	4*	3		
17	Atas	0	7*	2	2	0.55	0.36
	Sederhana	3	12*	1	2	Item sederhana	Baik
	Rendah	4	3*	2	2		
18	Atas	1	7*	2	1	0.48	0.45
	Sederhana	3	10*	3	2	Item sederhana	Sangat baik
	Rendah	5	2*	2	2		

Petunjuk:
* mewakili bilangan murid jawab dengan betul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan interpretasi dalam Jadual 3.12, semua item mempunyai indeks kesukaran dan indeks diskriminasi yang boleh diterima. Semua item mempunyai indeks item sederhana dan boleh diterima dalam indeks kesukaran kecuali item 1. Item 1 mempunyai nilai 0.88 untuk IK dan item ini merupakan item yang mudah dijawab oleh murid serta perlu diubah sesuai atau digugurkan. Mengikut taksonomi Bloom, item ini berada di tahap kemahiran memahami. Oleh itu, ini menunjukkan kebanyakan murid berupaya untuk menjawab dengan betul. Maka, penyelidik membuat keputusan bahawa item ini dikekalkan dan mengubah suai item tersebut seperti dinyatakan dalam indeks kesukaran UPD pra.

Seterusnya, kesemua item daripada jumlah 18 item menunjukkan soalan yang baik dan sangat baik (melebihi nilai indeks 0.31) untuk indeks diskriminasi dan berupaya untuk mendriskriminasikan kumpulan atas dan bawah. Namun demikian, item 7 mempunyai nilai indeks 0.18 atau kurang baik dalam ID. Item ini perlu diubah suai atau digugurkan supaya dapat membezakan antara murid yang berpencapaian tinggi dengan berpencapaian rendah. Oleh yang demikian, penyelidik mengubah suai item ini dengan merujuk kepada pandangan pakar-pakar agar item-item ini dapat digunakan dalam kajian sebenar. Sebagai kesimpulan, item-item dalam UPD pra dan UPD pasca merupakan sesuatu instrumen yang baik apabila menjalankan kajian sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Analisis Item UPB

Indeks diskriminasi bagi sesuatu item merujuk kepada peratus murid yang dapat menjawab item tersebut dengan betul (Reynolds et al., 2008) untuk UPB. Indeks diskriminasi (ID) pula merujuk kepada sejauh mana item ujian boleh membezakan murid yang mempunyai percapaian berbeza dalam konstruk yang diukur (Reynolds et al., 2008) dalam UPB. Menurut Hazrul Affendi Mohmad Razali, Zamri Arifin & Hakim Zainal (2016), analisis item dapat menetapkan item yang bersesuaian semasa kajian sebenar melalui nilai ID dan IK. Analisis item UPB pra dan UPB pasca terhadap indeks diskriminasi dan indeks diskriminasi seperti berikut (Jadual 3.11 dan 3.12):

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11

Analisis item dalam UPB pra

Item	Kumpulan	Jumlah murid menjawab		IK	ID
		Betul	Salah		
1	Atas	8*	3	0.55	0.36
	Sederhana	11*	7	Sederhana	Baik
	Rendah	3*	8		
2	Atas	5*	6	0.40	0.27
	Sederhana	9*	9	Sederhana	Sederhana baik
	Rendah	2*	9		

(*bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item	Kumpulan	Jumlah murid menjawab		IK	ID
		Betul	Salah		
3	Atas	9*	2	0.55	0.54
	Sederhana	10*	8	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
4	Atas	7*	4	0.48	0.45
	Sederhana	10*	8	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	2*	9		
5	Atas	8*	3	0.43	0.36
	Sederhana	5*	13	Sederhana	Baik
	Rendah	4*	7		
6	Atas	9*	2	0.68	0.45
	Sederhana	14*	4	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	4*	7		
7	Atas	8*	3	0.60	0.36
	Sederhana	12*	6	Sederhana	Baik
	Rendah	4*	7		
8	Atas	7*	4	0.53	0.27
	Sederhana	10*	8	Sederhana	Sederhana baik
	Rendah	4*	7		
9	Atas	6*	5	0.43	0.36
	Sederhana	9*	9	Sederhana	Baik
	Rendah	2*	9		

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item	Kumpulan	Jumlah murid menjawab		IK	ID
		Betul	Salah		
10	Atas	10*	1	0.70	0.54
	Sederhana	14*	4	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	4*	7		
11	Atas	8*	3	0.60	0.45
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
12	Atas	8*	3	0.60	0.45
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
13	Atas	8*	3	0.58	0.45
	Sederhana	12*	6	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
14	Atas	9*	2	0.63	0.54
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
15	Atas	8*	3	0.58	0.54
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	2*	9		
16	Atas	8*	3	0.60	0.45
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11 *(sambungan)*

Item	Kumpulan	Jumlah murid menjawab		IK	ID
		Betul	Salah		
17	Atas	9*	2	0.68	0.45
	Sederhana	14*	4	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	4*	7		

Petunjuk:
* mewakili bilangan murid jawab dengan betul

Berdasarkan Jadual 3.13 di atas, didapati indeks kesukaran untuk kesemua item adalah pada julat 0.40-0.68. Menurut Nitko & Brookhart (2014), julat haruslah antara 0.16 hingga 0.84 bagi item-item ujian dalam indeks kesukaran. Ini disokong oleh Hanna & Dettmer (2004) bahawa item-item yang dibina mempunyai indeks kesukaran julat antara 0.27 hingga 0.63, iaitu pada tahap sederhana. Ekoran daripada analisis item dalam indeks kesukaran, item-item dalam UPB pra merupakan item-item yang berkualiti dan boleh diterima.

Jika ditinjau dari sudut indeks diskriminasi, item-item dalam dalam UPB pra adalah berupaya membezakan murid kumpulan atas dan bawah dalam kesemua item. Nilai indeks diskriminasi telah membuktikan item 3, 4, 6, 7, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16 dan 17 adalah sangat baik, iaitu melebihi nilai 0.41. Namun, analisis item yang dilaksanakan menunjukkan bahawa item 2 dan 8 dan adalah sederhana baik dari sudut indeks diskriminasi. Secara keseluruhannya, kesemua item adalah melebihi nilai indeks 0.20 sekiranya murid dibahagikan kepada 27% berpencapaian rendah dan 27%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpencapaian tinggi (Mehrens & Lehmann, 1991). Dalam erti kata lain, item-item tersebut merupakan item-item yang berkualiti dan boleh dipercayai (Mehrens & Lehmann, 1991).

Jadual 3.12

Analisis item dalam UPB pasca

Item	Kumpulan	Jumlah murid menjawab		IK	ID
		Betul	Salah		
1	Atas	8*	3	0.55	0.45
	Sederhana	11*	7	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
2	Atas	6*	5	0.43	0.36
	Sederhana	9*	9	Sederhana	Baik
	Rendah	2*	9		
3	Atas	10*	1	0.63	0.63
	Sederhana	12*	6	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
4	Atas	8*	3	0.50	0.54
	Sederhana	10*	8	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	2*	9		
5	Atas	8*	3	0.53	0.27
	Sederhana	8*	10	Sederhana	Sederhana baik

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item	Kumpulan	Jumlah murid menjawab		IK	ID
		Betul	Salah		
	Rendah	5*	6		
6	Atas	9*	2	0.65	0.45
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	4*	7		
7	Atas	8*	3	0.60	0.63
	Sederhana	10*	8	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	1*	10		
8	Atas	7*	4	0.60	0.27
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sederhana baik
	Rendah	4*	7		
9	Atas	8*	3	0.53	0.36
	Sederhana	9*	9	Sederhana	Baik
	Rendah	4*	7		
10	Atas	10*	1	0.73	0.45
	Sederhana	14*	4	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	5*	6		
11	Atas	8*	3	0.58	0.45
	Sederhana	12*	6	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
12	Atas	8*	3	0.60	0.45
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sangat baik

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.12 *(sambungan)*

Item	Kumpulan	Jumlah murid menjawab		IK	ID
		Betul	Salah		
	Rendah	3*	8		
13	Atas	9*	2	0.73	0.27
	Sederhana	14*	4	Sederhana	Sederhana baik
	Rendah	6*	5		
14	Atas	9*	2	0.63	0.54
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
15	Atas	8*	3	0.60	0.45
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
16	Atas	9*	2	0.63	0.54
	Sederhana	13*	5	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	3*	8		
17	Atas	9*	2	0.68	0.45
	Sederhana	14*	4	Sederhana	Sangat baik
	Rendah	4*	7		

Petunjuk:
* mewakili bilangan murid jawab dengan betul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan UPB pasca untuk interpretasi dalam Jadual 3.14, didapati indeks kesukaran untuk kesemua item adalah pada julat 0.43-0.73. Menurut Nitko & Brookhart (2014), julat haruslah antara 0.16 hingga 0.84 bagi item-item ujian dalam indeks kesukaran. Ini disokong oleh Hanna & Dettmer (2004) bahawa item-item yang dibina mempunyai indeks kesukaran antara 0.27 hingga 0.63, iaitu pada tahap sederhana. Lanjutan daripada itu, item-item dalam UPB pasca merupakan item-item yang berkualiti dan boleh dipercayai untuk indeks kesukaran.

Jika dilihat dari sudut indeks diskriminasi, item-item dalam dalam UPB pasca berupaya membezakan murid kumpulan atas dan bawah dalam kesemua item. Indeks yang diguna untuk menentukan perbezaan keupayaan murid ini ialah indeks diskriminasi. Nilai indeks diskriminasi telah membuktikan item 1, 3, 4, 6, 7, 10, 11, 12, 14, 15, 16 dan 17 adalah sangat baik, iaitu melebihi nilai 0.41. Namun, analisis item yang dilaksanakan menunjukkan bahawa item 5, 8 dan 13 adalah sederhana baik dari segi indeks diskriminasi. Secara keseluruhannya, kesemua item adalah melebihi nilai indeks 0.20 sekiranya murid dibahagikan kepada 27% berpencapaian rendah dan 27% berpencapaian tinggi (Mehrens & Lehmann, 1991). Dalam erti kata lain, item-item tersebut merupakan item-item yang berkualiti dan boleh dipercayai (Mehrens & Lehmann, 1991). Justeru, item yang baik dapat membezakan dan mendiskriminasikan antara murid yang berpencapaian rendah dan yang berpencapaian tinggi. Sebagai kesimpulan, item-item dalam UPB pra dan UPB pasca merupakan sesuatu instrumen yang baik apabila menjalankan kajian sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)

Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) merupakan jadual yang mengandungi jumlah soalan atau item untuk setiap isi kandungan, tahap kemahiran dan jenis-jenis soalan (Mohd. Najib Ghafar, 1997). JSU merupakan satu matriks atau carta yang mewakili bilangan item yang hendak diuji mengikut setiap topik dan aras objektif (Zimmaro, 2016). JSU merangkumi taksonomi Bloom dan spesifikasi semasa membangun modul dan instrumen kajian. Penyediaan JSU ini dapat menjamin kesahan yang tinggi kepada UPD dan UPB. Oleh itu, JSU dirancang mengikut enam aras tahap pemikiran dalam taksonomi Bloom. Justeru, pembinaan soalan berdasarkan JSU ini mampu menjamin kualiti item UPD dan UPB dan merupakan cara terbaik untuk mencapai kesahan kandungan (Siti Rahayah Ariffin, 2003). Pertaburan tahap KBAT dalam ujian pra dan ujian pasca UPD adalah meliputi tahap mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis dan menilai (Jadual 3.13).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.13

Perbandingan KBAT dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca untuk UPD

Ujian	Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	Item dalam UPD	Jumlah
Pra UPD	Mengingat	O7, O11, O12, O13,	4
	Memahami	O1, O2, O8, O15, O17	5
	Mengaplikasi	O9	1
	Menganalisis	O3, O4, O5, O10, O18	5
	Menilai	O6, O14, O16	3
	Mencipta		
Pasca UPD	Mengingat	O6, O7, O11, O12	4
	Memahami	O1, O2, O3, O8, O9, O13, O14, O15	8
	Mengaplikasi		
	Menganalisis	O4, O5, O16, O17,	4
	Menilai	O10, O18	2
	Mencipta		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, petaburan tahap KBAT dalam ujian pra UPB adalah meliputi tahap mengingati dan mengaplikasi. Ujian pasca UPB pula adalah meliputi mengingati, mengaplikasi dan menganalisis (Jadual 3.14). Jadual 3.14 telah menunjukkan kebanyakkan soalan yang dikemukakan adalah berada pada tahap memahami dan = soalan lain dikemukakan dalam ujian pra UPB adalah berada dalam tahap mengingat, mengaplikasi dan menganalisis.

Jadual 3.14

Perbandingan KBAT dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca untuk UPB

Ujian	Tahap KBAT	Item dalam UPB	Jumlah
Pra UPB	Mengingat	B6	1
	Memahami	B1, B2, B3, B4, B5, B7, B10, B11,	10
	Mengaplikasi	B12, B13, B14	1
	Menganalisis	B8, B9	2
	Menilai		
	Mencipta		
Pasca UPB	Mengingat	B6	1
	Memahami	B1, B2, B3, B4, B5, B7, B10, B11,	10
	Mengaplikasi	B12, B13, B14	1
	Menganalisis	B8, B9	2
	Menilai		
	Mencipta		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, ujian soalan UPD dan UPB juga mengikut spesifikasi ujian. Ujian-ujian ini merangkumi kepada empat komponen utama, iaitu objektif ujian, bilangan/tahap dan panjang, ciri-ciri proposisi ujian dan ciri-ciri organisasi ujian. Spesifikasi kajian juga digariskan dalam Jadual 3.15.

Jadual 3.15

Kaitan Spesifikasi Ujian UPD dan UPB dengan Modul DialogKopitiam

Item	Ujian Pencapaian Mendengar (UPD)	Ujian Pencapaian Bertutur (UPB)	Aplikasi dalam Modul *DialogKopitiam*
Objektif Ujian	Untuk menilai kemahiran komunikasi lisan murid dalam BC melalui kemahiran mendengar.	Untuk menilai pertuturan sosial murid dan kemahiran bertutur secara individu dalam BC.	Modul *DialogKopitiam* mengintegrasikan kemahiran mendengar dan bertutur.
Kandungan Ujian	Soalan dibahagikan kepada 3 bahagian: Bahagian A - Soalan Benar dan Palsu Bahagian B - Soal dan Jawab Bahagian C - 2 Dialog pendek dengan empat	Soalan dibahagikan kepada 3 bahagian: Bahagian A - Membaca perkataan Bahagian B - Soal jawab	Modul ini mengandungi bahagian jawab soalan, perbendaharaan kata, dialog pendek, soalan

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.15 *(sambungan)*

Item	Ujian Pencapaian Mendengar (UPD)	Ujian Pencapaian Bertutur (UPB)	Aplikasi dalam Modul *DialogKopitiam*
	soalan struktur untuk setiap dialog pendek	Bahagian C – Jawab soalan berdasarkan soalan yang diberikan	struktur dan sebagainya.
Ciri-ciri Proposisi Ujian	Ujian Mendengar	Ujian Bertutur	Terdapat ujian formatif yang mengandungi mendengar dan bertutur pada setiap bahagian.
Ciri-ciri Organisasi Ujian	Individu	Individu	Latihan secara individu dan kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Taksomoni Bloom

Taksonomi Bloom diperkenalkan oleh Bloom, Engelhart, Furst, Hill, & Krathwohl (1956). Taksonomi Bloom mengkategorikan kemahiran dan objektif yang ingin dicapai oleh murid kepada 3 domain iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Taksonomi Bloom lazimnya dikaitkan dengan aspek pengajaran dan pembelajaran (N. L. Long & Mustapha, 2019). Dalam pendidikan, taksonomi telah dicipta untuk mengelaskan tujuan dan hasil pendidikan.

Menurut Bloom (1956), taksonomi pendidikan dibahagi kepada tiga domain utama, iaitu domain kognitif, afektif dan psikomotor (Wayne 2014). Setiap domain tersebut boleh dipecahkan kepada beberapa kategori dan sub-kategori yang berturutan atau hierarki pelbagai (peringkat) daripada tingkah laku yang mudah hinggalah kepada tingkah-laku yang paling kompleks. Idea utama taksonomi dalam pendidikan adalah untuk mengelaskan objektif pendidikan supaya objektif tersebut boleh disusun secara berturutan, tahap asas mesti dikuasai sebelum ke peringkat seterusnya. Manakala, terdapat enam aras kemahiran dalam Taksonomi Bloom iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Enam aras tahap pemikiran dalam taksonomi Bloom akan diaplikasikan ke dalam pembangunan modul dan pembinaan instrumen kajian untuk UPD dan UPB (Jadual 3.16). Dalam tahap pemikiran untuk pengetahuan, tumpuan akan diberi kepada ujian soalan akan memberi kepada pengenalpastian dan ingat semula maklumat dalam pembinaan instrumen kajian. Selain itu, tahap pemikiran dalam pemahaman untuk setiap tajuk adalah mewajibkan murid untuk memahami penggunaan fakta, peraturan dan prinsip dalam mendengar dan bertutur. Manakala, ujian soalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk UPD adalah mementingkan tumpuan kepada pilihan dan terangkan teks yang didengar.

Jadual 3.16

Hubungan Enam Aras Tahap Pemikiran dalam Taksonomi Bloom dengan Istilah dalam Modul, UPD dan UPB

Tahap Pemikiran dalam Taksonomi Bloom	Istilah digunakan dalam Modul, UPD dan UPB
Mengingat	
Mengingat kembali atau mengenal pasti maklumat yang spesifik	Mengulang, Menyenaraikan, Mengenal pasti, Menamakan, Menyatakan, Memberitahu dan lain-lain
Memahami	
Menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea, menganggar trend	Menjelaskan, Memberi contoh, Meringkaskan, Menterjemahkan, Menerangkan dan lain-lain
Mengaplikasi	
Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara	Menunjukkan, Menggunakan, Menggambarkan, Membina, Melengkapkan, Memeriksa, Mengelaskan, Menghasilkan, Melaksana, Melakonkan dan lain-lain

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.16 *(sambungan)*

Tahap Pemikiran dalam Taksonomi Bloom	Istilah digunakan dalam Modul, UPD dan UPB
Menganalisis	
Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan	Mencerakin, Membezakan, Membanding, Mengkategorikan, Menilai, Meramal dan lain-lain
Menilai	
Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi	Memilih, Membuat keputusan, Memberi alasan, Mencadangkan, dan lain-lain
Mencipta	
Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif	Merancang, Membina, Menyediakan, Menghasilkan, Mereka bentuk, Melakar dan lain-lain

Sumber: Istilah diadaptasi daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Soal Selidik Sistem Motivasi Kendiri B2 (*L2MSS*)

Instrumen seterusnya yang digunakan dalam kajian ialah borang soal selidik. Ia digunakan untuk memperoleh data kuantitatif. Soal selidik kajian ini dibina dengan merujuk kepada soal selidik yang digunakan dalam kajian-kajian yang lepas. Seterusnya, soal selidik ini akan diubahsuaikan berdasarkan keperluan objektif kajian. Soal Selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem Motivasi Kendiri B2 (*Second Language Motivational Self System*, L2MSS) digunakan untuk mengukur motivasi dalam kajian ini.

Borang soal selidik disemak oleh pakar-pakar sebelum diedarkan kepada murid. Borang soal selidik ini ditaksir dengan menggunakan IBM SPSS 23.0 supaya untuk menilai keberkesanan modul *DialogKopitiam* terhadap motivasi dalam pembelajaran BCSK selepas borang soal selidik *L2MSS* dikutip dan dikumpul.

Soal selidik yang digunakan (Lampiran B) adalah diadaptasi dari kajian lepas, oleh Mostafa Papi (2010) versi Bahasa Inggeris. Soal selidik L2MSS luas digunakan oleh pelbagai penyelidik (Abatayo, 2020; Ali, 2018; T. G. Tan, Lim, & Hoe, 2016) dalam bidang penyelidikan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua. Namun, terdapat penyelidik (Deringol, 2018; L. Kavanagh, 2019; Kulagina, Apasova, & Fyodorov, 2021) menggunakan murid sekolah rendah sebagai peserta kajian untuk menjawab soal selidik motivasi dalam pelbagai bidang. Justeru, soal selidik L2MSS ini merangkumi tiga komponen iaitu aspek Ideal B2 Kendiri *(Ideal L2 Self),* Keperluan B2 Kendiri *(Ought to L2 Self)* dan Pengalaman Pembelajaran B2 *(L2 Learning Experience).* Setiap komponen dalam L2MSS adalah terdiri daripada 6 konstruk masing-masing.

Soal selidik ini mempunyai 18 item dan menggunakan skala Likert lima mata yang diberi nilai satu hingga lima seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.17. Skala Likert lima mata (sangat setuju hingga sangat tidak setuju) dianggap sebagai data biasa dan selalu digunakan dalam penyelidikan pendidikan (Creswell, 2015). Skala Likert lima biasa digunakan dalam kajian penyelidikan (Gay et al., 2012) dan skala Likert lima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mata ini luas digunakan oleh penyelidik-penyelidik (Abatayo, 2020; F. G. Liu, 2010; M. Liu & Li, 2018; Moskovsky et al., 2016; Subekti, 2018; Tort Calvo, 2015) dalam bidang motivasi. Item soal selidik ini adalah diadaptasi dari Taguchi et al. (2009). Taguchi et al. (2009) menggunakan enam skala mulai dari Sangat Tidak Setuju (nilai skala 1) sehingga Sangat Setuju (nilai skala 6). Penyesuaian dari enam skala kepada lima skala dibuat memandangkan peserta kajian yang berusia sekitar 10 tahun mungkin lebih biasa dengan lima skala daripada yang berskala enam seperti soal selidik asal yang dikembangkan oleh Taguchi et al. (2009). Maka, peserta kajian untuk bertindak sangat setuju (nilai skala 5), setuju (nilai skala 4), tidak pasti (nilai skala 3), tidak setuju (nilai skala 2) atau sangat tidak setuju (nilai skala 1) terhadap item-item yang dinyatakan dengan merujuk kepada skala Likert lima mata berdasarkan item-item dalam Soal Selidik L2MSS. Setiap tindak balas diberikan oleh peserta kajian merupakan satu titik nilai dan skor ditentukan oleh menambahkan nilai titik semua pernyataan (Gay et al., 2012).

Jadual 3.17

Skala Likert Lima Mata

Nilai	Jawapan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak setuju
3	Tiada pendapat
4	Setuju
5	Sangat setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Kesahan Isi Kandungan Soal Selidik L2MSS

Kesahan merujuk kepada sejauh mana satu ujian mengukur apa yang sepatutnya diukur, dan seterusnya mengizinkan interpretasi skor dilakukan dengan wajar (Gay & Airasian, 2003). Kesahan instrumen dijalankan bagi memastikan instrumen yang digunakan berupaya mengukur dan menepati dengan apa yang patut diukur (L. Cohen et al., 2007; Jackson, 2009). Proses kesahan instrumen boleh dilakukan dengan perlantikan pakar dalam bidang berkenaan. Ujian rintis terhadap instrumen Soal Selidik LM2SS ini melibatkan 40 orang murid Tahun 4 dari 9 buah SK yang terletak di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. 40 orang murid yang terlibat dalam ujian rintis mempunyai latar belakang yang hampir sama dengan peserta kajian sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan Soal Selidik LM2SS telah dibuat berdasarkan prosedur yang sama dengan UPD dan UPB. Kesahan kandungan Soal Selidik L2MSS yang digubal kemudian disemak oleh tiga orang pakar dalam bidang yang berkaitan. Mereka terdiri daripada tiga orang pensyarah. Soal selidik yang diadaptasi dari versi Bahasa Inggeris akan diterjermah kepada Bahasa Malaysia dan disemak dan dirujuk oleh pakar bahasa. Pakar penterjemahan dari versi Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia mempunyai gelaran Musyi daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dan merupakan seorang pegawai yang dan SISC+ (Bahasa) di Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama dengan kelulusan Ijazah Sarjana Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia bagi mengesahkan instrumen Soal Selidik LM2SS betul, difahami serta tidak kabur dalam aspek penggunaan ayat dan tatabahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, soal selidik juga disemak oleh tiga orang panel penilai yang terdiri daripada pakar bidang pengajaran dan pembelajaran BC dilantik bagi tujuan kesahan instrumen. Jadual 3.18 menunjukkan latar belakang pakar-pakar yang terlibat dalam pengesahan kandungan Soal Selidik L2MSS.

Jadual 3.18

Latar Belakang Pakar Pengesahan Kandungan Soal Selidik L2MSS

Bil	Jawatan	Institusi	Bidang Kepakaran / Kelulusan
1	Profesor Madya (DM54)	Akademi Pengajian Bahasa, UiTM	• PhD (Bahasa Cina), • Mengajar Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga
2	Pensyarah Kanan (DG54)	Institut Perguruan kampus Ipoh	• PhD (Pengajian Tionghua) • Berpengalaman mengajar pelajar PISMP major BCSK
3	Pensyarah Kanan (DG54)	Institut Perguruan Tunku Bainun	• PhD (Pendidikan Awal Kanak-kanak) • Berpengalaman mengajar pelajar PISMP major BCSK

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.18 *(sambungan)*

Bil	Jawatan	Institusi	Bidang Kepakaran / Kelulusan
4	SISC+ (Bahasa) dan Munsyi (Dewan Bahasa dan Pustaka)	Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama	• kelulusan Ijazah Sarjana Bahasa Melayu • Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan

b. Kebolehpercayaan Isi Kandungan Soal Selidik L2MSS

Selain daripada kesahan, kebolehpercayaan juga merupakan aspek yang penting dalam pembinaan instrumen. Perkara ini dapat dinilai menerusi nilai koefisien kebolehpercayaan (Jackson, 2009; Siti Rahayah Ariffin, 2003). Setelah Soal Selidik L2MSS dibina dengan menggunakan prinsip pembinaan soalan, ujian rintis terhadap menguji soalan tersebut dilaksanakan oleh penyelidik. Ini membantu menentukan peserta kajian mampu menyelesaikan tinjauan dan dapat memahami soalan. Ujian rintis soal selidik adalah prosedur di mana penyelidik membuat perubahan dalam instrumen berdasarkan maklum balas dari peserta kajian yang melengkapkan dan menilai instrument (Cohen, Manion, & Morrison, 2018). Oleh itu, ujian rintis merupakan langkah pertama untuk mendapatkan nilai koefisien. Chua (2006) menggariskan prosedur untuk mentadbir kajian rintis (Jadual 3.19).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.19

Prosedur untuk mentadbir kajian rintis

Bil	Langkah	Penerangan
1	Langkah pertama	Menjalankan kajian rintis dengan menggunakan kaedah yang sama dengan kajian sebenar.
2	Langkah kedua	Mencatatkan maklum balas berkaitan kekeliruan yang ditimbul.
3	Langkah ketiga	Melihat nilai koefisien kebolehpercayaan, kekuatan, kekurangan, dan cadangan penambahbaikan instrumen.
4	Langkah keempat	Data daripada kajian rintis dianalisis berdasarkan analisis kebolehpercayaan alpha *Cronbach*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pekali alpha *Cronbach* bagi ujian perlu melebihi piawaian penerimaan item seperti yang dicadangkan oleh penyelidik-penyelidik. Nilai untuk ujian yang melebihi nilai 0.70 adalah dianggap mempunyai kebolehpercayaan yang baik (Chua, 2006). Jackson (2009) pula menggariskan kekuatan kebolehpercayaan 0.30 hingga 0.69 mempunyai kebolehpercayaan yang sederhana dan 0.70 hingga 1.0 mempunyai kebolehpercayaan yang kuat. Pekali alfa *Cronbach* bagi keseluruhan Soal Selidik L2MSS ialah 0.711 (Jadual 3.20). Ini menunjukkan kebolehpercayaan Soal Selidik L2MSS adalah tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.20

Kebolehpercayaan untuk Instrumen Soal Selidik L2MSS

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.710	.711	18

Penyelidik turut melaksanakan ujian rintis terhadap Soal Selidik L2MSS untuk menentukan kebolehpercayaannya. Kebolehpercayaan instrumen berbentuk soal selidik diukur menggunakan alfa *Cronbach*. Pekali alfa *Cronbach* bagi setiap komponen dalam Soal Selidik L2MSS berjulat dari 0.60 hingga 0.65 (Jadual 3.21).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.21

Bilangan item dan nilai alfa Cronbach bagi Soal Selidik L2MSS

Komponen L2MSS	Bilangan item	Alfa *Cronbach*	Sisihan Piawai
IL2S	6	0.616	3.40
OL2S	6	0.619	3.86
L2LE	6	0.624	2.96
Keseluruhan	18	0.711	7.20

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Kesahan Kajian

Kesahan adalah penting dalam semua bentuk penyelidikan untuk semua jenis ujian dan mempunyai tiga ukuran dari segi sangat sahih, sederhana tidak sah, dan tidak sah (Gay et al., 2012). Satu ciri penting lain dalam kajian eksperimen ialah kawalan pemboleh ubah luaran (*extraneous variable*) (J. H. McMillan, 2008). Kawalan terhadap pemboleh ubah luaran adalah penting dalam kajian eksperimen bagi memastikan kesan ke atas pemboleh ubah bersandar adalah hasil daripada variasi dalam pemboleh ubah bebas. Pemboleh ubah luaran yang tidak terkawal akan memberi kesan ke atas pemboleh ubah bersandar dan akan mengancam kesahan kajian.

Kesahan luaran dan kesahan dalaman untuk suatu eksperimen yang sah adalah merujuk kepada pembolehubah tidak bersandar dapat dimanipulasikan dan dapatan dapatan kajian boleh digeneralisasikan kepada individu, kumpulan atau konteks luar eksperimen (Fraenkel, Wallen & Hyun, 2019; Gay, Mills & Airasian, 2019; Turmudi, 2017).

Satu eksperimen yang sah mesti memenuhi dua kriteria berikut: (1) keputusan yang diperoleh adalah hasil daripada pemanipulasian pemboleh ubah bebas sahaja, dan (2) keputusan yang diperoleh dapat digeneralisasikan kepada individu atau konteks di luar eksperimen (Gay et al., 2012). Kedua-dua kriteria tersebut masing-masing dikenali sebagai kesahan dalaman dan kesahan luaran. Gable & Wolf (1993) pula mencadangkan tiga hingga lima orang pakar yang mempunyai pengetahuan mengenai subjek yang dikaji. Jadi, kajian penyelidikan ini akan menggunakan semakan oleh pakar-pakar yang terdiri dari pakar bahasa dan pakar pembinaan instrumen. Manakala, soal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selidik untuk motivasi, ujian pra dan ujian pos telah dirujuk oleh pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan. Selain itu, dapatan kajian kajian ini juga hanya boleh digeneralisasikan kepada murid-murid di sekolah lain yang mempunyai latar belakang yang hampir sama dengan peserta kajian ini.

3.5.1 Ancaman Kesahan Dalaman

Kesahan dalaman menunjukkan penjelasan mengenai suatu peristiwa, masalah atau sekumpulan data tertentu yang disediakan oleh suatu penyelidikan sebenarnya dan dipertahankan oleh data penyelidikan tersebut (Shadish, W., Cook, T., Campbell, 2002). Cohen, Manion, & Morrison (2018); Fraenkel et al. (2019) telah menyenaraikan 10 ancaman kesahan dalaman yang boleh memberi kesan kepada kajian kuasi eksperimen. Menurut Fraenkel et al. (2019), jenis dan sumber ancaman terhadap kesahan dalaman kajian eksperimen adalah termasuk ciri-ciri peserta kajian (*subject characteristics*), kehilangan peserta kajian (*mortality*), instrumentasi (*instrumentation*), ujian (*testing*), sejarah (*history*), kematangan (*maturation*), regresi (*regression*), sikap peserta kajian (*attitude of subjects*), lokasi (*location*) dan pelaksanaan (*implementation*).

Manakala, Creswell (2012); Shadish & Luellen (2006) mendedahkan kajian kuasi ekperimen boleh mempengaruhi saiz dan arah bias pemilihan kumpulan rawatan yang mungkin berlaku secara membuat perbandingan dengan kumpulan kawalan. Maka, penyelidik boleh menggunakan pelbagai statistik pelarasan perbezaan ujian pra kumpulan untuk memperbaiki inferens. Jadual 3.22 menunjukkan sumber ancaman kesahan dalaman untuk reka bentuk eksperimen kuasi ujian pra dan ujian pasca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan kawalan tidak setara yang digunakan dalam penyelidikan ini dan faktor-faktor dalam kesahan dalaman untuk mengurangkan ancaman dalaman.

Jadual 3.22

Sumber Kesahan Reka Bentuk Ujian Pra Pasca Kumpulan Kawalan Tidak Setara

Reka bentuk eksperimen	Sumber kesahan	Faktor
ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan tidak setara	a) Ciri-ciri Peserta Kajian	+
	b) Kehilangan Peserta Kajian (mortaliti)	+
	c) Instrumentasi:	+
	-Pereputan alat	-
	-Ciri-ciri pemungut data	-
	-Bias pemungut data	+
	d) Ujian	+
	e) Sejarah	+
	f) Kematangan	+
	g) Regresi	-
	h) Sikap Peserta Kajian	-
	i) Lokasi	-
	j) Pelaksanaan	+

Petunjuk:

+ mewakili faktor terkawal; - mewakili faktor tidak terkawal

Sumber: Diadaptasi daripada Ary, Jacobs, & Sorensen, 2010; Gay, Mills, & Airasian, 2011; Wallen & Fraenkel, 2001

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Ancaman ciri-ciri subjek (*subject characteristics*)

Ciri-ciri peserta kajian boleh memberi kesan kepada hasil kajian (Turmudi, 2017). Dari aspek usia, semua peserta kajian adalah pada peringkat umur yang setara iaitu murid Tahun 4 yang berusia sekitar 10. Umur kecil yang dipilih sebagai peserta kajian bukan merupakan sesuatu ancaman dalaman atau luaran terhadap kajian. Ini dapat dibuktikan oleh penyelidikan Nor Fauzian Kassim (2018) bahawa menggunakan kanak-kanak prasekolah sebagai peserta kajian dalam kajian kedoktoran beliau. Walaupun kanak-kanak yang dipilih adalah kecil, namun peserta kajian memberikan kerjasama yang sepenuhnya dan ini tidak akan membawa sebarang masalah semasa pelaksanaan kajian. Selain itu, jantina peserta kajian dalam kajian rintis dan kajian sebenar daripada kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan juga adalah setara. Dari aspek keupayaan peserta kajian, *ujian-t* sampel tidak bersandar atas prestasi dalam pra dan pasca UPD, UPB dan Soal Selidik LM2SS telah dijalankan bagi menentukan kehomogenan pembolehubah ini antara kedua-dua kumpulan. Oleh itu, ini adalah rasional bahawa memilih murid Tahun 4 yang mengikuti mata pelajaran BCSK di sekolah kebangsaan sebagai peserta kajian.

b. Ancaman kehilangan peserta kajian (*mortality*)

Kehilangan peserta kajian merujuk kepada peserta kajian tercicir daripada kajian (Gay, Mills, & Airasian, 2019). Kehilangan peserta kajian juga sering berlaku dalam penyelidikan jangka panjang (contohnya eksperimen, penyelidikan longitudinal, penyelidikan tindakan) dan mungkin membawa kesan kepada pemboleh ubah (Cohen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

et al., 2018). Ini disebabkan peserta kajian dari kumpulan mungkin telah dipilih secara rawak pada awal kajian, namun peserta kajian mungkin berbeza atau kegagalan untuk melengkapkan ujian pasca sekiranya pelaksanaan kajian tersebut mengambil masa yang jangka panjang. Keciciran peserta kajian ini boleh mengakibatkan kesan kepada kajian (Shadish, Cook & Campbell, 2002).

Selain itu, kehadiran peserta kajian juga akan terjejas akibat perebakan wabak *Covid-19*. Oleh itu, tindakan seperti memilih peserta kajian yang hadir sepenuhnya dalam kajian rintis dan kajian sebenar telah diambil demi memastikan tidak berlaku perpindahan sekolah, sakit, ketidakhadiran sekolah atau berhenti sekolah oleh peserta kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Instrumentasi (*instrumentation*)

Ancaman instrumentasi (*instrumentation*) merujuk kepada ketidakbolehpercayaan pengukuran daripada alat kajian yang boleh mengakibatkan pengukuran terhadap pembolehubah bersandar tidak sah pada kajian (Gay, Mills, & Airasian, 2019) . Ujian atau instrumen yang tidak boleh dipercayai dapat menyebabkan kesalahan serius dalam penyelidikan (Cohen et al., 2018). Menurut Campbell & Stanley (1963), ancaman instrumentasi (*instrumentation*) merupakan perubahan dalam penentukuran instrumen yang boleh mengakibatkan perubahan terhadap pengukuran yang diperoleh. Oleh itu, ini selari dengan pemerhatian penyelidik atau perubahan dalam instrumentasi dan penentukuran, kesalahan boleh berlaku akibat perubahan kemahiran mereka dan tahap penumpuan sepanjang kajian dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, UPD pra, UPB pra, UPD pasca, UPB pasca dan Soal Selidik L2MSS yang digunakan dalam kajian ini telah memperoleh kesahan dan kebolehpercayaannya. Skema penilaian untuk UPD pra, UPB pra, UPD pasca, UPB pasca dan Soal Selidik L2MSS telah dibina dan disahkan oleh pakar. Guru-guru mentaksir ujian tersebut dengan menggunakan skor penilaian UPD pra, UPB pra, UPD pasca, UPB pasca dan Soal Selidik L2MSS dalam kumpulan eksperimen demi mengurangkan berat sebelah *(bias)* antara peserta kajian dengan penyelidik. Skema pemarkahan juga disediakan untuk penilai ujian pra dan ujian pasca.

Dari aspek ciri-ciri pemungut data, kajian ini boleh dikatakan kurang mempunyai ancaman disebabkan pentadbiran UPD pra, UPB pra, UPD pasca, UPB pasca dan Soal Selidik L2MSS dalam kumpulan eksperimen adalah dilakukan oleh guru yang sama. Oleh itu, soal selidik yang sama dan ujian yang setara digunakan dalam ujian pra dan ujian pasca. Dengan semua langkah-langkah telah diambil, penyelidik memastikan bahawa ancaman instrumentasi dapat dikurangkan sehingga bukan menjadi masalah semasa menjalankan kajian.

d. Ujian (*testing*)

Ancaman ujian (*testing*) dalam kajian ini merujuk kepada ujian pra akan memberi kesan kepada kajian dengan meningkatkan prestasi pada ujian pasca (Gay et al., 2019). Kajian ini hanya melakukan ujian UPD pra dan pasca serta UPB pra dan pasca sahaja, maka ini dapat mengurangkan ancaman daripada ujian yang terlampau banyak terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peserta kajian. Sekiranya didapati perbezaan min pada ujian pra UPD dan UPB, maka skor pembolehubah digunakan sebagai kovariat bagi melengyapkan kesan skor pembolehubah pada ujian pra terhadap skor ujian pasca.

e. Sejarah (*history*)

Ancaman sejarah (*history*) dalam kajian ini merujuk kepada satu atau lebih kejadian yang tidak dijangkakan dan dirancang berlaku semasa kajian dan boleh memberi kesan kepada respon peserta kajian serta boleh menjejaskan eksperimen yang dijalankan (Fraenkel et al., 2019; Wallen & Fraenkel, 2001). Dalam penyelidikan pendidikan, peristiwa selain daripada rawatan intervensi berlaku pada masa antara pemerhatian pra-ujian dan pasca-ujian (Cohen et al., 2018). Kejadian seperti itu menghasilkan kesan yang boleh dianggap salah kerana perbezaan dalam rawatan. Oleh itu, ancaman sejarah merupakan peristiwa yang selalu berlaku untuk kumpulan terhadap ujian pra dan ujian pasca.

Penyelidik selalu berkomunikasi dengan guru-guru agar menjamin tidak berlaku peristiwa yang menjejaskan pembolehubah bersandar daripada pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Oleh itu, rancangan pengajaran disediakan untuk guru dan haruslah diajar oleh guru yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f. Kematangan (*maturation*)

Ancaman kematangan (*maturation*) dalam kajian ini merujuk kepada proses perubahan semula jadi (biologi atau psikologi) yang berlaku kepada peserta kajian dalam masa eksperimen (Ary. et al., 2010; Fraenkel et al., 2019). Peserta kajian menjadi lebih tua, intelek, matang dan sebagainya merupakan perkembangan manusia yang biasa. Perubahan ini boleh menjadi ancaman dengan menjejaskan respon untuk peserta kajian, khasnya dalam kajian yang berlaku dalam tempoh yang lama. Kajian ini hanya berjalan selama tempoh 8 minggu dengan menggunakan peserta kajian (murid Tahun Empat yang berumur 10 tahun) dalam kumpulan ekperimen yang setara. Oleh itu, peserta kajian berkemungkinan mengalami perubahan semula jadi yang sama sepanjang eksperimen ini. Justeru, ancaman kematangan ini dapat diminimumkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

g. Regresi (*regression*)

Ancaman regresi (*regression*) dalam kajian ini merujuk kepada pemilihan kumpulan berdasarkan skor ekstrem ujian pra (Campbell & Stanley, 1963). Regresi ini selalu berlaku apabila peserta kajian dipilih berdasarkan skor suatu pembolehubah yang amat tinggi atau amat rendah (Fraenkel et al., 2019). Misalnya, penyelidik menghapuskan skor murid yang berpencapaian tinggi atau berpencapaian rendah tanpa melibatkan skor murid yang berpencapaian sederhana. Ancaman regresi ini tidak dapat dijadikan ancaman terhadap kajian kerana penyelidik tidak memilih peserta kajian yang berpencapaian tinggi atau berpencapaian rendah dengan memilih kumpulan yang sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

h. Sikap peserta kajian (*attitude of subjects*)

Ancaman sikap peserta kajian (*attitude of subjects*) dalam kajian ini merujuk kepada keterlibatan dan pandangan peserta kajian boleh menyebabkan ancaman dalam kajian ini (Turmudi, 2017). Sikap merupakan sesuatu yang abstrak dan hanya dapat dilihat melalui tindakan yang diambil (Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2014a). Kesan yang diperhatikan mungkin disebabkan oleh perbezaan yang sistematik pada ciri-ciri peserta dalam kumpulan rawatan berbanding dengan kumpulan kawalan (Shadish, Cook & Campbell, 2002). Sikap peserta kajian terhadap pembelajaran boleh dibahagi kepada dua bahagian iaitu sikap positif dan negatif (Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2014a). Sikap mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian peserta kajian dalam kumpulan ekperimen dan kumpulan kawalan yang setara di dalam pembelajarannya. Oleh itu, ancaman sikap peserta kajian dapat dikurangkan dengan guru yang berpengalaman adalah mahir dalam mengelolakan bahan pengajaran sehingga ianya dapat menarik minat peserta kajian untuk terus mengikuti pengajaran dan pembelajaran oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Lokasi (*location*)

Ancaman lokasi (*location*) dalam kajian ini merujuk kepada perubahan fizikal dan sosial daripada sekolah boleh mengakibatkan perbezaan keputusan eksperimen (Fraenkel et al., 2019). Aspek perubahan fizikal sekolah dapat diminimunkan kerana iklim pembelajaran murid dalam kelas adalah sama, iaitu murid-murid dibekalkan meja kerusi oleh KPM dalam kelas yang sedia ada.

Aspek perubahan sosial sekolah kumpulan rawatan juga dapat diminimunkan dengan pengagihan 3 waktu seminggu dalam pengajaran dan pembelajaran, diajar oleh guru yang berpengalaman serta masing-masing menggunakan buku teks yang dibekal oleh KPM dan penggunaan modul kepada murid sepanjang kelas BCSK. Selain itu, negara kita mengalami perebakan pandemik Covid-19 yang berleluasa pada tahun 2020 telah menyebabkan segelintir guru menolak perlantikan murid untuk menjadi peserta kajian. Negara kita mengalami pandemik Covid-19 yang berleluasa pada tahun 2020, maka kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai Mac 2020 sehingga Mei 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai Mei 2020 sehingga Jun 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai Jun 2020 sehingga Disember 2020. Seterusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia juga menetapkan pembukaan persekolahan secara bersemuka pada Julai sehingga awal November 2020 dan memutuskan pengajaran dan pembelajaran secara *Home-based Learning* dilaksanakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula pada 9 November 2020 sehingga 17 Disember 2020 (rujuk surat KPM.100-1/3/1 Jld. 4(7) bertarikh 8 Novemver 2020). Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) telah dibangunkan oleh KPM untuk membantu guru melaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PdPR dalam talian sebagai alternatif pembelajaran norma baharu. Manakala pembukaan persekolahan 2021 lebih lewat berdasarkan Takwim Penggal dan Cuti Persekolahan Tahun 2021 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020a). Oleh demikian, penyelidik telah mengambil kesempatan untuk menjalankan kajian semasa sekolah dibuka dan pengajaran dan pembelajaran yang bersemuka seperti biasa. Perlantikan murid sebagai peserta kajian dalam kajian yang dijalankan selama 2 bulan akan mengganggu pengajaran dan pembelajaran BCSK. Justeru, penyelidik hanya memilih empat buah negeri di utara, iaitu negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor sebagai lokasi kajian. Lokasi sekolah yang dipilih sebagai kajian berstatus bandar atau luar bandar dalam kajian ini tidak akan diambil kira sebagai pembolehubah bersandar.

Di samping itu, lokasi kajian dari negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor telah dipilih secara rawak dalam kajian ini bagi mengelakkan berlakunya interaksi antara peserta kajian berkongsi dengan rakan-rakan mereka dalam kumpulan lainnya. Ini akan mengganggu kebolehpercayaan terhadap instrumen kajian yang dilaksanakan. Justeru itu, lokasi penyelidikan bukan merupakan salah satu ancaman kepada kesahan dalaman.

j. Pelaksanaan (*implementation*)

Ancaman pelaksanaan (*implementation*) dalam kajian ini dapat berlaku semasa individu yang berbeza ditugaskan untuk menjalani dan mentadbir rawatan. Seterusnya, individu ini berbeza dalam cara penyampaian yang mampu memberi kesan kepada pembolehubah bersandar (Fraenkel et al., 2019; Wallen & Fraenkel, 2001)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ancaman pelaksanaan dapat berlaku dalam kajian sekiranya penglibatan guru yang berbeza dalam menjalankan eksperimen ini. Ini merupakan suatu ancaman sehingga boleh mempengaruhi kesan kerana terdapat perbezaaan sifat semula jadi yang dipunyai oleh setiap daripada mereka (Faridah Salam, Ramlah Mailok, & Norhasbiah Ubaidullah, 2015). Bagi mengurangkan ancaman pelaksanaan yang dilaksana oleh guru yang berbeza, penyelidik menyediakan rancangan pengajaran harian kepada guru dari kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Tujuannya adalah untuk mengelakkan guru daripada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan sentiasa memberikan perhatian kepada peserta kajian yang boleh memberi kesan terhadap dapatan kajian.

Selain itu, ancaman pelaksanaan dapat diminimumkan terhadap kesahan dalaman melalui memikirkan pemboleh ubah yang berbeza (keadaan, ciri subjek, dan sebagainya) yang mungkin mempengaruhi pembolehubah hasil kajian. Oleh itu, seorang guru BCSK dilantik dari sesebuah sekolah untuk mentadbir kumpulan kawalan atau rawatan serta proses pelaksanaan terhadap kajian ini kerap dipantau oleh penyelidik untuk mengurangkan ancaman tersebut.

Dalam kajian ini, ancaman dalaman berlaku dan berkemungkinan memberi kesan kepada keputusan kajian. Ancaman ciri-ciri peserta kajian, kehilangan peserta kajian, instrumentasi, ujian, sejarah, kematangan, regresi, sikap peserta kajian, lokasi dan pelaksanaan terkawal oleh jenis reka bentuk kuasi eksperimen. Oleh itu, penyelidik telah mengambil langkah untuk mengurangkan ancaman tersebut bagi memastikan reka bentuk penyelidikan lebih kukuh dan tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Ancaman Kesahan Luaran

Kesahan dalaman adalah berkaitan dengan reka bentuk kajian manakala kesahan luaran memperkatakan kebolehan untuk digeneralisasikan (Fraenkel et al., 2019). Kesahan luaran dalam penyelidikan kuantitatif berkaitan dengan sejauh mana dapatan penyelidikan dapat membuat generalisasi dari sampel kepada populasi (Cohen et al., 2018). Dalam menangani ancaman kesahan luaran, perhatian yang teliti diberikan kepada pelbagai cabaran. Ancaman terhadap kesahan luaran termasuklah interaksi hubungan sebab akibat (termasuk pemboleh ubah mediator) dengan (1) unit, (2) rawatan, (3) hasil, dan (4) *setting* (Shadish, Cook & Campbell (2002). Populasi dalam kajian ini terdiri daripada murid Tahun Empat dari negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor yang mengikuti BCSK. Jadual 3.23 menunjukkan jenis kesahan luaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.23

Jenis ancaman kesahan luaran dalam kajian

Ancaman	Penerangan
Interaksi hubungan sebab akibat dengan unit	Kesan yang ditemui pada suatu unit tertentu mungkin tidak dapat digeneralisasikan kepada unit lain yang dikaji.
Interaksi hubungan sebab akibat dengan rawatan	Saiz atau arah satu hubungan sebab akibat berubah-ubah mengikut variasi rawatan yang berbeza (Shadish, Cook & Campbell (2002). Kesan yang ditemui dengan satu variasi rawatan mungkin tidak dapat digeneralisasikan apabila variasi lain rawatan tersebut digunakan, atau apabila rawatan tersebut digabungkan dengan rawatan lain, atau apabila sebahagian daripada rawatan tersebut digunakan.
Interaksi hubungan sebab akibat dengan hasil	Kesan yang ditemui pada suatu dapatan mungkin tidak dapat digeneralisasikan kepada dapatan lain.
Interaksi hubungan sebab akibat dengan *setting*	Kesan yang ditemui pada suatu *setting* mungkin tidak dapat digeneralisasikan kepada setting lain.

Sumber: Diadaptasi dari Shadish, Cook & Campbell (2002)

Jadi, berdasarkan pengurangan ancaman luaran yang didapati, maka dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada murid di sekolah yang mempunyai latar belakang yang hampir sama dengan peserta kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Prosedur Kajian

Penyelidikan eksperimen mesti mengikuti satu set prosedur yang logik. Terdapat dua fasa dalam prosedur keseluruhan kajian ini, iaitu iaitu fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam* dan fasa penilaian keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi dalam pembelajaran BCSK. Bukan sahaja itu, Cohen et al. (2018) pula mencadangkan model sepuluh langkah untuk menjalankan eksperimen untuk melaksanakan sesuatu kajian (Jadual 3.24):

Jadual 3.24

Model Sepuluh Langkah

Langkah	Keterangan
Langkah 1	Kenal pasti tujuan eksperimen
Langkah 2	Pilih pemboleh ubah yang berkaitan
Langkah 3	Nyatakan tahap intervensi (tahap rendah, sederhana, tinggi)
Langkah 4	Mengasingkan dan mengawal keadaan dan persekitaran eksperimen
Langkah 5	Pilih reka bentuk eksperimen yang sesuai
Langkah 6	Tadbir ujian pra
Langkah 7	Pilih populasi yang relevan dan asingkan peserta ke kumpulan
Langkah 8	Jalankan intervensi
Langkah 9	Menjalankan ujian pasca
Langkah 10	Analisis data

Sumber: Cohen et al., 2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan cadangan model sepuluh langkah oleh Cohen et al. (2018), pengkaji akan lebih memahami dalam fasa pembangunan dan fasa penilaian keberkesanan Modul *DialogKopitiam* dalam pembelajaran BCSK.

a. Fasa Pembangunan Modul *DialogKopitiam*

Kajian ini bermula dengan menyediakan kertas cadangan kajian dalam fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Kertas cadangan kajian kemudian dikemukakan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), iaitu JPN Kedah, JPN Pulau Pinang, JPN Perak dan JPN Selangor untuk memohon kelulusan dan kebenaran melaksanakan kajian di lokasi kajian tersebut. Seterusnya penyelidik berjumpa dengan Guru Besar dan Ketua Panitia BCSK dari sekolah yang dipilih untuk menjelaskan kajian yang dijalankan di sekolah berkenaan. Manakala, fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam* dilaksanakan dalam tiga peringkat, iaitu analisis keperluan, pembangunan modul dan kajian rintis. Fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam* ini dibincangkan secara terperinci dalam Bahagian 4.1 hingga 4.8.

b. Fasa Kajian Penilaian Keberkesanan Modul *DialogKopitiam*

Fasa kajian penilaian ini merupakan peringkat penilaian sumatif Modul *DialogKopitiam*. Fasa ini melibatkan kajian sebenar di lapangan untuk menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* dalam peningkatan pencapaian dalam kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendengar, bertutur dan motivasi dalam BCSK dalam kalangan murid Tahun Empat. Peserta kajian terdiri daripada murid Tahun Empat dari lapan buah SK yang terletak di empat sebuah negeri di Semenanjung Malaysia.

Setelah peserta kajian dipilih, penyelidik membuat temujanji dengan guru BCSK berkenaan untuk menjelaskan kajian yang akan dijalankan. Sesi latihan juga diberikan kepada guru-guru berkenaan bagi memastikan mereka memperoleh pengetahuan dan kemahiran mengendali dan melaksanakan aktiviti dalam Modul *DialogKopitiam* dengan lancar. Di samping itu, penyelidik juga berbincang dengan guru berkenaan tentang cara-cara pelaksanaan modul yang efektif di sekolah masing-masing. Penilaian ke atas modul juga dijalankan melalui dua kriteria, iaitu secara format dan isi kandungan (Tee, Jailani Md Yunos, et al., 2012). Menurut Mohd Shafie Zulkifli, Hairun Najuwah Jamali, Hasanah Hj Iksan, & Hj Ahmad Ismail (2018) & Zulkifli Osman (2013), kebolehlaksanaan modul dinilai melalui empat kriteria, iaitu kerelevanan isi kandungan, kebolehcapaian objektif pelajaran, kebolehlaksanaan proses PdP dan kemampuan menarik minat murid. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik menguji kebolehgunaan Modul *DialogKopitiam* melalui kaedah pengujian kebolehgunaan modul oleh sampel kajian secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik (Rajah 3.3) yang merangkumi keempat-empat kriteria tersebut. Fasa kajian penilaian keberkesanan Modul *DialogKopitiam* dibincangkan secara terperinci dalam bab yang seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.3. Prosedur keseluruhan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Analisis Data

Data yang diperoleh dari kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Analisis data kuantitatif adalah penyelidikan yang kuat bentuk (Cohen et al., 2018). Data kuantitatif dianalisis dengan perisian *IBM Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 23.0 dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Persoalan kajian yang dinyatakan dalam Bab 1 mempunyai hubungan dengan instrumen kajian dan teknik analisis data yang digunakan.

Bagi menjawab soalan kajian (i), (ii), (iii) dan (iv) yang berkaitan dengan keberkesanan tahap pencapaian dalam kemahiran mendengar dan bertutur, data akan dikumpul dan dianalisis dengan t-Test. Manakala, soalan kajian (v) dan (vi) yang berkaitan dengan keberkesanan dalam L2MSS kumpulan rawatan dalam BCSK, data akan dikumpul dan dianalisis dengan MANOVA pengukuran berulang. MANOVA pengukuran berulang digunakan untuk menjawab soalan kajian (v) dan (vi) adalah disebabkan kajian ini membandingkan kumpulan terhadap IL2S pra, OL2S pra dan L2LE pra serta IL2S pasca, OL2S pasca dan L2LE pasca dalam motivasi. Jadual 3.25 menunjukkan hubungan antara soalan kajian, instrumen kajian dan teknik analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.25

Hubungan antara soalan kajian, instrumen kajian dan teknik analisis data

	Persoalan Kajian	Instrumen Kajian	Teknik Analisis Data
1	Apakah tahap keberkesanan Modul DialogKopitiam berkesan dalam meningkatan tahap pencapaian kemahiran mendengar murid dalam BCSK	UPD	t-Test
2	Apakah perbezaan tahap pencapaian dalam kemahiran mendengar murid dalam BCSK?	UPD	t-Test
3	Apakah tahap keberkesanan Modul DialogKopitiam dalam meningkatan tahap pencapaian kemahiran bertutur murid dalam BCSK?	UPB	t-Test
4	Apakah perbezaan tahap pencapaian dalam kemahiran bertutur murid dalam BCSK?	UPB	t-Test
5	Apakah tahap keberkesanan Modul DialogKopitiam dalam meningkatan tahap motivasi IL2S dalam BCSK?	Soal Selidik *L2MSS*	MANOVA pengukuran berulang
6	Apakah tahap keberkesanan Modul DialogKopitiam dalam meningkatan tahap motivasi OL2S dalam BCSK?	Soal Selidik *L2MSS*	MANOVA pengukuran berulang

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.25 *(sambungan)*

Persoalan Kajian		Instrumen Kajian	Teknik Analisis Data
7	Apakah tahap keberkesanan Modul DialogKopitiam dalam meningkatan tahap motivasi L2LE dalam BCSK?	Soal Selidik *L2MSS*	MANOVA pengukuran berulang

3.8 Etika Pelaksanaan Kajian

Etika merupakan asas supaya maklumat serta teknik kajian tidak disalahgunakan secara sengaja atau tidak sengaja (Othman Lebar, 2014). Etika harus diberi perhatian semasa menjalankan sebarang kajian yang berbentuk kuantitatif atau kualitatif. Isu yang berkaitan dengan pelaksanaan kajian mungkin tertimbul dan perlu difikirkan sebelum, semasa dan selepas kajian (Nor Fauzian Kassim, 2018). Oleh itu, pelbagai tindakan yang sesuai harus diambil agar melindung peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini supaya tidak memberi kesan terhadap diri dan kehidupan mereka.

Penyelidik telah memperoleh surat persetujuan menjadi peserta kajian daripada waris dan surat persetujuan daripada pakar. Selain itu, surat kelulusan daripada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (Etika Penyelidikan Manusia), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pendidikan Negeri Perak serta Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (Lampiran P – Lampiran U) diperoleh sebelum memulakan kajian penyelidikan. Terdapat beberapa strategi yang digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh penyelidik semasa menjalankan kajian agar sentiasa mematuhi dan melaksanakan etika penyelidikan (Jadual 3.26).

Jadual 3.26

Strategi dan tindakan digunakan dalam penyelidikan

Bil	Perkara	Tindakan
1	Merujuk kepada Guru Besar sekolah kebangsaan.	Mendapat persetujuan secara verbal atau surat daripada pihak sekolah.
2	Mendapat kebenaran daripada ibu bapa peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini.	Memaklumkan kepada ibu bapa peserta kajian terhadap penyelidikan yang dijalankan dan penglibatan mereka dalam kajian ini.
3	Mendapatkan kebenaran pakar-pakar yang terlibat dalam kajian ini.	Memaklumkan kepada pakar-pakar terhadap penyelidikan yang dijalankan dan memerlukan nasihat kepakaran mereka dalam kajian ini.
4	Keinginan peserta kajian untuk menjalankan kajian ini.	Penyelidik berpegang kepada kerahsiaan terhadap maklumat, identiti data oleh peserta kajian dan pakar sepanjang kajian dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan Modul *DialogKopitiam* dan menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* dalam peningkatan pencapaian dalam kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi dalam kalangan murid bukan penutur jati Tahun 4. Kajian ini bersifat kuantitatif untuk menganalisiskan data. Kajian ini melibatkan dua fasa, iaitu pembangunan Modul *DialogKopitiam* dan kajian penilaian keberkesanan Modul *DialogKopitiam*. Kajian penilaian keberkesanan Modul *DialogKopitiam* berbentuk kuasi eksperimen dengan reka bentuk ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan dan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

TATACARA PEMBANGUNAN MODUL DIALOGKOPITIAM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pendahuluan

Bab 1 telah menitikberat kepentingan murid untuk menguasai bahasa tambahan seperti BCSK dalam pencapaian kemahiran mendengar dan bertutur adalah diperlukan. Walau bagaimanapun, masalah atau jurang telah dikenal pasti, iaitu tahap pencapaian kemahiran mendengar dan bertutur BCSK dan motivasi dalam pembelajaran BCSK adalah tidak memberangsangkan. Maka, Modul *DialogKopitiam* telah dibangunkan untuk membantu murid dalam meningkatkan pencapaian dalam kemahiran mendengar dan bertutur serta motivasi dalam pembelajaran BCSK dalam kalangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, bab ini merupakan lanjutan daripada Bab 3 yang menerangkan metodologi kajian. Bab ini membincangkan proses atau langkah yang terlibat dalam membangunkan Modul *DialogKopitiam* secara terperinci berdasarkan Model Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK) (2013). Gambaran secara teliti tentang tatacara pembangunan Modul *DialogKopitiam* berdasarkan Model MRKK akan dibincangkan di Bahagian 4.2.

4.2 Rasional Pemilihan Model Reka Bentuk Instruksi

Modul pengajaran dan pembelajaran dibangunkan berdasarkan model yang paling sesuai digunakan dalam kajian**.** Dalam kajian ini, model reka bentuk instruksi yang dipilih dan menjadi asas pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah berdasarkan Model Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK) (Morrison, Ross, Kalman dan Kemp, 2013).

Setiap model reka bentuk instruksi mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri, justeru rasional untuk memilih Model MRKK dalam fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah disebabkan beberapa pertimbangan. Jadual 4.1 menunjukkan perbandingan kekuatan dan kelemahan model MRKK dengan model reka bentuk instruksional yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Perbandingan kekuatan dan kelemahan model-model reka bentuk

Model	Kekuatan	Kelemahan
Model ADDIE (2010)	Reka bentuk pengajaran yang sistematik dalam penghasilan bahan pembelajaran yang berkesan dan mesra pengguna (Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin, & Subramaniam, 2002) Guru beri tumpuan terhadap isi kandungan dan latihan. Memupuk minat pembelajaran murid dengan menggunakan media. Penilaian formatif dan sumatif dilaksanakan.	Mungkin tidak menyepadukan kemahiran dengan dunia sebenar. Komponen perlu dilaksanakan secara linear. Komponen analisis dan penilaian tidak diutamakan (Ruhizan Mohammad Yasin et al., 2018). Model ini adalah berlandaskan behaviorisme. Tidak menggambarkan suasana yang sebenar tentang interaksi antara murid dengan pengajaran dan pembelajaran.
Model Kirkpatrick (1996)	Model ini mencakupi aspek kognitif, kemahiran dan afektif, oleh itu ia lebih komprehensif (Ranita Manap, Norziah Othman, Siti Nurashidah Roslan, Khairunnisa Ismail, & Aimi Fadzirul Kamarubahrin, 2018).	Melibatkan kos penggunaan tinggi. Latar belakang peserta daripada keempat-empat peringkat adalah deskriptif.Hasil pembelajaran sesi latihan mungkin tidak membantu peserta selepas tamat kursus.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.26 *(sambungan)*

Model	Kekuatan	Kelemahan
Model ASSURE (1982)	Model ini sesuai digunakan dalam bilik darjah yang memerlukan penggunaan media (Baharuddin Aris et al., 2002). Berpusatkan kepada guru dan murid. Pembelajaran lebih berkesan sekiranya bahan media disediakan (Heri Achmadi, Suharno, & Nunuk Suryani, 2014).	Penyediaan bahan media tidak bersesuaian dengan analisis pelajaran. Kemudahan alatan teknologi yang kurang dan tidak lengkap. Oleh itu, penglibatan murid tidak sepenuh terhadap penggunaan bahan instruksi seperti perbincangan, soal jawab, kuiz (Heri Achmadi et al., 2014). Pengajaran yang kurang berkesan dan tidak mencapai objektif pengajaran pembelajaran (Heri Achmadi et al., 2014).
Model Dick dan Carey (1996)	Mampu menghasilkan produk multimedia untuk pengajaran yang interaktif (Rafiza Abdul Razak & Maryam Abdul Rahman, 2013).	Model ini dikemukakan sebagai satu sistem sasaran keseluruhan dan bukannya gabungan setiap komponen yang berasingan. Lebih sesuai untuk diaplikasikan dalam pembinaan perisian multimedia (Lee & Owens, 2000). Fasa hanya melibatkan reka bentuk dan pembangunan (Rafiza

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.26 *(sambungan)*

Model	Kekuatan	Kelemahan
		Abdul Razak & Maryam Abdul Rahman, 2013).
Model Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK)	Model MRKK berorientasikan bilik darjah, bersifat fleksibel dan bukan linear (Morrison, Ross, Kalman dan Kemp, 2013). Model ini selari dengan teori pembelajaran konstruktivisme dan kontekstual yang menekankan pendekatan pembelajaran berpusatkan murid. Semua elemen dalam model ini adalah saling berkait. Ini maksudnya penyelidik boleh memulakan kajian dalam elemen ini secara serentak (Ruhizan Mohammad Yasin, Latifah Amin, & Hin, 2019). Proses penilaian formatif yang merupakan salah satu proses yang berterusan dalam model reka bentuk instruksi MRKK turut dilaksanakan.	Tiada


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, Model MRKK dipilih dalam fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah disebabkan beberapa pertimbangan yang dinyatakan dalam jadual di atas. Menurut MRKK (2013), pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu analisis keperluan, pembangunan modul dan kajian rintis seperti yang dijelaskan pada rajah di bawah. Di samping itu, proses penilaian formatif yang merupakan salah satu proses yang berterusan dalam model reka bentuk instruksi MRKK (2013) turut dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Tatacara pembangunan Modul *DialogKopitiam*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Peringkat Analisis Keperluan

Objektif analisis keperluan dalam proses penyelidikan adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai tujuan murid mengikuti program pembelajaran berdasarkan maklumat yang dikumpulkan melalui pelbagai sumber, analisis keadaan semasa untuk memberikan maklumat mengenai keberkesanan program mengikut keperluan semasa dan masa depan murid, memperoleh maklumat mengenai gaya pembelajaran atau pembelajaran pilihan untuk kemahiran tertentu, faktor-faktor yang menentukan hubungan peranan antara guru dan murid, akhirnya mendapat maklumat yang berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Duddley-Evans & John, 2009).

Tujuan analisis keperluan adalah untuk mengenal pasti keperluan pengajaran dan pembelajaran bahasa sasaran untuk merancang kurikulum yang berkesan (Sönmez, 2019). Analisis keperluan dalam proses pendidikan bahasa berkembang dalam ruang lingkup objektif tertentu bergantung pada tujuan penyelidikan. Analisis keperluan juga adalah alat yang kuat untuk menjelaskan dan mengesahkan keperluan sebenar (Akyel & Ozek, 2010). Penyelidik-penyelidik gemar menjalankan analisis keperluan melalui soal selidik, temu ramah, perbincangan, perbincangan, temu ramah telefon atau secara gabungan. Antaranya, soal selidik merupakan instrumen yang paling biasa dan banyak digunakan dalam analisis keperluan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Duddley-Evans & John (2009) mengklasifikasikan analisis keperluan kepada lima kumpulan, iaitu analisis situasi objektif dan analisis keperluan objektif merangkumi tugas dan aktiviti yang akan digunakan oleh murid; analisis linguistik memberikan maklumat tentang bahasa dan kemahiran digunakan dalam pembelajaran; analisis keperluan instruksional yang meliputi situasi yang serupa seperti pengalaman pembelajaran sebelumnya; analisis kes yang sesuai untuk mengenal pasti kemahiran dan penggunaan bahasa murid; analisis makna untuk memberi maklumat tentang bagaimana pelajaran akan dilakukan atau persekitaran yang akan dikaji. Manakala, Long (2005) melaksanakan kajian analisis keperluan dengan pelajar universiti yang mengikuti kursus bahasa dan bersedia untuk bekerja sebagai profesional kesihatan. Para penyelidik juga menekankan bahawa analisis keperluan ialah sumber maklumat yang berpotensi dan berharga untuk merancang kurikulum untuk profesional kesihatan berdasarkan keperluan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian Mohammad Taufiq Abdul Ghani & Wan Ab Aziz Wan Daud (2018) telah menjalankan suatu kajian analisis keperluan ke atas 80 orang pelajar yang mengikuti kursus diploma dalam pendidikan awal kanak-kanak di Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), Kota Bharu, Kelantan terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Hasil kajian telah mendapati bahawa keupayaan untuk memahami istilah-istilah asas yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak merupakan salah satu keperluan yang penting bagi pelajar pendidikan awal kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, analisis keperluan adalah penting dari segi penglibatan murid dalam setiap fasa proses pendidikan untuk mengetahui objektif murid, sikap bahasa, dan harapan dari kursus dan tabiat belajar untuk merancang kurikulum yang cekap. Ini selari dengan (S. Kaur, 2007) yang berpendapat bahawa analisis keperluan dapat mengetahui tentang murid dan keperluan dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa kedua. Maka, ini dapat membantu dalam meningkatkan pelbagai penglibatan murid dan menjadikannya lebih berorientasi kepada keperluan murid berdasarkan analisis keperluan yang dilaksanakan.


Secara umumnya, terdapat sejumlah sorotan literatur (K. P. Chuah, Ngoi, Foo, & Wong, 2022) yang menjalankan analisis keperluan demi menggambarkan pembelajaran bahasa. Namun kebanyakan penyelidikan adalah menumpukan kepada pelajar dewasa dan pembelajaran bahasa selain BCSK. Berdasarkan sorotan literatur dan jurang dalam analisis keperluan, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai pembelajaran BCSK oleh murid dan guru di sekolah kebangsaan melalui kaedah pengedaran soal selidik. Oleh demikian, analisis keperluan yang dijalankan terhadap pembelajaran BCSK dapat memberi gambaran yang jelas terhadap kepentingan dalam pengajaran dan pembelajaran BCSK di sekolah.

Analisis keperluan penting bagi mendapatkan gambaran untuk menyediakan garis panduan dalam membina Modul *DialogKopitiam* yang lebih spesifik. Kajian ini menggunakan analisis keperluan oleh (Ruhizan Mohammad Yasin et al., 2019) untuk melihat keperluan murid dan guru dalam pengajaran dan pembelajaran BCSK. Kebiasaannya, proses reka bentuk instruksi biasanya bermula dengan mengenal pasti masalah instruksi dan penetapan matlamat instruksi (Dick, Carey, & Carey, 2001; G.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

R. Morrison et al., 2013). Ini selaras dengan (Ruhizan Mohammad Yasin et al., 2018) bahawa terdapat empat fasa dalam menjalankan analisis keperluan. Oleh itu, penyelidik akan menggunakan Ruhizan Mohammad Yasin et al. (2018) yang menjelaskan empat fasa dalam analisis keperluan iaitu Fasa I (perancangan), Fasa II (pengumpulan data), Fasa III (analisis data) dan Fasa IV (laporan akhir) dalam analisis keperluan. Dalam setiap fasa, terdapat langkah-langkah yang perlu diikuti secara teliti (Rujuk Rajah 4.2). bermula dengan fasa perancangan yang mengandungi proses mengenal pasti masalah instruksi dan penetapan matlamat instruksi, kemudian diikuti dengan fasa pengumpulan data, analisis data dan fasa akhir (laporan akhir) dalam kajian ini.



Rajah 4.2. Fasa-fasa dalam analisis keperluan. Sumber daripada Ruhizan Mohammad Yasin et al., 2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Fasa I (Perancangan)

Analisis keperluan yang berkesan selalunya dijalankan dengan merujuk kepada kumpulan sasaran yang hendak dikaji. Apabila kumpulan sasaran dikenal pasti, strategi perlu dirancang untuk mengumpul data yang diperlukan. Pengumpulan data boleh dilakukan dengan soal selidik, temuduga, perjumpaan berkumpulan kecil dan catatan tulisan. Oleh itu, kumpulan sasaran dalam kajian ini ialah murid Tahun 4 sekolah kebangsaan yang berusia di antara 9-10 tahun yang mengambil subjek BCSK dan guru BCSK yang berpengalaman dalam analisis keperluan ini.

Instrumen yang digunakan untuk menganalisis analisis keperluan ialah Soal Selidik Pembelajaran BCSK (SSP) (Lampiran E) yang dijawab oleh murid dan Soal Selidik Tahap Kesukaran Pembelajaran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran BCSK (SSSP) (Lampiran D) yang dijawab oleh guru. Analisis keperluan yang berbentuk kaedah tinjauan secara soal selidik melibatkan 126 orang murid dan 68 orang guru. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kekerapan, min dan sisihan piawai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Latar belakang responden kajian (murid dan guru) dalam analisis keperluan

Kaum	Responden Kajian (Murid)			Responden Kajian (Guru)		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	33	70	103	2	8	10
Cina	3	-	3	15	43	58
India	10	6	16	-	-	-
Lain-lain	1	3	4	-	-	-
Jumlah	47	79	126	17	51	68

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Seramai 126 orang murid dan 68 orang guru terlibat dalam analisis keperluan ini. Latar belakang responden kajian (murid) dan latar belakang responden kajian (guru) ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Demografi Peserta Kajian Murid

Latar Belakang Peserta Kajian	Jumlah	Peratus (%)
Umur		
9 tahun	1	0.80
10 tahun	125	99.20
Lain-lain	-	-
Kaum Peserta Kajian		
Melayu	103	81.7
Cina	3	2.4
India	17	13.5
Bumiputera Sarawak	2	1.6
Bumiputera Sabah	-	-
Lain-lain	1	0.8
Pengalaman Mempelajari BCSK		
Tidak Pernah	3	2.4
1 Tahun	3	2.4
2 Tahun	9	7.1
3 Tahun	111	88.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain latar belakang responden kajian (murid) dan latar belakang responden kajian (guru) dianalisis, demografi lain seperti umur murid yang terlibat dalam analisis keperluan juga diambilkira. Umur murid yang terlibat dalam analisis keperluan adalah sekitar 9 hingga 10 tahun. 99.20% daripada jumlah murid adalah 10 tahun, manakala seorang murid adalah 9 tahun (Jadual 4.3). Jadual 4.3 juga menunjukkan demografi peserta kajian murid berdasarkan latar belakang peribadi. Majoriti peserta kajian murid ialah kaum Melayu, diikuti dengan kaum India. Majoriti dari aspek pengalaman pembelajaran pula menunjukkan bahawa semua peserta kajian iaitu seramai 111 orang (88.1%) mempelajari BCSK semenjak Tahun 1 di sekolah kebangsaan. Peratusan ini menunjukkan bahawa peserta kajian murid mempunyai pengalaman mempelajari serta mengikuti kurikulum BCSK yang melebihi tempoh tiga tahun berturut-turut semenjak berada di sekolah kebangsaan. Hanya minoriti peserta kajian murid yang tidak pernah atau 1 tahun pengalaman mempelajari BCSK.

Bukan sahaja demografi peserta kajian murid dianalisis, demografi peserta kajian untuk guru juga ditafsir. Kelulusan akademik tertinggi untuk peserta kajian guru mendapati antara 80.9% guru daripada jumlah 68 orang guru adalah berkelayakan ijazah sarjana muda, 17.6% atau 12 orang guru memiliki ijazah sarjana. Manakala 1 daripada 68 orang guru merupakan guru yang berkelayakan diploma (Jadual 4.4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Kelulusan Akademik Tertinggi Peserta Kajian Guru

Kelulusan Akademik Tertinggi	Jumlah	Peratus (%)
Diploma Pendidikan	1	1.47
Ijazah Sarjana Muda	55	80.9
Ijazah Sarjana	12	17.6
Doktor Falsafah	-	-
Lain-lain	-	-

Di samping itu, kelulusan ikhtisas tertinggi oleh 68 orang peserta kajian guru yang terlibat dalam analisis keperluan adalah dibahagi kepada sijil perguruan (2 orang guru), diikuti dengan diploma perguruan (34 orang guru), sarjana muda pendidikan (10 orang guru), diploma pendidikan lepasan ijazah (21 orang guru) dan lain-lain (1 orang guru) (Jadual 4.5).

Jadual 4.5

Kelulusan Akademik Ikhtisas Peserta Kajian Guru


Kelulusan Ikhtisas	Jumlah	Peratus (%)
Sijil Perguruan	2	2.94
Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah	55	80.9
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	10	14.7
Ijazah Sarjana Pendidikan	-	-
Lain-lain	1	1.47

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Fasa II (Pengumpulan data)

Kajian analisis keperluan dilaksanakan di dalam sekolah kebangsaan yang menawarkan kelas BCSK di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Soal selidik dijalankan melalui ketua panitia BCSK dengan kebenaran Guru Besar dan murid-murid yang mempelajari BCSK. Dalam fasa II (pengumpulan data), pendekatan pentaksiran keperluan (*need assessment*) dan analisis matlamat digunakan untuk pengenalpastian masalah instruksi (Rajah 4.3). Pentaksiran keperluan (*need assessment*) dijalankan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran BCSK.



Rajah 4.3. Pengenalpastian masalah instruksi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tinjauan dilakukan untuk menentukan tahap kesukaran bidang pembelajaran (atau topik) dalam Kurikulum BCSK Tahun Empat. Analisis sebab turut dilakukan untuk mencari punca yang menyebabkan kesukaran dalam topik yang dianggap paling sukar. Kemudian, analisis matlamat dilaksanakan untuk menetapkan matlamat intervensi atau instruksi.

i. Pentaksiran Keperluan

Pentaksiran keperluan dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti masalah sebenar dalam pembelajaran BCSK. Kemudian, analisis sebab (*cause analysis*) dijalankan untuk mengenal pasti punca masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran BCSK adalah berdasarkan DSKP BCSK Tahun 4 yang merangkumi mendengar dan bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa, dan aspek tatabahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Perkara-perkara utama terhadap penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis harus diberi perhatian semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur mementingkan sebutan bunyi, memahami makna perkataan dan ayat, dan menumpukan perhatian secara bersabar semasa mendengar dan bertutur. Murid berupaya bercakap dengan jelas, fasih, dan dapat menceritakan atau menerangkan topik yang biasa dalam kehidupan seharian dengan betul. Murid juga berupaya menggunakan bahasa yang sesuai dengan situasi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkomunikasi dengan orang, dan mempunyai sikap semula jadi yang sopan semasa berkomunikasi dengan orang lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Seterusnya, kemahiran membaca dalam DSKP BCSK Tahun 4 adalah untuk membolehkan murid menguasai asas membaca, memperoleh maklumat melalui membaca, mengembangkan tabiat membaca yang baik. Semasa mengajar kemahiran membaca, guru harus membimbing murid membaca secara berulang kali supaya murid biasa dengan penggunaan kata dan corak ayat serta memupuk perasaan bahasa melalui bacaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Murid mengulangi bacaan mengikut guru untuk bacaan yang tepat terhadap BCSK untuk memupuk kemampuan murid membaca sendiri. Di samping itu, guru juga harus membimbing murid untuk mencari perkataan dengan bantuan buku rujukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semasa menulis, murid dikehendaki menulis dengan betul, kemas, dan kemas semasa memegang pencil. Setelah murid menguasai sebilangan perkataan, guru boleh memulakan latihan menulis. Perkara utama adalah meminta murid menulis apa yang ingin mereka katakan dan berminat dengan ungkapan bertulis. Keperluan asas menulis adalah untuk melatih murid mempunyai kemampuan untuk membentuk perkataan dan ayat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019) dalam kemahiran menulis. Oleh itu, murid tidak harus terburu-buru pada titik permulaan pembelajaran. Murid mesti mempunyai asas tertentu dalam penulisan dan literasi agar dapat mencapai matlamat pengajaran menulis. Setelah menguasai kemampuan menulis perkataan, murid dapat belajar menulis karangan yang lebih mudah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dan guru dalam pembelajaran BCSK, SSSP (Lampiran D) diedarkan kepada guru BCSK. Tahap kesukaran dalam Standard Pembelajaran adalah dalam bentuk skala Likert lima poin: 1 (Sangat Mudah), 2 (Mudah), 3 (Sederhana), 4 (Sukar) dan 5 (Sangat Sukar). Manakala SSP (Lampiran E) diedarkan kepada murid-murid yang mengambil mata pelajaran BCSK. Soal selidik SSP adalah diadaptasi dari kajian lepas oleh Bhesayanavin, K (2017).

Bagi menjayakan pelaksanaan DSKP KSSR Semakan 2017 BCSK Tahun 4, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21 melalui penggunaan bahan instruksi seperti buku teks dan sebagainya agar dapat membantu murid untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran BCSK.

ii. Analisis Matlamat

Berdasarkan dapatan pentaksiran keperluan, penyelidik melaksanakan analisis matlamat untuk menetapkan matlamat intervensi atau instruksi. Proses analisis matlamat melibatkan proses mengenal pasti tujuan, proses menetapkan matlamat, proses memperbaik matlamat, dan proses menyusun matlamat mengikut keutamaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengenal Pasti Tujuan

Berdasarkan pentaksiran keperluan yang dijalankan ke atas murid-murid dan guru, Modul *DialogKopitiam* akan dibangun untuk membantu murid meningkatkan pencapaian dalam kemahiran mendengar dan bertutur yang dianggap paling sukar oleh kedua-dua murid dan guru. Modul *MyDialogKopitian* juga berperanan untuk meningkatkan tahap motivasi dalam BCSK dalam kalangan murid.

Menetapkan Matlamat

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar semua murid mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran abad ke-21, kemahiran dwibahasa, dan sebagainya. Murid mempelajari sekurang-kurangnya tiga bahasa di sekolah kebangsaan demi mencapai saranan PPPM 2013-2025 bagi membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan. Namun, keputusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang lemah, peruntukan masa yang tidak mencukupi, kurangan kajian lepas dan sebagainya menunjukkan murid sukar menguasai kemahiran-kemahiran dalam pembelajaran BCSK. Oleh itu, analisis keperluan telah dijalankan dalam kajian ini terhadap pembelajaran BCSK Tahun 4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memperbaiki Matlamat

Pada peringkat ini, penambahan, pengubahsuaian dan penyingkiran bahan yang tidak bersesuaian dengan tahap murid Tahun 4 telah dilakukan atas matlamat yang telah ditetapkan.

Menyusun Matlamat Mengikut Keutamaan

Matlamat yang berkaitan dengan isi kandungan kemahiran mendengar dan bertutur disusun mengikut turutan objektif pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) BCSK Tahun 4 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Manakala matlamat yang berkaitan dengan motivasi tidak disusun mengikut keutamaan. Motivasi dalam BCSK diterapkan merentas *DialogKopitiam*.

c. Fasa III (Analisis data)

Output daripada analisis data menjadi keutamaan untuk meneruskan perancangan intervensi. Dalam kajian ini, masalah pembelajaran dan pengajaran BCSK yang dihadapi oleh murid dan guru dikenal pasti. Oleh itu, tinjauan telah dilakukan untuk menentukan tahap kesukaran bidang pembelajaran oleh murid dan guru dalam Kurikulum BCSK Tahun Empat. Kajian ini dilaksanakan di negeri negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Bahagian di bawah akan membincangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapatan kajian yang diperoleh secara lebih terperinci daripada SSP dan SSSP oleh peserta kajian murid dan guru.

i. Soal Selidik Pembelajaran BCSK (SSP)

Jadual 4.6 telah menunjukkan dapatan kajian yang diperoleh daripada item-item seperti tahap penguasaan BCSK, tahap kesukaran mempelajari BCSK, masalah pembelajaran BCSK, kemahiran paling sukar dikuasai, kemahiran paling suka dipelajari, pandangan terhadap pengunaan buku teks BCSK Tahun 4, cara belajar Bahasa Cina selain di sekolah, faktor yang mempelajari BCSK dan cadangan penambahbaikan pembelajaran BCSK (Lampiran E).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Persepsi Peserta Kajian terhadap Pembelajaran BCSK

Persepsi Peserta Kajian	Jumlah	Peratus (%)
Tahap Penguasaan BCSK		
Permulaan	18	14.3
Sederhana	90	71.4
Mahir dan fasih	13	10.3
Lain-lain	5	4
Tahap Kesukaran Mempelajari BCSK		
Sangat mudah	5	4

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persepsi Peserta Kajian	Jumlah	Peratus (%)
Mudah	20	15.9
Sederhana	64	50.8
Sukar	26	20.6
Sangat sukar	11	8.7
Masalah Pembelajaran BCSK		
Tiada buku rujukan	89	70.7
Kekurangan pendedahan terhadap BCSK	10	7.9
Ketidakfahaman pengajaran guru	14	11.1
Lain-lain	12	9.5
Kemahiran Paling Sukar Dikuasai		
Kemahiran mendengar dan bertutur	54	42.9
Kemahiran membaca	27	21.4
Kemahiran menulis	45	35.7
Kemahiran Paling Suka Dipelajari		
Kemahiran mendengar dan bertutur	39	31
Kemahiran membaca	48	38.1
Kemahiran menulis	39	31
Pandangan Terhadap Pengunaan Buku Teks		
Sangat tidak puas hati	3	2.4
Tidak puas hati	42	33.3
Tiada pandangan	32	25.4
Puas hati	29	23
Sangat puas hati	20	15.9

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 *(sambungan)*

Persepsi Peserta Kajian	Jumlah	Peratus (%)
Cara Belajar Bahasa Cina selain di Sekolah		
Menonton filem Cina	27	21.4
Menghadiri kelas tuisyen	11	8.7
Belajar daripada ibu bapa dan keluarga	22	17.5
Belajar daripada kawan karib	22	17.5
Lain-lain	44	34.9
Faktor yang Mempelajari BCSK		
Paksaan ibu bapa	10	7.9
Minat	69	54.8
Tujuan kerjaya kelak	9	7.1
Berinterkasi dengan rakan	23	18.3
Lain-lain	15	11.9
Cadangan Penambahbaikan Pembelajaran		
BCSK	42	33.3
Perbanyakkan latihan BCSK	21	16.7
Lebih pendedahan terhadap BCSK	31	24.6
Menambahkan pembelajaran secara video dan grafik	26	20.6
Memperkayakan bantu bantu mengajar	6	4.8
Lain-lain		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 menunjukkan terdapat 71.4% peserta kajian berasa tahap penguasaan BCSK adalah berada pada tahap sederhana. Kemudian diikuti oleh tahap penguasaan permulaan, mahir dan fasih dan akhirnya lain-lain. Seterusnya, terdapat sebanyak 50.8% peserta kajian beranggap pembelajaran BCSK adalah tahap sederhana. Sebaliknya, hanya 4% peserta kajian beranggap pembelajaran BCSK adalah sangat mudah. 20.6% dan 8.7% peserta kajian beranggap pembelajaran BCSK adalah sukar dan sangat sukar.

Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh peserta kajian semasa pembelajaran BCSK. Antara masalah-masalah yang tertimbul adalah seperti tiada buku rujukan BCSK, kekurangan pengetahuan terhadap BCSK, kekurangan pendedahan kerjaya dalam bidang pembelajaran BCSK, kekurangan bahan bantu mengajar dalam BCSK dan lain-lain. Jadual 4.6 telah menunjukkan lebih daripada setengah peserta kajian menghadapi masalah dalam kekurangan pengetahuan dalam pembelajaran BCSK dan paling kurang peserta kajian menghadapi masalah dalam kaedah pengajaran guru tidak membantu murid dalam pemahaman BCSK. Masalah-masalah misalnya kekurangan peluang komunikasi antara murid dalam Bahasa Cina, tiada kemahiran untuk mengaplikasi bahasa, masa pembelajaran yang singkat dalam BCSK dan sebagainya juga dihadapi oleh murid dalam ruangan lain-lain.

Jadual 4.6 juga menunjukkan kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai oleh peserta kajian dan diikuti oleh kemahiran menulis dan kemahiran membaca. Sebanyak 42.9% peserta kajian berasa kemahiran mendengar dan bertutur yang paling sukar dikuasai, 35.7% peserta kajian berasa kemahiran menulis sukar dikuasai dan akhirnya 21.4% peserta kajian berasa kemahiran membaca sukar dikuasai. Sebaliknya, kemahiran yang disukai oleh peserta kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam pembelajaran BCSK ialah kemahiran membaca yang mencatat sebanyak 38.1%. Seterusnya, diikuti oleh kemahiran membaca dan kemahiran mendengar dan bertutur yang disukai oleh peserta kajian yang masing-masing mencatat sebanyak 31%. Di samping itu, menonton filem Cina, menghadiri kelas tuisyen, belajar daripada ibu bapa dan keluarga, belajar daripada kawan karib dan lain-lain merupakan cara pembelajaran Bahasa Cina selain belajar di sekolah.

Walau bagaimanapun, sebanyak 29 orang peserta kajian berpuas hati dan 20 orang peserta kajian sangat berpuas hati terhadap buku teks BCSK Tahun 4 yang dibekalkan oleh BPK KPM. Namun demikian, terdapat 42 peserta kajian adalah tidak puas hati dan 3 orang peserta kajian adalah sangat tidak puas hati terhadap buku teks BCSK Tahun 4 yang digunakan sekarang. Seterusnya, kebanyakan peserta kajian (54.8%) memilih minat belajar dan berharap dapat bertutur Bahasa Cina sebagai faktor utama dalam pembelajaran BCSK. Faktor-faktor lain seperti dapat berinteraksi dengan kawan-kawan (18.3%), paksaan ibu bapa (7.9%), tujuan pekerjaan kelak (7.1%) dan lain-lain (11.9%) juga merupakan faktor-faktor yang mendorong murid mempelajari BCSK. Peserta kajian juga memberikan cadangan penambahbaikan dalam pembelajaran BCSK (Jadual 4.9). Kebanyakan peserta kajian memberi cadangan supaya memperbanyakkan buku rujukan BCSK, pembelajaran melalui video dan grafik dan memperbanyakkan bahan bantu yang bersesuaian dengan pembelajaran BCSK, iaitu masing-masing mencatat sebanyak 20.6%, 24.6% dan 22.2%. Terdapat 16.7% peserta kajian memberi cadangan supaya memberi pendedahan terhadap pembelajaran BCSK dan 4.8% murid memberi cadangan yang lain. Misalnya, memperbanyakkan ruang untuk berkomunikasi antara guru dan murid serta mempraktikkan Bahasa Cina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam bentuk drama atau tugasan bagi membiasakan penggunaan ayat dalam penggunaan seharian.

ii Soal Selidik Tahap Kesukaran dalam Standard Pembelajaran BCSK (SSSP)

Sebelum memulakan pengedaran SSSP kepada guru yang mengajar BCSK di sekolah kebangsaan, analisis korelasi digunakan untuk melihat korelasi antara tahap kesukaran pembelajaran BCSK berdasarkan Standard Pembelajaran (SP) kemahiran mendengar dan bertutur (SP 1.1, SP 1.2 dan SP 1.3), kemahiran membaca (SP 2.1 dan SP 2.2) dan kemahiran menulis (SP 3.1 dan SP 3.2) dari DKSP BCSK Tahun 4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Kekuatan nilai pekali korelasi

Saiz Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
0.00	Tiada hubungan
0.01- 0.09	Sangat kecil
0.10 – 0.29	Rendah
0.30 – 0.49	Sederhana
0.50 – 0.69	Tinggi
0.70 – 0.89	Sangat tinggi
0.90 ke atas	Menghampiri sempurna

Sumber: De Vaus (2002)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skala interpretasi yang digunakan untuk mengukur dan menghurai kekuatan nilai pekali korelasi (r) menggunakan tafsiran seperti di Jadual 4.7 sebelum analisis deskriptif dijalankan. Jadual 4.7 menunjukkan saiz pekali korelasi (r) 0.01 hingga 0.29 adalah rendah, r sama dengan 0.30 hingga 0.49 adalah sederhana, r sama dengan 0.50 hingga 0.69 adalah tinggi dan r sama dengan 0.70 dan ke atas adalah sangat tinggi.

Matlamat utama BCSK dilancarkan di sekolah adalah untuk membolehkan murid mempelajari dan menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Seiringan dengan itu, KPM mengambil inisiatif menyemak dan melakukan penambahbaikan dalam kurikulum termasuklah Kurikulum Standard yang turut melalui proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya. Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Ini juga merupakan pengajaran dan pembelajaran yang baharu diperkenalkan dalam KSSR Semakan 2017, oleh itu pengkaji akan mengkaji kekuatan hubungan antara standard pembelajaran dengan standard pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis DSKP oleh guru BCSK.

Kemudian, SSSP yang berbentuk skala Likert lima poin, iaitu 1 (Sangat Mudah), 2 (Mudah), 3 (Sederhana), 4 (Sukar) dan 5 (Sangat Sukar) dijawab oleh guru yang mengajar BCSK. Jadual 4.12 yang dinyatakan dibawah menunjukkan tahap kesukaran bidang pembelajaran dalam Kurikulum BCSK Tahun Empat mengikut persepsi guru terhadap Standard Pembelajaran dalam DSKP. Bilangan dan peratus yang paling tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan persepsi oleh guru terhadap kemahiran yang paling sukar dikuasai dalam pengajaran dan pembelajaran (Lampiran D).

Seterusnya, penyelidik membandingkan tahap kesukaran terhadap Standard Pembelajaran BCSK Tahun 4 oleh guru berdasarkan DSKP KSSR Semakan 2017 dengan menjalankan analisis deskriptif. Berdasarkan Jadual 4.12, guru mempunyai persepsi yang berlainan tentang tahap kesukaran dalam Standard Pembelajaran BCSK Tahun Empat. Hasil tinjauan persepsi guru-guru terhadap Standard Pembelajaran dalam kemahiran mendengar dan bertutur adalah sukar dipelajari oleh murid. Guru (min=3.54, SP=.905) menganggap 1.1 Mendengar, memahami kandungan, memberikan respons serta memupuk tabiat mendengar yang baik (聆听话语。能听懂内容，抓住重点，作出适当的反应，并养成良好的聆听习惯) dari kemahiran mendengar dan bertutur adalah antara Standard Pembelajaran yang paling sukar dikuasai dalam standard pembelajaran.

Seterusnya kebanyakan guru (min=3.31, SP=.885) berpersepsi Standard Pembelajaran 1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat atau topik dalam kehidupan seharian dengan penerangan yang jelas dan lancar (进行口头表达。能简单地讲述或说明个人和日常生活中所熟悉的话题，做到表达清楚，言语流畅自然) dari kemahiran mendengar dan bertutur serta guru (min=3.31, SP=.885) berpendapat 2.1 Mengenali dan membaca aksara Cina dalam buku teks. Murid dapat mengenali bentuk huruf, membaca suaranya dengan tepat, memahami maksud perkataan, dan dapat mengenali makna Cina dengan bantuan buku rujukan (识别和认读教材中的汉字。做到 认清字形，读准字音，理解字义，并能借助工具书认识汉字) dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran membaca adalah masing-masing berada pada tahap yang sukar untuk dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran BCSK juga.

Berdasarkan Jadual 4.8, guru (min=3.18, SP=.992) mendapati Standard Pembelajaran 1.1 Mendengar, memahami kandungan, memberikan respons serta memupuk tabiat mendengar yang baik (聆听话语。能听懂内容，抓住重点，作出适当的反应，并养成良好的聆听习惯) merupakan standard yang sukar dikuasai. Kemudian, standard ini diikuti dengan Standard Pembelajaran 2.2 Membaca dan memahami bahan bertulis untuk mendapatkan maklumat dan memupuk tabiat membaca yang baik (阅读和理解文字材料以获取信息，养成良好的阅读习惯) dari kemahiran membaca yang mempunyai (min=2.96, SP=.888).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Namun, analisis deskriptif ini menunjukkan Standard Pembelajaran 3.1 Menulis huruf dengan sebatan dan susunan strok yang betul. Strok dalam perkataan berdasarkan struktur simetri, fon yang kemas dan standard, dan berminat untuk menulis perkataan Cina (书写正楷，做到笔画和笔顺正确，字的间架结构匀称，字体整齐、规范，并对书写汉字有兴趣) dan 3.2 Berupaya menulis dengan betul. Mampu menyelesaikan tugas menulis dan berminat dengan tulisan Cina (进行书面表达。能完成简单的书写任务，对汉语书写有兴趣) dari kemahiran menulis adalah paling senang dikuasai, iaitu masing-masing mempunyai (min=2.94, SP=.896) dan (min=2.94, SP=.731).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Tahap kesukaran Standard Pembelajaran dalam Kurikulum BCSK Tahun Empat

Standard Pembelajaran	N	Min	SP
1.1 Mendengar, memahami kandungan, memberikan respons serta memupuk tabiat mendengar yang baik (聆听话语。能听懂内容，抓住重点，作出适当的反应，并养成良好的聆听习惯)	68	3.18	.992
1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat atau topik dalam kehidupan seharian dengan penerangan yang jelas dan lancar (进行口头表达。能简单地讲述或说明个人和日常生活中所熟悉的话题，做到表达清楚，言语流畅自然)	68	3.31	.815
1.3 Berkomunikasi dengan orang lain dalam kehidupan seharian secara bersopan santun (进行口语交际。在日常生活中能有礼貌地与人交流，并遵守汉语交际的基本礼仪)	68	3.54	.905
2.1 Mengenali dan membaca aksara Cina dalam buku teks. Murid dapat mengenali bentuk huruf, membaca suaranya dengan tepat, memahami maksud perkataan, dan dapat mengenali makna Cina dengan bantuan buku rujukan.	68	3.31	.885

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8 *(sambungan)*

Standard Pembelajaran	N	Min	SP
(识别和认读教材中的汉字。做到 认清字形，读准字音，理解字义，并能借助工具书认识汉字)			
2.2 Membaca dan memahami bahan bertulis untuk mendapatkan maklumat dan memupuk tabiat membaca yang baik. (阅读和理解文字材料以获取信息，养成良好的阅读习惯)	68	2.96	.888
3.1 Menulis huruf dengan sebatan dan susunan strok yang betul. Strok dalam perkataan berdasarkan struktur simetri, fon yang kemas dan standard, dan berminat untuk menulis perkataan Cina. (书写正楷，做到笔画和笔顺正确，字的间架结构匀称，字体整齐、规范，并对书写汉字有兴趣)	68	2.94	.896
3.2 Berupaya menulis dengan betul. Mampu menyelesaikan tugas menulis dan berminat dengan tulisan Cina. (进行书面表达。能完成简单的书写任务，对汉语书写有兴趣)	68	2.94	.731

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keseluruhannya, hasil tinjauan SSSP yang dijawab oleh guru BCSK mendedahkan ketiga-tiga Standard Pembelajaran dari kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis masing-masing adalah pada tahap yang sangat sukar dikuasai. Namun, hasil tinjauan selanjutnya turut mendedahkan kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai oleh murid dalam pembelajaran BCSK. Kemahiran membaca merupakan kemahiran yang sederhana untuk dikuasai oleh murid dan kemahiran menulis adalah kemahiran yang paling mudah dikuasai oleh murid dalam pembelajaran BCSK. Jadi penyelidik mengusulkan kajian dilaksanakan dengan pembangunan Modul *DialogKopitiam* dan difokuskan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Fasa IV (Laporan akhir)

Laporan akhir merupakan rumusan kepada tujuan kajian, proses pelaksanaan, keputusan yang didapati dan cadangan untuk penambahbaikan masa depan. Dalam konteks kajian ini, laporan akhir ini dirumuskan seperti berikut:

i. Keputusan lepas
ii. Hasil perbincangan
iii. Responden analisis keperluan tentang masalah PdP
iv. Analisis keperluan dilaksanakan untuk memberi satu gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh kepada penyelidik terhadap keperluan dan masalah PdP yang dihadapi oleh guru dan murid.
v. Penyelidik turut melaksanakan soal selidik tentang cadangan penambahbaikan untuk PdP BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian daripada analisis keperluan ini mendedahkan masalah senang hilang tumpuan sering dihadapi oleh murid semasa guru menyampaikan isi pelajaran dalam kelas. Ini adalah disebabkan kebanyakan guru mengamalkan satu corak pengajaran tanpa mengira tahap penguasaan yang berbeza antara mereka (Muhanizah Ahmad Mokhtar, 2006). Lama-kelamaan, murid akan kehilangan minat terhadap mata pelajaran yang diajar oleh guru tersebut. Kehilangan minat oleh murid dalam kelas akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terputus. Oleh itu, ini selari dengan dapatan kajian SSP yang menunjukkan minat menyumbang majoriti terhadap faktor yang mempelajari BCSK oleh murid Tahun 4.

Dapatan kajian SSP menunjukkan 45 daripada 128 orang murid adalah tidak puas hati dan sangat tidak puas hati terhadap buku teks yang digunakan. Buku teks yang susah difahami oleh murid akan menyebabkan mereka tidak berminat untuk belajar BCSK lama-kelamaan. Namun begitu, dapatan kajian SSP juga mendedahkan 89 daripada 128 orang murid adalah menghadapi masalah kekurang bahan rujukan dalam pembelajaran BCSK. Oleh itu, modul atau bahan instruksi haruslah dibangunkan bertujuan untuk membantu murid menguasai kemahiran-kemahiran tertentu. Kaviza (2019) pula menjelaskan bahawa pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran merupakan sesuatu penambahbaikan dan memfokuskan aspek-aspek penting dalam kandungan pelajaran. Misalnya, dalam proses pembangunan modul untuk mata pelajaran Sejarah yang berkesan adalah berdasarkan data kajian-kajian empirikal dan penggunaan sumber-sumber Sejarah bagi memastikan PdP yang berkesan dapat dilaksanakan melalui penggunaan modul di dalam kelas. Oleh itu, modul pengajaran dan pembelajaran BCSK dibangunkan bertujuan untuk membolehkan murid lebih menguasai unit kandungan pelajaran tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran secara video dan grafik juga tidak harus dipinggirkan semasa pembangunan modul atau bahan instruksi. Ini selari dengan dapatan kajian SSP yang menunjukkan sebanyak 24.6% mengharapkan buku teks mengandungi unsur-unsur tersebut. Pengaplikasian unsur teknologi maklumat dan komunikasi yang mengandungi video dan grafik dapat meningkatkan pembelajaran murid (Chen & Liu, 2008; Chen, 2016). Pengaplikasian baharu ini dapat meningkatkan akses dan penggunaan kepada bahan pembelajaran dan ini menjadikannya sebagai salah satu bidang penyelidikan yang paling penting seperti yang dinyatakan oleh (Godwin-Jones, 2007). Tambahan pula, dapatan kajian SSP menunjukkan sebanyak 33.3% murid berpandangan latihan haruslah diperbanyakkan dalam sesuatu modul atau bahan instruksi. Modul atau bahan instruksi yang dibangunkan dengan mengambil kira keupayaan murid dari segi kemahiran, penggunaan bahasa, latihan yang pelbagai dan sebagainya dapat membantu dan mempertingkatkan murid dalam pembelajaran Bahasa Cina (Gui & Ji, 2018).

Selain itu, dapatan kajian SSP mendedahkan menunjukkan bahawa murid menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran-kemahiran tertentu semasa pembelajaran BCSK. Hasil dapatan SSP dan SSSP juga menyokong bahawa kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai antara ketiga-tiga kemahiran. Dapatan kajian SSSP yang menunjukkan kemahiran mendengar dan bertutur dalam Standard Pembelajaran. Kemahiran mendengar (Barona-Oñate et al., 2020) dan kemahiran bertutur (Ku Fatahiyah Ku Azizan et al., 2014; Moradi & Talebi, 2014; Zao, 2003) merupakan asas yang penting dalam proses pembelajaran bahasa tambahan. Oleh itu, murid tidak akan menumpukan perhatian dan mendengar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dalam kelas sekiranya tidak berupaya menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dengan baik. Jadi, intervensi diperlukan untuk membantu murid menguasai kemahiran-kemahiran tersebut, terutamanya kemahiran mendengar dan bertutur yang dianggap paling sukar oleh murid.

Kesimpulannya, dapatan kajian oleh guru dan murid masing-masing menunjukkan bahawa kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai dalam pembelajaran BCSK. Peserta kajian juga berpandangan buku teks BCSK Tahun 4 yang digunakan adalah berada tahap tidak puas hati dan sangat tidak berpuas hati. Maka, pembangunan bahan instruksi terhadap kemahiran mendengar dan bertutur dalam pembelajaran BCSK sebagai rujukan kepada murid dan guru secara teratur dan sistematik adalah amat diperlukan. Dapatan kajian daripada analisis keperluan ini menunjukkan bahawa terdapat suatu keperluan dalam pembangunan bahan instruksi terhadap kemahiran-kemahiran mendengar dan bertutur sebagai rujukan kepada pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah secara teratur dan sistematik. Hasil penyelidikan Xu (2012) dan Zhang (2015) masing-masing menunjukkan murid lebih melibatkan diri dalam pembelajaran kelas. Justeru, memahami pembelajaran yang diingini oleh seseorang murid dapat membantu guru dalam pengajarannya (Roshidah Hassan, 2017). Oleh demikian, guru boleh membangun bahan instruksi berdasarkan kelemahan pembelajaran, kaedah atau strategi pengajaran yang sesuai, pendekatan pembelajaran agar pembelajaran bahasa dalam BCSK lebih berjaya. Akhirnya, kajian ini adalah diharapkan dapat memberi suatu gambaran awal tentang keperluan dari guru dan murid tentang pembelajaran BCSK. Setelah Modul *DialogKopitiam* ini selesai dibangunkan, bukan bermakna modul ini tidak boleh digunapakai oleh ke atas sampel ataupun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

populasi selain daripada peserta kajian. Modul *DialogKopitiam* ini menjadi fleksibel penggunaanya apabila sampel ataupun populasi yang mempunyai latar belakang yang lebih kurang sama dengan peserta kajian yang dikaji.

4.4 Peringkat Pembangunan Modul

Sebelum pembinaan Modul *DialogKopitiam* dilakukan, analisis keperluan dijalankan terlebih dahulu untuk mengenal pasti masalah instruksi dan penetapan matlamat instruksi yang perlu diberikan. Dalam peringkat ini, Modul *DialogKopitiam* dibangunkan berdasarkan model reka bentuk instruksi Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK) (2013). Selain daripada Modul *DialogKopitiam*, instrumen kajian iaitu UPD pra, UPB pra, Soal Selidik *L2MSS*, Panduan Guru untuk menggunakan Modul *DialogKopitiam* dan rancangan pengajaran untuk guru turut disediakan. Dalam peringkat ini, penilaian formatif dilaksanakan untuk menjamin kesahan dan kebolehpercayaan Modul *DialogKopitiam* dan instrumen kajian. Penilaian formatif akan dilaksanakan sepanjang peringkat pembangunan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pengalaman penyelidik mengajar mata pelajaran BCSK selama 11 tahun akan banyak membantu dalam membangun modul ini. Dalam kajian ini, penyelidik melaksanakan analisis tugasan dengan berpandukan Spesifikasi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) BCSK Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3 dan Tahun 4 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016, 2017, 2018, 2019). Buku teks, kamus dan bahan pengajaran dan pembelajaran lain biasanya dianggap penting untuk guru melaksanakan kurikulum bahasa dan menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Gong et al., 2020). Sebaliknya, pembangunan bahan instruksi adalah suatu perubahan baharu terhadap PdP BC dan merupakan implementasi pelan reka bentuk instruksi. Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua ini, murid memerlukan bahan instruksi yang menarik, santai dan efektif (Juwairiah Osman, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabilla Ahmad, & Jamal Rizal Razali, 2018) bagi memudahkan para murid yang belajar bahasa kedua untuk memahami dan menguasai kemahiran mendengar dan bertutur ini. Oleh demikian, penyelidik akan membangun sesuatu bahan instruksi yang mengandungi unsur-unsur tersebut.

Selain daripada Modul *DialogKopitiam* dan Panduan Guru, rancangan pengajaran untuk guru yang mengajar kumpulan kawalan dan rawatan turut disediakan. Rancangan pengajaran untuk kumpulan kawalan disediakan untuk mengawal ancaman terhadap kesahan dalaman kajian. Rancangan pengajaran ini disediakan berdasarkan pendekatan-pendekatan seperti yang dicadangkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran BCSK Tahun Empat. Rancangan pengajaran ini juga disemak oleh tiga orang pakar daripada institut perguruan dan berpakaran dalam bidang yang berkaitan. Latar belakang pakar-pakar yang terlibat dalam pengesahan rancangan pengajaran adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 4.9.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Latar belakang Pakar dalam Pengesahan Rancangan Pengajaran

Bil	Jawatan	Institusi	Bidang Kepakaran / Kelulusan
1	Prof Madya (DM54)	Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM)	• PhD (Pengajian Tionghua) • Berpengalaman mengajar Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga untuk pelajar UiTM
2	Pensyarah Kanan (DG54)	Institut Perguruan Kampus Tunku Bainun	• PhD (Pendidikan Awal Kanak-kanak) • Berpengalaman mengajar pelajar major BCSK di IPG
3	Pensyarah Kanan (DG54)	Institut Perguruan Kampus Ipoh	• PhD (Pengajian Tionghua) • Berpengalaman mengajar pelajar major BCSK di IPG

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semasa proses pembangunan Modul *DialogKopitiam*, penyelidik memberikan fokus kepada masalah dan objektif instruksi bagi memastikan instruksi dapat menyelesaikan masalah yang dikenal pasti. Selain itu, penyelidik turut merujuk semula dapatan analisis murid dan guru (Bahagian 4.4) bagi memastikan tugasan bersesuaian dengan pengalaman, latar belakang dan tahap kebolehan murid. Menurut Wallace (1985), murid-murid yang melakukan aktiviti di dalam kelompok atau kumpulan itu mempunyai latar belakang yang berbeza-beza antara satu sama lain. Murid-murid diberi peluang untuk membuat keputusan sendiri tentang perkara-perkara yang mereka pelajari dan akhirnya mencapai objektif pembelajaran BCSK dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* ini.

4.4.1 Matlamat dalam Modul *DialogKopitiam*

Matlamat keseluruhan dalam Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM untuk mata pelajaran BCSK Tahun 4 adalah untuk membolehkan murid mempelajari kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, dan kemudian menggunakan BC yang standard untuk belajar, mengekspresikan ekspresi, dan berkomunikasi dengan orang lain. Sementara itu, kualiti ideologi murid, semangat patriotisme, pertukaran budaya, dan perpaduan antara rakyat adalah dipupuk melalui pengajaran bahasa BCSK Tahun 4 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan daripada analisis keperluan, penyelidik telah mengenal pasti keinginan dan kehendak untuk menguasai kemahiran mendengar dan bertutur oleh guru dan murid yang mempelajari BCSK. Modul *DialogKopitiam* telah dibangun untuk membantu guru dan murid dalam penguasaan kemahiran tersebut. Oleh itu, objektif instruksi dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* ialah berpandukan objektif seperti mana yang diterbitkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM untuk mata pelajaran BCSK Tahun 4, iaitu:

1. Mendengar, memahami kandungan, memberikan respons serta memupuk tabiat mendengar yang baik
2. Bertutur untuk menyampaikan maklumat atau topik dalam kehidupan seharian dengan penerangan yang jelas dan lancar
3. Berkomunikasi dengan orang lain dalam kehidupan seharian secara bersopan santun

Oleh demikian, penyelidik menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kepada DSKP BCSK Tahun 4 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019) dalam kajian ini. Rajah 4.4 menunjukkan contoh rancangan pengajaran harian yang meliputi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Hasil Pembelajaran untuk Unit 1 Tolong Datuk dan Nenek（单元一 帮忙爷爷和奶奶）yang disampaikan dalam Modul *DialogKopitiam*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

年级：4
科目：国小华语(Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan)
题目：单元一 帮忙爷爷和奶奶（Unit 1 Tolong Datuk dan Nenek）
时间：_____（90 分钟）
模块：口语交际
学生：

内容标准：
1.1 聆听话语。能听懂内容，抓住重点，作出适当的反应，并养成良好的聆听习惯。
1.2 进行口头表达。能简单地讲述或说明个人和日常生活中所熟悉的话题，做到表达清楚，言语流畅自然。
1.3 进行口语交际。在日常生活中能有礼貌地与人交流，并遵守汉语交际的基本礼仪。

学习标准：
1.1.1 聆听话语。能听懂日常生活中常用的句子，并作出适当的反应，养成耐心聆听的习惯。
1.2.1 进行口头表达。用简单话语说出基本信息和需求，做到表达清楚，言语完整。
1.3.1 进行口语交际。根据情境应用适当的礼貌语言，主动与人沟通，态度自然有礼。

教学目标：
在本堂课教完后，学生能够：
1. 听懂老师的 4 个指示以作出反应，
2. 用简单话语说出家庭成员的爱好，
3. 进行口语交际（模拟访问）。

反思：
_____。

Rajah 4.4. Rancangan Pengajaran Harian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, penyelidik merancang penyusunan urutan isi kandungan, mereka bentuk strategi instruksi, merancang mesej instruksi dan membangunkan bahan instruksi dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* ini dengan berdasarkan objektif-objektif yang dinyatakan untuk membantu murid-murid menguasai kemahiran mendengar dan bertutur.

4.4.2 Urutan Isi Kandungan dalam Modul *DialogKopitiam*

Urutan isi kandungan disusun mengikut ciri-ciri murid yang dikenal pasti melalui analisis pelajar. Urutan isi kandungan akan mengambil kira faktor-faktor seperti bahan bantu mengajar, minat, pengalaman lepas dan tahap perkembangan kognitif murid. Penyelidik menumpukan kepada empat tema utama untuk mereka kandungan dan aktiviti dalam Modul *DialogKopitiam*. Empat tema utama untuk tahap 2 adalah seperti peribadi, kemasyarakatan, pekerjaan dan pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Pemilihan teks (topik) juga kaya dan pelbagai, hampir sama dengan kehidupan seharian, dan memenuhi dengan kebudayaan tertentu. Panjang teks (teks mendengar) juga adalah merangkumi antara 80-120 patah perkataan. Ini disebabkan kekurangan penguasaan perbendaharaan kata merupakan faktor permasalahan murid dalam menguasai kemahiran berkomunikasi (Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal, 2014). Ini disokong oleh Gan (2012) bahawa proses komunikasi murid akan terhalang dan tidak dapat bertutur dengan lancar sekiranya seseorang murid menghadapi kekurangan perbendaharaan kata dalam pembelajaran B2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Demi membantu murid menguasai perbendaharaan kata dalam setiap tajuk, *Hanyu Pinyin* (Y. Chen, 2016; Ding et al., 2018) dan gambar dimasukkan ke dalam bahagian perbendaharaan kata. Tujuan memasukkan *Hanyu Pinyin* ke dalam teks adalah untuk memudahkan bacaan teks oleh murid agar dapat menguasai dan menyebut perkataan tersebut. Oleh itu, kesedaran penyebutan terhadap suku kata agak mudah bagi murid kerana pemisahan semula jadi dalam karekter Cina (Ding et al., 2018). Seterusnya, contoh empat tema utama dan lapan unit modul adalah seperti berikut (Jadual 4.10):

Jadual 4.10

Tema utama dan tajuk dalam Modul DialogKopitiam

Tema	Unit Modul	Tajuk	
Peribadi 个人	1	Bantu Datuk dan Nenek	帮忙爷爷和奶奶
	2	Hobi	爱好
Kemasyarakatan 社会	3	Beli barang	买东西
	4	Di pasar	菜市场
Pendidikan 教育	5	Siapakah Dia?	他是谁？
	6	Hari jadi saya	生日会
Pekerjaan 职业	7	Jumpa Doktor	看医生
	8	Jatuh sakit	生病了

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Tajuk dalam Modul *DialogKopitiam*

Dalam kajian ini, penyelidik menyediakan gambar visual dan ilustrasi yang berkait dengan tajuk misalnya Tajuk 2 Hobi (Rujuk Rajah 4.20) telah dilengkapi dengan gambar visual dan ilustrasi. Gambar ilustrasi seperti muka depan modul murid dalam setiap sub bidang adalah berkaitan dengan topik yang akan dipelajari dan perbendaharaan kata yang berkaitan dengan tajuk. Pengetahuan perbendaharaan kata adalah salah satu faktor yang terlibat dalam proses memahami input mendengar dan bertutur (Bian et al., 2021). Ia boleh memberi gambaran awal kepada murid tentang kandungan dan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan pada kelas berikut (Rajah 4.5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Penterjemahan

Topik 2 Hobi

Fokus Pembelajaran

1. Anda suka buat apa ketika masa lapang?
2. Saya suka bermain badminton.
3. Saya ingin menjadi atlet apabila besar nanti.

Rajah 4.5. Perbendaharaan kata dan gambar ilustrasi didapati dalam modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap aktiviti memfokuskan kepada pemupukan murid dalam menguasai kemahiran mendengar dan bertutur. Menurut Huang, Yang, & Liaw (2012), pembelajaran melalui persekitaran dapat mengembangkan keupayaan tugas dan pembelajaran murid dalam struktur bahasa dan menguasai kemahiran seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis dalam sistem bahasa. Pembelajaran melalui persekitaran ini adalah untuk mengintergrasikan persekitaran dengan kandungan pembelajaran melalui kontekstual dan interaksi dalam situasi sasaran (Zurita, Baloian, & Frez, 2014). Pembelajaran melalui kontekstual dan interaksi dalam situasi sasaran adalah saling hubungkait dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Maka, ini dapat dilihat bahawa terdapat pengaplikasian Teori Kontekstual dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Misalnya, terdapat aktiviti-aktiviti pembelajaran melalui Modul *DialogKopitiam* dalam kehidupan seharian dan memenuhi dengan kebudayaan tertentu. Aktiviti-aktiviti pembelajaran tertentu boleh dijalankan di dalam kelas atau di luar kelas dengan pantauan guru.

b. Aktiviti dalam Modul *DialogKopitiam*

Aktiviti-aktiviti dalam setiap unit modul terdapat ikon yang membawa maksud berlainan. Ikon rama-rama adalah bertujuan untuk melatih murid-murid dari segi kemahiran mendengar (Rajah 4.6). Manakala, aktiviti yang berikon labah-labah adalah bertujuan untuk melatih murid-murid berkemampuan untuk bertutur dengan betul dan tepat (Rajah 4.7). Manakala, aktiviti yang berikon kumbang adalah bertujuan untuk membantu murid-murid berkomunikasi dalam BC secara yakin dan betul (Rajah 4.8). Menurut Muhamad Furkan Mat Salleh, Mohamad Hisyam Ismail, Adayu Noor Amira

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdul Wahab & Nabilah Abdullah (2017), pembaharuan pentaksiran dalam pendidikan dan keupayaan guru untuk melaksanakan penilaian baru dengan berkesan telah menarik perhatian ramai pihak pendidik di Malaysia. Pentaksiran adalah sesuatu proses pengumpulan maklumat secara sistematik. Pentaksiran adalah elemen penting dalam proses PdP yang membolehkan para guru menilai kaedah pengajaran mereka dan memberi maklumat yang diperlukan mengenai perkembangan murid dalam menguasai kemahiran-kemahiran yang tertentu (Alahmadi et al., 2019). Oleh itu, reka bentuk dalam aktiviti ini melibatkan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016, 2017, 2018, 2019). AKtiviti secara formatif dan sumatif jelaslah dinyatakan dalam Standard Prestasi seperti terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk menguji tahap penguasaan murid dalam pembelajaran.

Justeru, dalam usaha untuk membantu murid meningkatkan keupayaan dan penguasaan dalam kemahiran mendengar, bertutur dan berkomunikasi, penyelidik akan menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran yang boleh dilaksanakan dalam kelas dan diterapkan ke dalam pembangunan modul. Pelbagai kaedah pentaksiran seperti ujian mendengar dan ujian bertutur akan dijalankan untuk subjek kajian dari kumpulan kawalan secara konvensional dan kumpulan kawalan rawatan yang berpandukan Modul *DialogKopitiam*. Pembahagian setiap aktiviti dalam Modul *DialogKopitiam* adalah dibangun berdasarkan kehendak DSKP BCSK Tahun 4 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019), iaitu urutan kandungan dalam aktiviti bermula dari kemahiran mendengan, bertutur dan akhirnya berkomunikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Penterjemahan:

Ikon rama-rama: Aktiviti 1 Dengar kemudian tik pada jawapan yang betul.

Rajah 4.6. Ikon rama terdapat dalam Aktiviti 1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Penterjemahan

Ikon Labah-labah: Aktiviti 2 Lihat kemudian menutur

Soalan 1 hingga soalan 6. Saya suka ……

Rajah 4.7. Ikon labah terdapat dalam Aktiviti 2



Penterjemahan

Ikon Kumbang: Aktiviti 3 Saya ialah penutur

Hobi saya ialah melukis. Saya suka melukis bersama kawan saya. Saya ingin menjadi seorang pelukis apabila besar nanti.


Rajah 4.8. Ikon kumbang terdapat dalam Aktiviti 3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Ruangan Mesej kepada Guru dalam Modul *DialogKopitiam*

Setiap aktiviti juga dilengkapi dengan bahagian cadangan pengajaran dan pembelajaran kepada guru iaitu Mesej kepada Guru（给老师的话） dalam kelas. Misalnya, murid mendengar ayat yang disebut oleh guru kemudian murid mewarnakan jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan (Rajah 4.9). Guru boleh merujuk kepada bahagian cadangan ini sekiranya kurang berkeyakinan atau tidak faham akan aktiviti yang akan dilaksanakan.



Rajah 4.9. Cadangan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru

d. Unsur TMK dalam Modul *DialogKopitiam*

Pengaplikasian unsur teknologi maklumat dan komunikasi dapat meningkatkan pembelajaran murid (Chen & Liu, 2008; Chen, 2016). Hampir semua murid mempunyai telefon pintar atau mempunyai akses ke telefon bimbit pada dunia hari ini (Beger & Sinha, 2012 dipetik dari Kumar, Lian, & Vasudevan, 2016). Namun, cara pengajaran dan pembelajaran yang konvesional seperti praktik hafalan *(rote practice)* telah dikritik oleh para sarjana (Gong et al., 2020; S. S. Kavanagh, Conrad, & Dagogo-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jack, 2020) dalam bidang penyelidikan bahasa kedua kerana pembelajaran ini secara 'memori jangka pendek' dan tidak membawa kesan yang positif kepada murid terhadap pembelajaran. Cohen (2008) pula menyatakan bahawa interaksi antara murid B2 akan terjejas sekiranya proses penterjemahan pertuturan daripada pendengar dan pertutur dilakukan berdasarkan bahasa ibunda murid tanpa menggunakan B2. Maka, inovasi dalam peralatan mudah alih yang berteknologi termasuk telefon pintar dan pemain media lain B2 dapat membantu murid mengenai cara belajar baharu yang berbeza dari bentuk tradisional kelas (Tan et al., 2019). Penggunaan teknologi maklumat dapat membantu guru dalam menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang menarik kepada pelajar. Tambahan lagi, guru juga dapat mengendalikan kelas dalam kuantiti yang besar di dalam kelas. Teknologi yang digunakan oleh guru dapat membantu dalam menyampaikan bahan pengajaran dengan lebih mudah dan jelas untuk difahami oleh pelajar. Selain itu, dengan mengaplikasikan teknologi dapat membantu guru untuk mudah berkomunikasi dengan pelajar dan menjalankan proses pengajaran dengan lebih lancar (Kamaluddin & Husnin, 2022).

Mengajar kemahiran mendengar dan bertutur melalui teknologi mudah alih memberi kesan positif seperti yang dinyatakan dalam kajian penyelidikan (Saran, Seferoglu, & Cagiltay, 2009). Teknologi mudah alih dapat menyokong pelbagai aktiviti untuk murid dari semua peringkat umur (Pieri & Diamantini, 2008) dalam pembelajaran bahasa. Teknologi baharu ini dapat meningkatkan akses dan penggunaan kepada bahan pembelajaran dan ini menjadikannya sebagai salah satu bidang penyelidikan yang paling penting seperti yang dinyatakan oleh (Godwin-Jones, 2007). Ini juga selari dengan Tan et al. (2019) yang menekankan perkembangan idea yang berpusatkan murid harus selari dengan pendekatan campuran yang mengintegrasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknologi ke dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, penerapan unsur TMK ke dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah diperlukan.

Cara pembelajaran yang seronok dan inovatif ini akan meningkatkan sikap, minat, motivasi, keberkesanan diri, dan keterlibatan murid sehingga berupaya menguasai kemahiran-kemahiran (Chen, Liu, Lin, & Wang, 2019; Chiang, Yang, & Hwang, 2014; Wu, Hwang, & Tsai, 2013). Ini dapat dibuktikan dalam analisis Chen et al. (2019) bahawa telah menunjukkan bahawa murid sangat berminat dalam pembelajaran dengan penggunaan kod QR dalam konteks pembelajaran. Penambahan kod QR merupakan salah satu akses mudah kepada bahan pembelajaran digital seperti video, rakaman audio dan latihan pada buku ataupun modul. Murid akan menggunakan aplikasi mudah alih seperti telefon pintar untuk mengimbas kod QR dalam pembelajaran. Penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur adalah bahagian penting dalam komunikasi B2 dan bahagian yang diperlukan untuk memperoleh B2 (Suvorov, 2009). Terdapat pelbagai bentuk bantuan, seperti gambar, video, aktiviti bantuan pra-mendengar, sari kata video, dan sebagainya untuk meningkatkan kefahaman mendengar murid dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar. Xu (2012) dan Guan (2017) telah membuktikan melalui kaedah pengajaran multimedia dapat merangsang dan meningkatkan minat murid dalam pembelajaran BC. Maka, bahan multimedia akan membantu kelas mendengar tidak lagi membosankan, pemahaman terhadap kemahiran mendengar dan kecekapan mengajar kelas dipertingkatkan dengan ketara. Justeru, bahan-bahan bantuan dan bahan multimedia yang dinyatakan di atas akan diterapkan ke dalam fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam* untuk membantu murid dalam penguasaan kemahiran mendengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, penekanan interaksi sosial dalam bahan pembelajaran yang menggunakan aplikasi mudah alih dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur murid (Chen et al., 2019). Persembahan dalam modul akan menjadi lebih menarik setelah menerapkan unsur multimedia. Ini disetujui oleh kebanyakan penyelidik (Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul, & Roseamnah Abd. Rauf, 2013; Poobalan, Rozniza Zaharudin, & Ting, 2019; Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohamad Noor, 2011) bahawa pembelajaran secara multimedia mampu merangsang murid dan menimbulkan sifat ingin tahu mengenai sesuatu topik akan terbina dengan sendirinya.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam bidang pendidikan di abad 21 bukanlah satu fenomena yang baru. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) banyak mempengaruhi budaya masa kini, pengaplikasian teknologi ini dalam pengajaran dan pembelajaran memberikan satu anjakan baru dalam teknik pedagogi guru (Kamaluddin & Husnin, 2022), mahupun dalam pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, unsur TMK yang mempunyai keseronokan dalam pembelajaran akan diterapkan ke dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* (Rajah 4.10) dan berharap penerapan kod QR secara unsur keseronokan ke dalam Modul *DialogKopitiam* ini dapat meningkatkan kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi murid dalam pembelajaran BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Penterjemahan

Unit 1 Tolong Datuk dan Nenek

Fokus Pembelajaran:

1. Kalian sedang buat apa?

2. Kami sedang mengemas rumah!

3. Bolehkah saya membantu datuk dan nenek?

Rajah 4.10. Penerapan kod QR ke dalam Modul *DialogKopitiam*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Keistimewaan dalam Modul *DialogKopitiam*

Seterusnya, keistimewaan dalam Modul *DialogKopitiam* ialah penerapan pembelajaran berasaskan projek (*Project-Based Learning*) yang direka untuk menggalakkan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Murid memilih, merancang, mengusulkan idea projek, dan menyelesaikan masalah praktikal melalui pelbagai bentuk seperti paparan dalam jangka masa tertentu. Berbanding dengan kaedah pembelajaran tradisional, pembelajaran berasaskan projek dapat meningkatkan kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah murid (Guo, Saab, Post, & Admiraal, 2020) (Rajah 4.11).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.11. Murid menjalankan projek kumpulan dalam Modul DialogKopitiam

Matlamat pembelajaran berasaskan projek adalah untuk membolehkan murid menguasai pengetahuan teras subjek dengan lebih berkesan melalui kaedah praktikal yang digabungkan dengan kenyataan, dan memupuk kemahiran sosial-emosi murid dalam proses tersebut (P. Guo et al., 2020). Misalnya aktiviti yang ditunjukkan dalam rajah di atas menggalakkan murid menjalankan projek secara kumpulan dalam Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DialogKopitiam. Pembelajaran berasaskan projek ini dapat meningkatkan minat dan seronok murid terhadap pembelajaran BCSK.

Setelah fasa pembangunan modul dan mendapat pengesahan kandungan modul oleh pakar-pakar, maka Modul *DialogKopitiam* ini akan digunakan untuk kumpulan rawatan untuk menilai keberkesanan modul ini terhadap penguasaan kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi oleh murid-murid.

4.4.3 Strategi Modul *DialogKopitiam*

Bahagian sebelum ini telah membincangkan matlamat dan urutan isi kandungan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Modul *DialogKopitiam* ini bertujuan untuk membangunkan instruksi dalam menguasai kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi. Penguasaan kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran mendengar dan bertutur dengan baik dalam kalangan murid merupakan asas yang sangat penting bagi memudahkan mereka menempatkan diri dalam alam pekerjaan apabila besar kelak (Noor Asliza Abdul Rahim & Normaliza Abd. Rahim, 2014). Semakin banyak kemahiran yang terlibat dalam sesuatu tugas, semakin banyak strategi yang diperlukan untuk kecekapan dalam tugas tersebut (Barkaoui et al., 2013; Wagner, 2010). Oleh itu, bahagian ini akan menjelaskan pelbagai strategi, pendekatan dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan ketika membangunkan Modul *DialogKopitiam* terhadap kemahiran mendengar dan bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Strategi Kognitif dalam Kemahiran Mendengar

Strategi kognitif merupakan suatu strategi belajar yang dimiliki oleh murid untuk mengawal proses dalamannya serta interaksinya dengan persekitaran untuk memproses maklumat yang diperolehi demi mencapai objektif kognitif (Yong & Effandi Zakaria, 2011). Strategi kognitif dalam kemahiran mendengar telah dikemukakan dalam enam peringkat (Goh, 2002; Vandergrift, 2003; Vandergrift & Goh, 2012) semasa pembangunan bahan instruksi. Enam peringkat yang dinyatakan oleh penyelidik-penyelidik adalah membuat kesimpulan *(inferencing)*, penjelasan *(elaboration)*, ramalan *(prediction)*, terjemahan *(translation)*, pembetulan *(fixation)* dan pembinaan semula *(reconstruction)*. Keterangan mengenai enam peringkat akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam jadual di bawah (Jadual 4.11).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Strategi Kognitif Kemahiran Mendengar dalam Pembangunan Modul DialogKopitiam

Bil	Peringkat dalam Strategi Kognitif	Keterangan
1.	Membuat Kesimpulan *(inferencing)*	Murid menghubungkaitkan antara bahagian maklumat pada setiap tajuk dengan pengetahuan sedia ada / pengetahuan lama untuk melicinkan tafsiran teks supaya lebih koheren dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Antara contohnya murid berupaya mengaplikasi pengetahuan sedia ada pada tajuk yang berkenaan

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Peringkat dalam Strategi Kognitif	Keterangan
		untuk menjawab soalan mendengar. Dengan kata lain, pemilihan bahan untuk memupuk penguasaan kemahiran mendengar perlu dilakukan dengan teliti dan mempertimbangkan pengetahuan sedia ada murid tentang isi kandungan teks.
2.	Penjelasan *(elaboration)*	Murid menggunakan pengetahuan dari luar teks atau konteks yang lebih luas untuk menafsirkan makna teks atau konteks yang terdapat dalam Modul *DialogKopitiam.* Strategi penjelasan melibatkan aktiviti seperti membina analogi, membanding, mensintesis serta mengaplikasi bahan yang diperolehi (Weinstein et al., 2009). Misalnya aktiviti temu bual yang terdapat dalam tajuk 1 akan melatih murid mendengar soalan yang ditanya oleh rakan dengan jelas, kemudian murid menjawab soalan tersebut dengan menggunakan pengetahuan dari luar teks atau konteks lain adalah berpandukan strategi ini.
3.	Ramalan *(prediction)*	Murid membuat ramalan maklumat yang terdapat dalam Modul *DialogKopitiam.* Contohnya, gambar di bawah yang terdapat dalam modul akan merangsang fikiran murid untuk menjalankan

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Peringkat dalam Strategi Kognitif	Keterangan
		aktiviti lalu membuat ramalan pada aktiviti tersebut.
4.	Terjemahan *(translation)*	Murid menterjemah perkataan, frasa atau ayat dengan menggunakan bahasa ibunda atau bahasa pertama semasa mendengar secara mendalam. Strategi ini merupakan strategi yang menggunakan teknik penterjemahan kendiri untuk memindahkan maklumat yang diperoleh dari memori ingatan dalam pembelajaran BCSK.
5.	Pembetulan *(fixation)*	Murid memahami pecahan teks pada tajuk dalam Modul *DialogKopitiam*. Pengetahuan sedia ada murid merupakan asas penting dalam proses pembetulan kendiri. Penguasaan pemahaman isi kandungan teks juga banyak membantu murid bergantung kepada sejauh mana pengetahuan sedia ada pelajar tentang latar, aktiviti dan budaya yang dibincangkan di dalam teks. Oleh yang demikian, perhubungan di antar pengetahuan sedia ada pelajar dan isi kandungan teks memainkan peranan penting dalam proses pernahaman
6.	Pembinaan Semula *(reconstruction)*	Murid mendengar untuk membina semula bahagian teks yang hilang dalam aktiviti agar

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11 *(sambungan)*

Bil	Peringkat dalam Strategi Kognitif	Keterangan
		dapat memahami tajuk dengan lebih mendalam. Pembinaan satu hierarki yang menunjukkan idea-idea penting, penerangan konsep untuk setiap idea serta membina hubungan dalaman antara setiap konsep tersebut harus dilaksana oleh seseorang murid (Schunk & Zimmerman, 2013). Rasional penerapan unsur pembinaan semula ini dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* bertujuan membimbing murid menguasai kecekapan mendengar untuk membina semula pengetahuan sedia ada terhadap komunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tak rasmi dan kreatif melalui mendengar agar selaras dengan matlamat DSKP BCSK.

Oleh yang demikian, strategi kognitif enam peringkat ini adalah penting dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*, terutamanya terhadap kemahiran mendengar. Maka, tumpuan diberikan kepada kecekapan mendengar adalah bertujuan untuk memupuk murid untuk berkomunikasi. Justeru, pengajaran dan pembelajaran BCSK terhadap aspek penguasaan kemahiran mendengar di semua peringkat perlu dititikberat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

supaya bahasa ini dapat digunakan oleh murid dengan berkesan dalam kehidupan harian dan dalam bidang ilmu.

b. Strategi Langsung dalam Kemahiran Bertutur

Strategi bertutur secara langsung termasuklah strategi kognitif, strategi tampungan, dan strategi memori (Roshidah Hassan, 2017). Terdapat kajian (H. T. D. Huang, 2016; Kunasaraphan, 2015; Norimah Mohamad Yunus & Singh, 2014) dibuat ke atas strategi bertutur secara tidak langsung dan menyatakan penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa *(Language Learning Strategies)* harus digalakkan melalui latihan strategi ini agar berusaha melahirkan murid sepanjang hayat yang berkesan dan autonomi (Norimah Mohamad Yunus & Singh, 2014). Namun, dalam hal ini, strategi langsung dalam kemahiran bertutur bagi pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah menitikberatkan topik yang relevan, mudah dan dekat dengan kehidupan para murid agar dapat mencapai matlamat kurikulum BCSK. Maka, strategi bertutur secara langsung untuk kemahiran bertutur seperti strategi tampungan dan strategi memori (kecuali startegi kognitif) akan digunakan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Sebaliknya, strategi kognitif dalam kemahiran bertutur mementingkan murid agar mempraktikkan bahasa dengan penutur natif (Oxford, 2003). Indikator utama penggunaan Modul *DialogKopitiam* dan aktiviti yang mengandungi topik-topik yang memberi pengalaman dalam situasi perbualan sebenar kepada murid BCSK, namun kebanyakan murid yang mengikuti kelas BCSK ialah murid Melayu. Maka ini telah menjadi halangan utama kepada murid sekiranya mengaplikasikan strategi ini ke dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Justeru, strategi kognitif tidak akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipertimbangkan untuk diguna dalam pembangunan modul. Ini juga sejajar dengan kajian Saputra & Subekti (2008) bahawa kebanyakan pelajar lebih menyukai strategi langsung daripada tidak langsung untuk kemahiran bertutur.

Jadual 4.12

Strategi Langsung Kemahiran Bertutur dalam Pembangunan Modul DialogKopitiam

Bil	Strategi Langsung dan Tidak Langsung	Keterangan
1.	Strategi memori	Strategi ini merupakan sesuatu teknik yang digunakan untuk menyimpan, memperoleh semula dan memindahkan maklumat daripada bentuk fakta kepada kemahiran yang ingin dicapai (Noorhidayah Abu Hasim et al., 2018). Contohnya, perbendaharaan kata disediakan dengan gambar pada setiap tajuk diharapkan dapat membantu murid mengingati lalu menguasai kemahiran tersebut untuk mencapai matlamat berkomunikasi. Oleh itu, strategi memori selalu diyakini oleh ramai penyelidik (Abbassi, Hassaskhah, & Tahriri, 2018; Macaro, 2006; Oxford, 1990; Sozler, 2012; Syuhada, 2019; Wael, Asnur, & Ibrahim, 2018; Yonata & Saptani, 2019) sebagai strategi yang penting dan berpengaruh

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.21 *(sambungan)*

Bil	Strategi Langsung dan Tidak Langsung	Keterangan
		(Noorhidayah Abu Hasim et al., 2018), khususnya dalam bidang kemahiran bertutur juga. Menurut Maizan binti Mat@Muhammad (2017), murid mengingati gambar visual adalah lebih mudah berbanding mengingati perkataan, maka kandungan dalam Modul *DialogKopitiam* akan menerapkan imej dan suara dengan berlandaskan kehendak oleh strategi memori.
2.	Strategi Tampungan	Oxford (1990) mendapati strategi tampungan memerlukan murid untuk meneka makna sesuatu perkataan bahasa kedua dengan telus dan bijak (Oxford, 2003). Strategi ini juga berkait rapat dengan cara murid merancang pembelajaran mereka sama ada di dalam kelas, di luar kelas ataupun ketika menghadapi peperiksaan. Lebih daripada itu, menguasai strategi ini dapat mempengaruhi pengurusan, cara dan amalan belajar dalam kalangan murid. Seseorang murid hendaklah menggabungkan antara matlamat pembelajaran dengan strategi belajar yang berkesan dan berguna.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.21 *(sambungan)*

Bil	Strategi Langsung dan Tidak Langsung	Keterangan
		Oleh itu, aktiviti-aktiviti dalam kandungan mengenai kemahiran bertutur akan memasukkan bahasa tubuh dan memilih topik perbualan yang berkaitan ke dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*.

Secara keseluruhannya, setiap murid mempunyai strategi pembelajaran tersendiri (Latifa & Nur, 2019; Nooraihan Ali et al., 2020). Strategi-strategi dapat membantu murid menguasai sesuatu bahasa dalam mencapai matlamat pembelajaran mereka, khususnya pembelajaran bertutur dalam B2. Diharapkan keberkesanan strategi-strategi ini mampu membantu murid untuk mula dan terus belajar berinteraksi dan bertutur bersama dengan masyarakat Cina di Malaysia kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran merupakan bahan atau aspek yang digunakan untuk mendekati atau memulakan proses PdP. Strategi yang berkesan membolehkan murid mengikuti isi kandungan dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan (Morrison, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Chen & Liu, 2008; Lin, Lin, Chen, Hsia & Ma, 2008; H. Wu & Miller (2007), BC dianggap salah satu bahasa yang paling sukar untuk belajar untuk penutur bukan asli, terutamanya dalam bidang pemahaman mendengar dan bertutur (Murphy, 1991). Oleh itu, murid bukan penutur jati harus mempunyai akses langsung dengan guru yang dapat membantu mereka untuk membetulkan kesilapan mereka dalam mendengar dan bertutur dengan serta-merta berbanding dengan murid yang menggunakan bahan pengajaran dan belajar sendiri. Justeru, pembangunan Modul *DialogKopitiam* untuk mempertingkatkan kemahiran mendengar dan bertutur murid merupakan suatu cabaran dalam kajian ini. Lanjutan daripada itu, Siti Saniah Abu Bakar & Adenan Ayob (2013) dalam *Persepsi Pensyarah Terhahap Penerimaan Pelajar Asing Dalam Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu* telah mengenal pasti 10 jenis teknik pengajaran yang biasa digunakan dalam kelas dan disukai oleh murid seperti multimedia, penggunaan gambar, berstruktur, pengajaran berulang, pengayaan kosa kata, hafalan, teknik sintaksis, latihan dan pembentangan. Namun, terdapat 3 teknik yang tidak diminati oleh sebahagian murid iaitu teknik pengayaan kosa kata, latihan dan pembentangan. Oleh itu, teknik-teknik yang diminati oleh murid-murid akan dimasukkan ke dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* dan teknik yang tidak disukai oleh murid tidak akan diterap ke dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam.*

Penyelidik Hsieh (2018) dari Taiwan mengkaji tentang *Development and Validation of an Online Assessment Module for Mandarin Reading Literacy for Middle School Students of the 12-Year Basic Education Program* adalah mengutamakan kepada kemahiran membaca. Dapatan kajian Modul Penilaian Dalam Talian (*Online Assessment Module)* telah menunjukkan purata diskriminasi untuk 17 ujian (73.91%) adalah lebih daripada .30. Purata nilai p-pelbagai item pilihan terdiri daripada .45 hingga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

.74. Purata diskriminasi separuh daripada item tindak balas yang dibina adalah .37 dan purata nilai p ialah .24, ini telah menunjukkan diskriminasi tinggi dan kesukaran yang tinggi untuk 1,685 peserta kajian dari 58 buah sekolah di Taiwan. Dapatan kajian ini menunjukkan cadangan teks yang dipilih dalam modul harus memenuhi situasi kehidupan yang berkaitan dengan murid. Maka, kandungan seperti keluarga, kawan, sekolah akan dibangunkan dalam Modul *DialogKopitiam* agar lebih mendekati dengan kehidupan seharian murid.

Kebanyakan modul (Besner & Risko, 2016; Cuevas, Russell, & Irving, 2012; Nooraihan Ali et al., 2020) lebih mementingkan kemahiran membaca daripada kemahiran mendengar dan bertutur. Tambahan pula, ini selari dengan bahawa terdapat banyak kajian hanya mementingkan penilaian kemahiran terhadap murid bukan penutur jati sahaja (Wang, Kuo, Chao, & Tsai, 2012; Wang, Kuo, Tsai, & Liao, 2012) tanpa mengambil kira masalah seperti sumber pengajaran dan pembelajaran yang tidak mencukupi (Chen, Hsu, Chang, Lin, Chang & Sung, 2013; Xia, 2013) berlaku untuk murid bahasa kedua. Jadi, kandungan modul ini telah mengaplikasikan pelbagai unsur untuk menarik minat murid dan meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur serta diharapkan keberkesanan penggunaan Modul *DialogKopitiam* dapat membantu murid meningkatkan motivasi dalam pembelajaran BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Teknik Pengajaran dan Pembelajaran

Pelbagai strategi yang dilaksanakan dalam pembelajaran bahasa telah menunjukkan kesan positif terhadap peningkatan motivasi (Chen & Li, 2010), keberkesanan belajar (Chen & Li, 2010; Chen & Tsai, 2010) dan pilihan murid terhadap persekitaran pembelajaran bahasa (Chen & Li, 2010). Analisis menunjukkan strategi-strategi yang sering digunakan oleh murid (Noor Asliza Abdul Rahim & Normaliza Abd. Rahim, 2014) bagi memastikan aktiviti interaksi ialah strategi kognitif dalam kemahiran mendengar dan strategi langsung dalam kemahiran bertutur semasa berinteraksi secara lisan dalam komunikasi.


Setelah mengenal pasti strategi yang digunakan, penyelidik mengenal pasti pilihan teknik pengajaran dan pembelajaran yang paling bersesuaian untuk menyampaikan isi kandungan dan mengawal proses PdP agar dapat mencapai objektif PdP. Kaedah kuliah, perbincangan, demonstrasi, lawatan (*field*), simulasi, bahan audio-visual dan sebagainya merupakan teknik PdP yang biasa digunakan oleh para guru (Yamirudeng, 2018). Dapatan kajian Masyitoh Yaacob et al. (2018) pula menunjukkan murid mempunyai minat terhadap kaedah simulasi dalam pembelajaran Bahasa Arab sebagai B2. Mata pelajaran BCSK merupakan B2 untuk murid dari sekolah kebangsaan, maka penyelidik menggunakan teknik simulasi sebagai teknik pengajaran dan pembelajaran dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* supaya berharap dapat meningkatkan pencapaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik pengajaran dan pembelajaran simulasi merupakan satu simplifikasi terhadap beberapa situasi sebenar ataupun proses. Menurut Alessi & Trollip (2001), simulasi ditakrifkan sebagai suatu model kepada fenomena atau aktiviti yang diwujudkan hampir menyerupai keadaan sebenar yang memerlukan murid berinteraksi berdasarkan peranan masing-masing bagi membuat keputusan menyelesaikan masalah, isu atau tugasan. Dalam teknik simulasi, peserta kajian memainkan pelbagai peranan yang melibatkan mereka berinteraksi dengan orang lain atau dengan unsur-unsur persekitaran yang diwujudkan (Heinich et al., 2002). Alessi & Trollip (2001) membahagikan simulasi kepada dua kategori, iaitu simulasi mengajar sesuatu (*to teach about something*) dan simulasi bagaimana melakukan sesuatu (*to teach how to do something*). Dua kategori ini dibahagikan kepada sub kategori seperti yang diringkaskan pada rajah yang berikut (Rajah 4.12).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.12. Klasifikasi simulasi. Sumber daripada Alessi & Trollip, 2001

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik menggunakan simulasi situasi dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*, iaitu murid main peranan dalam aktiviti yang direka. Kebaikan memilih simulasi dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah lebih mendekati situasi sebenar yang berlaku dalam kehidupan seharian. Kemudian, pembelajaran turut dipermudahkan kerana teknik simulasi lebih mudah dikendali dan lebih mendekati kepada objektif PdP. Teknik simulasi merupakan suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang memiliki unsur cabaran, berkesan, menyeronokkan dan dapat menyumbang ke arah peningkatan penguasaan kemahiran dan prestasi murid (Noor Chahaya Ngosman & Zamri Mahamod, 2017). Terdapat penyelidikan menunjukkan hubungan erat antara bahasa dan pemikiran, pemikiran kritis ke dalam pemerolehan bahasa kedua (Liang & Fung, 2021) dengan teknik pengajaran dan pembelajaran simulasi. Oleh itu, disarankan agar guru bahasa harus memupuk murid untuk berfikir secara kritis semasa proses pemerolehan bahasa (Guo & Wang, 2021; Lipman, 2015; Shirkhani & Fahim, 2011) dalam simulasi demi mendorong murid menganalisis secara kritis terhadap bahan pembelajaran dalam pengintergrasian bahasa (Liyanage, Walker, & Shokouhi, 2021). Oleh demikian, guru bahasa dapat menolong murid mengembangkan kemahiran berfikir kritis dengan kemampuan murid dalam teknik pengajaran dan pembelajaran simulasi (Shirkhani & Fahim, 2011).

Di samping itu, teknik simulasi yang dibangunkan adalah berlandaskan kepada teori kontekstual. Pembelajaran berlaku apabila murid memproses maklumat atau ilmu pengetahuan baharu dengan cara tertentu sehingga membawa maksud atau makna dalam kerangka rujukan (dunia dalaman bagi memori, pengalaman dan tindak balas mereka sendiri). Justeru, teori kontekstual merupakan pendekatan pengajaran yang mencakupi komponen-komponen pembelajaran abad 21 yang menekankan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran berpusatkan murid dan melibatkan aktiviti *hands-on* dan *minds-on* (Noor Chahaya Ngosman & Zamri Mahamod, 2017). Menurut Noor Chahaya Ngosman & Zamri Mahamod (2017), kreativiti murid dalam aktiviti pembelajaran kontekstual banyak membantu memberi pengalaman yang bermakna kepada murid untuk menguasai kemahiran yang perlu dicapai dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu, pengintergrasian teori kontekstual untuk memudahkan murid mengaitkan suasana dengan kehidupan masyarakat dan mengutamakan pengalaman murid (Shrum & Glisan, 2010) berdasarkan situasi kehidupan sebenar merupakan asas utama pembangunan Modul *DialogKopitiam*.

Akhirnya, melalui Modul *DialogKopitiam* adalah dikehendaki murid untuk menghubungkait antara idea abstrak dengan aplikasi yang praktikal dalam konteks dunia sebenar dan konsep diperkukuhkan melalui proses penemuan, peneguhan dan penghubungkaitan (Tong & Tsung, 2020). Idea abstrak murid seringkali mempunyai hubungan yang rapat dengan pemikiran. Menurut Lily Hanefarezan Asbulah, Ashinida Aladdin, Maimun Aqsha Lubis, & Mus'ab Sahrim (2019), idea dalam setiap murid disampaikan dalam satu atau dua patah perkataan. Maka, seseorang perlu menggabung satu atau dua patah perkataan dan menyusunnya dalam ayat agar idea dan maklumat murid dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan lancar. Oleh itu, seseorang murid yang berkemampuan menguasai satu atau dua patah perkataan dan menyusunnya dalam ayat dikatakan dapat mencerminkan penguasaan kemahiran untuk sesuatu bahasa (Rosni Samah, 2012), khususnya penguasaan dalam kemahiran mendengar dan bertutur dalam BC.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Penerapan Sistem Kendiri Motivasi Bahasa Kedua (L2MSS)

Pada masa ini, banyak kajian motivasi B2 telah menggunakan Sistem Kendiri Motivasi B2 (L2MSS) untuk mengesahkan model dalam konteks EFL yang berbeza dan juga untuk mengkaji kesannya terhadap konstruksi psikologi tertentu seperti kegelisahan dan usaha yang dimaksudkan (Misbah, 2015; Rajabpour, Ghanizadeh, & Ghonsooly, 2015; Yang, 2012). L2LE, IL2S, dan OL2S adalah tiga dimensi L2MSS. IL2S adalah keinginan untuk mengurangkan perbezaan antara diri kita yang sebenarnya dan ideal (Dörnyei, 2009). Sebaliknya, OL2S merujuk kepada sifat-sifat seseorang percaya harus dimiliki untuk memenuhi harapan dan untuk mengelakkan kemungkinan hasil negatif (Dörnyei, 2009). Sementara itu, L2LE dikaitkan dengan motif eksekutif yang terletak terkait dengan lingkungan dan pengalaman belajar langsung dan berkaitan dengan motivasi intrinsik (Dörnyei, 2009; Zoltán Dörnyei, 2005). Untuk meningkatkan motivasi murid-murid, L2MSS yang meliputi tiga komponen, iaitu L2LE, IL2S, dan OL2S akan diaplikasikan dalam Modul *DialogKopitiam.*

Secara rumusnya, murid akan menjalankan aktiviti-aktiviti yang menarik seperti lakonan, berdialog, soal-jawab, dengar dan ulang dan sebagainya. Bahan instruksi yang dibangunkan dengan mengambil kira keupayaan murid dari segi kemahiran, penggunaan bahasa, latihan yang pelbagai dan sebagainya agar dapat mempertingkatkan tahap motivasi murid dalam pembelajaran BC sebagai B2 (Gui & Ji, 2018). Oleh itu, pembangunan bahan instruksi ini adalah bertujuan untuk membantu dan merangsang murid untuk mendengar, bertutur dan berkomunikasi dan meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.4 Reka Bentuk Modul *DialogKopitiam*

Bahagian-bahagian sebelum ini telah membincangkan matlamat dalam Modul *DialogKopitiam*, urutan isi kandungan dalam Modul *DialogKopitiam* dan strategi yang bersesuaian dalam Modul *DialogKopitiam*. Proses mereka bentuk instruksi melibatkan persembahan isi kandungan. Setiap unit instruksi dimulakan dengan pengenalan yang bertujuan untuk menyediakan murid bagi mengikuti sesi PdP.

Modul *DialogKopitiam* disusun dengan merujuk kepada Standard Kurikulum dan Pentaksiran BCSK (DSKP) yang dirasmikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk kelas BCSK Tahun Empat. Modul *DialogKopitiam* telah menggabungkan lima ciri-ciri (kejituan, kepraktisan, sistematik, saintifik dan keseronokan) (K. P. Chuah et al., 2021; Liu Xun, 2000) semasa membangunkan modul ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Ciri Kejituan （针对性）

Ciri kejituan dalam Modul *DialogKopitiam* adalah membawa maksud bahawa susunan isi kandungan disusun mengikut ciri-ciri murid yang ditentukan melalui analisis keperluan murid dan bersesuaian dengan ciri-ciri kumpulan sasaran. Faktor-faktor seperti alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru, minat, pengalaman dan tahap perkembangan kognitif murid juga dipertimbangkan semasa susunan kandungan Modul *DialogKopitiam*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh kerana kebanyakan murid di sekolah kebangsaan ialah murid Melayu, maka perkataan-perkataan yang biasa digunakan oleh murid akan dipertimbangkan semasa membangun Modul *DialogKopitiam* supaya dapat membantu para murid untuk menguasai kemahiran-kemahiran tertentu. Kandungan dan aktiviti direka di Modul *DialogKopitiam* dengan menggunakan empat tema sebagai bahan reka bentuk. Empat tema untuk tahap kedua adalah mengelilingi peribadi, sosial, profesional dan pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Pilihan teks (tajuk) juga mendekati dengan kehidupan seharian dan menerapkan kebudayaan tempatan ke dalam Modul *DialogKopitiam*. Selain itu, panjang teks dalam teks juga antara 80-120 patah perkataan bertujuan untuk membantu murid menguasai kemahiran mendengar dan bertutur (Rajah 4.13).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

会话一

在学校食堂
shí táng

哈山：阿姨，早安。请给我一杯牛奶、一块面包和一块西瓜。

阿姨：这是你要的牛奶、面包和西瓜。

哈山：请问多少钱？

阿姨：三令吉。
líng jí

哈山：这是三令吉。谢谢你，阿姨。

阿姨：谢谢你，哈山。



牛奶	西瓜	面包	请问	多少钱
niú nǎi	xī guā	miàn bāo	qǐng wèn	duō shao qián

16

Rajah 4.13. Kandungan teks dalam Modul *DialogKopitiam* berdekatan dengan kehidupan seharian murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Ciri Kepraktisan （实用性）

Ciri kepraktisan dalam Modul *DialogKopitiam* merupakan bahan pengajaran bahasa kedua digunakan terutamanya untuk memupuk kemahiran dan kebolehan berbahasa, dan pengetahuan bahasa. Walaupun terdapat beberapa terbitan buku teks dan buku rujukan dalam BC sememangnya bagus dalam pasaran, namun skop pembelajaran bahan-bahan tersebut adalah terhad (Dan & Zhou, 2005). Oleh itu, pembangunan bahan instruksi ini adalah diperlukan untuk memenuhi kekurangan itu.

Latar belakang murid sangat penting dan dapat membantu penyelidik membangun dan menyediakan kaedah dan bahan pengajaran yang lebih mendekati serta sesuai dengan murid (Heinich et al., 2002). Tiga aspek praktikal yang berkesan (Liu Xun, 2000) dan mengambil kira latar belakang murid dipertimbangkan semasa membangunkan Modul *DialogKopitiam*, iaitu:

1. Murid dapat mempelajari pengetahuan mendengar dan bertutur yang diperlukan, termasuk kata, kata, ayat, dan perenggan dari segi kemahiran berbahasa.
2. Ruangan "Mesej kepada Guru" disediakan dalam Modul *DialogKopitiam* untuk membantu guru memahami keperluan kaedah aktiviti, membimbing murid untuk belajar secara berkesan, akhirnya menjadi lebih berguna dalam pengajaran.
3. Topik, format latihan dan bahagian lain-lain lagi dibangun mengikut keperluan sebenar murid dan merujuk kepada pengalaman lama dan keperluan DSKP BCSK Tahun 1 hingga Tahun 3 (Rajah 4.14).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan mengambil kira ciri kepraktisan dapat membantu murid mempelajari pengetahuan sebenar dari Modul *DialogKopitiam* dan memenuhi keperluan murid untuk berkomunikasi dengan orang lain dalam kehidupan, belajar atau pekerjaan masa depan. Oleh itu, bahan instruksi yang baik dapat membantu murid memahami dan mengetahui maklumat yang disampaikan dengan lebih mudah dan berkesan.



Rajah 4.14. Latihan dalam Modul *DialogKopitiam* dibangun berdasarkan pengalaman lama murid dan keperluan DSKP BCSK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Ciri Sistematik （系统性）

Kualiti kecekapan pengajaran dan pengajaran bergantung kepada kualiti bahan pengajaran (Quan, 2012). Oleh itu, bahan pengajaran yang sistematik memerlukan pelbagai kemahiran untuk menyeimbangkan dan berkoordinasi antara satu sama lain. Pembangunan Modul *DialogKopitiam* BCSK Tahun 4 adalah berdasarkan pengalaman murid sebelum. Gambar, suara, dan imbasan kod QR dengan menggunakan telefon pintar juga dirancang semasa membangun Modul *DialogKopitiam*. Susunan setiap unit secara sistematik juga dipersembahkan mengikut fokus pembelajaran, perbendaharaan kata, perbualan, aktiviti mendengar, aktiviti bertutur dan aktiviti komunikasi (Rajah 4.15).



Rajah 4.15. Susunan Topik Secara Sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Ciri Saintifik （科学性）

Bahasa yang digunakan dalam Modul *DialogKopitiam* adalah bahasa standard dan universal. Bahasa yang digunakan dalam Modul *DialogKopitiam* juga dinilai oleh pakar pensyarah BC tempatan untuk memastikan keseragaman dan ketepatannya (penilaian bahasa dalam modul akan dibincangkan di bahagian 4.7.2). Murid menghadapi masalah kekurangan latihan terhadap kemahiran mendengar dalam buku teks BCSK Tahun 4 yang dibekalkan oleh KPM (Jadual 1.4), oleh itu reka bentuk dalam Modul *DialogKopitiam* akan menumpukan pada kemahiran ini. Penulis juga menerapkan kelebihan reka bentuk modul dan buku rujukan tempatan BC sebagai bahasa kedua semasa pembangunan Modul *DialogKopitiam*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, susunan dalam bahan pengajaran juga haruslah bercirikan saintifik. Ini dapat dilihat tajuk, kandungan, perbendaharaan kata dan latihan disusun secara bercirikan saintifik dan direka secara berkualiti supaya memenuhi keperluan DSKP yang ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM.

e. Ciri Keseronokan （趣味性）

Rekaan kandungan dalam Modul *DialogKopitiam* adalah berunsur seronok untuk menarik minat agar meningkatkan motivasi murid terhadap menguasai kemahiran mendengar dan bertutur. Ini disokong oleh Yan (2010) bahawa bahan pengajaran yang menarik mesti mempunyai latihan secara mekanikal （机械性练习）, latihan secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fleksibel （活用性练习）dan latihan secara komunikasi（交际性练习）. Jadi, pembangunan Modul *DialogKopitiam* akan menerapkan latihan-latihan untuk meningkatkan keberkesanan murid terhadap penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur.

Hasil penyelidikan Xu (2012) dan Zhang (2015) masing-masing menunjukkan murid lebih melibatkan diri dalam pembelajaran melalui video dalam kelas. Maka, ini dapat mendorong murid untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur. Misalnya, guru boleh memperkenalkan masa, watak, tempat, melalui tayangan video atau filem BC dalam kelas mendengar. Selepas menonton video atau filem BC, kemahiran mendengar akan bertambah baik lalu meningkatkan keyakinan diri murid-murid. Penyelidikan-penyelidikan di atas telah membuktikan bahawa murid mempelajari bahasa kedua memerlukan bahan sokongan tambahan seperti tayangan video atau filem BC untuk meningkatkan kefahaman mendengarnya. Selain itu, guru juga harus memasukkan unsur keseronokan ke dalam pembelajaran bahasa (Jakonen & Evnitskaya, 2020; Tong & Tsung, 2020), khususnya guru BCSK yang berhadapan dengan murid yang tiada asas yang kukuh dalam pembelajaran BC. Hasil kajian Reddington (2015); Tong & Tsung (2020) menunjukkan bahawa pembelajaran berciri keseronokan di dalam kelas bukan sahaja membantu murid mengenali budaya Cina tetapi juga meningkatkan penggunaan bahasa dan motivasi belajar mereka. Oleh kerana latar belakang murid adalah berbeza, maka teks yang ringkas dan jelas serta visual yang menarik dalam Modul *DialogKopitiam* akan menjadikan murid lebih gemar untuk berlatih kemahiran mendengar dan bertutur. Tamsilnya, aktiviti kumpulan "Melakukan Temu Bual" dalam Tajuk 1 dibangun untuk melatih murid memainkan peranan. Seorang murid berperanan sebagai wartawan dan seorang murid memainkan peranan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai responden untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh wartawan mengikut situasi sebenar (Rajah 4.16). Guru akan memberikan kad atau gambar yang telah disediakan terlebih dahulu kepada murid tersebut. Murid-murid tersebut akan berbual mengikut kandungan gambar yang diberikan oleh guru. Murid juga menunjukkan gambar ahli keluarga dan memperkenalkan ahli keluarga mereka kepada murid lain berdasarkan foto tersebut seperti makanan kegemaran keluarga, pekerjaan keluarga, hobi keluarga, dan lain-lain lagi.



Rajah 4.16. Murid menjalankan aktiviti simulasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulan, pembangunan Modul *DialogKopitiam* akan mengambil kira matlamat pembangunan instruksi, susunan isi kandungan dalam instruksi, strategi-strategi yang digunakan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur. Seterusnya, diharapkan Modul *DialogKopitiam* ini juga dapat meningkatkan tahap motivasi murid dalam pembelajaran BCSK.

4.4.5 Pembangunan Bahan Instruksi

Pembangunan bahan instruksi merupakan implementasi pelan reka bentuk instruksi. Semasa proses pembangunan Modul *DialogKopitiam*, pengkaji memberikan fokus kepada masalah dan objektif instruksi bagi memastikan instruksi dapat menyelesaikan masalah yang dikenal pasti. Selain itu, pengkaji turut merujuk semula dapatan analisis murid kumpulan sasaran bagi memastikan tugasan bersesuaian dengan pengalaman, latar belakang dan tahap kebolehan murid. Isi kandungan atau aktiviti bagi setiap unit dalam Modul *DialogKopitiam* dibangunkan berdasarkan rangka seperti dalam bahagian rasional pemilihan model reka bentuk bahan instruksi. Rangka ini disediakan dengan merujuk kepada Model MRKK (2013) dan pencantuman dengan aplikasi Teori Konstruktivisme dan Kontekstual (Jadual 4.13).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13

Rangka aktiviti dalam Modul *DialogKopitiam*

Fasa	Sub Tajuk	Tujuan
Orientasi	Fokus Pembelajaran 学习重点 Perbendaharaan Kata 生词 Kod QR 扫描 QR	Merangsang motivasi dan sifat ingin tahu murid. Murid memahami fokus pembelajaran yang perlu dipelajari.
Pencetusan idea	Perbualan 1 会话一	Mengakses idea sedia ada murid dan bersedia untuk berkongsi dan menjelaskan idea sedia ada.
Penstrukturan semula idea	Ikon rama 活动一 Ikon labah 活动二 Ikon labah 活动二 Ikon labah 活动二	Menjana idea baharu dan penilaian. Menjelaskan dan penukaran idea masing-masing.
Aplikasi idea	Ikon kumbang 活动三 / 活动四	Pendedahan kepada situasi sebenar dan mengubah suai idea sedia ada dan membina idea baharu. Memberi peluang untuk menunjukkan pemahaman konsep dan kemahiran.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13 *(sambungan)*

Fasa	Sub Tajuk	Tujuan
Refleksi	Kesimpulan 总结	Mentaksir pemahaman dan kemahiran sendiri. Murid berfikir secara kreatif untuk tujuan penambahbaikan. 3. Guru menilai penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam hasil pembelajaran.

Selain itu, penilaian formatif telah dilaksanakan sepanjang proses pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Pembetulan dan pengubahsuaian dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan modul. Huraian lanjut tentang penilaian formatif adalah seperti dalam bahagian seterusnya. Tambahan, Panduan Guru disediakan untuk membantu guru menggunakan Modul *DialogKopitiam*.

4.4.6 Instrumen Penilaian

Penilaian dilaksanakan untuk memberikan maklumat tentang pencapaian objektif instruksi. Terdapat tiga instrumen penilaian yang digunakan, iaitu Ujian Pencapaian Mendengar (UPD), Ujian Pencapaian Bertutur (UPB) dan Soal Selidik Sistem Motivasi Kendiri B2 (*Second Language Motivational Self System*, L2MSS). Proses penyediaan (termasuk ujian rintis) instrumen tersebut dibincangkan dalam Bahagian 3.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Aplikasi Teori Pembelajaran dan Pendekatan

Tatacara pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah berasaskan Model Reka Bentuk Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK) (Morrison, Ross, Kalman dan Kemp, 2013) dan Model Pemerolehan Bahasa Kedua (Ellis, 2015; Gass & Mackey, 2013). Isi kandungan Modul *DialogKopitiam* mengikut DSKP BCSK Tahun 4 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019) dan dipersembahkan dalam bentuk teknologi maklumat serta mementingkan teknik simulasi untuk mengcungkilkan pemikiran kritis murid dalam pembelajaran BCSK. Penyelidik juga mengaplikasikan beberapa teori pembelajaran secara tidak langsung dalam persembahan kandungan Modul *DialogKopitiam*. Antara teori yang terlibat dalam pembangunan adalah teori pembelajaran konstruktivisme dan teori pembelajaran kontekstual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Aplikasi Teori Pembelajaran Konstruktivisme

Penyelidik meneliti teori pembelajaran konstruktivisme semasa pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Teori pembelajaran konstruktivisme mengimplikasikan bahawa pembelajaran amat bergantung kepada murid sendiri dan pembelajaran dapat ditingkatkan melalui interaksi sosial, penemuan dan pembinaan objek luaran. Teori pembelajaran konstruktivisme juga mengimplikasikan bahawa motivasi merupakan pra syarat dan syarat bersama dalam pembelajaran (Palmer, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori konstruktivisme menekankan bahawa pembelajaran amat bergantung kepada murid sendiri. Ini bermakna pembelajaran memerlukan usaha individu murid. Jadi, murid harus bermotivasi tinggi supaya pembelajaran BCSK dapat ditingkatkan. Berdasarkan teori pembelajaran konstruktivisme, lima fasa yang dikenal pasti adalah orientasi, pencetusan idea, penstrukturan semula idea (termasuk penjelasan dan penukaran idea, pendedahan kepada situasi konflik, pembinaan idea baharu dan penilaian), aplikasi idea dan refleksi (Needham, 1987) telah dikenal pasti untuk diintegrasikan dalam Modul *DialogKopitiam*. Kaitan antara lima fasa Needham (1987) dan bahagian dalam setiap sub unit pembelajaran ditunjukkan dalam Jadual 4.14.

Jadual 4.14

Kaitan antara Model Konstruktivisme Lima Fasa dan bahagian dalam setiap sub tajuk

Fasa Needham	Bahagian dalam sub tajuk
Orientasi	Fokus Pembelajaran 学习重点
	Perbendaharaan Kata 生词
	Kod QR 扫描 QR
Pencetusan idea	Perbualan 1 会话一
Penstrukturan semula idea	Ikon rama 活动一
• Penjelasan dan penukaran idea	Ikon labah 活动二
• Pendedahan kepada situasi konflik	Ikon labah 活动二
• Pembinaan idea baharu dan penilaian	Ikon labah 活动二
Aplikasi idea	Ikon kumbang 活动三 / 活动四
Refleksi	Kesimpulan 总结

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa orientasi merupakan fasa yang akan mencetuskan minat murid bagi meneroka lebih jauh tentang pelajaran yang akan dipelajari (Needham, 1987). Dalam fasa ini, pelbagai aktiviti bagi menarik minat murid terhadap tajuk pelajaran yang akan dipelajari. Di antara aktiviti yang terlibat ialah lakonan, puisi dan pelbagai aktiviti yang boleh memotivasikan murid. Murid melihat video yang ditunjukkan setelah mengimbas kod QR yang didapati pada setiap sub tajuk di bahagian Fokus Pembelajaran 学习重点 merupakan fasa orientasi. Video ini berkaitan dengan tajuk yang akan dipelajari nanti. Penggunaan TMK dan motivasi boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang dapat meningkatkan motivasi murid generasi digital dan keberkesanan pembelajaran. Selain itu, beberapa gambar yang didapati pada setiap tajuk pada bahagian Perbendaharaan Kata 生词. Gambar ini adalah berkaitan dengan konsep yang akan diperkenalkan kepada murid pada setiap sub tajuk.

Seterusnya, fasa yang kedua ialah fasa pencetusan idea. Dalam fasa ini, pelajar digalakkan bertukar-tukar fikiran antara rakan sebaya. Fasa ini juga dapat merangsangkan murid meninjau semula idea asal mereka (Needham, 1987). Bahagian Perbualan 1 会话一 merupakan fasa pencetusan idea. Murid akan mengingati semula Perbendaharaan Kata 生词 yang pernah dipelajari pada fasa orientasi. Apabila murid menguasai kosa kata, maka mereka akan menjadi lebih cekap untuk mendengar dan bertutur (Masyitoh Yaacob et al., 2018). Murid juga akan menghubungkait antara video yang diimbas dengan kandungan tajuk yang dipelajari. Murid menggunakan teknologi secara efisien dan efektif untuk mencapai tujuan tertentu serta membina pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan sedia ada. Teknologi Penekanan terhadap perhubungan dengan situasi kehidupan sebenar dapat meningkatkan pembinaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan. Kesimpulannya, murid perlu celik teknologi untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran serta mengaplikasikan kehidupan harian pada abad ke-21 dalam instruksi ini.

Guru digalakkan merancang aktiviti yang sesuai untuk membantu murid mengubah idea asal mereka. Murid diberi peluang untuk mencabar idea asal sendiri dan juga idea rakan-rakan. Oleh itu dipercayai idea baru yang dibina oleh murid sendiri biasanya mudah diterima oleh mereka jika sekiranya idea ini mudah difahami dan berguna (Needham, 1987). Dalam bahagian 活动一 dan 活动二 merupakan fasa penstrukturan semula idea. Murid berpeluang untuk memberikan idea mereka dalam aktiviti yang dirancang. Biasanya aktiviti yang disediakan dalam fasa ini dapat membantu murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dalam bahagian 活动三 / 活动四 menekankan pemberian idea, membuat perbincangan dalam kumpulan oleh murid tentang akhir dalam pembelajaran pada tajuk tersebut. Dalam fasa aplikasi idea, murid boleh menggunakan idea baru mereka untuk menyelesaikan masalah dan menerangkan fenomena yang berkaitan dengan idea-idea itu (Needham, 1987). Kemahiran komunikasi oleh murid dapat dipupuk dalam fasa ini. Kolaboratif rakan sebaya akan mencetuskan konflik kognitif dan menyebabkan penstrukturan semula idea pada fasa ini juga. Pada masa yang sama, murid mungkin akan menghadapi konflik situasi atau tidak berupaya bersuara dalam fasa ini. Maka, guru haruslah memberi sokongan dan bimbingan kepada murid agar berupaya untuk menguasai kemahiran komunikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, fasa refleksi merupakan fasa terakhir dalam model pengajaran ini. Dalam fasa ini pelajar membandingkan idea asal mereka dengan idea baru dan merenung kembali proses pembelajaran yang telah mengakibatkan perubahan ke atas idea mereka (Needham, 1987). Fasa ini juga dapat memperkembangkan kemahiran meta kognitif murid. Murid berpeluang untuk membuat refleksi tentang sejauh mana penguasaan tentang kemahiran mendengar dan bertutur melalui bahagian 学习重点、生词、活动一、活动二、活动三 dan 活动四 yang direka bentuk. Oleh itu, pemahaman ditingkatkan apabila murid menemui pengetahuan baharu atau melalui penyelesaian secara sendiri.

b. Aplikasi Teori Pembelajaran Kontekstual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Teori pembelajaran kontekstual ini menekankan kepada penggunaan bahasa dengan lebih bermakna dalam konteks yang tepat melalui mod interpersonal, interpretif dan presentasi dalam prinsip komunikasi (Shrum & Glisan, 2010). Manakala, prinsip lain juga berperanan sebagai sampingan dalam mereka bentuk instruksi. Oleh itu, ketiga-tiga mod ini diaplikasikan dan diberi penekanan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur semasa pembangunan Modul *DialogKopitiam*.

Pembangunan kandungan Modul *DialogKopitiam* telah mengaplikasikan teori pembelajaran kontekstual, khususnya prinsip-prinsip yang terdapat dalam prinsip komunikasi. Mod interpersonal dalam prinsip komunikasi menekankan kepada aktiviti perbualan atau perbincangan yang bermakna dalam individu. Mod interpretif dalam prinsip komunikasi menekankan kepada memahami dan mengintergrasi bahasa tulisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan lisan dalam pelbagai topik. Manakala, mod presentasi dalam prinsip komunikasi menekankan kepada komunikasi dua hala antara pendengar dan penutur. Mod presentasi boleh diaplikasikan melalui aktiviti seperti ucapan, syarahan, bercerita dan sebagainya. Rajah 4.17 di bawah menunjukkan integrasi antara ketiga-tiga mod interpersonal, interpretif dan presentasi dalam prinsip komunikasi dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*.




Rajah 4.17. Intergrasi interpersonal, interpretif dan presentasi dalam prinsip komunikasi. Sumber daripada Shrum & Glisan, 2010

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, rasional memilih teori kontekstual dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah disebabkan teori ini dapat memenuhi keperluan prinsip pembelajaran bahasa sebagai bahasa kedua (Yamirudeng, 2018). Menurut Yamirudeng (2018), terdapat lima jenis prinsip pengajaran bahasa secara kontekstual dengan dalam pembelajaran bahasa kedua. Rajah 4.18 menunjukkan hubungkait prinsip pengajaran bahasa secara kontekstual dengan pembelajaran bahasa kedua.



Rajah 4.18. Hubungkait prinsip pengajaran bahasa secara kontekstual dengan pembelajaran bahasa kedua. Sumber daripada Yamirudeng, 2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Pemerolehan Bahasa

Aspek pemerolehan bahasa dalam teori konstektual digunakan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Aspek ini menekankan kepada empat jenis faktor, iaitu faktor motivasi, umur, ujian formal dan bahasa ibunda. Faktor ini berkait rapat dengan latar belakang sampel kajian dan seterusnya memberi kesan terhadap pemerolehan bahasa kedua (Jadual 4.15).

Jadual 4.15

Faktor dengan latar belakang sampel kajian terhadap pemerolehan bahasa kedua

Bil	Faktor	Penekanan kepada aspek
1	Motivasi	Komponen Motivasi L2MSS (*IL2S, OL2s, L2LE*) akan diterapkan ke dalam pembangunan kandungan Modul *DialogKopitiam.*
2	Umur	Sampel kajian yang menggunakan Modul *DialogKopitiam* adalah sekitar umur 10.
3	Ujian formal	Analisis keperluan dijalankan untuk meneliti keperluan daripada murid yang mempelajari BCSK Tahun 4 dan guru yang mengajar BCSK Tahun 4.
4	Bahasa ibunda	Majoriti bahasa ibunda sampel kajian ialah Bahasa Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Keperluan Pengajaran Bahasa

Aspek keperluan pengajaran bahasa dalam teori konstektual ini memberi penekanan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran secara bertujuan. Aspek ini menyediakan suasana pembelajaran yang sebenar bagi membantu penguasaan bahasa dalam kalangan murid. Misalnya, murid memesan makanan dan minuman di restoran secara simulasi dalam Modul *DialogKopitiam.* Para murid yang mempelajari bahasa kedua memerlukan peluang untuk memperkembangkan kemahiran-kemahiran tersebut melalui pendedahan kepada situasi-situasi yang sedia ada dengan berkesan. Kemahiran-kemahiran yang diberi penekanan ialah kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Oleh demikian, penerapan aspek keperluan pengajaran bahasa teori kontekstual dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* akan membantu murid menguasai kemahiran, terutamanya kemahiran mendengar dan bertutur dalam BCSK.

iii. Prinsip Pengajaran Bahasa

Aspek prinsip pengajaran bahasa dalam teori konstektual ini memberi penekanan terhadap pengajaran secara kemahiran kognitif, kemahiran bahasa dan kemahiran sosial. Penekanan ini selaras dengan prinsip pengajaran bahasa sebagai bahasa kedua yang disarankan oleh Brown (2000). Brown (2000) menyatakan prinsip pengajaran bahasa melibatkan prinsip kognitif, prinsip efektif dan prinsip linguistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Pendekatan Pengajaran Bahasa

Aspek pendekatan pengajaran bahasa dalam teori konstektual ini memberi penekanan terhadap penggunaan tiga mod pembelajaran bahasa, iaitu mod interpersonal, interpretif dan presentasi dalam prinsip komunikasi (Shrum & Glisan, 2010). Pengajaran secara kontekstual adalah kaedah yang berkesan terutamanya untuk murid (Margana, 2012). Kaedah ini juga menggalakkan pembelajaran bahasa kedua melalui situasi dan tujuan tertentu. Maka, aktiviti yang dibangunkan dalam Modul *DialogKopitiam* lebih dekat kehidupan seharian murid. Penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur dalam kehidupan seharian murid dalam pembelajaran bahasa kedua dapat membolehkan murid lebih menyesuaikan diri dengan situasi sebenar. Situasi ini sejajar dengan pandangan Krashen (1982) yang menyarankan agar pemerolehan bahasa kedua hendaklah sama seperti pemerolehan bahasa pertama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Aplikasi Pendekatan TPR

Jumlah Respons Fizikal (*Total Physical Respons*, TPR) adalah suatu kaedah pengajaran yang dicadangkan oleh James Asher, seorang profesor psikologi Amerika dalam pemerolehan bahasa kedua berjudul *Learning Another Language Through Actions* pada abad ke-20. TPR ialah kaedah pengajaran bahasa berdasarkan pertuturan dan tingkah laku yang mengutamakan PdP bahasa melalui aktiviti fizikal. Pengaplikasian TPR bukan sahaja dapat meningkatkan pemahaman dan imaginasi murid, malah lebih penting murid dapat menggunakan dan mempraktik kelebihan TPR dengan berkesan secara dalam seharian (Q. Zhu, 2017). Kaedah-kaedah seperti kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran permainan, kaedah pengajaran lukisan, kaedah pengajaran muzik, kaedah pengajaran simulasi, kaedah pengajaran pergerakan, kaedah pengajaran kadbod, kaedah pengajaran mimik (Er, 2013; Shao, 2015) dari TPR diaplikasi ke dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*.

i. Kaedah Pengajaran Permainan

Kaedah pengajaran permainan menujukan ciri-ciri yang disukai dan disedari oleh murid-murid, khususnya untuk murid yang mempelajari BCSK sebagai B2. Penerapan kaedah pengajaran permainan dalam Modul *DialogKopitiam* untuk melibatkan diri mengambil bahagian dalam pembelajaran BCSK secara bersemangat dan mendorong minat murid untuk belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhirnya kesan pengajaran BCSK murid yang baik dapat diperolehi. Misalnya, guru menetapkan situasi permainan tertentu, murid-murid bertindak sebagai peranan dalam permainan sehingga dapat belajar BCSK dalam lingkungan yang harmoni agar mencapai kesan pembelajaran awal penerapan BCSK melalui kaedah pengajaran permainan dalam Modul *DialogKopitiam*. Pelbagai aktiviti permainan pengajaran dapat menggerakkan sepenuhnya minat murid untuk belajar dan meningkatkan keberkesanan pengajaran kelas BCSK (Rajah 4.19).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.19. Kaedah pengajaran permainan dalam kandungan Modul *DialogKopitiam*

ii. Kaedah Pengajaran Lukisan

Gambar dan lukisan mempunyai kesan visual yang kuat secara langsung terhadap pembelajaran murid peringkat sekolah rendah (Shao, 2015). Dalam proses pengajaran BCSK murid, guru menggunakan konsep lanjutan TPR yang digabungkan dengan pengalaman mengajar untuk merealisasikan penerapan kaedah pengajaran lukisan dalam kandungan Modul *DialogKopitiam*. Murid mempunyai rasa ingin tahu yang kuat terutamanya untuk pembelajaran BCSK yang merupakan B2 untuk mereka. Maka, guru dapat membimbing dan murid untuk mengambil bahagian dalam aktiviti melukis atau menggunakan gambar untuk memperdalam ingatan murid mengenai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kandungan pengajaran. Ini dapat mewujudkan kesan yang lebih jelas dan intuitif mengenai pengetahuan baharu yang telah pelajari. Justeru, penerapan pedagogi menggambar dalam kandungan Modul *DialogKopitiam* dapat meningkatkan kualiti dan kecekapan pengajaran serta mempertingkatkan ingatan murid terhadap pembelajaran BCSK (Rajah 4.20).



Rajah 4.20. Kaedah pengajaran lukisan dalam kandungan Modul *DialogKopitiam*

iii. Kaedah Pengajaran Muzik

Guru menggunakan melodi muzik berirama yang kuat untuk membimbing murid dalam topik yang berkaitan dalam proses PdP melalui kaedah pengajaran muzik. Pada masa yang sama, beberapa aktiviti yang berkaitan dengan muzik diambil bahagian oleh murid untuk menyampaikan pelajari dengan lebih intuitif melalui bentuk muzik yang didengar. Kaedah pengajaran muzik dapat mengubah fokus dalam Modul *DialogKopitiam* dan berbeza dengan kelas konvensional yang hanya mementingkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran pada buku teks sahaja. Maka, model pengajaran Modul *DialogKopitiam* adalah diharapkan dapat mewujudkan persekitaran yang santai dan menyenangkan supaya murid dapat tertarik dengan pembelajaran melalui nyanyian dan meningkatkan PdP BCSK (Rajah 4.21).



Rajah 4.21. Kaedah pengajaran muzik dalam kandungan Modul *DialogKopitiam*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Kaedah Pengajaran Simulasi

Kaedah pengajaran simulasi adalah kaedah pengajaran yang sangat berkesan yang dihasilkan oleh penerapan TPR dalam PdP. Guru menggunakan pelbagai bahan dan muzik untuk membina suasana situasi yang sesuai untuk PdP murid. Murid mempunyai sifat simulasi yang kuat serta ciri-ciri psikologi prestasi, maka sifat ini akan digabungkan dengan senario kehidupan seharian untuk merancang senario pengajaran dan membantu murid mengaplikasi dengan menggunakan kemahiran mendengar dan bertutur secara berkolaboratif. Namun begitu, pembelajaran simulasi menekankan dua prinsip pembelajaran. Pertama, persembahan dalam konteks sebenar untuk membolehkan murid memahami pengetahuan baharu dengan lebih baik dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

campuran pengetahuan lama dengan pengetahuan baharu. Kedua, murid berinteraksi dengan persekitaran dan individu lain dalam proses menyelesaikan tugas melalui interaksi sosial dan kolaborasi dengan individu lain (Li, 2020; Wei, 2021). Pada masa yang sama, guru berupaya membimbing anak-anak untuk menjalankan simulasi dan berkomunikasi dalam situasi yang berbeza sehingga mencapai tujuan pengajaran. Terdapat lapan tema yang terkandung dalam Modul *DialogKopitiam*. Maka, PdP secara simulasi berdasarkan situasi sebenar daripada lapan tema tersebut sangat membantu murid dan merangsang minat murid untuk belajar melalui kaedah pengajaran simulasi dalam konteks pembangunan Modul *DialogKopitiam* (Rajah 4.22).



Rajah 4.22. Kaedah pengajaran simulasi dalam kandungan Modul *DialogKopitiam*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Kaedah Pengajaran Pergerakan

Guru sering menggunakan kaedah pengajaran pergerakan untuk meningkatkan lagi kesan pengajaran bilik darjah dalam proses pengajaran bahasa. Kaedah pengajaran pergerakan adalah proses pengajaran di mana guru menunjukkan persembahan pergerakan yang jelas dan murid mempelajari perbendaharaan kata tersebut. Kaedah pengajaran pergerakan dapat meningkatkan kesan pengajaran kelas dan menggerakkan sepenuhnya semangat murid untuk belajar bahasa. Contohnya, guru menunjukkan pergerakan yang jelas, seperti 'berjalan, berlari, duduk, berdiri, menangis', murid dapat menyebut tersebut semasa melakukan pergerakan. Kaedah ini sangat mendorong minat untuk belajar melalui pembangunan Modul *DialogKopitiam* (Rajah 4.23).



Rajah 4.23. Kaedah pengajaran pergerakan dalam kandungan Modul *DialogKopitiam*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Kaedah Pengajaran Kadbod

Guru menyediakan kad dengan bentuk dan isi yang berbeza melalui kaedah pengajaran kadbod. Kad tersebut boleh ditunjukkan dengan perkataan dalam kehidupan seharian biasa seperti warna, ucapan, haiwan, tumbuh-tumbuhan, barang yang dapat disentuh.. Di samping itu, guru membuat ayat dialog lengkap melalui kad-kad ini untuk membantu murid mengingati perkataan tersebut untuk mencapai kesan pengajaran yang lebih baik. Walaupun murid belajar perkataan dari kad, namun mereka dapat mempelajari ayat secara keseluruhan dan meningkatkan kemampuan melalui pengaplikasian Modul *DialogKopitiam* (Rajah 4.24).



Rajah 4.24. Kaedah pengajaran kadbod dalam kandungan Modul *DialogKopitiam*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vii. Kaedah Pengajaran Mimik

Sekiranya murid ingin mencapai kesan pengajaran yang lebih ideal, guru perlu membimbing secara aktif pembelajaran mengikut ciri psikologi murid yang yang berbeza, terutamanya penggunaan kaedah pengajaran mimik yang rasional dalam proses pengajaran bahasa.



Rajah 4.25. Kaedah pengajaran mimik dalam kandungan Modul *DialogKopitiam*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah ini memainkan peranan dalam meningkatkan kesan pengajaran. Murid mudah memberi perhatian kepada beberapa perkara yang khusus dan intuitif. Imej intuitif sesuatu dapat menarik perhatian murid dan merangsang rasa ingin tahu mereka dalam kandungan Modul *DialogKopitiam* (Rajah 4.25). Oleh itu, ini dapat mendorong murid mengikut suara, bentuk, atau beberapa ciri intuitif mereka, untuk memperdalam ingatan murid mengenai pengetahuan tentang perkara yang telah dipelajari pada masa yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, aplikasi pendekatan TPR ke dalam kandungan Modul *DialogKopitiam* dapat menyelesaikan masalah pengajaran BCSK murid dengan berkesan. Guru melaksanakan pendekatan kaedah pengajaran TPR yang menarik (Er, 2013; Jie, 2011; Rokhayani, 2017) seperti kaedah pengajaran permainan, kaedah pengajaran lukisan, kaedah pengajaran muzik, kaedah pengajaran simulasi, kaedah pengajaran pergerakan, kaedah pengajaran kadbod dan kaedah pengajaran mimik ke dalam kelas pembelajaran BCSK untuk meningkatkan keseronokan belajar.

4.6 Penilaian Formatif

Proses penilaian formatif merupakan salah satu daripada lapan proses yang berterusan dalam model reka bentuk instruksi MRKK (Morrison et al., 2013). Penilaian formatif dilaksanakan sepanjang fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam* (peringkat pembangunan modul dan semasa peringkat kajian rintis yang dijalankan selama 3 minggu) untuk menjamin kesahan dan kebolehpercayaan Modul Modul *DialogKopitiam*, instrumen kajian (UPB pra, UPB pasca, UPD pra, UPD pasca dan Soal Selidik L2MSS) dan penilaian bahasa terhadap modul dan instrumen kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Penilaian Kesahan Isi Kandungan Modul *DialogKopitiam*

Kesahan kandungan Modul *DialogKopitiam* yang dibangun kemudian disemak oleh pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan. Mereka terdiri daripada seorang pensyarah dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), tiga orang pensyarah dari IPG, seorang pegawai berjawatan Penolong Pengarah dari Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (dikenali sebagai Bahagian Buku Teks), KPM yang berpengalaman dalam penghasilan dan kawalan mutu buku teks SJKC, seorang pegawai berjawatan Ketua Penolong Pengarah dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM yang berpengalaman dalam pembinaan modul peringkat kebangsaan dan tiga orang guru BC yang berpengalaman dan pernah memegang jawatan sebagai Guru Cemerlang dan Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK). Jadual 4.16 menunjukkan latar belakang pakar-pakar yang terlibat dalam pengesahan kandungan Modul *DialogKopitiam*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Latar Belakang Pakar Pengesahan Kandungan Modul DialogKopitiam

Bil	Jawatan	Institusi	Bidang Kepakaran / Kelulusan
1	Prof Madya (DM54)	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	• PhD (Pengajian Tionghua) • Berpengalaman mengajar Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga untuk pelajar UiTM
2	Pensyarah Kanan (DG54)	Institut Perguruan Kampus Tunku Bainun	• PhD (Pendidikan Awal Kanak-kanak) • Berpengalaman mengajar pelajar major BCSK
3	Pensyarah Kanan (DG48)	Institut Perguruan Kampus Ipoh	• PhD (Pendidikan Awal Kanak-kanak) • Berpengalaman mengajar pelajar major Bahasa Cina
4	Pensyarah (DG48)	Institut Perguruan Kampus Persekutuan Pulau Pinang	• PhD (Pengurusan Pendidikan) • Berpengalaman mengajar major dalam Bahasa Cina
5	Penolong Pengarah (DG48)	Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, KPM (Dikenali sebagai Bhgn Buku Teks)	• Berpengalaman dalam penghasilan dan kawalan mutu buku teks SJKC

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16 *(sambungan)*

Bil	Jawatan	Institusi	Bidang Kepakaran / Kelulusan
6	Ketua Penolong Pengarah (DG48)	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM	• PhD (Pendidikan) • Berpengalaman dalam mengesahkan keberkesanan modul dalam pelbagai bidang
7	Guru BCSK DG44 (Jurulatih Utama Kebangsaan BCSK)	Sekolah Kebangsaan	• Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan) • Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (Bahasa Cina)
8	Guru BCSK DG44 (Jurulatih Utama Kebangsaan BCSK)	Sekolah Kebangsaan	• Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Cina) • Ijazah Sarjana Muda Sains Sekitaran • Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (Bahasa Cina)
9	Guru Cemerlang BC DG44 (Jurulatih Utama Kebangsaan)	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)	• Ijazah Sarjana Pedagogi • Ijazah Sarjana Muda Bahasa Cina dengan Pendidikan • Pemeriksa kertas Bahasa Cina UPSR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, Soal Selidik Kesahan Isi Kandungan Modul (Lampiran B) digunakan untuk menilai kesahan isi kandungan Modul *DialogKopitiam*. Soal selidik ini telah dijawab oleh sembilan orang pakar (empat orang pensyarah, dua orang pegawai di mana seorang Penolong Pengarah dan seorang Ketua Penolong Pengarah KPM dan tiga orang guru BC) (bahagian 4.3). Jadual 4.17 melaporkan min skor mengikut setiap item. Didapati semua item dalam kandungan dan aktiviti mempunyai min melebihi 4.00.

Skor min paling tinggi item isi kandungan dalam penilaian kesahan isi kandungan Modul *DialogKopitiam* ialah 4.56 (SD = 0.53), iaitu bagi Item 5 Kandungan menghubungkaitkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dengan aplikasinya di alam pekerjaan dan kehidupan seharian dan Item 9 Kandungan menekankan pengetahuan dan kemahiran melalui proses berkomunikasi. Sebaliknya, skor min paling rendah dalam item isi kandungan ialah 4.00 (SD = 1.11), iaitu Item 11 Kandungan menekankan pengetahuan dan kemahiran melalui proses menyelesaikan masalah dan Item 13 Kandungan menekankan aplikasi membuat keputusan dan mengatasi cabaran dalam kehidupan seharian.

Sementara itu, skor min paling tinggi item aktiviti dalam penilaian kesahan isi kandungan Modul *DialogKopitiam* ialah 4.44 (SD = 0.88) iaitu Item 2 persembahan aktiviti dapat merangsang sifat ingin tahu murid, Item 9 arahan dan langkah menjalankan aktiviti ringkas, jelas, lengkap dan mudah difahami. Bahan dan peralatan mudah diperolehi dan Item 13 aktiviti berupaya meningkatkan prestasi murid dalam kemahiran bertutur. Manakala, Item 3 pembentukan kumpulan baharu dilakukan dalam sela masa yang sesuai, Item 4 aktiviti dapat menyedarkan murid tentang kepentingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

strategi pembelajaran BC dalam menyelesaikan masalah dan membina pengetahuan baharu dan Item 8 aktiviti dan latihan meningkatkan KBAT dengan menggalakkan murid berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif masing-masing mencatat skor min yang paling rendah dalam item aktiviti, iaitu 4.11 (SD = 1.37). Secara keseluruhannya, kesahan isi kandungan dan aktiviti mempunyai min melebihi 4.00 bagi Modul *DialogKopitiam* telah menunjukkan Modul *DialogKopitiam* adalah berada pada tahap tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Min skor item kesahan isi kandungan Modul DialogKopitiam

Bil	Item	Min	SP
	Isi Kandungan		
1	Kandungan meliputi pengetahuan dan kemahiran yang ditetapkan dalam Spesifikasi Kurikulum.	4.33	0.87
2	Konsep, fakta dan istilah adalah betul dan terkini.	4.33	0.87
3	Konsep, fakta dan istilah adalah tekal.	4.33	0.87
4	Strategi pengajaran dan pembelajaran mengutamakan pendekatan pembelajaran konstruktivisme.	4.22	0.67
5	Kandungan menghubungkaitkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dengan aplikasinya di alam pekerjaan dan kehidupan seharian.	4.56	0.53
6	Pengetahuan dan kemahiran diperkenalkan dari mudah ke kompleks.	4.11	1.37
7	Pengolahan bahan terancang dan mudah diikuti.	4.22	0.67
8	Kandungan menekankan pengetahuan dan kemahiran melalui proses menaakul.	4.33	0.87
9	Kandungan menekankan pengetahuan dan kemahiran melalui proses berkomunikasi.	4.56	0.53

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17 *(sambungan)*

Bil	Item	Min	SP
10	Kandungan menekankan pengetahuan dan kemahiran melalui proses membuat kaitan.	4.44	0.88
11	Kandungan menekankan pengetahuan dan kemahiran melalui proses menyelesaikan masalah.	4.00	1.11
12	Kandungan menekankan aplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan seharian.	4.44	0.88
13	Kandungan menekankan aplikasi membuat keputusan dan mengatasi cabaran dalam kehidupan seharian.	4.00	1.11
14	Kandungan menekankan kemahiran berfikir aras tinggi (**KBAT**) yang melibatkan kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.	4.22	0.67
15	Kandungan menerapkan elemen merentas kurikulum: bahasa, kelestarian alam sekitar, nilai murni, sains dan teknologi, patriotisme, kreativiti dan inovasi, keusahawanan, serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (**TMK**).	4.33	0.87
16	Kandungan menerapkan daya tahan dan nilai murni, sikap ingin tahu dan kerja sepasukan, perpaduan dan semangat patriotik.	4.44	0.88

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17 *(sambungan)*

Bil	Item	Min	SP
	Aktiviti		
1	Aktiviti sesuai dan membolehkan murid menguasai konsep dan kemahiran serta mencapai hasil pembelajaran.	4.33	0.87
2	Persembahan aktiviti dapat merangsang sifat ingin tahu murid.	4.44	0.88
3	Pembentukan kumpulan baharu dilakukan dalam sela masa yang sesuai.	4.11	1.37
4	Aktiviti dapat menyedarkan murid tentang kepentingan strategi pembelajaran Bahasa Cina dalam menyelesaikan masalah dan membina pengetahuan baharu.	4.11	1.37
5	Aktiviti sesuai dengan tahap berkebolehan tinggi dan rendah murid.	4.22	0.67
6	Aktiviti menekankan pembinaan konsep yang ditetapkan dalam Spesifikasi Kurikulum.	4.22	0.67
7	Arahan dan langkah dalam aktiviti adalah mudah difahami, jelas, lengkap dan tepat.	4.22	0.67
8	Aktiviti dan latihan meningkatkan **KBAT** dengan menggalakkan murid berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.	4.11	1.37
9	Arahan dan langkah menjalankan aktiviti ringkas, jelas, lengkap dan mudah difahami.	4.44	0.88

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17 *(sambungan)*

Bil	Item	Min	SP
10	Aktiviti dan latihan pelbagai, menarik, kreatif, fleksibel dan mengutamakan inkuiri dan penyelidikan secara di dalam atau di luar bilik darjah.	4.33	0.87
11	Aktiviti dan latihan melibatkan individu, berpasangan atau kolaboratif di dalam atau di luar bilik darjah.	4.22	0.67
12	Aktiviti berupaya meningkatkan prestasi murid dalam kemahiran mendengar.	4.33	0.87
13	Aktiviti berupaya meningkatkan prestasi murid dalam kemahiran bertutur.	4.44	0.88
14	Aktiviti berupaya meningkatkan prestasi murid dalam kemahiran berkomunikasi.	4.33	0.87
15	Aktiviti berupaya meningkatkan motivasi murid dalam BCSK.	4.33	0.87

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pakar-pakar juga memberikan pandangan dan komen secara bertulis terhadap keberkesanan Modul *DialogKopitiam*. Berikut merupakan ringkasan pandangan (kekuatan dan kelemahan) dan komen bertulis oleh pakar:

1. Modul *DialogKopitiam* memenuhi kriteria yang ditetapkan dengan amat baik. Mencadangkan medium pembelajaran murid tentang modul ini dapat diubahsuai supaya dapat bersesuaian dengan norma baharu selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2. Gambar dan imej yang terdapat dalam Modul *DialogKopitiam* perlu dilukis agar mengelakkan isu hak cipta.
3. Dicadangkan menambah kosa kata dalam setiap bab supaya dapat membantu murid menguasai kosa kata yang terdapat dalam teks.
4. Aktiviti terlalu banyak dan tidak sempat mengajar dalam tempoh 8 minggu pengajaran dan pembelajaran.
5. Aktiviti rama-rama, labah dan kumbang yang dirancang adalah baik dan murid dapat melakukan aktiviti tersebut dengan lancar dengan bimbingan guru.
6. Menambahkan latihan untuk penilaian seperti susun ayat dan bina ayat serta mencadang untuk memasukkan *Hanyu Pinyin* dalam Modul *DialogKopitiam*.
7. Modul *DialogKopitiam* ini merangkumi semua kemahiran mendengar dan bertutur dalam DSKP. Walau bagaimanapun realiti di sekolah, kekangan masa menyebabkan modul ini tidak dapat dikuasai oleh murid kerana masa yang singkat untuk melatih kemahiran mendengar dan bertutur serta mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam aktiviti-aktiviti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8. Kandungan Modul *DialogKopitiam* merangkumi pengetahuan dan kemahiran yang ditetapkan dalam DSKP. Isi kandungan bersesuaian dengan murid yang mempelajari B2 dan sangat menarik.
9. Penerangan dinyatakan dengan jelas dan eksplisit.
10. Bahan instruksi menekankan pembelajaran abad ke-21 dan mengandungi unsur keseronokan diharapkan dapat meningkatkan motivasi murid terhadap kemahiran mendengar dan bertutur.
11. Susunan bahagian dalam setiap topik dalam Modul *DialogKopitiam* boleh ditambah baik lagi supaya perkembangan pembelajaran lebih licin. Misalnya, susunan aktiviti berpandukan DSKP.
12. Diharapkan Modul *DialogKopitiam* ini akan mendapat sambutan hangat disebabkan modul seperti ini belum dibangunkan oleh penyelidik lain.
13. Diharapkan Modul *DialogKopitiam* ini dapat membantu dan meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur murid.
14. Modul *DialogKopitiam* ini menyebabkan pembelajaran bahasa lebih senang, seronok, membangkitkan semangat belajar, menarik perhatian dan meningkatkan minat murid terhadap BCSK.


Berdasarkan pandangan (kekuatan dan kelemahan) dan komen di atas, penyelidik telah memperbaiki kandungan yang dicadangkan oleh pakar. Antara penambahbaikan yang telah dibuat termasuklah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Sebahagian modul ini diubahsuai dan kod QR ditambah dalam kandungan dan aktiviti supaya murid dapat mengimbas kod QR dan menjalankan pembelajaran dalam talian demi bersesuaian dengan norma baharu semasa pandemik Covid-19 ini.

2. Gambar dan imej yang terdapat dalam Modul *DialogKopitiam* dilukis semula atau dimurnikan oleh pelukis agar mengelakkan isu hak cipta. Misalnya gambar dalam muka surat 12 dalam Modul *DialogKopitiam* (Rajah 4.26).



Rajah 4.26. Perbezaaan Gambar dan Kandungan Sebelum dan Selepas Pemurnian

3. Setiap permulaan topik telah ditambah dengan bahagian kosa kata supaya dapat membantu murid menguasai kosa kata yang terdapat dalam kandungan.

4. Aktiviti yang terlalu banyak telah dimurnikan dan fokus utama topik diambil kira dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Sesetengah aktiviti disusun semula mengikut tahap klasifikasi Bloom et al. (1956).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Latihan penilaian dan *Hanyu Pinyin* telah dimasukkan ke dalam Modul *DialogKopitiam.*

6. Modul *DialogKopitiam* ini merangkumi semua kemahiran mendengar dan bertutur dalam DSKP. Ekoran daripada itu, murid berupaya melatih kemahiran mendengar dan bertutur serta mengaplikasikan kemahiran melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

7. Kandungan Modul *DialogKopitiam* merangkumi pengetahuan dan kemahiran yang ditetapkan dalam DSKP. Susunan kandungan dalam Modul *DialogKopitiam* adalah dimulakan fokus pembelajaran, kosa kata, teks, aktiviti 1, aktiviti 2 dan aktiviti 3 dalam setiap topik.

8. Penerangan dinyatakan dengan jelas dan eksplisit. Misalnya, ruangan mesej kepada guru disediakan untuk guru semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Selain itu, arahan untuk setiap aktiviti juga disediakan dengan jelas.

9. Pembelajaran yang menekankan abad ke-21 dan mengandungi unsur keseronokan berupaya memupuk motivasi murid terhadap kemahiran mendengar dan bertutur.

10. Susunan bahagian dalam setiap topik dalam Modul *DialogKopitiam* disusun dengan berpandukan DSKP. Sebagai tamsil, aktiviti 1 adalah untuk melatih kemahiran mendengar, aktiviti 2 adalah untuk melatih kemahiran bertutur dan aktiviti 3 adalah untuk melatih kemahiran berkomunikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, responden pakar menyatakan bahawa ini baik dan sesuai dengan kemampuan murid setelah mengambil kira latar belakang murid. Diharapkan Modul *DialogKopitiam* ini dapat membantu dan meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan murid yang mempelajari BCSK. Modul ini juga dapat mendorong murid meminati dan membangkitkan semangat ingin belajar agar memotivasikan murid dalam pembelajaran BCSK.

b. Penilaian Bahasa Modul *DialogKopitiam* dan Instrumen Kajian

Soal Selidik Penilaian Bahasa Modul dan Instrumen Kajian (Lampiran E) digunakan untuk mendapatkan maklum balas dari pakar bahasa tentang kesesuaian istilah dan bahasa yang digunakan dalam Modul *DialogKopitiam* dan instrumen kajian. Jadual 4.19 menunjukkan latar belakang pakar-pakar tersebut.

Bahasa dalam Modul *DialogKopitiam* dan instrumen kajian (ujian pra UPD, ujian pra UPB, ujian pasca UPB dan ujian pasca UPB) dalam BC terlebih dahulu disemak oleh pakar pertama dan pakar kedua. Maklum balas pakar pertama telah menunjukkan bahawa aspek kesalahan ejaan perlu diberi perhatian. Berdasarkan maklum balas pakar pertama, penyelidik memperbetulkan ejaan dan bahasa dalam Modul *DialogKopitiam*. Pakar pertama dan kedua turut memberikan cadangan untuk menyunting dan mengubah suai bahasa bagi item-item dalam ujian pra UPD, ujian pra UPB, ujian pasca UPB dan ujian pasca UPB. Bahasa dalam Modul *DialogKopitiam* juga dimurnikan mengikut cadangan pakar pertama dan pakar kedua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah penilaian dari pakar pertama dan pakar kedua dimurnikan, penilaian bahasa terhadap Soal Selidik L2MSS dan Soal Selidik Tahap Kesukaran Pembelajaran BCSK turut dilakukan oleh pakar ketiga. Soal selidik diadatasi dari kajian lepas, iaitu Ali (2018); Mostafa Papi (2010) dalam versi Bahasa Inggeris, maka penyelidik telah menterjemahkan soal selidik tersebut ke versi Bahasa Malaysia. Oleh kerana Soal Selidik L2MSS dan Soal Selidik Tahap Kesukaran Pembelajaran BCSK adalah dijawab oleh murid yang mempelajari BCSK, maka penilaian bahasa ke atas soal selidik tersebut dilaksanakan oleh seorang pakar Bahasa Malaysia. Latar belakang pakar dalam pengesahan bahasa dalam Modul *DialogKopitiam* dan instrumen kajian (ujian pra UPD, ujian pra UPB, ujian pasca UPB, ujian pasca UPB, Soal Selidik L2MSS dan Soal Selidik Tahap Kesukaran Pembelajaran BCSK) adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19

Latar Belakang Pakar Pengesahan Bahasa dalam Modul dan Instrumen Kajian

Bil	Jawatan	Institusi	Bidang Kepakaran / Kelulusan
1	Prof Madya (DM54)	Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM)	• PhD (Pengajian Tionghua) • Berpengalaman mengajar Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga untuk pelajar UiTM
2	Pensyarah Kanan (DG48)	Institut Perguruan Kampus Ipoh	• PhD (Pemdidikan Awal Kanak-kanak) • Berpengalaman mengajar pelajar major Bahasa Cina di IPG
3	Pegawai Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) Bahasa / Munsyi Dewan (DBP) (DG44)	Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama	• Sarjana Sastera (Bahasa Melayu) • Berpengalaman membimbing guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pandangan (kekuatan dan kelemahan) terhadap penilaian bahasa dalam modul dan instrumen kajian diambil kira. Hasil penilaian bahasa modul dan instrumen kajian oleh pakar ditunjukkan pada Jadual 4.20. Berikut merupakan ringkasan pandangan (kekuatan dan kelemahan) terhadap penilaian bahasa oleh pakar:

1. Bahasa yang digunakan mudah difahami.
2. Bahasa yang digunakan telah memberi maklumat yang tepat. Hanya terdapat beberapa patah perkataan harus ditukar.
3. Tajuk dan sub tajuk dinyatakan adalah tepat dan dapat menarik minat murid untuk terus menerokai kandungan.
4. Arahan yang disediakan dalam Modul *DialogKopitiam* ini mudah difahami.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.20

Hasil Penilaian Bahasa Modul dan Instrumen Kajian oleh Pakar

Bil	Item	Ya (%)	Tidak (%)	Komen
1.	Objektif modul/instrumen dinyatakan dengan jelas	100	0	-
2.	Arahan yang diberi adalah jelas	100	0	-
3.	Makna setiap ayat/item jelas	100	0	-
4.	Bahasa yang digunakan mudah difahami	100	0	-
5.	Penggunaan istilah adalah konsisten	100	0	-
6.	Tidak terdapat kesalahan ejaan	100	0	-
7.	Saiz tulisan sesuai dan mudah dibaca	100	0	-
8.	Struktur ayat ringkas, jelas, mudah difahami dan sesuai dengan tahap murid.	100	0	-

Keseluruhannya, responden pakar menjelaskan bahawa bahasa yang digunakan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* ini serta instrumen (ujian pra UPD, ujian pra UPB, ujian pasca UPB, ujian pasca UPB, Soal Selidik L2MSS dan Soal Selidik Tahap Kesukaran Pembelajaran BCSK) adalah baik dan mudah difahami.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Peringkat Kajian Rintis

Kajian rintis adalah kajian yang dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis dilaksanakan untuk tujuan penilaian formatif Modul *DialogKopitiam* dan instrumen kajian. Proses pemilihan peserta kajian rintis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1. Kajian rintis bertujuan untuk menentukan kebolehlaksanaan Modul *DialogKopitiam* di lapangan nanti. Kajian rintis telah dilaksanakan dalam bulan Julai 2020 di dua buah sekolah kebangsaan di Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Kuala Muda/Yan.

Di samping itu, penilaian formatif telah dilaksanakan sepanjang proses pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Pembetulan dan pengubahsuaian dilakukan untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan Modul *DialogKopitiam*. Selain itu, ujian rintis dilaksanakan terhadap instrumen-instrumen kajian untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Pembetulan dan pengubahsuaian telah dilakukan ke atas Modul *DialogKopitiam* dan instrumen kajian mengikut komen dan cadangan penambahbaikan oleh pakar/guru serta daripada analisis data yang dikumpul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8 Rumusan

Bab ini membincangkan tatacara pembangunan modul secara terperinci. Modul *DialogKopitiam* telah dibangunkan berdasarkan Model Morrison, Ross, Kalman dan Kemp (MRKK). Sembilan elemen dalam model tersebut telah dikaji dengan mendalam dan dijadikan panduan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Modul *DialogKopitiam* juga mengintegrasikan Model Pemerolehan Bahasa Kedua yang mendasari kedua-dua teori pembelajaran konstruktivisme dan kontekstual. Tatacara pembangunan modul ini dimulakan dengan analisis keperluan untuk mengenal pasti masalah instruksi dalam pengajaran dan pembelajaran BCSK oleh murid dan guru.

Selain itu, kajian rintis juga dilaksanakan untuk menentukan kebolehlaksanaan Modul *DialogKopitiam* di lapangan. Penilaian sumatif kemudian dilaksanakan melalui kajian sebenar di lapangan untuk menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap tiga pemboleh ubah bersandar, iaitu pencapaian dalam kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan motivasi. Diharapkan pembangunan Modul *DialogKopitiam* yang berunsur visualisasi, multimedia, projek dan sebagainya ini mampu menarik dan mengarahkan perhatian murid BCSK untuk berfokus kepada isi pelajaran yang berkaitan. Justeru, Modul *DialogKopitiam* dapat membantu menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dalam mata pelajaran yang diajar dan kekal di dalam ingatan untuk jangka masa yang panjang di samping mempercepatkan proses pembelajaran. Dapatan kajian penilaian keberkesanan Modul *DialogKopitiam* dibincangkan dalam Bab 5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

ANALISIS DATA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Modul *DialogKopitiam* dibangunkan berdasarkan Model Morrison et al. (2013). Kajian lapangan dijalankan sebagai penilaian sumatif untuk menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap tiga pemboleh ubah bersandar, iaitu pencapaian dalam kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan *L2MSS* dalam BCSK. Peserta kajian dalam kumpulan kawalan mempelajari kemahiran mendengar dan bertutur menggunakan pendekatan konvensional dan bahan pembelajaran (buku teks) yang diwajibkan oleh KPM manakala peserta kajian dalam kumpulan rawatan mempelajari topik yang sama menggunakan Modul *DialogKopitiam*. Maka kajian ini melibatkan pemboleh ubah bebas iaitu kaedah instruksi terhadap kumpulan rawatan dan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini akan memaparkan hasil keputusan analisis data kajian meliputi profil peserta kajian diikuti dengan analisis berkaitan pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas dalam soal selidik. Analisis melibatkan statistik deskriptif iaitu frekuensi, min dan sisihan piawai digunakan bagi menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Statistik inferensi pula iaitu MANOVA pengukuran berulang digunakan bagi menguji hipotesis kajian.

5.2 Demografi Peserta Kajian

Peserta kajian terdiri daripada 90 orang murid dari lapan buah sekolah kebangsaan di empat buah negeri di Malaysia. Latar belakang murid akan dibentangkan dengan dapatan kajian yang berkaitan dengan demografi peserta kajian. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan beberapa kriteria untuk menjamin kesetaraan peserta kajian dari segi pengalaman guru BCSK yang berpengalaman, nisbah peserta kajian, tempoh pembelajaran BCSK yang melebihi tiga tahun berturut-turut di sekolah. Setelah mempertimbangkan kriteria pemilihan dan faktor kehomogenan, seramai 90 orang murid dari lapan buah sekolah kebangsaan (lapan buah kelas BCSK) di empat buah negeri terlibat dalam kajian ini. Jadi, empat sekolah dipilih sebagai kumpulan rawatan dan empat buah sekolah dipilih sebagai kumpulan kawalan secara persampelan rawak mudah (Creswell, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1 menunjukkan peserta kajian murid perempuan mengatasi murid lelaki dengan 57 orang (63.9%) berbanding peserta kajian murid lelaki seramai 33 orang (36.1%). Dari segi pencapaian gred subjek BCSK dalam peperiksaan / pentaksiran terkini, seramai 15 orang (16.7%) murid memperoleh gred A, 19 orang (21.1%) murid memperoleh gred B, 33 orang (36.7%) murid memperoleh gred C, 20 (22.2%) orang murid memperoleh gred D dan 3 orang (3.3%) murid memperoleh gred E. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian BCSK oleh peserta kajian berada pada tahap memuaskan.

Jadual 5.1 juga menunjukkan demografi peserta kajian berdasarkan latar belakang peribadi. Majoriti peserta kajian ialah kaum Melayu, diikuti dengan kaum India. Majoriti dari aspek pengalaman pembelajaran pula menunjukkan bahawa semua peserta kajian iaitu seramai 90 orang (100%) mempelajari BCSK semenjak Tahun 1 di sekolah kebangsaan. Peratusan ini menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai pengalaman mempelajari serta mengikuti kurikulum BCSK yang melebihi tempoh tiga tahun berturut-turut semenjak berada di sekolah kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1

Demografi Peserta Kajian

Latar Belakang Peserta Kajian		Bilangan
Jantina	Lelaki	14
	Perempuan	28
Kaum	Melayu	52
	Cina	2
	India	3
	Lain-lain	-
Gred BCSK	A	10
	B	4
	C	24
	D	17
	E	2
Umur	9	-
	10	-
	11	57
Pengalaman	1 tahun	-
belajar BCSK	2 tahun	-
	3 tahun	-
	4 tahun	57

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Kehomogenan Peserta Kajian

Sebelum memulakan intervensi, peserta kajian diuji dari segi kehomogenan tahap pencapaian dalam UPD, UPB dan L2MSS mengikut kumpulan (kawalan dan rawatan) dalam pembelajaran BCSK. Ujian-t telah digunakan untuk tujuan tersebut.

a. Kehomogenan Pencapaian dalam UPD dan UPB

Jadual 5.2 menunjukkan keputusan ujian-t bagi min skor pra UPD dan UPB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.2

Keputusan ujian-t bagi min skor UPD pra dan UPB pra

	UPD						UPB					
	N	Min	SP	t	dk	Sig	N	Min	SP	t	dk	Sig
Ujian	42	9.12	2.887	.141	89	.888	42	9.00	3.172	.554	89	.580

Aras signifikan, α = 0.05

Ujian-t akan digunakan dalam UPD pra dan UPB pra. Statistik ujian-t sampel bebas menunjukkan bahawa min skor pra UPD ialah M = 9.12, SP = 2.887. Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara min skor pra UPD bagi kumpulan ini; t (188) = .141, p = .888. Ini bermakna kumpulan ini adalah homogen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dari segi tahap pencapaian dalam ujian mendengar (UPD) sebelum intervensi dijalankan.

Manakala, statistik ujian-t menunjukkan bahawa min skor pra UPB kumpulan ini ialah M = 9.00, SP = 3.172. Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara min skor pra UPB bagi kumpulan ini; t (188) = .554, p = .580. Ini bermakna kumpulan ini adalah homogen dari segi tahap pencapaian dalam ujian bertutur (UPB) sebelum intervensi dijalankan.

b. Kehomogenan L2MSS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.3 menunjukkan keputusan ujian-t sampel bebas bagi min skor pra *L2MSS*.

Jadual 5.3

Keputusan ujian-t sampel bebas bagi min skor L2MSS pra

Komponen	Rawatan			t	dk	Sig
	N	Min	SP			
IL2S	42	3.30	.500	.459	89	.647
OL2S	42	3.40	.810	1.502	89	.135
L2LE	42	3.81	.555	-1.094	89	.275

Aras signifikan, α = 0.05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Statistik ujian-t sampel bebas menunjukkan bahawa min (M = 3.30, SP = .500) skor pra komponen komponen IL2S dalam *L2MSS*. Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan min skor pra komponen IL2S dalam *L2MSS*; t (188) = .459, p = .647. Jadi, ini adalah homogen dari segi tahap pencapaian dalam pra komponen IL2S dalam *L2MSS* sebelum intervensi dijalankan.

Seterusnya, statistik ujian-t sampel bebas menunjukkan bahawa min (M = 3.40, SP = .810) skor pra komponen OL2S dalam *L2MSS*. Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan min skor pra komponen OL2S dalam *L2MSS*; t (188) = 1.502, p = .135. Oleh itu, ini adalah homogen dari segi tahap pencapaian dalam pra komponen OL2S dalam *L2MSS* sebelum intervensi dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, statistik ujian-t sampel bebas menunjukkan bahawa min skor pra komponen L2LE (M = 3.81, SP = .555) dalam *L2MSS.* Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan min skor pra komponen L2LE dalam *L2MSS*; t (188) = -1.094, p = .275. Kesimpulannya, ini bermakna komponen ini adalah homogen dari segi tahap pencapaian dalam min skor pra dalam *L2MSS* sebelum intervensi dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Ujian Terhadap Andaian-andaian Multivariat

Statistik inferensi digunakan untuk membuat perbandingan antara kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan rawatan dalam UPD, UPB dan L2MSS mengikut hipotesis kajian yang ditetapkan di Bab 1. Perbandingan pencapaian dibuat antara kumpulan dalam UPD, UPB dan L2MSS terhadap sebelum dan selepas intervensi pembelajaran Modul *DialogKopitiam* untuk kumpulan rawatan dan pembelajaran konvensional untuk kumpulan kawalan. Statistik inferensi yang digunakan adalah ujian-t bebas dan MANOVA pengukuran berulang. Ujian-t bebas digunakan untuk membandingkan markah ujian UPD dan UPB antara kumpulan dan min L2MSS antara kumpulan. MANOVA pengukuran berulang digunakan untuk membandingkan komponen-komponen L2MSS terhadap antara kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat beberapa andaian multivariat yang perlu dipatuhi sebelum ujian-ujian tersebut boleh dilaksanakan. Andaian-andaian multivariat ini termasuklah ujian normaliti, saiz sampel, kenormalan taburan data dan kehomogenan varians *(homoscedasticity)*, kelinearan *(linearity),* multikolineariti *(multicollinearity)* dan singularity *(singularity)* (Tabachnick & Fidell, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Ujian Normaliti

Ujian normaliti merupakan langkah awal yang penting dalam hampir semua multivariat analisis. Pemboleh ubah bersandar harus diedarkan secara normal di dalam kumpulan. Ia dilaksanakan untuk menentukan data dikumpulkan adalah hampir atau normal pengagihannya. Histogram, *stem-and-leaf* plot, *boxplot*, normal probabiliti plot dan *detrended normal plot* merupakan beberapa teknik yang digunakan untuk mengandaikan data normaliti yang dikumpulkan (Tabachnick & Fidell, 2014). Dua komponen dalam ujian normaliti adalah kepencongan (*skewness*) dan kurtosis (Tabachnick & Fidell, 2014). Skor-z untuk kepencongan dan kurtosis diperoleh menggunakan formula-formula berikut:

$$Z_{\text{kepencongan}} = \frac{\text{Nilai kepencongan}}{\text{Ralat piawai kepencongan}} \qquad Z_{\text{kurtosis}} = \frac{\text{Nilai kurtosis}}{\text{Ralat piawai kurtosis}}$$

Kedua-dua nilai untuk kepencongan dan kurtosis mesti berada antara -2 dan +2 untuk melepasi nilai andaian data normaliti (G. W. Corder & Foreman, 2009). Apabila taburan adalah normal, aras signifikan kepencongan dan kurtosis (.01 atau .001) digunakan untuk menilai kesignifikan sampel kecil hingga sederhana (Tabachnick & Fidell, 2014). Oleh demikian, alfa = 0.01 digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Kenormalan Univariat Data UPD dan UPB

Keputusan ujian kenormalan univariat data UPD pra dan pasca ditunjukkan dalam Jadual 5.4.

Jadual 5.4

Ujian kenormalan univariat data UPD dan UPB pra dan pasca

	Kepencongan			Kurtosis		
Ujian	Statistik	Ralat piawai	Skor-z	Statistik	Ralat piawai	Skor-z
UPD pra	.110	.253	.435	-.047	.500	-.094
UPD pasca	-.351	.243	-1.44	-.313	.481	-.651
UPB pra	-.505	.253	-1.99	-.497	.500	-.994
UPB pasca	-.024	.243	-.988	-.814	.481	-1.69

Didapati bahawa skor-z kepencongan dan kurtosis untuk UPD adalah dalam julat ± 2. Jadi, taburan data skor UPD pra dan pasca adalah normal. Manakala, skor-z kepencongan dan kurtosis UPB pra dan pasca adalah dalam julat ± 2. Jadi, taburan data skor UPB pra dan pasca adalah bertaburan normal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Kenormalan Multivariat Data Motivasi

Jarak Mahalanobis (*Mahalanobis distance*) dikira untuk menguji kenormalan multivariat (Pallant, 2001). Jarak Mahalanobis juga boleh mengesan nilai luar biasa multivariat (*multivariate outlier*). Terdapat 6 pemboleh ubah bersandar yang dianalisis menggunakan MANOVA, iaitu IL2S pra, IL2S pasca, OL2S pra, OL2S pasca, L2LE pra dan L2LE pasca dalam L2MSS. Jadual 5.5 menunjukkan statistik deskriptif Jarak Mahalanobis yang dijanakan bagi data motivasi.

Jadual 5.5

Statistik deskriptif Jarak Mahalanobis yang dijanakan bagi data motivasi

Jarak Mahalanobis	Min	Mak	Min	Sisihan piawai	N
Kumpulan kawalan					
Pra dan pasca	0.019	9.600	2.970	2.158	96
Kumpulan rawatan					
Pra dan pasca	0.199	10.804	2.967	2.600	84
Kumpulan kawalan dan rawatan					
Pra dan pasca	1.116	14.982	5.933	3.394	180

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai kritikal *(critical value)* bagi darjah kebebasan 6 ialah 22.46 pada p = 0.001 (Tabachnick & Fidell, 2014). Jadual 5.12 menunjukkan bahawa nilai maksimum output untuk kumpulan kawalan (pra dan pasca) ialah 9.600, kumpulan rawatan (pra dan pasca) ialah 10.804 dan kumpulan kawalan dan rawatan (pasca) ialah 14.982. Nilai ini adalah kecil daripada nilai kritikal. Ini menunjukkan bahawa tiada nilai luar biasa multivariat dalam data motivasi. Oleh itu, kenormalan multivariat dipatuhi.

Secara keseluruhannya, skor z keputusan ujian univariat normaliti menunjukkan nilai kepencongan dan kurtosis bagi item UPD dan UPB mempunyai nilai dalam julat -2 dan +2 dengan nilai signifikan <0.001. Dapatan ini menunjukkan bahawa data bagi item-item untuk kedua-dua UPD dan UPB tersebut bertaburan secara normal. Selain itu, jarak mahalanobis juga menunjukkan komponen-komponen dalam L2MSS bertaburan secara normal. Jadi, andaian data normaliti dipatuhi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.2 Saiz Sampel

Menurut Tabachnick & Fidell (2014), saiz sampel besar maka taburan sampel pun bersifat normal berdasarkan *Central Limit Theorem*. Justeru, saiz sampel sampel kajian dianggap besar jika bilangan sampel kajian pada setiap kumpulan melebihi 30 (Sheridan J. Coakes, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.6

Bilangan kes yang terlibat dalam analisis data kajian

Kumpulan	UPD / UPB	L2MSS
Kawalan	-	48
Rawatan	42	42
Jumlah Keseluruhan	42	90

Namun, Tabachnick & Fidell (2014) serta Hair et al. (2010) menyatakan bahawa bilangan kes (saiz sampel atau peserta kajian) dalam setiap sel mesti melebihi bilangan pemboleh ubah bersandar apabila menggunakan MANOVA. Hair et al. (2010) menyarankan bahawa adalah lebih praktikal jika setiap sel terdiri daripada sekurang-kurangnya 20 kes. Oleh itu, Jadual 5.7 menunjukkan andaian saiz sampel dipenuhi.

5.4.3 Kehomogenan Varians

Ujian Levene dan ujian Box digunakan untuk menguji kehomogenan varians pemboleh ubah bersandar (IL2S, OL2S dan L2LE) merentas pemboleh ubah bebas (kumpulan dan masa pengukuran). Ujian ini mengandaikan bahawa sampel dipilih daripada populasi yang mempunyai varians yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Andaian kehomogenan varians-kovarians matrik dipatuhi sekiranya Ujian *Box's M* adalah tidak signifikan. Hasil keputusan ujian Box menunjukkan data yang tidak signifikan untuk pengujian kehomogenan varians pemboleh ubah bersandar merentas pemboleh ubah bebas. Data yang tidak signifikan (F=1.720, p=.112, p>.01) telah menunjukkan data tidak terpesong daripada salah satu persamaan kovarians (Jadual 5.7). Oleh itu, andaian kehomogenan varians kovarians matrik untuk ujian Box telah dipatuhi.

Jadual 5.7

Keputusan Box's Test of Equality of Covariance Matrices

Box's M	F	dk1	dk2	Sig
10.505	1.720	6	245770.205	.112

Aras signifikan = 0.001

Manakala, nilai signifikan melebihi 0.05 menunjukkan varians bagi sesuatu pemboleh ubah bersandar merentas pemboleh ubah bebas adalah sama untuk ujian Levene. Jadual 5.8 menunjukkan hasil analisis ujian Levene bagi setiap pemboleh ubah bersandar merentas pemboleh ubah bebas. Keputusan ujian Levene menunjukkan bahawa 2 daripada 3 pemboleh ubah bersandar adalah tidak signifikan, iaitu IL2S dan OL2S. Ini bermakna varians bagi kedua-dua pemboleh ubah bersandar tersebut merentas pemboleh ubah bebas adalah homogen. Namun, 1 daripada 3 pemboleh ubah bersandar adalah signifikan, iaitu L2LE. Menurut Pituch & Stevens (2016), adalah tidak menjadi masalah sekiranya saiz sampel setiap sel hampir sama (nisbah sampel terbesar :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sampel terkecil < 1.5). Dalam kajian ini, nisbah bilangan sampel sampel terbesar : bilangan sampel terkecil bagi setiap sel adalah kurang daripada 1.5 (rujuk Bahagian Profil Peserta Kajian). Selain itu, Hair et al., (2010) menyatakan jika kehomogenan varians wujud dalam kebanyakan pemboleh ubah bersandar, maka pemulihan tidak perlu dilakukan. Jadi, ujian MANOVA pengukuran berulang masih boleh diteruskan.

Jadual 5.8

Hasil analisis ujian Levene bagi setiap pemboleh ubah

Pemboleh ubah bersandar	F	dk1	dk2	Sig
IL2S	.017	1	186	.895
OL2S	.545	1	186	.461
L2LE	7.898	1	186	**.005**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.4 Kelinearan

Andaian ini merujuk kepada kewujudan hubungan linear antara setiap pasangan pemboleh ubah bersandar. MANOVA mengandaikan bahawa terdapat hubungan linear antara semua pasangan pemboleh ubah bersandar, semua pasangan kovariat, dan semua pasangan pemboleh ubah-kovariate bersandar pada setiap sel. Apabila hubungan menyimpang dari linear, kekuatan analisis akan terganggu (Pallant, 2001; Sheridan J. Coakes, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, bagi menguji kelinearan dalam kajian ini, matriks bagi plot sebaran bagi setiap pasangan pemboleh ubah bersandar dijana mengikut kumpulan. Plot yang dijana menunjukkan tiada bukti ketaklinearan yang jelas. Jadi, andaian kelinearan dipatuhi.

5.4.5 Multikolineariti dan Singulariti

MANOVA dapat dilaksanakan dengan paling baik apabila kolerasi antara pemboleh ubah bersandar adalah sederhana. Apabila terdapat korelasi tinggi antara pemboleh ubah bersandar, satu pemboleh ubah bersandar menjadi kombinasi hampir linear dari pemboleh ubah bersandar yang lain. Dalam keadaan seperti itu, multikolineariti dan singulariti akan menjadi berlebihan secara statistik dan disyaki memasukkan kedua-dua kombinasi tersebut (Sheridan J. Coakes, 2013). Multikolineariti berlaku jika korelasi antara pemboleh ubah bersandar adalah tinggi manakala singulariti berlaku jika kolerasi antara pemboleh ubah adalah sempurna (Tabachnick & Fidell, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.9

Nilai kolerasi antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

Kumpulan		Nilai korelasi		
		IL2S	OL2S	L2LE
Kumpulan kawalan	IL2S	-	.542	.235
(pra dan pasca)	OL2S	.542	-	.453
	L2LE	.235	453	-
Kumpulan rawatan	IL2S	-	.544	.592
(pra dan pasca)	OL2S	.544	-	.350
	L2LE	.592	.350	-
Kumpulan kawalan	IL2S	-	.590	.482
dan rawatan	OL2S	.590	-	.441
(pasca)	L2LE	.482	.441	-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Pallant (2001), nilai kolerasi setinggi 0.8 atau 0.9 harus diberi perhatian. Dalam kajian ini, Jadual 5.9 menunjukkan nilai korelasi Pearson antara pemboleh ubah bersandar didapati kurang daripada 0.80. Ini bermakna multikolinearitи dan singulariti tidak berlaku. Jadi, ujian MANOVA pengukuran berulang boleh diteruskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Dapatan Kajian

Dapatan kajian pada bahagian ini ditumpukan bagi menjawab soalan mengikut peningkatan tahap pencapaian kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi murid dalam BCSK sebelum dan selepas intervensi Modul *DialogKopitiam.*

5.5.1 Ujian Pencapaian Mendengar (UPD) dan Ujian Pencapaian Bertutur (UPB)

Ujian pasca UPD dan UPB ditadbir selepas menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan Modul *DialogKopitiam*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Analisis Deskriptif Ujian Pasca UPD dan UPB

Ujian pasca UPD merangkumi 18 soalan yang berbentuk objektif. Setiap item yang dijawab dengan betul diberi satu markah, manakala tiada markah diberi untuk item yang dijawab dengan salah atau tidak dijawab. Manakala, ujian pasca UPB merangkumi 3 bahagian yang merangkumi soalan berbentuk membaca perkataan, soal jawab berdasarkan gambar yang diberi dan jawab soalan berdasarkan soalan yang diberi untuk menguji kemahiran bertutur murid BCSK Tahun 4. Setiap item yang dijawab dengan betul dalam Bahagian A diberi dua markah, item yang dijawab dengan betul dalam Bahagian B dan Bahagian C diberi empat markah, manakala tiada markah diberi untuk item yang dijawab dengan salah atau tidak dijawab. Statistik deskriptif min skor ujian pasca UPD dan UPB untuk kedua-dua ujian ditunjukkan dalam jadual di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.10

Statistik deskriptif min skor Ujian Pasca UPD dan UPB

Ujian	M	SP	N	Minimum	Maksimum
UPD	13.93	2.851	42	6	17
UPB	12.21	2.847	42	7	17

Aras signifikan, $\alpha = 0.05$

Ujian UPD mencatat pencapaian (min=13.93, SP=2.851). Markah ujian UPD maksimum sebanyak 17 dan mencatat minimum ialah sebanyak 6 (Jadual 5.10). Berdasarkan Rajah 5.1 jurang pencapaian pra UPD dan pasca UPD dalam kumpulan ini. Manakala, pencapaian UPB mencatat pencapaian (min=12.21 , SP=2.847). Markah ujian UPB maksimum kumpulan rawatan ialah 17 dan minimum ialah sebanyak 7.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Analisis Inferensi UPD dan UPB

Ujian T berpasangan *(sample paired t-test)* telah dilaksanakan untuk menguji hipotesis untuk pencapaian ujian mendengar dan ujian bertutur. Jadual 5.11 menunjukkan keputusan ujian kesan bagi min skor UPD pasca dan UPB pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.11

Keputusan ujian kesan bagi min skor UPD, UPB pra dan pasca

Ujian	Rawatan			t	dk	Sig
	N	Min	SP			
UPD Pra	42	9.12	2.887	.141	41	.888
UPD Pasca	42	13.93	2.851	-9.521	41	.000
UPB Pra	42	9.00	3.172	.554	41	.580
UPB Pasca	42	12.21	2.847	56.52	41	.000


Aras signifikan, $\alpha = 0.05$



Rajah 5.1. Perbandingan min skor UPD pra dan pasca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.2. Perbandingan min skor UPB pra dan pasca

Selepas intervensi, dapatan kajian menunjukkan tahap pencapaian kemahiran mendengar adalah lebih tinggi secara signifikan daripada ujian pra. UPD pasca (M=13.93, SP=2.851) lebih tinggi daripada UPD pra (M=9.12, SP=2.887). Hasil analisis inferensi yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara UPD pra dan pasca. Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan tahap pencapaian dalam kemahiran bertutur adalah lebih tinggi secara signifikan selepas intervensi. UPB pasca (M=12.21, SP=2.847) lebih tinggi daripada UPB pra (M=9.00, SP=3.172). Hasil analisis inferensi yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara UPB pra dan pasca. Ini bermakna Modul *DialogKopitiam* berkesan dalam peningkatan tahap pencapaian dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Maka, boleh disimpulkan bahawa Modul *DialogKopitiam* lebih berkesan dalam peningkatan tahap pencapaian dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Jadi, hipotesis $H_0$1 dan $H_0$2 ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.2 Soal Selidik L2MSS

Soal selidik L2MSS diberikan kepada murid kedua-dua kumpulan sebelum dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran. Soal selidik L2MSS ini diasaskan oleh Dörnyei (2005, 2009). Terdapat 18 item dalam soal selidik L2MSS yang tergolong dalam tiga konstruk, iaitu IL2S, OL2S dan L2LE dan menggunakan skala Likert lima mata yang diberi nilai satu hingga lima. Soal selidik L2MSS luas digunakan oleh pelbagai penyelidik (Abatayo, 2020; Ali, 2018; T. G. Tan, Lim, et al., 2016) dalam bidang penyelidikan motivasi dengan pembelajaran bahasa kedua. Peserta kajian harus memberi maklum balas terhadap setiap item dengan menandakan skala Likert lima poin dalam soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Analisis Deskriptif L2MSS pra dan L2MSS Pasca

Jadual 5.12 di bawah menunjukkan analisis deskriptif L2MSS Pra dan L2MSS Pasca sebelum dan selepas intervensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.12

Statistik Deskriptif L2MSS Pra dan L2MSS Pasca Mengikut Kumpulan

Komponen	N	L2MSS Pra		L2MSS Pasca	
		Min	SP	Min	SP
IL2S	42	3.30	.500	3.74	.561
OL2S	42	3.40	.810	3.67	.660
L2LE	42	3.81	.555	4.41	.415

Komponen IL2S dalam soal selidik L2MSS Pra (min=3.30, SP=.5) lebih rendah berbanding dengan L2MSS Pasca (min=3.74, SP=.561). Komponen OL2S dalam soal selidik L2MSS Pra (min=3.40, SP=.810) lebih kurang dengan L2MSS Pasca (min=3.67, SP=.660) sebelum intervensi dilakukan. Sebaliknya, komponen L2LE dalam soal selidik L2MSS Pasca (min=4.41, SP=.042) juga mencatat lebih tinggi berbanding dengan L2MSS Pra (min=3.81, SP=.555).

b. Analisis Inferensi

Analisis Varian Multivariat (MANOVA) digunakan merupakan lanjutan daripada analisis varian (ANOVA) yang melibatkan pelbagai pemboleh ubah bersandar yang saling tidak berkait antara satu sama lain. Ujian ini berfungsi untuk melihat perbezaan antara skor min yang wujud antara kumpulan dalam pemboleh ubah bebas berdasarkan pemboleh ubah bersandar yang lebih daripada satu secara serentak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MANOVA pengukuran berulang atau dikenali sebagai *Multivariate Analysis of Variance (MANOVA) Repeated Measurement* digunakan untuk menguji hipotesis $H_0$3. Tiada data yang hilang. Andaian awal untuk ujian normaliti, outliers, kehomogenan varians-kovarians matriks, kelinearan serta multikolinearitи dan singulariti menunjukkan bahawa tidak ada pelanggaran yang dijumpai. *Doubly Multivariate Analysis of Variance* adalah pengukuran yang dilakukan secara berulang terhadap dua kumpulan intervensi, dua kali masa pengukuran (pra dan pasca) dan tiga komponen motivasi L2MSS (IL2S, OL2S dan L2LE).

Ujian Box's M *(Box's test of equality of covariance matrices)* digunakan untuk menentukan kehomogenan varians-kovarians matrik. Andaian kehomogenan varians-kovarians matrik dipatuhi sekiranya Ujian *Box's M* adalah tidak signifikan. Menurut Verma (2016), Ujian *Box's M* adalah tidak signifikan jika nilai signifikan sama atau melebihi 0.001. Keputusan Ujian *Box's M* dalam perbandingan L2MSS dalam BCSK berdasarkan kumpulan kawalan intervensi dan masa pengukuran serta kesan interaksi antaranya menunjukkan keputusan yang tidak signifikan (F=1.951, p=.069, p>.05). Manakala, keputusan Ujian *Box's M* dalam perbandingan L2MSS dalam BCSK berdasarkan kumpulan rawatan intervensi dan masa pengukuran serta kesan interaksi antaranya menunjukkan keputusan yang tidak signifikan (F=1.951, p=.027, p>.05) (Jadual 5.13). Oleh itu, iaitu andaian kehomogenan varians-kovarians matrik telah dipatuhi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.13

Keputusan Box's Test of Equality of Covariance Matrices

Kumpulan	Box's M	F	dk1	dk2	Sig
Rawatan	14.805	2.377	6	54049.112	.027

Aras signifikan = 0.001

Seterusnya, ujian Levene menguji kehomogenan varians bagi pemboleh ubah bersandar merentas pemboleh ubah bebas dijalankan dalam perbandingan L2MSS dalam BCSK berdasarkan kumpulan intervensi dan masa pengukuran serta kesan interaksi antaranya. Jadual 5.14 menunjukkan bahawa keputusan Ujian Levene adalah tidak signifikan bagi 2 daripada 3 pemboleh ubah bersandar, iaitu IL2S dan OL2S. Ini bermakna varians bagi kedua-dua pemboleh ubah bersandar tersebut merentas pemboleh ubah bebas adalah homogen. Namun, 1 daripada 3 pemboleh ubah bersandar adalah signifikan, iaitu L2LE. Ini bermakna varians bagi pemboleh ubah bersandar tersebut merentas kumpulan dan masa pengukuran adalah tidak homogen. Oleh itu, ujian MANOVA diteruskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.14

Ujian Multivariat Dua Hala

Kesan	Pillai's Trace	F	dk1	dk2	Sig.	Partial eta squared
Kumpulan	.237	8.898	3	86.000	.000	.237
Masa	.372	16.976	3	86.000	.000	.372
Masa * Kumpulan	.423	21.004	3	86.000	.000	.423

Aras signifikan = 0.05

Pillai's Trace dikatakan sebagai statistik yang paling kuat untuk perlindungan umum terhadap pelepasan dari normaliti multivariat dan kehomogenan matriks varians-kovarians (Tabachnick & Fidell, 2014). *Pillai's Trace* digunakan dalam ujian multivariat ini selain daripada *Wilks' Lambda, Hotelling's Trace* dan *Roy's Largest Root*. Ujian multivariat menunjukkan bahawa terdapat kesan utama kumpulan kawalan dan rawatan [F(3, 86) = 8.898, p = 0.000 (p<.05); *Pillai's Trace* = .237; *partial* $\eta 2$ = . 237] yang signifikan terhadap gabungan linear 6 pemboleh ubah bersandar, iaitu IL2S pra, IL2S pasca, OL2S pra, OL2S pasca, L2LE pra dan L2LE pasca. Ujian multivariat juga menunjukkan kesan utama masa pengukuran terhadap gabungan 6 pemboleh ubah bersandar tersebut adalah signifikan, [F(3, 86) = 16.976, p = .000 (p<.05); *Pillai's Trace* = .372; *partial* η^2 = .372]. Kesan interaksi antara masa pengukuran dengan kumpulan juga adalah signifikan, [F(3, 86) = 21.004, p = 0.000 (p<.05); *Pillai's Trace* = 0.423; *partial* $\eta 2$ = 0.423].

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Ujian Kesan dalam Subjek

Jadual 5.15 membentang keputusan ujian univariat untuk pemboleh ubah bersandar untuk setiap komponen motivasi dalam BCSK.

Jadual 5.15

Ujian Univariat untuk Setiap Komponen Motivasi

Kesan	Pemboleh ubah bersandar	Jumlah kuasa dua	dk	Min kuasa dua	F	Sig.	Partial eta squared
Masa	IL2S	9.752	1	9.752	25.652	.000	.226
	OL2S	2.382	1	2.382	4.831	.031	.052
	L2LE	13.278	1	13.278	35.692	.000	.289
Masa * Kumpulan	IL2S	5.794	1	5.794	15.240	.000	.148
	OL2S	2.633	1	2.633	5.339	.023	.057
	L2LE	21.602	1	21.602	58.071	.000	.398

Aras signifikan = 0.05

Keputusan univariat menunjukkan bahawa terdapat kesan utama masa pengukuran yang signifikan terhadap komponen IL2S [F(1, 88) = 25.652, p = .000 (p<.05); *partial* η^2 = .226], OL2S [F(1, 88) = 4.831, p = .031 (p<.05); *partial* η^2 = .052] dan L2LE [F(1, 88) = 35.692, p = .000 (p<.05); *partial* η^2 = .289].

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan univariat turut menunjukkan terdapat kesan interaksi yang signifikan antara masa pengukuran dengan kumpulan terhadap komponen IL2S [F(1, 88) = 15.240, p = .000 (p<.05); *partial* η^2 = .148], OL2S [F(1, 88) = 5.339, p = .023 (p<.05); *partial* η^2 = .057] dan L2LE [F(1, 88) = 58.071, p = .000 (p<.05); *partial* η^2 = .398].

Menurut Mayers (2013), keputusan univariat menunjukkan terdapat kesan utama masa pengukuran dan kesan interaksi antara masa pengukuran dengan kumpulan terhadap komponen IL2S, OL2S dan L2LE, maka ujian-t sampel bebas dan ujian-t berpasangan dijalankan untuk mengenal pasti secara lebih lanjut tentang puncanya. Keputusan ujian-t sampel bebas (Jadual 5.20) menunjukkan bahawa perbezaan min skor ujian pra komponen IL2S (t = 1.836, dk = 88, p = .070) dan OL2S (t = 1.767, dk = 88, p = .081) adalah tidak signifikan. Manakala, perbezaan min skor ujian pra komponen L2LE (t = 2.330, dk = 88, p = .022), ujian pasca komponen IL2S (t = -3.566, dk = 96, p = .001), OL2S (t = -1.390, dk = 96, p = .168) dan L2LE (t = -7.660, dk = 96, p = .000) adalah signifikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.16

Ujian-t sampel bebas bagi komponen IL2S, OL2S dan L2LE mengikut masa pengukuran

Komponen	Masa	Kumpulan	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	dk	Sig.
IL2S	Pra	Intervensi	3.0032	.64740	1.836	88	**.070**
	Pasca		3.8000	.48795	-3.566	96	.001
OL2S	Pra	Intervensi	3.1976	.90039	1.767	88	**.081**
	Pasca		3.6767	.64013	-1.390	96	.168
L2LE	Pra	Intervensi	3.1937	.71331	2.330	88	.022
	Pasca		4.3233	.52425	-7.660	96	.000

Aras signifikan = 0.05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas intervensi, keputusan ujian-t berpasangan (Jadual 5.17) menunjukkan bahawa peningkatan min skor komponen OL2S adalah signifikan; t = -2.888, dk = 41, p = 0.006. Min skor komponen OL2S (t = -6.309, dk = 41, p = 0.000) dan komponen L2LE (t = -10.496, dk = 41, p = .000) juga adalah signifikan. Rajah 5.3, Rajah 5.4 dan Rajah 5.5 menunjukkan lebih lanjut tentang perubahan min skor komponen IL2S, OL2S dan L2LE merentas ujian (masa pengukuran).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.17

Ujian-t berpasangan bagi komponen IL2S, OL2S dan L2LE mengikut kumpulan

Komponen	Masa	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	dk	Sig.
IL2S	Pra	3.0032	.64740	-6.309	41	.000
	Pasca	3.8294	.49998			
OL2S	Pra	3.1976	.90039	-2.888	41	.006
	Pasca	3.6706	.63490			
L2LE	Pra	3.1937	.71331	-10.496	41	.000
	Pasca	4.4325	.39827			


Aras signifikan = 0.05




Rajah 5.3. Perubahan min skor komponen IL2S merentas ujian (masa pengukuran)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.4. Perubahan min skor komponen OL2S merentas ujian (masa pengukuran)



Rajah 5.5. Perubahan min skor komponen L2LE merentas ujian (masa pengukuran)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Ringkasan Keputusan Kajian

Ringkasan keputusan ujian t-Test dan MANOVA pengukuran berulang bagi keseluruhan analisis adalah seperti dalam Jadual 5.18. keputusan secara terperinci, boleh dirujuk mengikut pengujian hipotesis yang disenaraikan.

Jadual 5.18

Ringkasan keputusan keseluruhan kajian

	Hipotesis nul	Ditolak / Gagal ditolak	Catatan
$H_0$1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian pencapaian kemahiran mendengar pasca pada tahap signifikan P≤0.05.	Ditolak	Berdasarkan purata skor ujian pra dan pasca UPD, terdapat perbezaan signifikan tahap pencapaian kemahiran mendengar, iaitu UPD pasca (M=13.93, SP=2.851) lebih tinggi daripada UPD pra (M=9.12, SP=2.887). Ini bermakna murid mencapai peningkatan dalam kemahiran mendengar dan hipotesis nul 1 ditolak.
$H_0$2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian	Ditolak	Berdasarkan purata skor ujian pra dan pasca UPB, iaitu UPB pasca (M=12.21, SP=2.847) lebih tinggi

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.18 *(sambungan)*

	Hipotesis nul	Ditolak / Gagal ditolak	Catatan
	pencapaian kemahiran bertutur pasca pada tahap signifikan P≤0.05.		daripada UPB pra (M=9.00, SP=3.172). Ini bermakna murid mencapai peningkatan dalam kemahiran mendengar dan hipotesis nul 2 ditolak.
$H_0$3	Tiada kesan interaksi masa pengukuran dan kumpulan terhadap tahap motivasi L2MSS dalam BCSK.	Ditolak	Peningkatan min skor komponen IL2S, OL2S dan L2LE adalah signifikan. Ini bermakna terdapat kesan interaksi masa pengukuran dan kumpulan terhadap tahap motivasi L2MSS dalam BCSK dan hipotesis nul 3 ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 Rumusan

Bab ini membandingkan keberkesanan penggunaan Modul *DialogKopitiam* dan konvensional. Data-data yang dikutip dan dianalisis dengan bantuan IBM SPSS versi 23. Semua data yang dikutip dan seterusnya dianalisis dalam kajian ini berdasarkan statistik deskriptif dan statistik inferens dalam bab ini. Semua data dikumpul kemudian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dianalisis untuk menjawab persoalan kajian dan hipotesis kajian berkaitan dengan pembangunan dan keberkesanan Modul *DialogKopitiam*. Analisis yang dijalankan dengan bertujuan untuk menjawab enam persoalan kajian dan tiga hipotesis kajian. Kedua-dua ujian UPD dan UPB serta soal selidik L2MSS dijalankan bagi tujuan perbandingan keputusan yang dikumpul.

Seterusnya, data menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang positif bagi kesan penggunaan Modul *DialogKopitiam* ke atas pencapaian kemahiran mendengar dan bertutur. Ini dapat dilihat terdapat perbezaan signifikan tahap pencapaian kemahiran mendengar ujian pra UPD dan ujian pasca UPD serta ujian pra UPB dan ujian pasca UPB. Seterusnya, MANOVA pengukuran berulang digunakan untuk menguji motivasi L2MSS. Secara keseluruhannya, MANOVA pengukuran berulang menunjukkan bahawa terdapat kesan utama untuk setiap komponen motivasi dalam pembelajaran BCSK. MANOVA pengukuran berulang menunjukkan bahawa terdapat kesan interaksi masa pengukuran dengan kumpulan terhadap min skor komponen IL2S, OL2S dan L2LE. MANOVA pengukuran berulang turut menunjukkan bahawa terdapat kesan interaksi masa pengukuran dengan kumpulan terhadap min skor komponen IL2S, OL2S dan L2LE. Jika diteliti mengikut masa pengukuran dan kumpulan, statistik deskriptif dan inferensi menunjukkan bahawa min skor ujian semua komponen IL2S, OL2S dan L2LE telah meningkat selepas intervensi. Oleh itu, bab seterusnya akan membincangkan dengan lebih terperinci tentang hasil dapatan kajian ini. Justeru, diharapkan dapatan kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada penyelidik lain bagi melaksanakan dan mengembangkan kajian seterusnya khususnya dalam bidang BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan rumusan kajian meliputi penyataan masalah, objektif, metodologi, hasil kajian dan perbincangan. Sebelum perbincangan terhadap dapatan kajian dihuraikan, penjelasan secara ringkas diberikan tentang tatacara kajian ini dijalankan. Selain itu, bahagian ringkasan dalam bab ini akan membincangkan tentang pernyataan masalah, tujuan kajian, kaedah kajian sampel kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data serta ringkasan dapatan kajian. Manakala bahagian perbincangan akan melaporkan hasil penemuan kajian yang didapati seterusnya membincangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi. Kemudian, huraian ini disusuli dengan perbincangan tentang implikasi kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran, penggubal kurikulum, motivasi dan juga penilaian dalam Modul *DialogKopitiam*. Kemudian sumbangan kajian akan dibincangkan pada bahagian yang seterusnya. Melalui perbincangan tersebut, kesimpulan tentang kajian ini diperoleh dan beberapa cadangan kajian lanjutan dimajukan untuk tindakan pihak murid, guru dan KPM serta syor bagi kajian akan datang khususnya dalam bidang yang berkaitan.

6.2 Ringkasan Penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil daripada kajian ini telah dianalisis dalam Bab 5 secara statistik deskriptif dan inferens berdasarkan data daripada instrumen kajian. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan tiga objektif penyelidikan, iaitu:

i. menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* ke atas pencapaian murid dalam kemahiran mendengar;
ii. menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* ke atas pencapaian murid dalam kemahiran bertutur;
iii. menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* ke atas motivasi murid dalam pembelajaran BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ringkasan penyelidikan dilaporkan berdasarkan fasa-fasa kajian ini, iaitu terdapat fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam* dan fasa kajian penilaian keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi. Kajian ini dimulakan dengan analisis keperluan *(need analysis)* bagi menentukan keperluan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur adalah diperlukan oleh peserta kajian murid dan guru dalam pembelajaran BCSK. Daripada analisis keperluan yang dilakukan, dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh peserta kajian semasa pembelajaran BCSK. Antara masalah-masalah yang tertimbul adalah seperti tiada buku rujukan BCSK, kekurangan pengetahuan terhadap BCSK, kekurangan pendedahan kerjaya dalam bidang pembelajaran BCSK, kekurangan bahan bantu mengajar dalam BCSK dan lain-lain. Dapatan kajian daripada analisis keperluan juga mendedahkan peserta kajian berpuas hati terhadap buku teks BCSK Tahun 4 yang dibekalkan oleh BPK KPM. Namun, terdapat setengah peserta kajian adalah tidak puas hati adalah tidak puas hati terhadap buku teks BCSK Tahun 4 yang digunakan sekarang. Tambahan, kajian ini mendedahkan kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai oleh peserta kajian dan diikuti oleh kemahiran menulis dan kemahiran membaca. Dapatan kajian ini disokong oleh peserta kajian guru yang menyatakan kemahiran mendengar dan bertutur adalah sukar dikuasai oleh murid dan diikuti oleh kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Oleh itu, pembangunan modul adalah diperlukan setelah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dan guru dalam analisis keperluan. Kajian ini menitikberat pengaplikasian teori pembelajaran konstruktivisme, teori pembelajaran kontekstual, pendekatan TPR dalam fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Selain itu, ciri-ciri seperti ciri kejituan, ciri kepraktisan, ciri sistematik, ciri saintifik dan ciri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keseronokan diterapkan ke dalam reka bentuk pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Pandangan pakar dan guru berpengalaman dicadang untuk pembangunan Modul *DialogKopitiam* demi meningkatkan keberkesanan modul itu.

Setelah Modul *DialogKopitiam* dibangunkan, penyelidik melaksanakan fasa kajian penilaian keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi. Kajian ini dijalankan secara kuasi eksperimen dengan memberikan tumpuan kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan perlaksanaan dan keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap pemboleh ubah motivasi, pencapaian murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur dalam pembelajaran BCSK. Pembangunan Modul *DialogKopitiam* telah dinilai oleh pakar rujuk dan modul tersebut dimurnikan atas nasihat dan cadangan yang diberikan oleh pakar rujuk. Pada masa yang sama, instrumen UPD dan UPB juga dibina berdasarkan JSU dan taksonomi Bloom (Bloom et al., 1956) dan dinilai oleh pakar rujuk. UPD pra, UPD pasca, UPB pra, UPB pasca dan soal selidik L2MSS dari kajian rintis dan kajian sebenar juga dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Sampel kajian melibatkan 91 orang murid bagi kumpulan rintis dan 90 orang murid bagi kumpulan kajian sebenar.

Setalah Modul *DialogKopitiam* siap dibina, penilaian formatif telah dijalankan pada kajian rintis yang melibatkan 91 orang murid sekolah kebangsaan. Hasil dapatan penilaian formatif dan laporan penilaian telah dibincangkan pada Bab 4. Kajian sebenar merupakan elemen terakhir, iaitu penilaian sumatif UPD, UPB dan soal selidik L2MSS. Penilaian sumatif ini dijalankan dengan melibatkan murid yang menggunakan Modul *DialogKopitiam* terhadap keberkesanan kemahiran mendengar dan bertutur. Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diambil sekali lagi selepas lapan minggu intervensi diberikan sebagai data pasca ujian. Data deskriptif dianalisis dan ditafsir dengan menggunakan skor min dan sisihan piawai, manakala data inferensi dianalisis dengan menggunakan ujian MANOVA pengukuran berulang.

Objektif pertama dijalankan untuk menilai keberkesanan Modul DialogKopitiam ke atas pencapaian murid dalam kemahiran mendengar. Analisis t-test mendapati terdapat perbezaan signifikan antara purata skor ujian pra dan pasca UPD. UPD pasca (M=13.93, SP=2.851) adalah lebih tinggi daripada UPD pra (M=9.12, SP=2.887). Ini bermakna murid mencapai peningkatan dalam kemahiran mendengar selepas menggunakan modul. Manakala, objektif kedua dijalankan untuk menilai keberkesanan Modul DialogKopitiam ke atas pencapaian murid dalam kemahiran bertutur. Analisis t-test mendapati terdapat perbezaan signifikan antara purata skor ujian pra dan pasca UPB. UPB pasca (M=12.21, SP=2.847) lebih tinggi daripada UPB pra (M=9.00, SP=3.172). Ini bermakna murid mencapai peningkatan dalam kemahiran bertutur selepas menggunakan modul. Seterusnya, objektif ketiga dijalankan untuk menilai keberkesanan Modul DialogKopitiam ke atas motivasi murid dalam pembelajaran BCSK. Dapatan analisis MANOVA menunjukkan peningkatan min skor komponen IL2S, OL2S dan L2LE adalah signifikan. Ini bermakna Modul *DialogKopitiam* berupaya meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur serta motivasi dalam pembelajaran BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3 Perbincangan

Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat kesan intervensi Modul *DialogKopitiam* ke atas kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi bagi murid yang mengikuti BCSK. Murid yang terlibat sebagai peserta kajian adalah murid Tahun 4 yang mempelajari BCSK selama 4 tahun berturut-turut dan diajar oleh guru BCSK yang berpengalaman. Kehomogenan pencapaian peserta kajian dalam UPD, UPB dan L2MSS dijalankan. Seramai 42 orang peserta kajian terlibat dalam kajian terhadap keberkesanan kemahiran mendengar dan bertutur. Manakala, seramai 90 orang peserta kajian di mana 48 orang peserta kajian dari kumpulan kawalan dan 42 orang peserta kajian dari kumpulan rawatan terlibat dalam kajian motivasi L2MSS.

Perbincangan dihuraikan dengan berdasarkan soalan kajian yang telah disenaraikan. Dapatan kajian keseluruhan mendapati bahawa Modul *DialogKopitiam* telah banyak membantu dalam meningkatkan pencapaian murid BCSK Tahun 4 terhadap kemahiran mendengar dan bertutur serta motivasi L2MSS. Secara statistik, dapatan ini telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap UPD pra, UPD pasca, UPB pra dan UPB pasca. Terdapat juga perbezaan yang signifikan tahap motivasi antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap Pencapaian Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Bermula dari pencapaian tahap penguasaan yang tidak memuaskan bagi kemahiran mendengar dan bertutur murid dalam PBD BCSK, kekurangan penekanan kepada perkembangan kemahiran mendengar dan bertutur, kepentingan kemahiran mendengar dan bertutur dalam komunikasi, peruntukan masa yang tidak mencukupi dan sebagainya (Bahagian 1.3). Ekoran daripada itu, hal ini bercanggah dengan Pelan Pendidikan Negara PPPM 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012) iaitu telah meletakkan misi dan aspirasi yang perlu dicapai oleh negara dalam tempoh 15 tahun. Maka, penggunaan Modul *DialogKopitiam* dilihat dari sudut keberkesanan dalam meningkatkan tahap pencapaian kemahiran mendengar dan bertutur untuk murid yang mempelajari BCSK. Salah satu tujuan kajian yang dijalankan ini adalah untuk menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* ke atas pencapaian murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Perbincangan dalam peningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur selepas penggunaan Modul *DialogKopitiam* dilihat daripada beberapa aspek pada bahagian ini, iaitu pengajaran dan pembelajaran, unsur-unsur menarik, isi kandungan dan sebagainya.

Tahap pencapaian kemahiran mendengar dalam kajian ini diperoleh dengan membandingkan keputusan ujian pra dan ujian pasca UPD. Hasil menunjukkan min markah UPD pasca adalah lebih tinggi berbanding dengan UPD pra. Soalan dalam UPD pasca, misalnya Item 15, 16 dan Item 18 masing-masing bertujuan untuk menguji penguasaan murid tentang menganalisis item berdasarkan petikan yang didengar. Murid perlu mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari untuk menganalisis item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut. Analisis item yang dilaksanakan mendapati bahawa 36.7% murid memperoleh markah penuh dalam item-item tersebut. Item-item yang mengandungi unsur KBAT berkait rapat dengan kemampuan seseorang murid untuk menyelesaikan masalah atau membuat keputusan dengan menggunakan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai cara yang terhasil (Mazlini Adnan, Najah Mohd Nawi, Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah, Che Nidzam Che Ahmad, & Nurul Syakirah Arifin, 2018), khususnya kemahiran mendengar. Oleh itu, Modul *DialogKopitiam* yang mengandungi unsur KBAT dapat menggalakkan dan membantu murid dalam menjawab soalan-soalan penyelesaian masalah serta membuat keputusan dalam kemahiran mendengar. Berdasarkan dapatan analisis inferens dan analisis item, boleh disimpulkan bahawa Modul *DialogKopitiam* lebih berkesan dalam peningkatan tahap pencapaian dalam kemahiran mendengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, data kajian UPB pasca juga menunjukkan nilai min pemboleh ubah kumpulan rawatan (min = 12.21) mengatasi nilai min pemboleh ubah kumpulan kawalan (min = 10.82). Analisis item juga menunjukkan 40% murid kumpulan rawatan memperoleh markah penuh manakala tiada murid kumpulan kawalan memperoleh markah penuh dalam item tersebut. Kelemahan murid dalam menjawab item dalam UPB yang mengandungi unsur KBAT dan kekurangan penekanan dalam pembelajaran bahasa kedua juga merupakan faktor utama dalam kemahiran bertutur. Hasil dapatan ini selari dengan Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal (2014) bahawa kurang penekanan terhadap aplikasi pertuturan menggunakan bahasa kedua di peringkat sekolah telah menyukarkan murid untuk bertutur dalam bahasa kedua dengan baik. Ini dibuktikan berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang dipelajari adalah antara prinsip utama pengajaran kemahiran bertutur. Oleh demikian, elemen-elemen yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penting seperti kurikulum, pedagogi, pentaksiran sumber, sokongan masyarakat, kurikulum dan bina upaya guru dalam KBAT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012; Mehta et al., 2018) telah diterapkan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* demi mendorong dan membantu murid terhadap kemahiran mendengar dan bertutur.

i. Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran BC merupakan sejenis bahasa asing yang berlaku di luar pertuturannya (K. P. Chuah, 2016), khususnya tumpuan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur. Kebiasaanya, BC hanya digunakan oleh murid semasa di dalam kelas BCSK dan amalan dalam bilik darjah secara amnya amat terikat dengan kaedah konvensional yang berpandukan bahan-bahan pembelajaran (buku teks dan buku aktiviti) yang ditetapkan oleh KPM. Oleh yang demikian, ramai guru lebih giat dan berusaha untuk mengajar bahan-bahan pembelajaran tanpa mementingkan latihan kepada kemahiran mendengar dan bertutur dalam kelas. Oleh itu, pendedahan kepada murid, terutamanya murid bukan penutur jati kepada BC adalah hanya terhad ketika di dalam kelas.

Maka, Modul *DialogKopitiam* adalah diperlukan oleh murid semasa mempelajari BCSK. Isi kandungan kemahiran bertutur dalam Modul *DialogKopitiam* adalah disusun berdasarkan kehendak DSKP mata pelajaran BCSK Tahun 4 dan disusun serta dipermudahkan secara sistematik mengikut teori konstruktivisme dan teori kontekstual. Penyusunan isi kandungan kemahiran bertutur ini juga disusun bermula dari tahap senang kepada susah. Cara penyusunan seperti ini dapat memastikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid memperoleh hasil pembelajaran yang maksimum dan membuka peluang kepada murid terhadap tahap penerimaan seseorang individu (Sinnasamy, 2018). Justeru, aktiviti-aktiviti yang menarik telah disusun ke dalam kandungan Modul *DialogKopitiam* demi memupuk murid meningkatkan minat dan berupaya untuk menguasai kemahiran mendengar dan bertutur.

ii. Unsur-unsur Menarik

Secara umumnya, antara sebab-sebab yang mengakibatkan kebanyakan murid tidak menguasai kemahiran mendengar dan bertutur adalah kaedah pengajaran lebih memberikan tumpuan kepada persediaan peperiksaan dan hafalan bahasa, kurang penekanan terhadap latihan dan pendekatan konstruktivisme, tidak melibatkan murid menjalankan aktiviti secara kontekstual dan jarang tidak menggalakkan murid berkongsi pandangan masing-masing. Tamsilnya, aktiviti lakonan yang terdapat dalam aktiviti ikon kumbang Topik 2 merupakan salah satu teknik pengajaran yang berkesan terhadap pembelajaran bahasa, terutamanya kemahiran bertutur. Ini sejajar dengan pendapat Azani Ismail @ Yaakub et al. (2012) bahawa aktiviti lakonan secara berbual dalam kumpulan kecil mampu meningkatkan keterlibatan murid semasa menjalankan aktiviti ini. Perlaksanaan aktiviti lakonan boleh dipertingkatkan lagi dengan bantuan dan kreativiti para guru. Bahkan aktiviti lakonan juga dapat membina kemampuan psikolinguistik murid, iaitu sikap, personaliti dan motivasi terhadap bahasa yang diajar (Azani Ismail @ Yaakub et al., 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, Liu (2017) berpandangan penganjuran pelbagai aktiviti yang melibatkan penggunaan BC dalam pelbagai situasi (misalnya melawat kawasan berhampiran, menjalinkan hubungan murid dengan warga tempatan yang berbahasa Cina, menonton filem Cina dan sebagainya) dapat meningkatkan kesediaan murid dalam kemahiran bertutur. Semasa pembelajaran mendengar dan bertutur, guru telah mendedahkan murid kepada budaya secara langsung dan tidak langsung. Aspek ini adalah penting dalam perkembangan kemahiran komunikasi yang efektif. Murid tidak boleh belajar fungsi dalam situasi sebenar bahasa asing tanpa memahami konteks budaya asal bahasa itu. Kepentingan budaya dalam pembelajaran bahasa asing dipersetujui oleh Durocher (2007), Schulz (2007), Bush (2007), Allen (2006) dan Rings (2006). Akhirnya murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Isi Kandungan

Satu daripada hasrat KSSR Semakan 2017 adalah untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid supaya berupaya bersaing pada peringkat global. Namun, murid jarang diberi peluang untuk melibatkan diri dalam penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur seperti aktiviti perkongsian idea. Kecenderungan terhadap kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis sahaja telah menimbulkan masalah tentang tahap penguasaan kemahiran mendengar murid semasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PBD dijalankan dalam kelas. Pendekatan konvensional yang separa berpusatkan murid ini masih bersifat pengajaran terus dan amalan menghafal fakta masih menjadi dominan. Berbeza dengan kaedah konvensional, Modul *DialogKopitiam* mengintegrasikan pendekatan pembelajaran aktif (iaitu Pendekatan Jumlah Respons Fizikal, TPR). Pendekatan yang diaplikasikan akan dapat mewujudkan persekitaran yang menyokong pembelajaran BCSK. Salah satu elemen penting dalam Modul *DialogKopitiam* adalah membolehkan murid berkolaboratif untuk belajar BCSK. Aktiviti dalam Modul *DialogKopitiam* juga telah dirancang supaya murid saling membantu dan bekerjasama untuk berkongsi pandangan demi memupuk dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Murid perlu melibatkan diri dalam diskusi, perkongsian idea dan membuat keputusan berdasarkan aktiviti kumpulan.

Sebagai kesimpulannya, keberkesanan Modul *DialogKopitiam* dalam meningkatkan pencapaian dalam kemahiran mendengar dan bertutur dinilai melalui perbezaan antara ujian pra dan ujian pasca. Hal ini dapat dilihat daripada analisis deskriptif kajian yang menunjukkan berlakunya perbandingan daripada tiga puluh tujuh orang murid lelaki dan lima puluh empat orang mrird perempuan selepas menggunakan Modul *DialogKopitiam* tersebut. Maka dengan ini, setiap peningkatan dan penurunan skor bagi kemahiran mendengar dan bertutur berkait rapat dengan bahan pengajaran yang digunakan oleh murid. Modul *DialogKopitiam* yang disediakan secara terancang dan jelas objektif yang akan dicapai serta bersesuaian dengan keperluan murid dapat membantu murid untuk menguasai BCSK dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Modul *DialogKopitiam* telah berjaya menggalakkan murid untuk memupuk dalam mendengar dan bertutur dengan menggunakan Modul *DialogKopitiam* berbanding pendekatan secara konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini didapati selari dengan beberapa kajian terdahulu (Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2016; Mohd Afifi Bahurudin Setambah, 2017; Mohd Shafie Zulkifli et al., 2018; Nisa, 2019; Nooraihan Ali et al., 2020; Singh et al., 2019) yang turut menggunakan modul pembelajaran sebagai kaedah pengajaran. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian (Morovat, 2014; Muhammad Azhar Khan bin Ashfar Ahmad & Melor Md Yunus, 2019; Nisa, 2019; Singh et al., 2019) yang menjelaskan keberkesanan pembangunan modul terhadap pencapaian kemahiran mendengar dan bertutur. Hasil kajian Nor Yazidah Yahya, Che Radiah Mezah, Nik Farhan Mustapha, & Mohd Sukki Othman (2016) juga mengetengahkan penggunaan modul dalam pembelajaran bahasa merupakan kaedah yang semakin diminati oleh murid. Oleh yang demikian, ini dapat dibuktikan dengan Modul *DialogKopitiam* telah berjaya menarik minat murid dan menambahkan keyakinan mereka terhadap penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap Motivasi

Sebilangan ibu bapa yang berpendidikan menganggap pembelajaran BC di sekolah kebangsaan sebagai beban tambahan kerana anak-anak mereka perlu mempelajari pelbagai bahasa dalam sekolah. Ini sejajar dengan pendapat Ng (2014) bahawa ini akan mempengaruhi sikap serta mengurangkan motivasi anak-anak mereka dalam pembelajaran BC. Sikap dan motivasi murid adalah penting dalam pembelajaran bahasa kedua, terutamanya dalam pembelajaran BC sebagai bahasa kedua (Goh, Lee, & Ngo, 2015; Norlida Razali, 2018; Rahman & Sahayu, 2020). Oleh demikian, dalam kajian ini adalah berfokuskan kepada keberkesanan modul terhadap motivasi murid. Menurut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Z. Dörnyei (2005), terdapat tiga sumber motivasi utama untuk belajar bahasa, iaitu visi untuk menjadi murid bahasa asing yang berkesan; tekanan sosial dari persekitaran pembelajaran pelajar; dan gaya pembelajaran bahasa asing yang aktif dalam L2MSS. Pada bahagian yang seterusnya akan membincang dengan lebih teliti berkenaan dengan komponen motivasi dalam pembelajaran BCSK.

Berdasarkan keputusan analisis, wujud perbezaan yang signifikan bagi min ujian pasca bagi pemboleh ubah pencapaian motivasi (IL2S, OL2S dan L2LE). Perbezaan dapatan ini menunjukkan murid yang mempelajari Modul *DialogKopitiam* lebih bermotivasi tinggi terhadap ketiga-tiga komponen (IL2S, OL2S dan L2LE) dalam L2MSS.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Hasil dapatan menunjukkan peserta kajian dalam usaha untuk belajar bahasa tambahan untuk memenuhi prestasi akademik agar membayangkan kebolehan menguasai dalam BCSK. Peserta kajian mungkin masih dalam proses mengembangkan gambaran dalaman tentang mereka inginkan untuk menjadi yang selari dengan apa yang mereka seharusnya (T. G. Tan, Lim, et al., 2016). Justeru, dapatan kajian mendedahkan peningkatan yang ketara bagi komponen IL2S dalam L2MSS bagi murid kumpulan rawatan. Perkembangan negara China yang semakin pesat dalam bidang ekonomi menyebabkan negara tersebut mempunyai daya tarikan yang besar (Gong et al., 2020) untuk menarik murid-murid mempelajari BC sebagai B2. Ini selari dengan Zoltán Dörnyei (2018) yang menunjukkan bahawa penutur bukan asli mempelajari B2 untuk ideal yang ingin dicapai pada masa akan datang. Murid yang menganggap diri mereka sebagai pengguna bahasa yang fasih mungkin akan maju dalam pelajaran mereka melalui pelbagai jenis imaginasi ini (Murphey et al., 2014) apabila besar kelak. Maka,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid dapat membayangkan bercakap atau bertutur BC dengan rakan-rakan dengan lancarnya. Seperti yang disebutkan, kandungan yang diterapkan dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam* adalah menggalakkan murid mempunyai ideal untuk membayangkan diri tinggal di luar negara dan menggunakan BC dengan berkesan untuk berkomunikasi dengan penduduk tempatan apabila besar kelak, namun bukanlah berintegrasi ke dalam masyarakat Cina (Huang, 2018). Komponen IL2S akan mendorong murid berfikir tentang kerjaya masa depan murid sendiri, maka mereka dapat membayangkan diri menggunakan BC dengan baik. Oleh itu, ini akan menyebabkan peningkatan komponen IL2S dalam L2MSS pra dan pasca bagi murid kumpulan rawatan.

Dörnyei (2001a) menyatakan bahawa strategi motivasi pembelajaran bahasa kedua tidak selalu berkesan disebabkan kecenderungan kemahiran berbahasa dan perbezaan individu menjadi faktor penting yang mempengaruhi keberkesanan strategi motivasi. Tambahan, L2MSS mengetengahkan motivasi belajar adalah berasal dari keinginan untuk menghilangkan jurang antara diri dan IL2S, tetapi jurang ini harus sesuai dengan murid, jurang yang terlalu besar atau terlalu kecil dapat mengurangkan motivasi untuk belajar (T. Taguchi et al., 2009). Dapatan kajian IL2S yang menunjukkan terdapat peningkatan daripada intervensi IL2S pra ke IL2S pasca berupaya menolak hipotesis nul yang menunjukkan tiada kesan signifikan interaksi masa pengukuran dan kumpulan terhadap tahap motivasi dalam BCSK. Ini selari dengan (Liu, 2010) bahawa peramal terbaik untuk kecekapan tahap tinggi dalam motivasi bahasa kedua ialah IL2S. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan Modul *DialogKopitiam* berupaya mengisi jurang antara diri dengan meningkatkan motivasi B2 (IL2S) secara berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dörnyei (2005) juga mengetengahkan jika seseorang murid membentuk IL2S sendiri, maka murid tersebut akan membentuk motivasi yang kuat untuk belajar bahasa sasaran supaya keinginan untuk menghilangkan jurang antara diri dan kemungkinan diri untuk penggunaan bahasa sasaran dengan mahir. Bahan pengajaran yang efektif akan membantu pengguna dalam mempelajari B2, terutamnya dalam IL2S. Dapatan kajian ini selari dengan bahan pengajaran juga memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan motivasi murid dalam proses pembelajaran (Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2014) agar dapat meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa kedua. Misalnya, guru menyediakan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan aktiviti main peranan. Murid yang dilahirkan abad ke-21 akan berasa bosan dan kehilangan semangat pembelajaran sekiranya guru hanya menggunakan PdP konvensional dalam kelas. Guru yang arif dan mahir menggunakan Modul *DialogKopitiam* dalam mengelola bahan pengajaran yang menarik dan memudahkan murid untuk memahami topik yang dipelajari. Oleh hal yang demikian, perbezaan motivasi dalam komponen IL2S dapat dikesan berdasarkan murid yang mempelajari Modul *DialogKopitiam* lebih bermotivasi tinggi kendiri berbanding dengan pembelajaran konvensional.

Motivasi L2MSS berkait dengan usaha murid dalam pembelajaran BCSK. Urutan kepentingan komponen dari dapatan kajian L2MSS pra ke L2MSS pasca menunjukkan adalah bermula dari IL2S, L2LE dan diikuti OL2S. Penyelidikan L2MSS yang menunjukkan bahawa ideal kendiri sangat kuat dan penting untuk motivasi belajar bahasa demi mencapai kejayaan dalam pembelajaran bahasa (Thompson, 2017). Namun, OL2S memberikan kesan yang kurang penting daripada dua komponen lain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam L2MSS atau kadangkala tidak menunjukkan ideal kendiri yang kuat untuk murid (Ryan, 2009). Penyelidikan (Lamb, 2012; Thompson & Erdil-Moody, 2016) juga menyimpulkan OL2S mempunyai hasil yang tidak dapat diharapkan, iaitu alfa Cronbach yang rendah atau tidak ada perbezaan yang signifikan antara kumpulan dalam pembelajaran bahasa. Murid mempunyai komponen OL2S yang kuat bergantung pada tekanan luaran untuk mempelajari bahasa tertentu walaupun tidak mahu melakukannya atau persekitaran pembelajaran untuk menentukan proses pembelajaran bahasa (Yao Liu & Thompson, 2018). Oleh itu, dapat dilihat bahawa tekanan luaran seseorang murid dalam pembelajaran bahasa juga merupakan penyumbang utama yang kekuatan terhadap OL2S.

Selain itu, komponen OL2S dalam L2MSS menyatakan seseorang individu harus memiliki sikap bertanggungjawab, kewajipan, pelbagai tugas untuk mengelakkan kemungkinan berlaku hasil yang negatif (Higgins, 1987; Rajab et al., 2012). Oleh itu, pengaruh ibu bapa dan keluarga bukanlah motivasi belajar utama murid dalam bahasa kedua-dua kalangan budaya tersebut. ibu bapa mereka tidak banyak memberi tekanan untuk belajar BC. Pembangunan Modul *DialogKopitiam* mengambil kira pendekatan, strategi dan aktiviti yang bersesuaian dengan pembelajaran BCSK sebagai bahasa tambahan di SK. Oleh itu, murid mampu menghormati pilihan mereka sendiri dan hanya berharap dapat belajar dengan baik dengan tanpa mengharap untuk memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, L2LE merupakan komponen dari L2MSS yang mempengaruhi perkembangan diri dan gabungan kompleks pengalaman pembelajaran bahasa masa lalu dan semasa seseorang murid (Yao Liu & Thompson, 2018). Pengalaman pembelajaran bahasa masa lalu dan semasa seseorang murid dapat meningkatkan motivasi dan bersikap positif terhadap pembelajaran. Rentetan daripada itu, murid tersebut dapat mengenal pasti ketakutan atau ketakutan untuk belajar dan akhirnya mengatasi halangan ini. Namun, dalam kajian (Moskovsky et al., 2016) melaporkan konstruk minat yang terdiri daripada komponen IL2S, OL2S, L2LE dan ILE tidak berkorelasi secara konsisten dengan pencapaian dalam B2. Motivasi berkait rapat dengan tujuan atau minat peribadi murid dalam pembelajaran B2 (T. G. Tan, Hairul Nizam Ismail, et al., 2016). Menurut Li (2015), minat dalam lingkungan budaya bukan Cina (非文化圈) lebih rendah dalam komponen L2LE motivasi belajar B2. Hasil dapatan Li (2015) menunjukkan bahawa murid bahasa dalam lingkungan budaya bukan Cina lebih banyak belajar BC tetapi tidak berminat dengan budaya Cina. Minat budaya mengukur minat murid terhadap budaya B2 seperti TV, majalah, muzik dan filem (Tatsuya Taguchi, Magid, & Papi, 2018). Oleh sebab kumpulan sasaran Modul *DialogKopitiam* ialah penutur bukan jati yang sekolah rendah, maka pembangunan bahan instruksi adalah lebih mementingkan pengalaman kehidupan murid. Tambahan pula, murid yang bermotivasi tinggi akan dapat belajar dengan cepat dan lebih banyak berbanding dengan murid yang kurang bermotivasi (Spolsky, 1998). Tingkah laku murid dalam pembelajaran juga pula mempengaruhi keberkesanan pengajaran seseorang guru. Kalau tingkah laku murid positif maka guru-guru cenderung menampilkan pengajaran yang berkesan, dan jika tingkah laku murid negatif maka guru-guru cenderung untuk menampilkan pengajaran yang kurang berkesan. Oleh itu, komponen L2LE daripada dapatan kajian telah menunjukkan peningkatan yang ketara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan komponen L2LE adalah motivasi bahasa kedua yang terkuat dalam pembelajaran BCSK untuk kumpulan rawatan yang menerima intervensi selama lapan minggu dalam mempelajari Modul *DialogKopitiam*. Hasil dapatan ini juga selari dengan penyelidik (T. H. Li, 2015) yang mengkaji konteks motivasi dalam Bahasa Cina. Bukan sahaja itu, (Lamb, 2012; Ortega, 2009; Subekti, 2018) juga bersetuju bahawa L2LE adalah komponen yang paling kuat untuk kecekapan dalam pembelajaran B2. Maka, murid mempunyai hubungan yang baik dengan guru, bilik darjah dan pembelajaran (Ortega, 2009) sekiranya L2LE merupakan komponen yang paling kuat dalam pembelajaran BCSK. Perbezaan yang signifikan komponen L2LE antara kumpulan kawalan dan rawatan menunjukkan bahawa pembelajaran BCSK adalah penting dalam konteks murid bukan penutur jati. Pembelajaran konvensional harus menerapkan unsur hubungan yang baik dengan guru, bilik darjah dan pembelajaran antara guru dengan murid. Hakikatnya, BCSK masih dianggap sebagai mata pelajaran yang sangat mencabar untuk dipilih oleh murid atau ibu bapa murid sebagai bahasa tambahan di sekolah kebangsaan. Oleh kerana kesukaran ini, BCSK tidaklah biasa seperti mata pelajaran lain. Keberkesanan motivasi yang positif terhadap komponen L2LE akan mempengaruhi kemahiran berbahasa. Murid memahami peranan dan tujuan mereka dalam mempelajari B2, jadi pembangunan Modul *DialogKopitiam* mengambil kira keterlibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti agar memupuk dan mempraktik BC dari modul ini sekiranya berbanding dengan pembelajaran konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, suasana dalam kelas, aktiviti kelas, guru bahasa, rakan sekelas dan pembelajaran bahan dalam L2LE (Ortega, 2009) menyumbang banyak pada L2MSS daripada komponen L2MSS lain (Subekti, 2018). Dapatan kajian juga membuktikan murid dari kumpulan rawatan mempunyai komponen L2LE yang terbaik dalam pengalaman mempelajari Modul *DialogKopitiam*. Ini menunjukkan bahawa mereka merasakan suasana bilik darjah yang baik, menerima dan menyukai kaedah pengajaran guru, mempunyai hubungan yang harmoni antara guru dan murid (Ortega, 2009). Komponen L2LE mendorong dan menyumbang kepada mereka kesediaan untuk terus belajar BC setelah intervensi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian komponen L2LE bertentangan daripada komponen IL2S yang mempunyai ramalan lebih kuat kepada usaha pembelajaran BC (Csizér & Kormos, 2009). Walaupun jangkaan ramalan usaha yang lebih baik terhadap bahasa kedua murid dalam komponen IL2S dan L2LE, namun komponen L2LE dijangka lebih positif terhadap usaha yang diharapkan, terutamanya untuk murid yang berusia muda (Guo, 2016). Maka, jangkaan ini menepati dengan dapatan kajian yang menunjukkan peningkatan komponen L2LE lebih tinggi daripada komponen IL2S dan komponen OL2S. Dalam kajian ini, kelas pembelajaran B2 lebih dikenali sebagai "kelas minat" disebabkan kelas tersebut tidak mempunyai penilaian dalam peperiksaan dan merupakan mata pelajaran tambahan / elektif yang ditawarkan kepada murid (Guo, 2016). Para murid menikmati keseronokan yang dibawa oleh kelas Cina lebih banyak setelah intervensi dengan kesediaan mereka untuk terus belajar B2 pada masa depan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan Modul *DialogKopitiam* adalah lebih baik dalam peningkatan pencapaian murid terhadap kemahiran mendengar dan bertutur serta motivasi dalam pembelajaran BCSK. Motivasi pembelajaran dalaman secara langsung mempengaruhi keinginan belajar murid, kemudian mempengaruhi tingkah laku pembelajaran eksplisit mereka (Huang, 2018). Oleh itu, murid mempunyai motivasi belajar yang kuat adalah prasyarat bagi mereka untuk belajar BC dengan baik dengan sangat menghargai peluang dalam pembelajaran BC.

6.4 Implikasi Kajian

Dapatan kajian telah memberi implikasi yang positif kepada pihak-pihak tertentu terutamanya murid, pendidik, Kementerian Pendidikan Malaysia dan penyelidik-penyelidik lain terhadap pembangunan Modul *DialogKopitiam*. Kajian ini melibatkan dua fasa yang utama, iaitu fasa pembangunan Modul *DialogKopitiam* dan fasa penilaian Modul *DialogKopitiam*. Kajian ini memberi implikasi terhadap pembangunan dan penilaian modul serta juga terhadap guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga memberi implikasi kepada penggubal kurikulum dalam perancangan bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terutamanya penggunaan Modul *DialogKopitiam* ini. Implikasi terhadap keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap pemboleh ubah motivasi, pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur dalam BCSK akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Implikasi Kajian terhadap Pengajaran dan Pembelajaran

Implikasi ini berkait rapat dengan teori konstruktivisme dan teori kontekstual terhadap pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti dalam Modul *DialogKopitiam* dilengkapi satu situasi yang berkait rapat dengan kehidupan seharian. Murid akan melakon cerita yang dihasilkan dalam aktiviti tersebut secara kumpulan di bawah bimbingan guru bertujuan untuk menggalakkan murid berkomunikasi melalui situasi yang berkait rapat dengan kehidupan seharian. Sebagai seorang guru adalah amat penting memberi setiap orang murid berpeluang untuk memerhati dan mencontohi pelbagai jenis model yang menunjukkan tingkah laku yang diingini (Muhamad Azhar Bin Stapa @ Mustapa, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, guru perlu memastikan dan berusaha untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif agar permodelan boleh berlaku. Persembahan seseorang guru seharusnya tersusun dan dapat menarik minat serta perhatian murid serta seharusnya dapat dijadikan model untuk diikuti oleh mereka. Tambahan lagi, guru harus sentiasa bersiap sedia dengan kemahiran komunikasi yang jelas, dapat difahami dan dapat diikuti oleh murid agar setiap kali sesi pembelajaran latihan dalam Modul *DialogKopitiam* untuk memupuk dan memotivasikan murid dalam kemahiran mendengar, bertutur dan berkomunikasi. Misalnya, guru mestilah menerangkan dahulu langkah-langkah semasa mengajar kemahiran berkomunikasi sebelum memulakan topik tersebut agar ia dapat diikuti oleh murid secara mudah dan tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, guru boleh membawa bahan bantu mengajar yang berkaitan dengan topik yang dipelajari dalam Modul *DialogKopitiam* supaya murid dapat lebih memahami topik yang diajar oleh guru. Guru juga boleh menjemput seorang murid menjalankan latihan sesi perbincangan yang terkandung dalam Modul *DialogKopitiam* secara simulasi dengan guru agar hasil kerja yang terbaik akan dihasilkan oleh murid lain. Nilai-nilai murni juga boleh disemai semasa sesi pengajaran dan pembelajaran secara simulasi. Sesi pengajaran dan pembelajaran secara simulasi dapat memberi kesedaran kepada murid untuk menjalankan pembelajaran berdasarkan pengalaman dalam kehidupan seharian. Pengajaran dan pembelajaran secara simulasi ini mampu memberikan pengalaman kepada murid dalam situasi sebenar dan bermakna. Justeru, ianya dapat membentuk murid ke arah lebih proaktif dan produktif dengan penggunaan Modul *DialogKopitiam*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, guru-guru BCSK perlu mengambil langkah-langkah yang membina agar pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur tidak dipinggirkan dalam arus globalisasi masa kini. Guru BCSK juga memainkan peranan yang penting dengan cara memupuk diri murid agar lebih berminat mempelajari BCSK, khususnya menerusi kemahiran mendengar dan bertutur BCSK. Guru-guru hendaklah membimbing murid supaya bertanggungjawab dan mengambil daya inisiatif mempelajari kemahiran mendengar dan bertutur BCSK dengan belajar sendiri tanpa guru secara perbincangan bersama rakan-rakan dan menggunakan sumber-sumber pembelajaran yang lain. Maka, guru harus memberi peluang kepada murid-murid bertutur bahasa kedua serta sentiasa memastikan murid-murid memahami apa yang disebut atau ditutur dalam bahasa kedua adalah penting semasa mempelajari kemahiran mendengar dan bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Implikasi Kajian terhadap Penggubal Kurikulum

Hasil dapatan kajian memberi gambaran bahawa penggunaan dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur murid dalam pembelajaran BCSK. Jadi, kajian ini turut memberikan implikasi terhadap penggubal kurikulum dan pihak KPM yang merancang bahan PdP. Pihak berkuasa dalam penggubal kurikulum termasuklah KPM, JPN, PPD dan pentadbir sekolah. Pihak berkuasa perlu mengingati bahawa tidak ada cara tunggal untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran abad ke-21. Guru adalah orang yang paling dekat dengan murid. Guru harus lebih memahami kehendak dan keperluan murid berbanding dengan pihak berkuasa. Guru perlu diberi autonomi dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran abad ke-21. Jadi pihak berkenaan dengan para guru harus kerjasama mencari jalan untuk mengatasi cabaran persekitaran dan seterusnya mencapai hasrat yang diingini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dari KPM juga harus merancang kurikulum yang menyatupadukan kemahiran mendengar dan bertutur dalam pembangunan modul pembelajaran. Ini adalah selaras dengan hasrat negara dalam PPPM 2013-2025 agar menghasilkan murid yang berupaya menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa. Pengaplikasian pendekatan pembelajaran konstruktivisme dan kontekstual dalam pembangunan isi kandungan Modul *DialogKopitiam* untuk menyokong pembelajaran BCSK terhadap kemahiran mendengar dan bertutur, dan peningkatan motivasi dalam BCSK memerlukan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Dapatan kajian daripada analisis keperluan menunjukkan bahawa pembelajaran yang kondusif dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur. Pembelajaran yang kondusif melibatkan pengaplikasian unsur teknologi dalam pembangunan modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

harus digubal oleh BPK dan dijadikan hasil pembelajaran dalam Kurikulum BCSK. Untuk mencapai matlamat pembelajaran BCSK, aktiviti berikon kumbang dalam Modul *DialogKopitiam* yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian perlu diberi penekanan dalam PdP. Melalui aktiviti tersebut, murid diberi peluang untuk mengenal pasti masalah dan melaksanakan mereka bentuk untuk menyelesaikan masalah yang dikenal pasti.

Selain itu, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (dahulu dikenali sebagai Bahagian Buku Teks) harus mengambil inisiatif dengan menyediakan buku teks yang membolehkan murid mempelajari BCSK secara eksplisit. Kandungan yang disediakan juga wajarlah dihalusi berdasarkan beberapa kajian secara empirikal agar ia sesuai dengan keperluan semasa, kurikulum dan tahap murid. Walaupun objektif DSKP telah jelas menyatakan bahawa murid perlu menguasai kemahiran mendengar dan bertutur pada tahap tertentu, namun kebanyakan latihan lebih ditumpukan kepada kemahiran bertulis dan membaca secara implisit. Tahap penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur yang didapati rendah dalam kalangan murid, maka pendekatan eksplisit lebih wajar diutamakan. Justeru, isu saiz kosa kata perlu diambil kira sebagai pendekatan pembelajaran ekspilisit agar saiz kosa kata pelajar sejajar dengan keperluan sukatan pelajaran yang disasarkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Implikasi Kajian terhadap Motivasi Murid

Sebilangan besar (72.67%) penyelidikan empirikal yang berkaitan dengan motivasi adalah dilakukan untuk mengkaji Bahasa Inggeris sebagai B2 (Boo et al., 2015), oleh itu kajian terhadap motivasi pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa kedua amatlah diperlukan. Motivasi adalah faktor penting dalam mempelajari bahasa tambahan tanpa mengira tahap kesusahan bahasa sasaran. Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui dan menyedari sebab beberapa pilihan yang dibuat oleh pelajar sama ada secara ekstrinsik atau intrinsik untuk mempelajari bahasa, tidak kira sama ada bahasa kedua atau bahasa asing (Siti Faridah Kamaruddin et al., 2020). Justeur, motivasi dalam pembelajaran B2 amatlah diperlukan semasa PdP dijalankan, terutamanya mata pelajaran BCSK di sekolah kebangsaan Kajian ini memberikan implikasi terhadap motivasi murid terhadap pembelajaran BCSK.. Oleh itu, penggunaan Modul *DialogKopitiam* dapat meningkatkan sikap positif murid terhadap pembelajaran dalam BCSK, terutamanya keterlibatan murid terhadap motivasi. Walaupun pencapaian murid menyumbangkan terus terhadap motivasi yang tinggi dalam pembelajaran BCSK, namun reka bentuk instruksi ini berupaya membezakan dengan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang aktif dan sosial, di mana murid yang kurang bersosial boleh digalakkan untuk menyumbang dalam latihan seperti sesi perbincangan, lakonan dan sebagainya. Contohnya, guru boleh menjalankan aktiviti yang mencabar seperti kuiz, teka-teki, bercerita dan lain-lain lagi kepada murid agar motivasi murid dapat berkembang secara berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Implikasi Kajian terhadap Penilaian Modul *DialogKopitiam*

Sasaran pengguna Modul *DialogKopitiam* ini ialah murid tahun 4 di sekolah kebangsaan yang mengikuti mata pelajaran BCSK sebagai bahasa tambahan. Oleh itu, kepelbagaian kaedah pembelajaran dapat dilaksanakan agar sesi pengajaran dan pembelajaran BCSK tidak membosankan. Modul yang dibangunkan telah menyokong konsep bahawa seseorang akan belajar dengan lebih berkesan jika mereka terlibat dalam aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, berminat terhadap apa yang mereka pelajari, aktif mengambil bahagian, berasa tenang, mampu melakukan refleksi pengalaman dan mempunyai hubungan dengan kehidupan seharian. Oleh itu, kajian ini memberikan implikasi terhadap fasa penilaian Modul *DialogKopitiam* selain daripada fasa pembangunan modul ini. Penyelidik telah membina beberapa instrumen penilaian untuk menilai kebolehpercayaan dan kesahan modul serta penilaian terhadap kualiti Modul *DialogKopitiam* ini.

Instrumen penilaian terhadap Modul *DialogKopitiam* termasuklah soal selidik kesahan isi kandungan modul, soal selidik tahap kesukaran bidang pembelajaran BCSK, soal selidik tahap kesukaran pembelajaran BCSK dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan. Selain daripada itu, penyelidik membuat penambahan, pengurangan dan pengubahsuaian soal selidik berdasarkan skop kajian ini. Maka, instrumen penilaian ini amat sesuai digunakan oleh penyelidik untuk menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* yang mengaplikasikan teori pembelajaran konstruktivisme dan teori kontekstual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa Penilaian formatif dapat penambahbaikan proses penilaian modul (Tessmer & Richey, 1997). Pandangan ini selari dengan penilaian formatif dapat membantu penyelidik dalam proses penilaian lebih kualiti (Charmila, Zulkardi, & Darmawijoyo, 2016). Pandangan dan cadangan yang diberikan oleh pakar-pakar terhadap keberkesanan Modul *DialogKopitiam* terhadap kemahiran mendengar dan bertutur dapat meningkatkan kualiti modul. Oleh itu, kajian ini memberi implikasi yang penting dalam penilaian Modul *DialogKopitiam*. Instrumen penilaian yang dibina dalam kajian ini amat mesra penyelidik dan boleh memenuhi keperluan penilaian bagi kebanyakan kajian yang berkaitan dengan pembangunan modul dalam pengajaran dan pembelajaran dalam BCSK.

6.5 Sumbangan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini memberikan beberapa sumbangan terhadap pendidikan BCSK dalam bentuk membangunkan Modul *DialogKopitiam*. Dapatan kajian membuktikan bahawa pembangunan dan keberkesanan Modul *DialogKopitiam* dapat membantu murid dalam menguasai kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi dalam pembelajaran BCSK. Antara sumbangan kajian ini terhadap pembelajaran BCSK berdasarkan kepentingan kajian adalah seperti berikut:

- Kajian ini menghasilkan Modul *DialogKopitiam* yang digunakan untuk membantu murid menguasai kemahiran mendengar, bertutur dan motivasi dalam pembelajaran BCSK. Teori pembelajaran konstruktivisme dan teori kontekstual diaplikasikan dalam pembangunan isi kandungan Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DialogKopitiam. Modul *DialogKopitiam* ini boleh digunakan terus sebagai bahan pengajaran oleh guru atau bahan pembelajaran oleh murid. Ini dapat mengesahkan kemahiran mendengar dan bertutur dalam pembelajaran BCSK sebagai B2 adalah memerlukan teori-teori sebagai tulang utama demi mencapai hasrat dan matlamat dalam pembangunan Modul *DialogKopitiam*.

- Penyelidik juga menyediakan rancangan pengajaran untuk membantu guru melaksanakan PdP menggunakan Modul *DialogKopitiam*. Manual penggunaan juga disediakan untuk memberi gambaran kepada pengguna tentang bahagian-bahagian dalam Modul *DialogKopitiam* ini. Pembelajaran simulasi, berdialog, soal-jawab, dengar dan ulang dan sebagainya dalam kandungan Modul *DialogKopitiam* bukan sahaja memberikan maklumat berguna kepada guru tentang pengetahuan (kemahiran mendengar dan bertutur) yang telah dikuasai oleh murid, malah juga dapat membantu murid untuk memindahkan pengetahuan itu ke situasi lain secara kontekstual. Guru mengalakkan murid menjalankan PdP aktiviti berikon rama-rama, labah dan kumbang dalam Modul *DialogKopitiam* secara simulasi. Aktitivi berikon kumbang dalam setiap akhir tajuk berbentuk aktiviti kumpulan digunakan sebagai latihan pengukuhan kepada murid untuk berkomunikasi.
- Dapatan kajian dalam kajian ini berjaya membuktikan bahawa penggunaan Modul *DialogKopitiam* meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur murid lebih baik berbanding kumpulan kawalan. Murid yang mempelajari Bahasa Cina akan membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih baik dengan penutur lain dan memberi pemahaman yang lebih baik berdasarkan pengalaman kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Dapatan kajian mendedahkan ketiga-tiga komponen IL2S, OL2S dan L2LE dalam motivasi L2MSS adalah signifikan untuk kumpulan rawatan, namun adalah lebih baik berbanding kumpulan kawalan. Ini merupakan sumbangan yang besar dalam pembelajaran BCSK. Motivasi dalam pembelajaran B2 merupakan tenaga terpacu untuk membimbing murid mencapai tujuan yang diinginkan (Cheong et al., 2015). Oleh itu, murid memerlukan motivasi untuk belajar BC sebagai bahasa tambahan di peringkat sekolah. Pencapaian dalam BC yang baik akan membantu meningkatkan keyakinan diri murid menggunakan Bahasa Cina untuk tujuan berkomunikasi pada masa akan datang (Cheong et al., 2015).
- Dapatan kajian menunjukkan terdapat keberkesanan yang signifikan setelah penggunaan Modul *DialogKopitiam*. Majoriti murid yang belajar BCSK adalah membesar dalam persekitaran Bahasa Melayu dan jarang bergaul dan berinteraksi dengan orang Cina. Oleh itu, kandungan Modul *DialogKopitiam* menggambarkan objektif dan menghubungkan kehidupan seharian murid. Susulan daripada itu akan menjadikan pengajaran lebih disasarkan dan praktikal untuk membolehkan murid menerapkan apa yang telah dipelajari. Modul *DialogKopitiam* juga berupaya memupuk kemampuan murid untuk berkomunikasi dalam Bahasa Cina dalam kehidupan sebenar dan mengukuhkan asas yang baik bagi mereka untuk mempelajari bahasa Cina. Oleh itu, diharapkan intervensi Modul *DialogKopitiam* dapat digunakan secara meluas oleh KPM di semua peringkat pembelajaran BC sebagai B2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, pembangunan Modul *DialogKopitiam* ini telah memberikan sumbangan terhadap teori, motivasi, murid, guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia demi menjana ilmu pengetahuan baharu dan memperkayakan literatur dalam PdP BCSK, khususnya di Malaysia.

6.6 Cadangan untuk Kajian Lanjutan

Dapatan kajian mendapati bahawa proses pengajaran dan pembelajaran BCSK di Malaysia masih menghadapi kekangan yang perlu diberi perhatian. Berdasarkan kekangan yang dihadapi dalam kajian ini, penyelidikan lanjut adalah disyorkan untuk bidang ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran menulis kepada murid bukan penutur jati pada peringkat sekolah rendah.
- Membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran membaca kepada murid bukan penutur jati pada peringkat sekolah rendah.
- Mengkaji sikap, persepsi dan jantina terhadap pengajaran dan pembelajaran BCSK dalam kalangan murid bukan penutur jati pada peringkat sekolah rendah.
- Membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran mendengar dan bertutur kepada murid bukan penutur jati pada peringkat sekolah menengah.
- Membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran menulis kepada murid bukan penutur jati pada peringkat sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran membaca kepada murid bukan penutur jati pada peringkat sekolah menengah.
- Mengkaji motivasi, sikap, persepsi dan jantina terhadap pengajaran dan pembelajaran BCSK dalam kalangan murid bukan penutur jati pada peringkat sekolah menengah.

Kajian lanjutan pada masa depan sudah pasti akan diteruskan dan dijalankan dalam bidang ini, adalah menjadi harapan penyelidik bahawa hasil kajian ini mungkin dapat membantu penyelidikan terhadap mata pelajaran BCSK di masa hadapan. Bagi penyelidik, pengalaman menjalankan kajian ini telah memberi inspirasi untuk membantu dalam pendidikan mata pelajaran BCSK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.7 Penutup

Dalam 15 tahun kebelakangan ini, kepentingan mempelajari BC sebagai bahasa kedua / bahasa tambahan semakin popular dan menarik perhatian yang semakin meningkat di dalam dan di luar China (Gong et al., 2020). Kini, BC mempunyai penutur yang paling banyak di dunia ini (Wang, 2016). Hampir 100 juta orang (kira-kira 16% daripada penduduk dunia) menutur dengan menggunakan BC (sumber: dipetik dari *China News Service* (Cai, 2014) semenjak 2014. Memandangkan pembelajaran BC semakin berkembang pesat di dunia (Gong et al., 2020; Zhang, Wu, & Zhu, 2020), satu kecenderungan untuk mempelajari BC sebagai bahasa kedua di Malaysia turut meningkat. Ini dibuktikan dengan perkembangan bilangan pelajar yang mendadak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam pembelajaran BC di negara Korea dan Jepun (Ramzy, 2006). Oleh itu, dapat dilihat bahawa pembelajaran BC menjadi sesuatu bahasa yang popular di medan antarabangsa (Cheong et al., 2015). Hal ini disokong oleh sebilangan ibu bapa bukan penutur asli menghantar anak mereka menuntut di sekolah rendah mempelajari BC (Wang, 2016).

Bah kata perpatah melentur buluh biarlah dari rebungnya, oleh itu berdasarkan perkembangan ini adalah wajar untuk menjalankan kajian bermula pada peringkat sekolah rendah yang berkaitan dengan pembelajaran BC. Maka, kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur yang bertajuk Modul *DialogKopitiam*. Di samping itu, pembangunan modul ini adalah untuk menilai keberkesanan Modul *DialogKopitiam* ke atas motivasi murid. Tujuan untuk membangunkan modul ini adalah disebabkan bahasa 'loghat asing' sering disebut oleh murid semasa berkomunikasi, pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam buku teks KSSR Semakan Tahun 4 yang dibekalkan oleh KPM dan peruntukan masa yang singkat (seminggu 1 jam dan 30 minit) dalam PdP BCSK. Akibatnya ini telah menyebabkan murid mendapat keputusan yang lemah dalam pencapaian PBD BCSK. Maka, Modul *DialogKopitiam* ini sesuai dan wajar digunakan selain daripada buku teks yang sedia ada agar dapat membantu murid menguasai kecemerlangan dalam kemahiran mendengar dan bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan Modul *DialogKopitiam* ini dapat memotivasi murid dalam pembelajaran BCSK. Seterusnya, proses pengajaran dan pembelajaran BCSK menjadi lebih seronok dan menarik perhatian murid. Malah, aspek isi kandungan, pedagogi, bahan pengajaran dan bahan multimedia (Siti Faridah Kamaruddin et al., 2020) yang terkandung dalam Modul *DialogKopitiam* dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid. Secara keseluruhannya, walaupun kajian ini hanya dapat menggambarkan motivasi terhadap kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan murid yang mempelajari BCSK, namun kajian ini dipercayai telah dapat memberikan sumbangan bagi menampungi kekurangan dalam bidang ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abatayo, J. (2020). The L2 self of Omani college and university students: an exploration on L2 Learning Experiences. *Modern Journal of Studies in English Language Teaching and Literature Volume*, *1*, 14–41.

Abbassi, A., Hassaskhah, J., & Tahriri, A. (2018). The effect of teaching memory strategies on Iranian EFL learner's vocabulary retention in terms of learners' multiple intelligences. *International Journal of Education and Literacy Studies*, *6*(2), 1–9.

Abdul Aziz Yusuf. (2003). *Komunikasi Untuk Pengurus*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.

Abdullah, H., & Ainon, M. (2002). *Kemahiran Interpersonal untuk Guru*. Selangor: PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.

Ahmad Fared Mohd Din, & Mohammad Seman. (2019). Meningkatkan kemahiran bertutur Bahasa Arab melalui Strategi Penguasaan Sebutan (SPS) Segmental dan Suprasegmental. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, *2*(1), 85–99.

Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Mohd Isa Hamzah, & Wan Norina Wan Hamat. (2014). Pembangunan perisian pengajaran dan pembelajaran multimedia interaktif pegurusan jenazah politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, *5*(2), 25–42.

Ainol Madziah Zubairi, & Isarji Hj Sarudin. (2009). Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *9*(2), 73–87.

Akpan, J. P., & Beard, L. A. (2016). Using constructivist teaching strategies to enhance academic outcomes of students with special needs. *Universal Journal of Educational Research*, *4*(2), 392–398.

Akyel, A. S., & Ozek, Y. (2010). A language needs analysis research at an English medium university in Turkey. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *2*(2), 969–975.

Al-Hoorie, A. H. (2017). Sixty Years of Language Motivation Research: Looking Back and Looking Forward. *SAGE Open*, *7*(1), 1–11.

Alahmadi, N., Alrahaili, M., & Alshraideh, D. (2019). The impact of the formative assessment in speaking test on Saudi students' performance. *Arab World English Journal*, *10*(1), 259–270.

Alessi, S. M., & Trollip, S. R. (2001). *Multimedia for learning: methods and development* (3rd Editio). Pearson.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ali, I. (2018). *Exploring vision in Chinese Language learning motivation: a case study of the Pakistani students at Sisu, PRC*. Shanghai International Studies University.

Aliza Ali, & Zamri Mahamod. (2015). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, *3*(1), 1–8.

Aliza Ali, & Zamri Mahamod. (2016). Pembangunan dan kebolehgunaan modul berasaskan bermain bagi pembelajaran kemahiran Bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, *6*(1), 16–29.

Alzamil, J. (2021). Listening skills: important but difficult to learn. *Arab World English Journal*, *12*(3), 366–374. https://doi.org/10.24093/awej/vol12no3.25

